

**Ke Arah
Masa
Depan
Yang
Tenteram**

S M Mohamed Idris



Persatuan Pengguna
Pulau Pinang

Diterbitkan oleh
PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG
87, Jalan Cantonment
10250 Pulau Pinang, Malaysia

Persatuan Pengguna Pulau Pinang merupakan sebuah pertubuhan sukarela yang tidak mengaut keuntungan dan berjuang dalam menegakkan hak dan kepentingan para pengguna di Malaysia melalui penyelidikan, pendidikan dan kegiatan perwakilan.

Dicetak oleh
Jutaprint
54, Jalan Kajang
10150 Pulau Pinang, Malaysia.

Hakcipta © Persatuan Pengguna Pulau Pinang
ISBN: 967-9950-66-2

M 692437

M
306.09593
Smm

.05 MAY 1994

Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	7
I. ISU-ISU PENGGUNA DAN TINDAKAN	9
Azam Tahun Baru	10
Bersikap positif dalam menghadapi masalah	12
Jangan manjakan golongan kaya	15
Pengguna-pengguna berjuang untuk kepentingan negeri	19
II. MAKANAN DAN KESIHATAN	23
Mereka mengeluarkan makanan untuk kita, tetapi mereka sendiri kelaparan	24
Keracunan makanan di Perak buktikan dakwaan	
CAP berasas!	26
Budaya Pengguna	30
Dunia Ketiga bukan tempat longgokan	32
Pil dan doktor — Orang ramai menderita	34
Iktirafkan Perubatan Tradisional	36
III. EKONOMI DAN KEPENTINGAN AWAM	41
Bankutamakan si kaya dan membelakangkan si miskin	42
Kempen 'Membeli Barangan Malaysia' mesti untungkan pengguna	46
Ekonomi dalam keadaan yang rumit	49
Ekonomi pulih? Tetapi masih ramai berhempas pulas	52
Kemelesetan: Bersedialah di waktu pemulihan untuk hadapinya	55
DEB selepas 1990 — Apakah yang ingin kita lihat	59

IV. WANG, MORAL AWAM DAN RASUAH	63
Rasuah, penipuan ... berlaku dengan berleluasa	64
Politikus tidak sepatutnya menjadi cepat kaya	69
Kerajaan mesti bersihkan rasuah dan penipuan	73
'Keperluan' menggantikan 'sifat tamak' bagi memulihkan ekonomi kita	78
Hentikan penyelewengan kewangan ini!	80
V. POLITIK DAN KEPIMPINAN	85
Penganugerahan hari jadi	86
Perdebatan politik harus berpandukan isu, bukannya peribadi	88
Ahli-ahli politik perlu hentikan percakapan tentang isu perkauman	90
Politik haruslah untuk rakyat	94
Kepimpinan tulen melalui teladan yang baik	97
Kakitangan awam patut berkhidmat kepada orang ramai	101
Pemimpin mestilah berkhidmat untuk masyarakat dan bukannya memerintah mereka	104
Apakah hakikat sebenar pilihanraya	106
Pilihanraya: Apa akan berlaku selepasnya	109
Luaskan demokrasi di Malaysia	112
VI. KEMERDEKAAN DAN PERPADUAN KEBANGSAAN	119
<u>Perpaduan akan wujud apabila keperluan rakyat dipenuhi</u>	120
Biar bersungguh-sungguh menentang neo-kolonialisme	123
Jangan rayakan penjajahan Britain di Tanah Melayu	126
30 tahun merdeka — masih banyak perlu dilakukan	130

VII. PEMBANGUNAN, ALAM SEKITAR DAN KELANGSUNGAN HIDUP	135
Kalau esok tiada minyak	136
Apabila rakyat biasa tidak mampu khidmat peguam ...	138
Bila si miskin menjadi mangsa 'pembangunan'	142
Hentikan keretapi ini, kita mungkin berlanggar!	146
Sudah tiba masanya membela nasib kaum asli Sarawak	151
Penghormatan kepada peribumi Sarawak	156
Hentikan pembalakan sekarang!	161
Wujudkan 'Tamadun Baru' demi keselamatan dunia	166
Dengan berbagai krisis alam sekitar dunia:	
Adakah kita mempunyai masa depan?	171
Selamatkan bumi kita	175
Untuk bumi yang tercinta... Renungan Hari Bumi 1990	178
Isu alam sekitar diperalatkan	182
VIII. TEKNOLOGI DIPERTIMBANG SEMULA	187
Teknologi moden kunci pembangunan?	188
Mencari semula cara-cara lama	191
Kereta adalah gergasi	196
Ciptaan ke arah pembaziran, pencemaran, pembunuhan	202
Akibat tangki gas beracun bocor	207
Letupan roket — mempersoalkan teknologi moden	210
Bencana teknologi tinggi	213
IX. BUDAYA DAN CARA HIDUP	219
Fesyen barat dalam budaya kita	220
Keghairahan Piala Dunia	223
Menyorak bintang-bintang sukan di TV, sedangkan bebanan kemelesetan kian berat	225
Sukan Olimpik di Seoul — terselit kisah sedih rakyatnya	229
Pembaziran perlu dielak untuk bertarung dengan kemelesetan	233

Jangan terperangkap dalam 'hutang'	237
Lindungi anak-anak dari keganasan TV	242

**X. NILAI-NILAI UNTUK DUNIA
YANG LEBIH BAIK** 249

Antara kejayaan dan kerosakan diri anak-anak	250
--	-----

Belia — Harapan negara	253
------------------------	-----

Hulurkan khidmat untuk masyarakat	256
-----------------------------------	-----

Insan bermoral tinggi pentingkan keadilan sosial, bukan kepentingan sendiri	258
--	-----

Di manakah nikmat hidup sekarang ini?	261
---------------------------------------	-----

Isikan masa lapang dengan kerja-kerja berfaedah!	263
--	-----

Menoleh kembali ke masa silam	268
-------------------------------	-----

PENDAHULUAN

KITA SEMUA HIDUP dalam masa yang dipinjam. Di serata dunia bencana sedang berlaku. Sumber-sumber semulajadi mengalami kepupusan dengan cepat sementara pencemaran bertambah buruk setiap hari. Tanah dan makanan kita diracuni sisa beracun dan racun makhluk perosak. Perubahan cuaca pula mengancam Bumi.

Kemunculan masalah-masalah ini sebahagian besarnya adalah berpunca daripada pembangunan yang berlaku di mana-mana melalui pembinaan bangunan pencakar langit, lebuh raya, empangan besar-besaran, industri-industri besar yang menghasilkan barangan mewah (di samping mengeluarkan sisa beracun yang membawa pencemaran) dan penggunaan teknologi moden yang mahal.

Perkara yang paling menyedihkan ialah sebahagian besar sumber-sumber dunia disalurkan ke arah bentuk pembangunan sedemikian yang hanya menguntungkan segelintir masyarakat sedangkan penduduk lain tidak mempunyai pelbagai keperluan asas seperti tempat tinggal yang sempurna, bekalan air bersih, sistem tandas yang teratur, makanan dan penjagaan kesihatan utama.

Sudah bertahun-tahun CAP menggesa agar proses pembangunan ditimbang semula. Golongan pencinta alam dan pakar-pakar yang berpandangan jauh telah memberi amaran tentang musibah yang akan ditanggung apabila semua sumber alam pupus dan kelangsungan hidup manusia sendiri turut terganggu.

Rencana-rencana yang dikumpulkan di dalam buku ini mempersoalkan corak pembangunan yang berlaku di negara kita dan di seluruh dunia. Ia menyelami pelbagai aspek kehidupan termasuklah makanan dan kesihatan, ekonomi dan kewangan, politik dan perpaduan, teknologi, alam sekitar dan kelangsungan hidup serta nilai-nilai kemanusiaan. Rencana-rencana ini membuat hujahan bahawa mesti ada perubahan dalam cara pendekatan masyarakat bagi setiap aspek kehidupan ini.

Rencana-rencana ini ditulis dalam masa 12 tahun dan disiarkan dalam *Utusan Pengguna*, iaitu majalah berita CAP yang popular. Ia mencerminkan pendapat dan cadangan saya sebagai Presiden CAP serta idea saya bagi corak hidup dan pembangunan alternatif.

Banyak idea yang terkandung dalam buku ini kelihatan seolah-olah tidak dapat dilaksanakan ketika mula-mula diterbitkan dahulu.

Tetapi dengan adanya kesedaran di mana-mana, kini ia diterima oleh lebih ramai pengguna di seluruh dunia.

Keadaan akan menjadi kian jelas apabila krisis alam sekitar dan ekonomi kian meruncing, bahawa keadaan masyarakat kita sekarang perlu menjalani perubahan secara mendadak. Kini kita perlu mencari alternatif kehijauan kepada pembangunan secara keseluruhan dan bagi semua aspek kehidupan.

Kita memerlukan satu dasar yang rasional berhubung penggunaan dan pengagihan sumber-sumber semulajadi agar setiap penduduk menikmati segala keperluan asas yang diperlukannya. Kita perlu mengadakan perubahan dalam nilai-nilai hidup agar setiap orang berpeluang menikmati kehidupan yang sempurna. Aktiviti-aktiviti yang memberi faedah seperti gerak kerja yang kreatif, tenaga buruh yang produktif, keriangian menikmati keindahan alam semulajadi dan mengejar ilmu pengetahuan akan menggantikan perlumbaan untuk mendapatkan barangan yang mengikut peredaran masa. Semangat persaudaraan, sikap saling mengambil berat dan kedalaman perasaan kemanusiaan dan kerohanian akan menjadi asas ekonomi dan kehidupan sosial. Kita tidak lagi perlu menggunakan sumber-sumber semulajadi dunia secara membazir seperti yang berlaku sekarang kerana wang yang mempunyai nilai membawa kepada persaingan, sikap cemburu dan keinginan untuk mendapatkan kebendaan bagi meningkatkan status.

Kepada kebanyakan orang, perkara-perkara ini dianggap tidak realistik. Tetapi pada pendapat saya, corak hidup yang kita lalui sekarang serta proses pembangunan masa kinilah yang tidak realistik dan tidak praktikal. Oleh kerana penyelidikan dunia agak terbatas, pencemaran tanah, air dan udara akan berterusan jika kita tidak berbuat sesuatu untuk mengatasinya.

Satu tamadun baru perlu dibentuk di mana manusia mengambil berat terhadap alam sekitar, dan menemui pengertian melalui kerja-kerja kreatif, hubungan erat sesama manusia dan perkembangan kerohanian. Saya berharap pandangan dan pengalaman yang saya lalui seperti yang terkandung di dalam rencana-rencana ini akan memberi faedah dalam pergerakan ke arah tamadun baru ini.

I

**ISU-ISU PENGGUNA
DAN TINDAKAN**

AZAM TAHUN BARU

DALAM BEBERAPA DEKAD yang lalu, kadar perbandaran meningkat terlalu pesat. Ini telah menimbulkan beberapa masalah seperti perumahan, kesesakan lalulintas, pencemaran, mutu kehidupan kian merosot dan lain-lain lagi. Masalah perumahan kini dibebani pula dengan wujudnya penghijrahan dari desa ke kota.

Bila orang dah terlalu ramai dalam bandar, timbul pula masalah pengangkutan awam. Sistem pengangkutan awam kita tidak teratur. Jadual bas ada tapi jarang-jarang mereka mengikutnya. Bas datang dan pergi sesuka hati mereka.

Pembangunan yang pesat juga telah mengubah nilai-nilai tradisi kita. Hidup kita dikatakan bermasyarakat, tetapi hari ini adalah menjadi perkara biasa seorang ahli masyarakat tidak mengenali jiran-jiran yang lain. Masyarakat hari ini lebih mementingkan diri sendiri dan tidak mempedulikan soal-soal lain.

Dalam banyak hal, yang menjadi mangsa ialah penduduk dari golongan berpendapatan rendah. Merekalah yang tidak berdaya dan tidak berkemampuan untuk menentukan corak hidup mereka.

Krisis alam sekitar juga bertambah buruk. Hari ini ia bukan saja terdapat di kawasan bandar tetapi ia juga telah merebak ke kawasan luar bandar.

Kita pernah membaca mengenai pencemaran di Kuala Lumpur lebih teruk dari pencemaran di Los Angeles. Ini bererti Kuala Lumpur merupakan salah sebuah bandar yang paling tercemar di dunia.

Kemudian kita lihat pula alam sekitar kita. Hutan di negara ini kian pupus. Kalau dibiarkan aktiviti pembalakan berterusan tanpa sebarang kawalan, tidak hairanlah kalau hutan kita akan lenyap pada suatu hari.

Begitu juga dengan sumber-sumber seperti bijih timah dan minyak mentah. Suatu hari nanti sumber-sumber ini akan kekeringan.

Soalnya sekarang ialah dewasa ini tidak ada badan-badan tertentu (kecuali CAP dan pakar-pakar alam sekitar) yang mengadakan usaha untuk menyedarkan rakyat tentang pentingnya kita menjimatkan penggunaan sumber-sumber ini.

Apa akan terjadi kepada kita pengguna jika negara kita kehabisan kayu balak dan tidak dapat lagi mengeluarkan bijih timah dan minyak mentah.

Lebih teruk lagi kalau dunia kehabisan minyak. Pada ketika itu, kita tidak ada minyak untuk menggerakkan kereta dan lain-lain kenderaan bermotor, tidak ada minyak untuk mengeluarkan tenaga.

Bila keadaan ini berlaku, siapakah yang akan menggunakan jalanraya dan lebuh raya yang sedang dibina dan diperbesarkan sekarang?

Sebagai pengguna kita bukan saja berhadapan dengan masalah alam sekitar. Persatuan Pengguna Pulau Pinang telah berkali-kali mempersoalkan tentang barangan yang bermutu rendah dan barangan bahaya yang dilonggokkan di negara-negara Dunia Ketiga.

Memang para pengguna dibanjiri dengan barang-barang yang bermutu rendah dan disebabkan kita tidak peduli dan masih mempunyai sikap 'tidak apa', keadaan ini menjadi kian berleluasa.

Barang-barang tiruan pun sudah menjadi perkara biasa hari ini. Sebut saja, semuanya ada yang tiruan — ubat, tepung naik sendiri, bedak, alat solek, minyak wangi dan pakaian.

Selain dari itu, kita didedah dengan gimik-gimik jualan yang sengaja diada-adakan oleh pihak pekedai untuk melariskan barang jualan mereka. Para peniaga hanya ingin mengaut keuntungan yang lebih dan mengabaikan nasib para pengguna.

Para pengguna juga dipengaruhi oleh budaya pengguna, hinggalah golongan berpendapatan rendah pun hidup dengan 'standard'. Mereka merasakan hidup mereka tidak sempurna jika mereka tidak dianggap moden. Mereka ini akan membelanjakan wang mereka kepada perkara-perkara yang tidak mustahak.

Umpamanya terdapat petani-petani yang lebih suka membeli peti televisyen tetapi mereka menunggu subsidi dari kerajaan untuk mengerjakan sawah mereka. Ada juga yang meminjam duit untuk mula menanam padi, kemudian mereka akan membayar apabila mendapat hasil. Itupun kalau padi menjadi.

Inilah yang dikatakan pengguna yang tidak tahu memilih apa yang lebih penting. Dulu para petani yang mengerjakan sawah secara tradisional menggunakan kerbau dan tajak. Kini mereka menggunakan jentera yang moden. Ia dikatakan boleh mengeluarkan hasil yang lebih, tetapi kita juga harus ingat yang kos untuk mengendalikan mesin-mesin ini juga mahal.

Hari ini boleh dikatakan kita hidup dalam zaman moden, serba-serbinya moden hinggakan apa saja yang tradisional dianggap ketinggalan zaman, tidak baik dan tidak bertamadun.

Kita sudahpun melangkah ke tahun 1980. Nasib para pengguna terletak di tangan kita. Kita tidak boleh terus berharap kepada pihak berkuasa semata-mata. Sudah lama kita berharap tetapi tidak banyak yang dapat dilakukan.

Kita sebagai pengguna boleh memainkan peranan masing-masing iaitu dengan menjadi seorang pengguna yang lebih sedar. Hanya dengan cara ini kita tidak mudah terpengaruh dengan budaya pengguna. Hidup secara bersederhana — itulah yang lebih penting. — *Januari 1980*



BERSIKAP POSITIF DALAM MENGATASI MASALAH

PADA JANUARI 1985, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir telah menggesa rakyat Malaysia supaya lebih bersikap positif terhadap negara.

Beliau tidak begitu gembira apabila golongan-golongan

tertentu dan pihak-pihak akhbar telah mengemukakan masalah-masalah yang timbul, yang mana memberi gambaran bahawa negara sedang menghadapi berbagai krisis.

Saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa kita seharusnya mengambil sikap positif terhadap kehidupan. Kita tidak seharusnya hanya mengeluh dan merintih apabila timbulnya masalah-masalah, tetapi hendaklah juga memberi saranan-saranan yang membina untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan.

Bagaimanapun, bersikap positif tidaklah bermakna kita harus menjauhkan diri dari masalah-masalah atau berpura-pura yang masalah-masalah tersebut tidak wujud. CAP merupakan sebuah pertubuhan pengguna yang bertujuan untuk melindungi hak-hak orang awam terhadap keselamatan, suasana alam sekitar yang bersih, keadilan di dalam kegiatan-kegiatan perniagaan dan bentuk pembangunan yang sejati.

Ia merupakan satu kegagalan kepada tanggungjawab kami sekiranya kami tidak mendedahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna secara individu ataupun oleh seluruh masyarakat.

Beribu-ribu orang pengguna ditipu setiap hari apabila mereka keluar membeli-belah, apabila mereka membeli rumah, atau memesan barangan melalui pos. Terdapat di kalangan masyarakat yang mana bekalan air mereka diancam oleh pencemaran atau ikan yang sepatutnya menjadi hasil tangkapan mereka dikaut oleh bot-bot pukut tunda. Di pasaran terdapat banyak barangan yang tidak selamat untuk dimakan atau diguna.

Kami rasa adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberitahu orang ramai mengenai masalah-masalah ini agar mereka sendiri dapat melakukan sesuatu bagi menghindarkan diri mereka daripada tertipu atau membeli barangan yang tidak selamat.

Kami juga mengemukakan hasil-hasil kajian kami kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan, agar mereka dapat memberi perhatian dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat biasa.

Sekiranya CAP terus mendedahkan masalah-masalah yang wujud, ia adalah bertujuan untuk menghapuskan masalah-masalah ini. Kami tidak percaya kepada kritikan yang dibuat semata-mata kerana suka mengkritik.

Kami percaya, andaikata seseorang itu tertipu atau tidak senang mengenai sesuatu, ia tidak seharusnya hanya merungut kepada rakan-rakan atau sanak-saudaranya sahaja. Ia seharusnya mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang dihadapinya — membuat aduan kepada CAP, menulis sepucuk surat kepada pihak akhbar dan mengemukakan masalah yang dihadapi kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Inilah yang kami maksudkan dengan tindakan positif. Tugas CAP adalah untuk menggalakkan semangat positif seumpama ini, agar warganegara kita tidak menjadi pak turut sepertimana dalam zaman penjajahan dulu.

Saya berpendapat kakitangan awam dan ahli-ahli politik haruslah menghargai perkara ini dan tidak berasa mereka sedang dikritik secara peribadi apabila setiap kali gesaan dibuat kepada kerajaan bagi membaiki perkhidmatan mereka atau membetulkan polisi yang salah.

Tujuan kami mendedahkan masalah-masalah dan mengkritik tindakan-tindakan yang tidak seharusnya berlaku adalah untuk memberitahu jabatan-jabatan kerajaan bagaimana perasaan dan tanggapan rakyat biasa. Harapan kami ialah supaya jentera kerajaan akan menjadi lebih responsif kepada orang awam dan lebih berkesan dalam menjalankan tugas mereka.

Pihak-pihak berkuasa juga seharusnya lebih bersikap positif terhadap orang awam, kepada pertubuhan-pertubuhan awam seperti CAP, dan dalam menjalankan tugas mereka untuk memberikan perkhidmatan yang lebih dinamik yang dapat memenuhi keperluan majoriti rakyat.

Marilah sama-sama berharap agar nilai positif yang menyatakan bahawa 'kita dapat mengatasi masalah yang dihadapi' akan wujud dan berkembang pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang. — *Februari 1985*



JANGAN MANJAKAN GOLONGAN KAYA

ADAKAH INI MENANDAKAN kerajaan kini bertukar menjadi pemerintah bagi golongan peniaga? Berbagai insentif dan keutamaan diberikan kepada syarikat-syarikat dan ahli-ahli perniagaan yang membuatkan pengguna-pengguna dan orang ramai terasa diabaikan.

Dalam beberapa keadaan, kita sedar bahawa golongan pengguna miskin sebenarnya membiayai golongan ahli perniagaan. Kita membayar harga yang tinggi dan mereka memperoleh keuntungan yang lebih.

Kenaikan kadar bayaran telefon baru-baru ini adalah satu contoh yang baik. Kadar bayaran untuk panggilan antarabangsa telah dikurangkan dengan banyaknya dari 10 kepada 55%. Ini menguntungkan ahli perniagaan dan orang-orang kaya. Tetapi pengguna-pengguna telefon biasa terpaksa membayar lebih 30% untuk satu panggilan dalam negeri.

Jabatan telekom dijangka akan mengutip lebih \$1,000 juta dari pelanggan-pelanggannya yang miskin dalam masa lima tahun akan datang. Pengguna-pengguna telefon di rumah akan membiayai sektor perniagaan dan memberikan keuntungan kepada telekom. Dan apabila keuntungan ini meningkat, Jabatan Telekom akan dijual kepada sektor swasta di bawah rancangan 'penswastaan'. Kemudiannya dalam bulan Ogos kita telah mengalami penurunan kadar bayaran bil elektrik dari 4 kepada 20%. Tetapi pengurangan ini hanyalah untuk hotel-hotel, sektor perindustrian dan perlombongan. Pengguna-pengguna elektrik di rumah sekali lagi diketepikan.

Pengurangan kadar bayaran elektrik akan merugikan pendapatan kerajaan sebanyak \$163 juta. Ini adalah kerana jumlah tersebut disalurkan untuk perbelanjaan hotel-hotel dan perusahaan perdagangan yang lain.

Mengapakah keuntungan diberikan kepada mereka? Kenapa tidak kepada pengguna-pengguna yang miskin? Seperti

yang telah ditekankan oleh CAP baru-baru ini pengguna-pengguna telah didiskriminasikan. Mereka membayar 20 sen seunit untuk 100 unit pertama, 23 sen untuk 900 unit seterusnya dan 26 sen untuk setiap unit berikutnya.

Namun semua unit untuk perniagaan dikenakan kadar mendatar. Mereka tidak didenda kerana menggunakan tenaga elektrik berlebihan. Sebaliknya, lebih tinggi penggunaan lebih rendah pula kosnya. Contohnya industri yang menggunakan tenaga yang tinggi membayar hanya 15 sen seunit. Dan kini kadar baru 'luar puncak' kadar istimewa iaitu sebanyak 8 sen ditawarkan kepada sektor perdagangan.

● Tetapi tiada pengurangan dan tawaran istimewa kepada pengguna-pengguna di rumah. Ini jelas membuktikan amalan 'berat sebelah'.

Belanjawan yang telah dibentangkan pada bulan Oktober 1984 lalu, adalah rahmat kepada golongan kaya. Cukai pendapatan individu dikurangkan terutamanya di kalangan mereka yang berpendapatan tinggi. Untuk golongan berpendapatan \$100,000 kadar cukai telah dikurangkan dari 55% kepada 40% dan cukai untung lebihan sebanyak 5% juga dikecualikan melainkan bagi pendapatan yang melebihi \$300,000.

Maka, golongan kaya yang dikenakan cukai pendapatan telah mengalami pengurangan dari 15 kepada 20% dalam kadar pembayaran cukai mereka. Tetapi di pihak mereka yang berpendapatan rendah antara \$1 hingga \$2,500, kadar cukai dikurangkan hanya sebanyak 1% (dari 6% kepada 5%).

Cukai ladang juga dikurangkan dengan banyak. Had pengecualian ditingkatkan dari \$300,000 kepada \$600,000 dan kadar cukai yang dikenakan telah dikurangkan kepada 5-10% (berbanding dengan 12-60%). Golongan kaya dengan mudah mewariskan harta kepada anak-anak mereka dan negara hanya mengambil bahagian yang sedikit.

Pengurangan cukai pendapatan telah menambahkan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$327 juta dan \$23 juta lagi dari pengurangan cukai estet.

Menurut kerajaan insentif ini diberikan agar ahli-ahli per-

niagaan akan menambahkan pelaburan mereka. Sehingga kini, setahun sudah berlalu tetapi kita belum menyaksikan tanda-tanda berlakunya pelaburan yang menggalakkan.

Sebaliknya, pelaburan kian merosot. Kerajaan mungkin telah mengeluarkan beratus-ratus juta ringgit semata-mata untuk ahli-ahli perniagaan, namun kita masih belum mendapat pelaburan yang lebih baik.

Baru-baru ini kerajaan juga terpaksa menyalurkan \$3 bilion ke dalam ekonomi bagi membaiki suasana perniagaan. Menteri Kewangan sendiri bekerja keras bagi memastikan Pasaran Saham dapat membaiki keadaan yang meleset. CAP rasa usaha-usaha dan kesemua wang yang dikeluarkan untuk langkah ini sepatutnya disalurkan untuk program-program kemiskinan dan bukannya untuk membaiki Pasaran Saham.

Beberapa bulan terdahulu, bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan telah diberitahu supaya mengurangkan kadar faedah. Tetapi mereka mengurangkan kadar faedah bagi simpanan dan simpanan tetap melebihi dari potongan kadar faedah bagi tujuan pinjaman perumahan.

Pelanggan bank yang miskin mendapati simpanan tetapnya mengalami potongan faedah sebanyak 1 hingga 2 peratus. Tetapi faedah bagi pinjaman perumahannya hanya dikurangkan sebanyak 0.5 peratus ataupun tidak dikurangkan sama sekali.

Perlindungan secara besar-besaran juga diberikan kepada industri-industri. Cukai import yang tinggi dikenakan ke atas banyak barangan import supaya industri-industri yang berasaskan tempatan (banyak merupakan kawalan asing) boleh menaikkan harga bagi barangan keluaran mereka.

Justeru itu, para pengguna di Malaysia terpaksa membayar harga yang jauh lebih tinggi dari harga pasaran dunia bagi barangan perlu seperti simen, besi, basikal, pakaian dan banyak lagi. Dianggarkan bahawa pengguna-pengguna di Malaysia secara puratanya membayar harga bagi barangan yang mereka beli melebihi sebanyak 30% disebabkan perlindungan tarif yang tinggi.

Jumlahnya bukan sedikit, tetapi melibatkan berbilion-

bilion ringgit. Inilah jumlah pembiayaan para pengguna kepada sektor perniagaan.

Dan dari kajian-kajian CAP juga telah memperlihatkan bahawa pencarum-pencarum PERKESO yang merupakan golongan berpendapatan rendah sedang mengalami tekanan. Hanya 10% dari caruman-caruman mereka dibayar balik sebagai gantirugi di atas kecederaan yang dialami. Sementara pencarum-pencarum KWSP yang juga merupakan penerima-penerima pendapatan mendapat kadar bayaran faedah jauh lebih rendah dari kadar komersial. Akibatnya, semenjak 15 tahun lalu mereka kerugian sebanyak \$2,700 juta.

Kita tidaklah mengatakan para pengguna dan orang awam perlu diberi subsidi setiap masa. Sebaliknya, pihak berkuasa tidak seharusnya terlalu memberi banyak kemudahan kepada ahli-ahli perniagaan, terlalu banyak bertolak ansur dengan mereka, sering berlembut dengan mereka walaupun mereka telah membelakangkan undang-undang atau mencemar alam sekitar atau menjual barangan merbahaya.

Pihak berkuasa tidak seharusnya melakukan diskriminasi ke atas para pengguna dengan meminta mereka membayar kadar bayaran telefon yang tinggi untuk panggilan-panggilan tempatan sedangkan kadar bayaran bagi panggilan-panggilan luar dikurangkan. Para pengguna juga tidak seharusnya dikenakan kadar bayaran yang sama bagi tarif elektrik sewaktu kadar bagi kegunaan sektor perniagaan dikurangkan.

Dan lebih penting lagi, para pengguna dan orang ramai tidak seharusnya dipaksa untuk membiayai ahli-ahli perniagaan. Sepertimana yang berlaku apabila kita membayar harga-harga barangan yang amat tinggi sewaktu barangan ini mendapat perlindungan tarif. Para pekerja tidak seharusnya dijadikan pembiaya kerajaan apabila mereka diberikan gantirugi yang rendah bagi skim PERKESO dan kadar faedah yang rendah dalam KWSP.

Pemberian hak tidak seharusnya hanya cenderung kepada ahli-ahli perniagaan sedangkan para pengguna kian tidak terbelah. — *September 1985*

PENGGUNA² BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN NEGERI

SETELAH BERTAHUN-TAHUN mencapai kemerdekaan politik, negara-negara Dunia Ketiga masih tertakluk kepada kawalan dan pengaruh asing dalam pelbagai bentuk.

Persidangan CAP mengenai Dunia Ketiga yang berlangsung pada bulan November 1984 lalu telah mendedahkan berbagai-bagai cara yang digunakan oleh kuasa-kuasa besar dan negara-negara kaya untuk terus mengeksploit negara-negara Dunia Ketiga.

Di bidang ekonomi, perdagangan dunia dan kewangan berada di bawah kawalan negara-negara kaya. Menerusi kawalan ke atas pelaburan, pasaran komoditi dan kewangan, mereka mampu untuk meraup kekayaan dan sumber-sumber dari negara-negara sedang membangun supaya sejumlah besar penduduk kekal dalam kemiskinan, malahan menjadi bertambah miskin lagi.

Model-model pembangunan dari barat diserapkan ke Dunia Ketiga. Budaya, nilai-nilai dan idea-idea mereka disalurkan kepada intelektual kita dan menerusi buku-buku teks, majalah-majalah, agensi-agensi akhbar antarabangsa, filem-filem, program-program TV, lagu-lagu pop dan barangan keluaran.

CAP adalah sebuah pertubuhan Malaysia yang kukuh dan telah sekian lama berjuang menentang aspek-aspek negatif kawalan asing dan pengaruh-pengaruhnya dalam semua aspek hidup yang utama di dalam negara kita.

Menerusi kajian-kajian, penyelidikan, seminar-seminar dan penerbitan, kami telah mendedahkan tentang perlambakan barangan merbahaya dan tidak bermutu oleh firma-firma asing ke dalam negara ini.

Kami telah berjuang menentang ancaman-ancaman industri-industri ke atas alam sekitar, pencemaran yang mereka lakukan yang menyebabkan hidupan ikan terancam dan udara bersih

tergugat serta keadaan tempat kerja merbahaya yang dialami oleh pekerja-pekerja kita.

Kami telah memperlihatkan bagaimana keluaran-keluaran susu dari Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun telah mengancam kesihatan bayi-bayi Malaysia kerana telah mengambilalih susu ibu. Kami turut mendedahkan bagaimana ubatan dan racun-racun merbahaya yang telah diharamkan di negara perindustrian dijual dan digunakan dengan berleluasa di Malaysia.

CAP juga sudah bertahun-tahun membuat bantahan terhadap pemupusan sumber-sumber semulajadi kita yang begitu pesat, eksport sumber-sumber berharga ke negara-negara asing yang tidak mungkin dapat dikembalikan seperti petroleum dan balak, penggunaan tanah kita yang bermutu untuk menanam tanaman bagi kegunaan negara-negara lain, eksport sumber ikan kita untuk makanan binatang di negara-negara kaya.

Kami percaya struktur ekonomi kita pada masa sekarang terlalu banyak diperalatkan untuk memenuhi kepentingan asing sehingga merosakkan kebudayaan tempatan kita dengan begitu pantas sebagai kesan daripada tertakluk kepada pengaruh-pengaruh asing.

Para pengguna di Malaysia masih memerlukan keperluan asas, sifat kemanusiaan dan kerohanian yang perlu dipenuhi: makanan yang mencukupi, zat makanan yang bersesuaian, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, kemudahan-kemudahan rekreasi yang baik, pembangunan perhubungan semasa manusia yang harmoni sebagai asas dalam kebudayaan biasa.

Kami percaya sumber-sumber Malaysia ini perlu disalurkan untuk memenuhi keperluan-keperluan para pengguna dengan cara Malaysia sendiri demi kepentingan semua penduduk Malaysia.

Sudah bertahun-tahun CAP membuat penyelidikan tentang bagaimana untuk mengukuhkan aspek-aspek ekonomi tempatan yang asli, teknologi tradisi kita dan aspek-aspek positif dalam kebudayaan tempatan kita sendiri, untuk menjadikannya asas dalam bentuk pembangunan Malaysia yang tersendiri.

Berhubung perkara ini, kami menyeru supaya:



*Program TV yang ganas
patut dihadkan.*

- Membentuk ekonomi yang lebih berdikari, menanam lebih banyak tanaman untuk keperluan sendiri, menggalakkan industri-industri Malaysia yang tulen dengan menghasilkan barangan penting yang diperlukan oleh majoriti penduduk Malaysia;

- Mengurangkan pergantungan ekonomi kita dengan mengurangkan pinjaman-pinjaman asing dan mengurangkan keperluan untuk pasaran-pasaran dan teknologi-teknologi asing;

- Mengguna dan meningkatkan mutu teknologi-teknologi dan kemahiran-kemahiran tradisional yang asli seperti membina rumah-rumah mengikut rekabentuk rumah Melayu tradisi, makanan-makanan tradisi dan pengubatan tradisi;

- Tidak menggalakkan import-import asing, terutamanya barangan mewah agar pendapatan rakyat lebih banyak dibelanjakan ke atas barangan keluaran tempatan;

- Menghadkan pilihan ke atas aspek-aspek negatif dari kebudayaan asing seperti program-program TV yang ganas, sumber-sumber lucah yang terdapat dalam lagu-lagu pop dan

bahan terbitan lucah, video dan kaset-kaset.

Lebih dari 16 tahun lalu, CAP telah membangunkan bentuk kepenggunaan Malaysia yang unik yang begitu dihargai oleh penduduk-penduduk Malaysia di samping mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa sebagai sumbangan Malaysia yang utama ke arah perkembangan pergerakan pengguna sedunia serta pergerakan dari negara-negara dan penduduk-penduduk Dunia Ketiga untuk mengecap kemerdekaan yang tulen.

Dalam perjuangan untuk masa depan yang lebih cerah, kami sering mendapat galakan dari beribu-ribu pengguna di Malaysia yang memberi sokongan dan tindakbalas penuh bersemangat di mana mereka kini berdiri tegas untuk mendapatkan hak-hak mereka ke arah barangan yang selamat dan berguna, ke arah pentadbiran yang bersih dan cekap dan ke arah persekitaran sosial dan fizikal yang sihat.

Para pengguna di Malaysia yang berjuta-juta bilangannya adalah sumber inspirasi utama yang menghidup dan menggerakkan jentera CAP. Kami akan terus mendapatkan tenaga kami dari anda sekalian agar dengannya kami dapat bekerja lebih keras lagi untuk memenuhi kepentingan anda: — *Disember 1985*



II

MAKANAN DAN KESIHATAN

MEREKA MENGELUARKAN MAKANAN UNTUK KITA, TETAPI MEREKA SENDIRI KELAPARAN...

beberapa pandangan sempena Hari Makanan Sedunia

MAKANAN YANG BAIK dan berkhasiat adalah keperluan yang paling asas bagi semua pengguna.

16 Oktober adalah Hari Makanan Sedunia, hari yang disyitiharkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai mencerminkan masalah-masalah untuk mendapatkan makanan yang cukup bagi setiap orang.

Malangnya, sebuah negara sedang membangun kelas pertengahan seperti Malaysia masih belum dapat menyelesaikan masalah makanannya.

Pertamanya, walaupun terdapat pertumbuhan yang pesat dalam sektor-sektor ekonomi yang lain, namun pengeluaran makanan masih berkurangan.

Dalam tahun 1983 pengeluaran beras telah berkurangan sebanyak 14% daripada parasnya dalam tahun 1979. Jumlah tangkapan ikan untuk keperluan tempatan telah jatuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dan kawasan tanah yang ditanami dengan sayur-sayuran dan buah-buahan juga semakin berkurangan — yang mana telah diambilalih oleh projek-projek perumahan dan jalan raya.

Keduanya, masalah kekurangan zat pemakanan yang tinggi di Malaysia adalah mengejutkan.

Satu kajian oleh Institut Penyelidikan Perubatan telah mendapati bahawa 42% daripada kanak-kanak di beberapa buah perkampungan miskin sedang mengalami kekurangan zat makanan. Di setengah kawasan di Sabah dan Sarawak, masalah



kekurangan zat makanan yang dihadapi adalah lebih serius lagi.

Ketiganya, kualiti atau mutu makanan yang terdapat di pasar-pasar kita pada amnya amatlah rendah.

Kajian-kajian yang dibuat oleh CAP baru-baru ini telah mendedahkan tentang percampuran makanan dan keadaan-keadaan yang kotor dalam kilang-kilang makanan, tempat penyembelihan, pasar-pasar dan kedai-kedai runcit.

Akibatnya, kejadian keracunan makanan kian meningkat dan mengorbankan hampir 1,357 nyawa dalam tahun 1980 sahaja.

Akhir sekali, terdapat satu trend kebudayaan yang tidak sihat di mana makanan-makanan tempatan yang asli telah diketepikan sebaliknya digantikan pula dengan makanan yang diproses dan juga makanan yang diimport.

Ramai ibu yang tidak lagi menyusukan anak mereka dengan susu badan tetapi menggantikannya dengan susu botol; dan anak-anak muda telah bertukar selera kepada 'burgers' dan minuman botol daripada mengambil makanan-makanan tempatan dan minuman buah asli.

Jelasnya, untuk membaiki keadaan ini kerajaan boleh memperuntukkan lebih banyak tanah kepada pengeluar-pengeluar makanan; menguatkuasakan undang-undang terha-

dap keselamatan makanan; dan mengadakan program-program pendidikan mengenai pemakanan yang teratur.

Dan yang paling penting: meningkatkan taraf kehidupan golongan miskin supaya mereka akan lebih mampu untuk membeli makanan yang lebih bermutu.

Sebagai permulaan, pihak-pihak berkuasa harus memastikan agar penanam-penanam padi, buah-buahan dan sayur-sayuran serta nelayan-nelayan kecil tidak dipindahkan dari tanah mereka atau mengganggu cara kehidupan mereka dengan 'projek-projek pembangunan' dan pencemaran.

Sekiranya tindakan ini tidak diambil, masalah kekurangan makanan akan kian meruncing. — *November 1984*



KERACUNAN MAKANAN DI PERAK BUKTIKAN DAKWAAN CAP BERASAS!

'CAP PEMBUNUH selera orang. Jika awak mengikut cakap CAP suatu apa pun tak boleh dimakan!'

'*Utusan Pengguna* suka menakut-nakutkan orang ramai. Bahan ini beracun, bahan yang itu merbahaya. Jadi, apa yang selamat untuk dimakan?'

Demikian antara sungutan yang kami dengar di masa lalu. Sebagai jawapannya, memang benar keadaan makanan yang dijual di sini seringkali tidak bersih, kesihatan pengguna sentiasa terancam. Bukankah lebih baik mengetahui kebenaran sesuatu perkara itu (sekalipun buruk) daripada jahil dan menghadapi kehidupan yang singkat.

Kejadian-kejadian tragik dalam beberapa minggu lalu membuktikan bahawa amaran-amaran CAP selama ini bukanlah semata-mata untuk menakutkan. Kematian 14 orang di Perak menunjukkan ramai yang mati akibat keracunan makanan.

Jentera penguatkuasaan kerajaan begitu lemah. Ujian-ujian terbaru kami yang dijalankan beberapa minggu selepas kematian di Perak itu masih menunjukkan kandungan asid borik dalam mi di Pulau Pinang.

Kini hampir setiap hari kita terbaca berita lebih ramai kanak-kanak terpaksa dibawa ke hospital kerana keracunan makanan. Tiga belas orang dari Grik dimasukkan ke hospital selepas memakan roti kaya sementara enam pelajar sekolah perempuan yang sedang melancong terpaksa menerima rawatan di hospital Ipoh setelah jatuh sakit selepas makan tengah hari di sebuah kedai kopi di Pulau Pinang. Kesemuanya berlaku pada pertengahan November lalu.

Sementara itu, pada 15 November, Parlimen diberitahu tangkapan ikan di lima buah sungai utama terlalu beracun untuk dimakan. Timbalan Menteri Alam Sekitar Encik Lau Hieng Ding menasihatkan orang ramai supaya tidak memakan ikan-ikan yang ditangkap dari sungai-sungai Klang, Kinta, Skudai, Prai dan Juru kerana airnya dicemari kandungan raksa dan bahan buangan industri di paras yang merbahaya.

Tetapi pada hari berikutnya, Menteri Alam Sekitar Datuk Amar Stephen Yong memutarbelitkan kenyataan yang dibuat oleh Timbalannya dengan mengatakan ikan-ikan itu kini selamat untuk dimakan memandangkan air di sungai-sungai itu bersih.

Mengapakah Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan malu untuk mengakui wujudnya begitu banyak masalah yang melibatkan kesihatan dan alam sekitar? Masalah ini dianggap begitu sensitif hingga biasanya mereka akan menafikan perkara itu dan seterusnya menyerang kumpulan atau orang perseorangan yang mendedahkannya.

CAP merupakan satu kumpulan yang sering dikecam hebat. Di masa lalu, ketika kami mengetengahkan hasil-hasil ujikaji yang menunjukkan paras bakteria, asid borik, asid benzoik, pewarna, racun makhluk perosak atau bahan beracun dalam makanan, kami serta merta dituduh cuba mengelirukan pengguna dengan kenyataan yang tidak berasas.



Bekas-bekas yang kotor ini digunakan ketika proses penyembelihan ayam.

Bila kami mendedahkan tentang kandungan plumbum berlebihan dalam susu bayi, syarikat-syarikat susu menyiarkan iklan-iklan besar di akhbar-akhbar utama dengan mengecam CAP.

Beberapa bulan lalu, Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Alex Lee mengkritik laporan CAP mengenai ancaman kesihatan akibat pemberian antibiotik kepada binatang. Sebuah akhbar besar (berbahasa Inggeris) yang tidak bertanggungjawab seolah-olah diserang histeria dan menggelar kami dengan nama-nama yang kurang manis! Tetapi akhbar ini hingga kini tidak berani mengakui di hadapan pembaca mereka bahawa amaran-amaran CAP tentang keracunan makanan memang benar dan berasas!

Kini Datuk Lee sendiri mengkritik pengeluar makanan dan petani kerana menggunakan bahan kimia (sesetengahnya sudah diharamkan) semata-mata untuk menjadikan hasil keluaran mereka kelihatan lebih menarik (*NST*, 1.11.88). Beliau juga menyebut tentang racun makhluk perosak dalam sayuran dari Cameron Highlands dan asid borik dalam mi.

'Malangnya hanya apabila berlaku bencana di seluruh negara barulah kami menyedari tentang penyalahgunaan yang berlaku,' tegas beliau.

Itulah sebenarnya yang perlu ditekankan. CAP sudah lama menyedari berbagai masalah tentang makanan seperti yang terkandung di dalam buku terbitan kami *Bahaya Dalam Makanan*.

Kami menghantar semua laporan ke kementerian yang berkenaan. Mereka tidak boleh mendakwa yang mereka tidak tahu menahu tentang perkara ini. Mereka juga perlu menyedari sepenuhnya kerana adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan penjualan makanan yang selamat.

Jika bencana negara diperlukan untuk menyedarkan para Menteri dan mendesak birokrat-birokrat ke lapangan tersebut, pentadbiran kita pasti berada di dalam keadaan kucar-kacir.

CAP dengan sumber-sumber yang terhad hanya mampu menjadi pemerhati serta memberi amaran kerana kami tidak mempunyai kuasa. Oleh itu kami hanya dapat memberi maklumat sambil mendidik.

Kini sesudah berlakunya bencana yang meragut nyawa di Perak, kami berharap pengguna akan memberi perhatian berat tentang makanan mereka. Kami juga berharap kerajaan akan bertindak lebih positif terhadap amaran-amaran yang kami ketengahkan.

Kami tetap mempertahankan kebenaran penemuan yang dibuat yakni banyak makanan yang dimakan hari ini dicemari bakteria, racun makhluk perosak, antibiotik, bahan kimia mahupun logam berat.

Jika semua ini menakutkan maka jalan penyelesaiannya bukanlah dengan berdiam diri atau mempermain-mainkan laporan CAP sebaliknya kerajaan perlu meningkatkan lagi penguatkuasaannya dengan cepat dan tegas.

Banyak lagi bencana yang menunggu masa untuk didehkan dalam muka depan akhbar-akhbar kita. Contohnya, laporan-laporan perubatan yang menunjukkan paras plumbum beracun yang tinggi ditemui dalam darah kesemua 60 kanak-

kanak Bukit Merah yang diuji, tempat di mana kilang Asian Rare Earth menyimpan sisa buangan radioaktifnya.

Kami berharap pihak kementerian akan sentiasa mengawasi sektor makanan di negara ini dan semoga kejadian keracunan makanan tidak lagi berlaku di masa depan. — *Disember 1988*



BUDAYA PENGGUNA

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN dengan budaya pengguna? Budaya pengguna ialah satu cara berfikir, satu cara penghidupan, satu cara hidup yang terbit dari iklan-iklan, wayang gambar dan lagu-lagu pop, majalah-majalah, komik-komik dan beberapa saluran dari sebaran am. Tujuan budaya pengguna ialah untuk memujuk pengguna supaya membeli seberapa banyak barangan tanpa mengira sama ada barangan ini baik atau tidak. Akibat dari tekanan ini telah membuat hidup seseorang pengguna itu tidak sempurna, melainkan dia merokok, membeli minyak rambut yang tertentu, menggunakan gincubibir yang tertentu, menukar kereta setiap dua tahun, warna langsir tingkap hendaklah secocok dengan warna permaidani.

Dengan demikian, semua rakyat dari golongan generasi baru telah dibimbing dengan tujuan hidup yang mutlak bagi merebut untuk diri mereka sendiri seberapa banyak yang boleh. Dengan demikian juga, orang-orang ingin memiliki barang-barang yang baik, melebihi dari jiran-jiran atau rakan-rakan mereka oleh kerana ini akan meletakkan mereka di atas taraf dan martabat yang tinggi. Sebagai pengguna yang bijak, kita tidak seharusnya terjerumus ke dalam perangkap budaya pengguna seperti ini, kerana kadangkala akan membahayakan kita (misalnya merokok boleh mendatangkan penyakit barah) dan juga akan menimbulkan sikap ego, mementingkan diri sendiri, persaingan sesama sendiri yang mengukur hanya dari

segi kemampuan, berapa besarkah rumah mereka, berapa barukah kereta mereka, berapa cantikkah isteri mereka dan berapa cerdas dan kemas anak-anak mereka.

Kami di Persatuan Pengguna Pulau Pinang sangat bimbang dengan trend yang meningkat dengan pesatnya akan bahaya-bahaya budaya pengguna ini dan kesan-kesan yang merugikan yang mana telah melibatkan terutama sekali generasi muda. Misalnya seperti apa yang telah dilaporkan baru-baru ini, di mana lebih kurang 200,000 penagih dadah di Malaysia telah membelanjakan wang sejumlah \$1.53 juta sehari ke atas dadah atau \$558 juta setahun.

Pada keseluruhannya masalah dadah di Malaysia hanya dapat dimengertikan di dalam konteks budaya pengguna. Golongan muda-mudi beranggapan hidup mestilah bergaya, kelihatan kelajuan tampan, merokok dan menunggang motosikal dengan 70 B.S.J., ataupun untuk menjadi seorang gadis yang genit, dia mesti bergincu dan berpakaian indah. Keseluruhan pedoman budaya pengguna di negara-negara maju akhirnya membuat generasi muda menghisap dadah untuk mengelakkan daripada perkara-perkara yang lebih runcing dalam hidup mereka. Cuba renungkan, berapa banyakkah kerja-kerja yang lebih berfaedah boleh dilaksanakan jika wang sebanyak \$558 juta yang dibelanjakan ke atas dadah dapat disalurkan terhadap pembinaan sekolah-sekolah dan klinik-klinik di luar bandar dan mengadakan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk yang susah.

Bagi mencapai matlamat perpaduan negara, sikap kecenderungan individu dan ego yang dibawa oleh budaya pengguna mestilah ditukar kepada semangat kerjasama yang melibatkan seluruh rakyat Malaysia. Semua masalah ini seperti apa yang telah dinyatakan, masalah penindasan terhadap pengguna-pengguna, masalah harga barangan yang tinggi, kerendahan mutu barangan dan perkhidmatan, kemusnahan kepada alam sekitar kita, dan budaya yang merbahaya inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh semua golongan masyarakat Malaysia tidak kira sama ada dia Melayu, Cina,

India, Serani, Orang Asli, Iban, Kadazan, Kenyah dan berbagai keturunan lagi yang telah mewujudkan negara kita. — *Januari 1979*



DUNIA KETIGA BUKAN TEMPAT LONGGOKAN

NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA seringkali menjadi mangsa utama negara-negara maju yang memberi anggapan sinis bahawa negara-negara Dunia Ketiga ini hanyalah merupakan sebuah tempat pembuangan barang-barang yang diharamkan oleh negara-negara maju.

Sikap seperti ini masih lagi dimiliki oleh golongan negara-negara maju yang tidak bertanggungjawab mengeksport barang-barang haram ini.

Bagi mereka untuk menggondol keuntungan yang banyak, soal keselamatan dan kesihatan pengguna-pengguna negara ketiga adalah merupakan soal yang kedua dan tidak penting.

Perbuatan tidak berperikemanusiaan ini patut dikikiskan dengan segera. Sekiranya dibiarkan berterusan saja akan mengancam penghidupan pengguna-pengguna negara yang membangun.

Hakikat ini menjadi satu kenyataan di mana terdapat ubat-ubatan merbahaya dan alat-alat pencegah kehamilan yang diharamkan adalah di antara barangan yang dilonggokkan di negara Dunia Ketiga oleh perbadanan Amerika Syarikat.

Menurut majalah *Mother Jones*, berjuta-juta pakaian tidur kanak-kanak dicampurkan dengan sejenis bahan pencegah api 'berkarsinogen' dieksport ke seberang laut. Barang ini diharamkan penjualannya di Amerika Syarikat.

Ubat pencegah kehamilan 'depo provera' yang digalakkan penggunaannya di negara-negara ketiga diketahui boleh mengakibatkan penyakit barah dan kecacatan kelahiran bayi.

Alat pencegah kehamilan 'dalkon shield intra-uterine' mengakibatkan kematian sekurang-kurangnya 17 orang wanita di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun alat-alat ini masih lagi digunakan oleh wanita-wanita negara-negara Dunia Ketiga.

Sebanyak 450,000 ubat menenangkan bayi dari jenis yang boleh menyekat saluran penafasan bayi telah dieksport oleh lima buah pengeluar ubat ini ke negara-negara Seberang Laut.

Ini menimbulkan masalah rumit sebab barang-barang ini akan terus membanjiri pasaran tempatan negara Dunia Ketiga tanpa sebarang pengawalan yang ketat.

'Depo provera' masih lagi digunakan oleh ibu-ibu di Malaysia, terutama sekali pengguna-pengguna di Sarawak. CAP telah banyak kali menggesa pihak Kementerian Kesihatan untuk mengharamkan penggunaannya, tetapi tidak mendapat apa-apa perhatian.

Kini CAP berasa bangga kerana soal ini telah ditimbulkan oleh *Mother Jones* dalam keluarannya baru-baru ini. Semoga pihak pemerintah akan mengambil tindakan yang wajar.

Memang menjadi lumrah pengguna-pengguna Dunia Ketiga yang lebih gemar menggunakan barang-barang yang diimport dari luar negeri terutama sekali dari Amerika Syarikat.

Bagi mereka barang-barang yang diimport mempunyai mutu ataupun 'standard' yang tinggi dibandingkan dengan barang-barang tempatan. Dan ini sesuai dengan selera mereka.

Tambahan pula barang-barang ini dijual dengan harga yang murah dan senang didapati di pasaran-pasaran tempatan yang menjual dengan begitu leluasa sekali.

Tetapi setakat ini adakah pihak-pihak berkuasa Kementerian Kesihatan memberi perhatian penuh terhadap masalah ini?

CAP mencadangkan Kementerian agar mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyekat kemasukan barang-barang haram ini.

Peraturan-peraturan dan undang-undang mengimport barang dagangan ini patut dikuatkuasakan lagi. Pihak berkuasa kementerian patut menjalankan pemeriksaan dan ujian-ujian

yang lebih berkesan untuk menentukan barang import memenuhi syarat-syarat keselamatan.

Jika benar peraturan-peraturan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh kementerian yang berkenaan, maka usaha-usaha mengatasi gejala ini adalah semakin cerah.

Setakat ini agensi-agensi pengguna peringkat persekutuan dan agensi pengawasan lain di Amerika telah mengeluarkan lebih dari 500 racun makhluk perosak dan dadah dari pasaran atas sebab-sebab kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. —
November 1979



PIL DAN DOKTOR — ORANG RAMAI MENDERITA

SUATU KEADAAN YANG kurang sihat sedang menyelubungi sistem penjagaan kesihatan dan sistem kelahiran bayi di Malaysia. Sebenarnya masalah ini berakar umbi daripada keadaan sistem kesihatan yang ada pada masa sekarang.

Kelekaan serta penekanan yang keterlaluan tentang kaedah-kaedah mengubati penyakit dan bukannya dengan langkah-langkah pencegahannya telah mewujudkan satu sistem kesihatan yang tidak seimbang.

Ketidakseimbangan ini mengakibatkan hospital dan doktor lebih banyak tertumpu di kawasan bandar. Begitu juga dengan doktor-doktor berkemahiran yang berpindah ke sektor swasta dan melayani golongan elit yang mampu membayar kos rawatan yang mahal.

Memandangkan keadaan ini, nilai ubat-ubatan telah menurun hingga tidak lebih daripada barang dagangan yang boleh dinaikkan harganya sementara para doktor yang sepatutnya memainkan peranan sebagai pembimbing kesihatan kini tidak ubah seperti penjual ubat.

Semenjak hari pertama menjejakkan kaki ke sekolah perubatan, para penuntut terdedah kepada pengaruh 'rasuah' industri ubat.

Dengan menghadiri jamuan dan majlis makan malam anjuran syarikat-syarikat ubat di hotel-hotel mewah yang disertai hidangan minuman keras, bakal-bakal doktor itu dengan cepat akan terpengaruh dengan kuasa dan kekayaan syarikat-syarikat ubat ini.

Lebih banyak 'habuan' akan diterimanya sesudah bergelar 'doktor'. Jurujual syarikat ubat sering mengetuk pintu kliniknya serta menghadihkan lebih banyak barangan dan memberi contoh ubat secara percuma. Di samping itu mereka juga berkesempatan menghadiri pelbagai persidangan, memperolehi bahan pendidikan dan menjalankan penyelidikan kesemuanya dengan percuma. Tidak hairanlah jika profesion perubatan telah jatuh di bawah pengaruh dan cengkaman industri ubat.

Dalam keadaan sebegini, soal penjagaan kesihatan lebih banyak dipengaruhi oleh keinginan untuk mengaut keuntungan. Penumpuan diberikan terhadap barangan dan rawatan untuk orang perseorangan dan dikawal oleh etika pasaran.

Keadaan tidak berperikemanusiaan dan tidak bermaruah yang wujud dalam sistem kesihatan kita, dengan mengutamakan keuntungan dan kepentingan peribadi, menggambarkan kegagalan Kementerian Kesihatan untuk bertindak di peringkat akar umbi masalah kesihatan di negara ini.

Ia memperlihatkan kelemahan di pihak berkuasa untuk bergerak ke arah sistem jagaan kesihatan berasaskan pencegahan daripada menitikberatkan aspek-aspek penyembuhannya.

Sistem sedemikian mungkin termasuk polisi kesihatan kebangsaan yang menggabungkan kegunaan ubat-ubatan secara berpatutan. Ia haruslah mengenalpasti punca masalah-masalah yang timbul, serta keadaan yang mempengaruhi kesihatan orang ramai, keadaan persekitaran di mana ia bekerja dan tinggal, mendidik orang ramai mengenai pemakanan yang baik dan menjadikan pendidikan kesihatan sebagai komponen penting dalam sistem pendidikan di sekolah, sekolah perubatan

serta kehidupan seharian.

Lebih penting lagi, kerajaan perlu bertindak tegas dalam membentuk undang-undang yang lebih lengkap untuk menghalang tindakan syarikat multinasional dari melonggokkan ubatan merbahaya; untuk mengawal sikap membelakangkan piawaian yang diamalkan oleh industri ubatan dalam memasarkan ubat mereka; dan untuk mengawal aktiviti-aktiviti syarikat ubatan (termasuk jurujual dari syarikat ubat) dalam hubungan mereka dengan bidang perubatan dan penggubal polisi kesihatan.

Kerajaan mesti menjadikan para doktor bertanggungjawab terhadap pesakit mereka dengan mewajibkan mereka memberitahu pesakit jenis ubat yang diberi serta melindungi pengguna daripada penderitaan akibat kesan-kesan sampingan ubat.
— *Februari 1988*



IKTIRAFKAN PERUBATAN TRADISIONAL!

KITA DI MALAYSIA bernasib baik kerana masih mempunyai ramai pengamal perubatan tradisional yang mahir di dalam mengurus bahagian badan yang tergeliat, membetulkan tulang yang patah dan merawat beberapa jenis penyakit daripada penyakit lelah hinggalah kepada penyakit artritis.

Kesedaran kian meningkat, bukan sahaja di kalangan orang biasa tetapi juga Pertubuhan Kesihatan Sedunia serta kumpulan lain bahawa perubatan tradisional telah memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan orang ramai pada masa lalu, demikian juga di masa hadapan.

Berzaman-zaman lamanya masyarakat telah memperkembangkan beberapa penawar dan ubat berdasarkan pengetahuan tentang herba, tumbuhan, pucuk, akar, kehidupan

binatang dan hubungannya dengan manusia yang diuji mengikut masa.

Seni penyembuhan ini diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain. Pengamal perubatan secara tradisional ini amat dihormati dan anggota-anggota masyarakat sendiri amat mengambil berat tentang soal kesihatan, melibatkan diri dalam membantu kelahiran bayi dan mengetahui khasiat ubatan yang terkandung dalam tumbuhan.

Sistem kesihatan tradisional merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat dan mudah diperolehi serta murah.

Bagaimanapun, semasa pemerintahan penjajah, perubatan moden (allopathy) mendapat tempat dengan cepatnya dan melemahkan sistem kesihatan tradisional.

Perubatan moden dilindungi dan digalakkan oleh golongan elit penjajah melalui naungan, pendidikan dan undang-undang. Terdapat juga propaganda hebat yang memburukkan perubatan tradisional kononnya ia adalah ilmu sihir, ilmu hitam, kepercayaan karut, palsu dan merbahaya.

Dengan dakwaan sedemikian, menjadikan pengamal-pengamal perubatan tradisional mulai merasa rendah diri dan semakin hilang kepercayaan terhadap kebolehan mereka.

Perubatan moden yang disokong oleh kepentingan perdagangan mengambil alih sebagai sistem yang berpengaruh. Dengan itu muncullah ubat-ubat farmasi yang mahal, perubatan dan kelengkapan pembedahan serta hospital-hospital yang didirikan di bandar.

Selepas kemerdekaan, sistem perubatan moden barat terus digalakkan dengan membelanjakan berbilion-bilion ringgit ke atas hospital, peralatan, ubat dan latihan kepada doktor-doktor. Sebaliknya, amat sedikit perhatian atau wang yang disalurkan untuk membantu mengekalkan atau memperkembangkan perubatan tradisional.

Di kawasan-kawasan luar bandar, orang ramai mendapati sukar untuk memperolehi perubatan moden dan kebanyakan mereka masih bergantung kepada perubatan secara tradisional. Malah di kawasan-kawasan bandar, ramai orang lebih gemar

mendapatkan rawatan daripada sinseh, bomoh atau pengamal-pengamal ayurvedic untuk pelbagai jenis masalah kesihatan.

Namun demikian, pihak berkuasa kesihatan telah mengabaikan perubatan tradisional dan sebaliknya menggunakan hampir seluruh sumber mereka bagi perubatan moden.

Ini amatlah dikesalkan kerana Malaysia sememangnya dikurniakan dengan sistem jagaan kesihatan milik orang Melayu, Cina, India dan penduduk asli. Dengan menjadi tempat pertemuan sistem-sistem yang begitu banyak, Malaysia mempunyai satu daripada warisan perubatan tradisional yang terkaya di dunia.

Begitu banyaknya pengetahuan kesihatan yang bernilai malangnya tidak dihargai! Baru-baru ini, majalah *Economist* menulis rencana tentang bagaimana para saintis kini menemui khasiat ubatan beribu-ribu tumbuhan yang menakjubkan. Pakar-pakar sebenar yang mengetahui bagaimana hendak menggunakan tumbuhan tertentu bagi merawat penyakit tertentu adalah mereka yang menghuni di hutan Dunia Ketiga terutama pengamal-pengamal perubatan tradisional.

Majalah *Economist* itu menyebut: 'Setiap kali seorang pengamal perubatan asli meninggal dunia, ia samalah seperti terbakarnya sebuah perpustakaan yang tidak dapat digantikan lagi.'

Di Malaysia, kita mempunyai beribu-ribu orang pengamal perubatan tradisional yang amat mahir dan berpengetahuan tentang jenis-jenis herba atau akar yang perlu digunakan, nisbahnya dan di mana hendak mendapatkannya, untuk merawat penyakit tertentu. Segelintir daripada mereka masih bersama-sama kita tetapi ramai yang telah meninggal dunia. Sejumlah besar pesakit amat merasai kehilangan mereka tetapi mereka tidak diiktirafkan oleh pihak berkuasa kesihatan.

Akibat ketiadaan pengiktirafan bagi perubatan tradisional, cuma segelintir orang muda sanggup mengkaji seni pengamal-pengamal yang lebih tua itu. Apabila pengamal-pengamal tersebut meninggal dunia, pengetahuan kesihatan yang kaya dan bernilai itu akan hilang di Malaysia dan bagi seluruh

kemanusiaan.

Masanya sudah tiba bagi Kementerian Kesihatan menyedari tentang pengabaianya terhadap sistem perubatan tradisional. Masanya telah lama berlalu untuk 'dokter-dokter moden' mentertawakan dan memandang rendah terhadap perubatan tradisional yang mereka anggap sebagai 'ilmu sihir dan kepercayaan karut.'

Kini semakin ramai yang menganggap sistem perubatan tradisional yang merawat pesakitnya secara keseluruhan, mempunyai pendekatan saintifik yang kukuh dengan ciri-cirinya yang boleh diterima akal. Sistem ini dalam banyak cara mengatasi sistem perubatan moden barat yang cenderung merawat bahagian-bahagian tertentu pada badan serta gejala yang muncul dan bukannya menggunakan pendekatan yang menyeluruh.

Kini terdapat minat yang semakin berkembang di Barat terhadap sistem perubatan tradisional Dunia Ketiga dengan berdozen-dozen buku baru tentang 'ubatan alternatif' dan 'penawar kesihatan secara asli'.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebuah agensi kesihatan antarabangsa yang terpenting di dunia sedang giat menggalakkan perubatan tradisional sebagai satu komponen sistem kesihatan negara yang penting.

Semakin banyak juga kerajaan yang menggalakkan perubatan tradisional di negara-negara mereka di samping perubatan moden. China adalah contoh yang paling terkemuka tetapi di India juga tiga sistem asli (Ayurvedic, Unani dan Siddha) diberi pengiktirafan secara rasmi.

Di Vietnam, kerajaannya menggalakkan setiap keluarga menanam sekurang-kurangnya 12 daripada 58 tanaman berubat di rumah masing-masing. Penduduk-penduduknya boleh membantu menyediakan keperluan kesihatan mereka sendiri dan juga memperolehi sedikit pendapatan apabila kerajaan membeli herba daripada mereka.

Di Malaysia, setakat ini amat sedikit yang telah dilakukan oleh kerajaan ke atas perubatan tradisional kerana segala perhatian tertumpu kepada perubatan moden. Namun, perubatan

moden masih tidak dapat dinikmati oleh sebahagian besar penduduk yang masih bergantung kepada perubatan tradisional.

Keadaan ini sungguh menyedihkan kerana kita mempunyai begitu ramai pakar pengamal tradisional. Terdapat beberapa kajian mengenai kesenian mereka tetapi ini pada lazimnya cenderung menjadi bidang akademik dan dijalankan oleh sarjana-sarjana yang berminat tentangnya dan bukannya oleh pihak-pihak berkuasa kesihatan yang lebih berminat dalam polisi.

Kita mesti mencari dan mengembalikan semula sistem perubatan asli kita sendiri. Kerajaan, para sarjana dan individu yang berminat dalam kaedah rawatan asli ini mesti mengkaji, mengumpul dan menggalakkan semua aspek perubatan yang baik daripada orang-orang Melayu, Cina, India, dan Orang Asli.

Kita mesti mencari semula dan memberi pengiktirafan kepada pakar kita (terutamanya golongan tua) seperti bomoh, bidan, dukun, sinseh, penyembuh yang menggunakan rawatan ayurvedic, siddha serta pengamal perubatan di kalangan orang-orang asli.

Kerajaan perlu menubuhkan sebuah Institut bagi Perubatan Tradisional di mana pengamal-pengamal yang mahir boleh melanjutkan kemahiran mereka kepada generasi muda dan dengan itu perubatan tempatan kita akan terus hidup dan berkembang.

Tetapi yang paling penting, kerajaan mesti memberi tempat yang sewajarnya kepada sistem perubatan tradisional di dalam dasar kesihatan negara dan pendidikan perubatan.

Tepat pada masanya bagi pencarian semula, pembaharuan dan penyebaran sistem perubatan tradisional kita, dilakukan selaras dengan apa yang sedang berlaku di kebanyakan bahagian dunia yang lain. — Mei 1988



III

EKONOMI DAN KEPENTINGAN AWAM

BANK UTAMAKAN SI KAYA DAN MEMBELAKANGKAN SI MISKIN

LAPORAN-LAPORAN AKHBAR baru-baru ini yang menyebut bank-bank di Malaysia mempunyai terlalu banyak wang hingga tidak tahu bagaimana hendak membelanjakannya benar-benar memeranjatkan! Bank-bank di negara ini dilaporkan mempunyai 'lebihan dalam tabungan' melebihi \$2 bilion.

Dengan lain perkataan, orang ramai telah memasukkan sejumlah besar wang mereka dalam akaun simpanan dan simpanan tetap di bank-bank. Oleh itu bank-bank terpaksa memusingkan deposit-deposit tersebut dengan memberikan pinjaman kepada ahli-ahli perniagaan, petani dan pengguna.

Tetapi kini nampaknya semakin banyak wang disimpan di bank hinggalah pihak bank tidak mempunyai sejumlah pinjaman yang mencukupi untuk diberikan pinjaman kewangan tersebut!

Adakah ini bermakna orang-orang Malaysia sudah cukup kaya hingga tidak perlu meminjam lagi? Pada hakikatnya kita masih dibelenggu kesusahan akibat kemelesetan dan masih ramai yang berada dalam perangkap hutang serta tidak mampu membayar balik pinjaman yang dibuat.

Ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan, tidak kurang juga yang menghadapi masalah potongan gaji. Akibatnya, mereka menghadapi kesulitan untuk menjelaskan bayaran ansuran bulanan bagi rumah, kereta atau motosikal yang dibeli. Sehubungan dengan itu, kadar 'merampas semula' harta atau barangan kian meningkat. Dengan lain perkataan, rumah, kereta ataupun motosikal orang-orang ini telah 'dirampas' oleh pihak bank, syarikat kewangan atau pemberi pinjam wang yang lain.

Adakah petani tidak lagi memerlukan pinjaman kerana mereka telah menjadi kaya raya? Tentu sekali tidak! Kehidupan penduduk luar bandar menjadi lebih kusut akibat pinjaman kewangan yang diambil daripada pekedai, tuan tanah, kedai pajak, ceti dan pemberi pinjaman wang. Mereka terpaksa berhutang untuk membeli makanan, membayar yuran sekolah, membayar tambang bas dan membeli barang untuk keperluan rumah atau ladang.

Malah di bandar sekalipun golongan miskin terpaksa meminjam wang daripada rakan, saudara-mara, pemberi pinjaman wang atau sesiapa sahaja yang sanggup menolong mereka, semata-mata untuk membolehkan mereka terus hidup.

Selain dari itu, mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan atau membuka sebuah kedai akan bersungut tentang kesulitan yang dihadapi untuk mendapatkan pinjaman bank. 'Kecuali jika kita sedia memberi rasuah kepada pengurus bank!' merupakan aduan yang sering diterima daripada peniaga kecil ini.

Menurut seorang peniaga yang membuat aduan di CAP, beliau terpaksa memberi wang berjumlah \$1,000 sebagai imbalan kepada seorang pengurus bank semata-mata untuk mendapatkan pinjaman bernilai \$10,000. Malahan, pengurus berkenaan sering mengunjungi rumahnya dan pernah sekali menanyakan sama ada beliau boleh mengambil sebuah pasu bunga yang cantik. 'Sudah tentulah saya terpaksa membenarkannya memandangkan saya sudah berada di bawah telunjuknya,' jelas peniaga kecil tersebut.

Jadi, bagaimanakah bank-bank di negara kita mempunyai lebihan sejumlah \$2 bilion? Sebenarnya bank-bank kita tidak diuruskan untuk memenuhi keperluan kredit 'orang-orang kecil' iaitu pengguna biasa, petani dan peniaga kecil.

Bank-bank hanya digerakkan untuk memenuhi keperluan 'orang-orang besar' termasuklah syarikat-syarikat besar, ahli-ahli perniagaan yang berpengaruh serta mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh ataupun yang mempunyai hubungan politik.

Bank-bank memberi alasan, jika mereka memberikan pinjaman kewangan kepada ahli-ahli perniagaan yang besar, mereka tidak akan menghadapi sebarang risiko. Sebaliknya jika mereka memberi pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah, mungkin golongan ini tidak mampu membayar balik pinjaman.

Alasan ini sukar hendak diterima memandangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini ramai ahli perniagaan terkemuka menghadapi masalah kewangan, begitu juga dengan syarikat-syarikat besar di negara ini. Mereka tidak mampu untuk membayar faedah ke atas pinjaman malah ada yang tidak dapat membayar bayaran pokok. Oleh itu, banyak bank menghadapi masalah yang serius. Tidak hairanlah apabila Bank Negara sendiri turut campur tangan dengan menyelamatkan tiga buah bank untuk menghalangnya dari runtuh.

Kebanyakan bank di negara kita telah melakukan kesilapan yang serius misalnya Bank Bumiputra mengalami kerugian lebih \$2 billion kerana anak cawangannya (BMF) telah mengeluarkan pinjaman yang besar itu kepada hanya satu kumpulan syarikat di Hong Kong iaitu Carrian.

Akibat rasuah, menggunakan pengaruh, menyalahgunakan kuasa serta berbagai perbuatan yang tidak beretika, banyak bank telah mengeluarkan pinjaman untuk pelanggan dan syarikat yang tidak kena pada tempatnya. Kini pelanggan-pelanggan tersebut tidak mampu membayar balik pinjaman. Kebanyakan pelanggan ini terdiri daripada golongan kaya ataupun syarikat-syarikat besar.

Jadi golongan manakah yang membuat simpanan di bank-bank? Mereka terdiri dari berjuta-juta orang yang rendah kedudukannya, para pekerja, petani, pekerja kelas menengah dan golongan profesional. Mereka mendapati amat sukar untuk mendapatkan pinjaman. Oleh itu, jika mereka tidak dapat meminjam daripada bank, mereka akan beralih kepada 'jerung-jerung pemberi pinjaman' — sama ada yang berlesen atau tidak — yang mengenakan kadar faedah yang terlalu tinggi.

Ataupun mereka akan menuju ke kedai pajak gadai, kedai emas atau mungkin menyertai permainan kutu.

Pengenaan kadar faedah yang kadangkala terlalu tinggi hinggakan ia menyulitkan peminjam untuk membayar balik pinjaman, dengan itu peminjam akan kehilangan rantai emas atau tanah mereka yang dijadikan cagaran.

Tanggapan bahawa golongan ini tidak mampu membayar balik pinjaman bank adalah tidak benar, sama seperti kepercayaan bahawa peniaga-peniaga besar tidak menimbulkan risiko bagi bank.

Di Bangladesh, Grameen Bank ditubuhkan untuk membantu petani miskin telah berjaya mendapatkan kembali lebih 90% dari jumlah pinjaman. Projek yang seumpamanya di Malaysia (Projek Ikhtiar) setakat ini juga telah menampakkan kejayaan.

Bank-bank dan ahli-ahli bank perlu mengubah orientasi mereka dan menghapuskan sikap prasangka mereka terhadap peminjam kecil. Mereka seharusnya memenuhi keperluan pengguna biasa, pembeli rumah yang miskin, petani dan individu yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Sekiranya golongan ini menghadapi masalah dalam menjelaskan pinjaman mereka, pihak bank perlu lebih memahami dan 'menjadualkan semula' pinjaman tersebut; bukannya menjual rumah atau kenderaan peminjam. Tambahan pula, bank diarahkan supaya bersikap lembut dan tidak bertindak terhadap syarikat-syarikat dan ahli-ahli perniagaan yang besar yang tidak mampu membayar hutang, sudah tentu peniaga atau peminjam kecil berhak mendapat layanan yang lebih baik lagi. Mengapa mereka diberi layanan berbeza?

Dalam tempoh beberapa tahun lalu, bank-bank telah kehilangan imej mereka yang kukuh dan hebat berikutan berlakunya beberapa skandal, kerugian dan ketidakcekapan. Masanya sudah tiba untuk mengkaji dan menyemak semula amalan bank-bank. Salah satu perkara paling penting yang perlu dibuat oleh bank ialah mengutamakan kepentingan rakyat biasa — bukannya membiarkan mereka menjadi mangsa jerung pemberi pinjaman. — *Mac 1988*



KEMPEN 'MEMBELI BARANGAN MALAYSIA' MESTI UNTUNGGAN PENGGUNA

BARU-BARU INI KERAJAAN telah melancarkan kempen membeli barangan buatan Malaysia dan pada prinsipnya CAP menyokong langkah yang bertujuan untuk meningkatkan jualan barangan yang dikeluarkan sendiri oleh negara ini.

Selama bertahun-tahun CAP telah memperjuangkan soal yang berhubung dengan amalan pengguna yang sanggup membayar dengan harga yang amat tinggi untuk barangan import semata-mata kerana jenama barangan berkenaan.

Amalan ini lumrahnya tidak rasional kerana barangan import mungkin tidak sehebat yang disangkakan, tetapi barangan itu dibeli kerana didorong oleh keinginan untuk mendapatkan simbol status.

Contohnya, apabila kita membeli kasut atau baju buatan Amerika atau Britain biarpun buatan tempatan mungkin lebih murah dan mungkin tidak setanding dari segi kualitinya.

Terdapat juga begitu banyak barangan buatan Malaysia yang benar-benar bermutu telah digantikan dengan barangan import dan disebabkan perubahan gaya hidup.

Contohnya, dari segi makanan, orang-orang muda khususnya lebih berminat untuk menikmati makanan segera Amerika seperti hamburger (dagungnya mungkin diimport) dan kebanyakan mereka yang terpelajar juga sangat berminat memakan steak di *steak-house* dan restoran-restoran.

Perkembangan ini berlaku di sebuah negara di mana terdapat pelbagai jenis makanan tradisi di kalangan kaum Melayu, Cina dan India yang lazat rasanya.

Kita juga mengimport barangan yang tidak perlu. Contohnya, kebanyakan ibu telah meninggalkan pemberian susu badan dengan menggantikannya dengan susu berformula un-

tuk bayi-bayi mereka dan kebanyakan susu tersebut adalah diimport.

Amalan serupa ini adalah buruk memandangkan susu ibu mengandungi nilai pemakanan yang baik bagi bayi manakala barangan yang berasaskan susu adalah tidak sesuai untuk pemakanan bayi.

Sekiranya kempen tersebut berjaya menggalakkan pertumbuhan pengeluaran barangan buatan Malaysia, kita sesungguhnya berjaya pula menyelamatkan pertukaran asing yang dibelanjakan untuk barangan import. Ini juga akan mengukuhkan imbangan pembayaran yang kini sedang menghadapi defisit yang serius.

Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan dalam kempen 'Membeli Barangan Malaysia' itu.

Pertama, kita haruslah memastikan barangan yang dikenali sebagai buatan tempatan itu merupakan sesuatu yang asli. Kini kerajaan Malaysia sedang mengambil langkah melindungi syarikat-syarikat pembuatan di negara ini dengan mengenakan cukai yang tinggi ke atas banyak barangan import.

Kebanyakan syarikat ini adalah syarikat luar negeri. Disebabkan cukai yang tinggi ke atas barangan import, syarikat-syarikat ini akan mengambil kesempatan menaikkan harga barangan buatan tempatan dan menjualnya dengan harga yang begitu tinggi.

Para penggunalah yang akan menanggung bebannya kerana mereka terpaksa membayar dengan harga yang tinggi manakala syarikat pula dapat meraih keuntungan yang berlipatganda. Sekiranya ia merupakan sebuah syarikat luar negeri keuntungan tersebut akan dibawanya keluar.

Kedua, kebanyakan barangan yang dikenali sebagai buatan tempatan biasanya mengandungi begitu banyak bahan import. Bahan-bahan mentah dan mesin-mesin untuk membuat barangan adalah diimport dan sekiranya sebuah syarikat luar negeri terlibat dalam pembuatannya ini juga membolehkan ia mengalirkan keuntungan yang diperolehinya ke luar negeri.

Selanjutnya, kita mungkin akan memperolehi pertukaran asing yang sedikit melalui kerja-kerja pemasangan atau pembuatan barangan tersebut di Malaysia.

Ketiga, kita juga bimbang mengenai mutu barangan yang dipasang di negara ini. Para pengguna sering bersungut tentang motokar yang dipasang di negara ini pada keseluruhannya tidak sama dengan yang diimport. Aduan-aduan mengenai barangan buatan tempatan yang bermutu rendah termasuklah bal lampu dan lampu-lampu fluorescent.

Kebanyakan bahan makanan tempatan yang diproses juga didapati tidak bersih dan tidak dilengkapi dengan tarikh tamat penggunaan. Ini menyebabkan pengguna menghadapi risiko ketika membeli dan mengambil barangan yang sudah habis tempoh penggunaannya itu.

Dengan demikian, kami ingin menggesa pihak berkuasa juga pengilang-pengilang supaya mempertimbangkan perkara-perkara yang berhubung dengan 'Kempen Membeli Barangan Malaysia'.

Pertama, kita hendaklah memberikan penekanan yang lebih ke atas barangan tempatan yang dihasilkan oleh kilang-kilang tempatan dan industri kecil agar barangan ini benar-benar keluaran tempatan jika dibandingkan dengan barangan buatan syarikat-syarikat multinasional.

Kedua, 'Kempen Membeli Barangan Malaysia' tidak dijadikan sebagai alasan untuk melanjutkan langkah perlindungan yang berlebihan ke atas pengeluar-pengeluar yang bertapak di negara ini. Barangan tempatan hendaklah dijual dengan harga yang munasabah.

Pada ketika ini harga barangan tempatan adalah begitu tinggi berbanding dengan harga barangan import dan pengeluar-pengeluar yang bertapak di negara ini sedang menikmati keuntungan yang tinggi. Para pengguna sepatutnya tidak dibiarkan dieksploitasi dengan cara tersebut.

Ketiga, kerajaan hendaklah memastikan barangan buatan tempatan adalah selaras mutunya dengan piawaian antarabangsa yang diiktiraf dari segi keselamatan dan mutunya. Adalah

mustahil untuk mendorong pengguna membeli barangan buatan Malaysia sekiranya barangan tersebut adalah merbahaya untuk kegunaan atau rendah mutunya.

Keempat, kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah perlu untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dengan membantu petani-petani kecil menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan tanah, pengeluaran dan pemasaran. Ini adalah cara terbaik bagi menggalakkan barangan Malaysia.

Malangnya, pada ketika ini kita masih mengimport bahan makanan bernilai \$3 billion setahun dan harga sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan adalah terlalu tinggi akibat pengeluaran yang tidak mencukupi. Sekiranya kerajaan mengambil langkah membantu para petani dan nelayan bagi membanyakkan pengeluaran makanan, ini mungkin merupakan cara terbaik bagi mengurangkan import.

Dan terdapat satu lagi kelebihan: rakyat Malaysia tidak perlu dirangsang untuk memakan buah-buahan Malaysia seperti durian atau rambutan kerana terdapat bekalan yang mencukupi di pasaran dengan harga yang dapat direndahkan.

Sebagai kesimpulannya, kempen 'Membeli Barangan Malaysia' haruslah menguntungkan pengguna dan pengeluar. Ia tidak seharusnya membebankan para pengguna. — *April 1985*



EKONOMI DALAM KEADAAN YANG RUMIT

KEADAAN EKONOMI semakin runcing. Pengangguran semakin bertambah, harga komoditi semakin rendah, berjuta-juta orang bimbang pendapatan mereka semakin merosot dan apakah terjamin pekerjaan mereka.

'Berapa lamakah keadaan kemelesetan ini akan berterusan?' satu persoalan yang sering saya fikirkan.

Dalam keadaan ini saya tidak boleh berpura-pura menge-

tahui akan jawabannya. Ini adalah kerana bukan saya atau CAP yang menjadi tukang tilik.

Tetapi seperti juga setengah ahli ekonomi, saya juga mempercayai bahawa keadaan ini akan berterusan untuk jangka waktu yang panjang. Apa yang kita sedang alami bukanlah satu 'pusingan perdagangan' yang biasa. Keadaan kemelesetan ini telah berakar umbi dalam struktur ekonomi kita.

Negara terlalu bergantung kepada keadaan ekonomi dunia dan kepada tabungan luar. Lebih daripada separuh hasil keluaran kita dieksport.

Ekonomi dunia kini berada dalam keadaan yang rumit dan sukar untuk dipulihkan untuk satu jangka waktu yang panjang. Zaman pertumbuhan yang tinggi telah berlalu. Begitu juga dengan Malaysia terpaksa terus hidup dengan pertumbuhan yang rendah malah untuk beberapa tahun tanpa sebarang pertumbuhan. Keadaan ini akan berlanjutan untuk empat atau lima tahun lagi malah kemungkinan lebih dari itu.

Jika anda merasakan ini merupakan suatu pandangan yang pesimistik, lihatlah keadaan ekonomi Singapura. Selalunya Singapura mengalami kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 10 peratus. Tetapi pada tahun lalu ekonominya telah jatuh sebanyak dua peratus dan hampir 100,000 pekerja telah diberhentikan. Masalah yang dihadapi oleh Singapura adalah sama dengan kita: terlalu bergantung kepada dunia.

Sekurang-kurangnya kita masih beruntung kerana mempunyai tanah dan komoditi. Tetapi tanah kita telah ditanam dengan tanaman eksport, komoditi itu juga dieksport dan kini permintaan untuk timah, getah dan kelapa sawit juga telah berkurangan.

Menjelang dekad yang akan datang, kita akan kehabisan balak dan petroleum.

Industri pembinaan terlalu meluas di bandar-bandar: hanya segelintir yang memiliki kondominium mewah, bangunan-bangunan pejabat yang tinggi. Setengah-setengah syarikat harta tidak mampu untuk membayar balik pinjaman-pinjaman mereka. Pihak bank pula mengalami hutang yang tinggi.

Dalam bidang pembuatan, kepercayaan kita terhadap syarikat-syarikat multinasional dan zon perdagangan bebas juga merosot. Jika tidak ada permintaan bermakna wujudlah pembuangan pekerja.

Dasar kepada masalah ini adalah terletak pada strukturnya, oleh itu pihak kerajaan mestilah mencari jawapan kepada struktur ini:

- Berikan lebih banyak tanah terutamanya kepada petani-petani yang tidak mempunyai tanah dan para penganggur untuk menanam tanaman makanan. Dengan ini dapat menyediakan pekerjaan dan mengurangkan import;

- Berikan pinjaman dan kemudahan kepada industri tempatan yang berskil kecil untuk menyediakan barangan asas yang diperlukan oleh para pengguna tempatan. Pada masa lalu kita terlalu memanjakan syarikat-syarikat asing dengan mengabaikan firma-firma tempatan.

- Hentikan semua projek-projek mewah seperti bangunan-bangunan mahal, kelab-kelab jutawan dan disko-disko yang bergemerlapan serta padang-padang golf. Sebaliknya salurkanlah wang itu untuk pengeluaran makanan dan industri kecil.

- Arahkan bank-bank supaya memberikan lebih banyak pinjaman kepada para petani dan industri kecil daripada memberikan pinjaman kepada firma harta dan untuk spekulasi pasaran saham.

Tanpa komitmen yang bersungguh-sungguh untuk mencorakkan kembali struktur ekonomi kita, keadaan kemelesetan akan memberi tekanan yang lebih hebat.

Rancangan untuk membina 80,000 rumah kos rendah setahun adalah satu dasar yang baik. Kita berharap pihak pemaju akan menjual rumah-rumah pada harga yang benar-benar murah. Dan di dalam proses itu janganlah dipindahkan penduduk yang telahpun tinggal di kawasan itu.

Misalnya ada beberapa projek yang akan membina beratus buah rumah tetapi terpaksa memindahkan beribu-ribu petani dan penyewa yang menetap di situ, yang sudah tentunya akan

kehilangan rumah dan mata pencarian mereka. Dalam kes-kes seumpama itu ia tidaklah memberikan apa-apa faedah dari segi pengambilan pekerja ataupun perumahan. Malah mungkin akan menyebabkan kerugian yang besar dan memburukkan lagi kedudukan ekonomi.

Kita berharap pihak kerajaan akan menunjukkan pimpinan yang lebih baik untuk membaiki keadaan kemelesetan daripada yang sedang dijalankan sehingga hari ini. — *Februari 1986*



Ekonomi pulih? TETAPI MASIH RAMAI BERHEMPAS PULAS...

SAYA TELAH MEMBACA banyak berita dalam akhbar-akhbar akhir-akhir ini yang menyatakan kedudukan ekonomi sedang pulih dan tidak lama lagi kemelesetan akan berakhir. Ia sebenarnya merupakan berita-berita yang baik, hanya jika ia benar-benar akan berlaku.

Tetapi bagi ribuan rakyat biasa negara ini, masalah untuk terus hidup masih berlanjutan. Bagi setengah orang, terutama sekali masyarakat luar bandar, keadaan mereka semakin bertambah buruk.

Jadi, mungkin menyenangkan sedikit bagi orang ramai bila membaca berita bahawa ekonomi telah pulih dan kemuncaknya makin hampir menjadi kenyataan.

Pengangguran telah meningkat sekurang-kurangnya 10%, dan tahun depan mungkin ke tahap 11%. Hampir 50,000 siswazah menganggur, manakala pekerja-pekerja kilang dan lombong terus dibuang.

Tetapi di kawasan luar bandarlah kemiskinan terus kekal paling serius. Harga-harga komoditi yang rendah dengan sekelip mata mengurangkan pendapatan peneroka dan pekebun-

pekebun kecil getah.

Pekerja-pekerja estet terus hidup dalam kesempitan dan kesengsaraan, kebanyakan mereka tinggal di teratak buruk tanpa bekalan air bersih dan tandas yang sempurna.

Begitu juga kehidupan para petani, sungguh menyedihkan dengan hanya sekeping tanah sawah yang sempit. Tanah sekangkang kera peninggalan nenek moyang terus dibahagi-bahagikan kepada anak cucu untuk dikerjakan turun temurun dan anak-anak mereka mendapat petak sawah yang semakin kecil kerana mereka terpaksa berkongsi.

Apa yang lebih menyedihkan lagi ialah pekebun-pekebun kecil dihalau keluar dari tanah-tanah mereka kerana ada pihak yang ingin mengaut keuntungan.

Begitulah kejadian-kejadian yang menimpa petani penyewa atau 'setinggalan' yang bercucuk tanam sayur-sayuran, buah-buahan ataupun yang menyemai padi sendiri. Ribuan petani terpaksa beralah kepada 'projek pembangunan' seperti jalan, bangunan pejabat pencakar langit dan rumah-rumah.

Petani-petani ini dihalau keluar, tanpa arah untuk dituju, dan resah memikirkan di manakah mereka akan mendapat wang untuk mengalas perut. Persekolahan anak-anak juga turut terganggu.

Di dalam kawasan hutan di Sarawak, ratusan ribu orang asli turut menanggung kesengsaraan akibat kegiatan pembalakan yang dilakukan ke atas tanah hutan mereka.

Hak-hak orang asli ke atas tanah mereka telah dijamin oleh perlembagaan negeri dan persekutuan. Tetapi hak-hak mereka telah diketepikan apabila syarikat-syarikat pembalakan yang disokong (dan dimiliki) oleh ahli-ahli politik yang berpengaruh mahu meneruskan pembalakan demi kepentingan mereka sendiri.

'Kamu kaum asli tidak mempunyai hak ke atas tanah ini!' merupakan kata-kata kejam yang dilemparkan oleh syarikat-syarikat dan kerajaan negeri.

'Tetapi kami telah berada di sini sejak beratus malah beribu tahun dahulu,' kata penghuni asli ini. 'Kami bersimpati

dengan anda tetapi kami terpaksa meneruskan pembalakan di hutan ini!', tegas syarikat-syarikat berkenaan dan kerajaan negeri.

Begitulah jawapan yang tidak berhati-perut dari orang-orang yang mempunyai kuasa ekonomi dan pengaruh politik, yang tidak sedikit pun mempunyai belas kasihan ke atas orang-orang miskin dan ditindas terus menerus.

Jawapan yang sama juga diberikan kepada setinggansetinggan, para petani dan pekerja-pekerja yang diberhentikan. 'Maaf, anda harus keluar dari sini. Sungguh menyedihkan bagi anda. Tetapi inilah hakikat hidup.'

Ataupun: 'Ia sungguh malang, tetapi ada orang yang harus berkorban untuk pembangunan.'

Sesungguhnya, pembangunan itu sepatutnya membantu rakyat dan golongan miskin untuk memperbaiki kehidupan dan pendapatan seharian mereka.

Jadi, kenapa kita jadikan orang-orang ini 'mangsa' yang terpaksa 'berkorban' untuk pembangunan?

Hakikat yang sebenarnya ialah orang-orang yang kaya dan berkuasa seringkali mempergunakan alasan 'pembangunan', 'projek-projek' untuk terus menjadi kaya dan lebih berkuasa.

Mereka mempunyai kuasa untuk memusnahkan hutan, merampas tanah, menghalau petani dan mereka lakukan semua ini di atas nama 'kemajuan' dan memperdayakan orang ramai.

Sesungguhnya, itu bukanlah cara yang betul. Hak-hak rakyat tidak seharusnya dirampas begitu sahaja.

Polisi pembangunan dan struktur sosial dan ekonomi harus diubah supaya keutamaan dapat diberikan kepada orang-orang miskin.

Apabila orang-orang miskin diberi lebih banyak sumber untuk hidup dan mempunyai lebih kuasa untuk menentukan polisi, barulah kita akan mempunyai 'pembangunan' dalam erti kata yang sebenarnya: pembangunan taraf kehidupan rakyat dan potensi sepenuhnya sebagai makhluk Tuhan. — *Ogos 1987*



KEMELESETAN: BERSEDIALAH DI WAKTU PEMULIHAN UNTUK HADAPINYA

BERITA BAIK TENTANG ekonomi, begitulah akhbar memberitahu kita. Ekonomi yang agak baik tahun lalu akan menjadi lebih baik tahun ini.

Kadar pertumbuhan kini dijangka mencapai 7%. Harga komoditi seperti getah dan minyak sawit telah meningkat. Eksport barangan kilang terutamanya komponen elektronik dan hasil keluaran getah seperti sarung tangan sedang berkembang dengan pesatnya.

Ia merupakan satu perubahan besar dari tahun 1985-86 apabila tiap sesuatu kelihatan semakin buruk keadaannya. Harga komoditi jatuh, beratus-ratus ribu orang kehilangan pekerjaan malah syarikat-syarikat besar menjadi bankrap.

Tetapi kita tidak seharusnya melaungkan 'Pemulihan' buat masa ini dengan senangnya. Pertamanya, ia tidak merupakan pemulihan sepenuhnya. Pengangguran yang hampir 10% berada di parasnya yang tertinggi. Lebih setengah juta orang tidak mempunyai pekerjaan, termasuk beratus-ratus ribu lepasan sekolah dan kemungkinan 50,000 orang siswazah.

Tambahan kita sekarang mula menghadapi satu masalah baru yang besar iaitu inflasi. Harga barangan pengguna, menurut data kerajaan, tidak banyak meningkat beberapa tahun lalu. Tetapi dalam beberapa bulan lalu harga tersebut telah meningkat dengan tingginya.

Tinjauan pasaran yang dilakukan oleh CAP baru-baru ini menunjukkan satu kenaikan harga yang tinggi bagi kebanyakan bahan makanan termasuk minyak masak, mihun, serbuk kari, kacang dal dan roti. Terdapat juga laporan akhbar bahawa kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menaikkan harga beras sebanyak sepertiga.

Harga kertas, buku-buku teks sekolah dan buku latihan,

buku-buku yang diimport, motosikal dan kereta serta barangan lain juga sedang meningkat. Malah pejabat pos telah menaikkan cukai setem.

Inflasi sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga komoditi di seluruh dunia dan kejatuhan nilai ringgit. Kita terpaksa membelanjakan lebih banyak wang untuk membeli barangan import, misalnya kadar tukaran bagi buku-buku British telah meningkat dari \$5.80 hingga \$6.30 sepaun.

Inflasi merupakan masalah yang amat membimbangkan pengguna, kerana ia menelan belanja dan mengurangkan pendapatan sebenar. Pihak berkuasa perlu lebih berjaga-jaga dan memastikan para peniaga dan pengeluar yang tidak bertanggungjawab tidak mengambil kesempatan di saat 'pemulihan ekonomi' untuk meningkatkan harga barangan mereka.

Kemudian timbul kebimbangan sama ada pemulihan ini akan berpanjangan. Malaysia masih terlalu bergantung kepada negara-negara kaya untuk membeli barangan kita.

Setakat ini negara-negara ini berkeadaan baik, jadi negara-negara itu mahukan lebih barangan kita.

Namun menjelang tahun hadapan ekonomi perindustrian mungkin 'menjadi perlahan'. Ramai orang menjangka selepas pilihanraya untuk memilih presiden Amerika Syarikat, ekonomi Amerika mungkin kurang baik kerana Bank Pusat (dinamakan rezab persekutuan) boleh menaikkan kadar faedah dengan lebih tinggi lagi untuk mengelakkan inflasi.

Apabila negara-negara kaya dilanda kemelesetan dalam masa setahun dua lagi, Malaysia mungkin terjejas di bawah keadaan tersebut.

Malah kita mungkin mengalami semula hari-hari yang suram sebagaimana di tahun 1985-86. Harga minyak dan barangan eksport lain mungkin jatuh lagi. Syarikat-syarikat perindustrian mungkin membuang pekerja-pekerja lagi. Syarikat-syarikat mungkin mengalami kesulitan lagi.

Ini adalah satu kenyataan yang tidak mustahil akan berulang. Ekonomi Malaysia mengikut pusingan dagangan dunia. Pusingan tersebut sekarang sedang berada di atas. Satu hari



nanti ia pasti akan ke bawah semula.

Jadi apa yang penting, setelah berada di dalam keadaan pemulihan ekonomi sekarang, kita perlu melakukan apa saja yang boleh untuk bersedia menghadapi kemelesetan akan datang. Kita tidak boleh melakukan kesilapan yang sama seperti sebelumnya!

Apabila kemelesetan melanda negara kita dalam tahun 1985-86, ia muncul secara tiba-tiba dan mendedahkan kelemahan-kelemahan utama kita. Malaysia terlalu bergantung kepada dagangan asing. Jadi semasa kemelesetan, pegawai-pegawai kerajaan merasai keperluan menjadikan ekonomi lebih bersifat berdikari.

Terdapat seruan supaya 'menanam lebih banyak tanaman untuk makanan' dan 'membeli barangan Malaysia'. Sekarang kita tidak mendengar seruan-seruan ini lagi; lebih buruk lagi, di manakah dasar-dasar yang konkrit untuk melaksanakan ekonomi yang bersifat sedemikian?

Para petani masih mendapati sukar untuk memperolehi tanah bagi menanam tanaman untuk makanan; tanah pertanian diambil alih dan 'dimajukan' sebagai kawasan perumahan; masalah-masalah seperti rumpai dan bekalan air masih mengganggu penanam padi; nelayan-nelayan kecil masih diancam oleh bot-bot pukut tunda yang besar.

Begitu juga dengan industri-industri kecil milik tempatan yang sepatutnya menjadi asas bagi perkembangan perindustrian dan pertambahan dalam penggunaan barangan tempatan. Hanya sedikit sahaja yang telah dilakukan untuk menyelesaikan masalah-masalah kredit, pemasaran dan teknologi mereka yang

terlibat dalam bidang ini.

Sememangnya terdapat kejayaan di dalam mendapatkan lebih banyak pelaburan asing kerana peraturan ke atas ekuiti luar negeri telah dilonggarkan dan insentif bagi mereka sekarang adalah lebih baik. Tetapi para pengeluar kecil di bidang pertanian dan perindustrian masih memerlukan lebih banyak galakan rasmi. Ia merupakan tulang belakang bagi pembangunan ber-sifat berdikari.

Kemelesetan terakhir juga menimbulkan budaya syarikat yang dahsyat di Malaysia. Sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, ramai pengurus di Malaysia didapati tidak mempunyai sikap yang baik dan sesetengahnya pula tidak jujur. Itulah sebabnya banyak syarikat menghadapi masalah aliran tunai, tidak dapat menjelaskan hutang mereka yang banyak dan setengahnya menjadi bankrap.

Sektor swasta Malaysia memerlukan banyak pembersihan. Banyak penipuan berjaya didedahkan melalui skandal BMF, Pan El dan syarikat-syarikat koperasi. Beberapa buah bank dan syarikat insurans mengalami kesulitan yang hebat akibat pinjaman lapuk yang diberikan, kecuaiian dan rasuah. Skandal Pan El membuktikan tipu muslihat yang berlaku di dalam pasaran saham. Para pemaju pula telah menyebabkan terbengkalainya projek perumahan bernilai \$2 bilion.

Di samping sikap yang tidak beretika, terdapat juga banyak ketamakan di dalam syarikat-syarikat swasta dan agensi-agensi awam. Itulah sebabnya begitu banyak syarikat dan jabatan kerajaan serta perusahaan yang bersaing untuk membina bangunan-bangunan pencakar langit. Akibatnya, wujudlah banyak ruang pejabat di bangunan tinggi yang tidak digunakan.

Terdapat begitu banyak pembaziran kerana ketika keadaan ekonomi baik, wang dianggap mudah diperolehi dan kita boleh membelanjakannya dengan lebih banyak. Adakah kemelesetan pada tahun 1985-86 memberi pengajaran yang secukupnya kepada ahli-ahli perniagaan dan kerajaan?

Begitulah yang kita harapkan, tetapi mestilah terdapat lebih banyak bukti sebelum kita benar-benar boleh memper-

cayainya. Misalnya, kenapa projek jalan raya bernilai \$600 juta yang menghubungkan Cameron Highlands dengan Bukit Fraser dan Genting Highlands dilaksanakan? Ia bukan sahaja akan memusnahkan lebih banyak hutan malah ia mungkin merupakan satu projek gajah putih.

Kita perlu membentuk lebih banyak ekonomi yang bersifat berdikari. Rasuah dan penipuan mesti dihapuskan dari sektor swasta melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terhadap jenayah komersial. Kerajaan mesti memelihara sumber-sumbernya dan menahan diri sekali lagi daripada bermegah dengan projek-projek mewah.

Kita perlu menggunakan tempoh 'pemulihan ekonomi' masa kini untuk melakukan perkara-perkara ini. Jika tidak, kemelesetan di masa hadapan akan melanda ketika kita tidak bersedia menghadapinya seperti masa lalu. Cuma akan menimbulkan kesan yang menyedihkan. — *September 1988*



DEB SELEPAS 1990 — APAKAH YANG INGIN KITA LIHAT

MASA DEPAN Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah pasti akan merupakan satu isu yang paling hangat diperkatakan pada tahun baru ini.

Pada 19 Januari lalu, Perdana Menteri telah melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang terdiri daripada 150 orang yang perlu memberikan saranan mengenai apakah jenis dasar ekonomi negara yang perlu dijalankan oleh kerajaan selepas 1990.

Hampir 20 tahun berlalu semenjak Dasar Ekonomi Baru bermula. Matlamatnya yang utama ialah 'menyusun semula masyarakat' dan dengan itu Bumiputera akan mendapat bahagi-

an yang lebih adil dari segi pemilikan sebahagian dari modal, peluang perniagaan, jawatan profesional dan pengurusan serta mendapat tempat di universiti.

Pada tahap tertentu matlamat ini telah dapat dicapai. Kini terdapat lebih ramai usahawan dan golongan profesional Bumiputera daripada dua dekad yang lalu. Adalah benar juga bahawa banyak lagi lapangan yang 'masih perlu dipenuhi'. Dengan itu selepas tempoh 1990 kita boleh menjangkakan penerusan beberapa aspek 'gerakan penyusunan semula ini.'

Bagaimanapun pada hari ini terdapat kritikan yang menyatakan DEB melahirkan ramai 'jutawan segera' yang tidak memanjat tangga perniagaan secara jujur atau bersusah payah, menyebabkan mereka mudah jatuh apabila kemelesetan melanda.

Kedengaran juga kritikan serius bahawa DEB melahirkan 'Usahawan sewa', yang sesetengahnya kerana mempunyai hubungan dengan pihak berkuasa, mudah mendapat kontrak atau konsesi. Mereka ini tidak mempunyai kemahiran sebagai usahawan, jadi mereka memberikan kontrak perniagaan mereka kepada usahawan sebenar manakala mereka mendapat 'sewa' dalam bentuk royalti atau dividen tanpa melakukan sebarang kerja.

Ramai usahawan Bumiputera dan profesional yang menyuarakan kritik-kritik itu berpendapat dasar baru selepas 1990 perlu menghalang amalan pengumpulan sewa ini, sebaliknya menggalakkan pertumbuhan usahawan yang sebenar — jika perlu dari tahap bawah hinggalah ke atas.

Matlamat kedua DEB ialah untuk 'menghapuskan kemiskinanta tanpa mengira kaum.' Perangkaan rasmi menyatakan matlamat ini juga dapat dicapai dengan kejatuhan kadar kemiskinan.

Dengan perkembangan ekonomi yang baik sejak 20 tahun yang lalu, adalah benar bahawa kebanyakan keluarga memperoleh manfaat dengan mendapat lebih banyak kerja untuk anak-anak mereka dan dengan itu dapat menambahkan pendapatan seisi rumah. Belia-belua kampung juga yang bekerja kilang di

bandar dapat menghantar sedikit belanja kepada keluarga di rumah.

Tetapi Malaysia masih terlalu bergantung kepada pasaran dunia, dengan itu kadar kemiskinan boleh berubah dari setahun ke setahun bergantung kepada harga getah atau kelapa sawit dan juga keperluan pekerjaan di syarikat-syarikat transnasional.

Pada 1985-86, apabila harga kelapa sawit, timah dan petroleum jatuh, dan apabila lombong timah dan kilang-kilang menghentikan beribu-ribu pekerja, kadar kemiskinan telah meningkat. Pada tahun lalu, dengan pemulihan ekonomi, semuanya mulai pulih semula tetapi keadaan kita masih mudah mengalami kemelesetan akibat dari keadaan dunia.

Untuk mencapai perpaduan nasional, Dasar Ekonomi Negara yang baru mestilah memenuhi keperluan asas semua rakyat Malaysia. Tabungan kerajaan mestilah disalurkan kepada keperluan kemudahan asas yang dapat menolong golongan miskin dan bukannya kepada projek mewah yang menguntungkan segelintir orang sahaja.

Tanah-tanah mestilah diberikan kepada petani miskin dan bukannya kepada jutawan ladang, balak atau ahli politik. Estet-estet perindustrian mestilah ditubuhkan untuk manfaat firma-firma kecil tempatan dan bukannya dimonopoli oleh perbadanan transnasional yang besar.

Majoriti 'Tabung Pembangunan' sekarang ini adalah disalurkan kepada golongan kaya di bandar. Dalam setiap sektor, keutamaan haruslah dipindahkan kepada golongan miskin.

Adalah tidak perlu untuk membiayai \$600 juta bagi pembinaan Lebuhraya yang akan menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands. Wang sebanyak itu lebih baik digunakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan bas di bandar-bandar dan di desa.

Kita seharusnya memperuntukkan tabung dengan secukupnya untuk menyediakan air bersih dan sistem pembuangan najis kepada setinggan di bandar dan penduduk luar bandar. Penghuni bandar yang tidak mempunyai rumah mestilah diberikan tanah dengan sewa yang murah supaya mereka

dapat membina rumah mereka sendiri.

Dasar baru negara mestilah meningkatkan kedudukan masyarakat miskin. Petani penyewa mestilah diberikan perlindungan undang-undang terhadap pengusiran secara ganas oleh tuan-tuan tanah. Nelayan kecil juga mestilah dipertahankan dari bot-bot pukut tunda besar dan nelayan-nelayan asing. Tanah adat milik penghuni hutan juga perlu dilindungi daripada pencerobohan syarikat-syarikat pembalakan.

Strategi selepas 1990 juga mestilah meletakkan alam sekitar sebagai perhatian yang utama. Tidak ada gunanya dasar yang memberikan pertumbuhan yang baik tetapi menghapuskan atau memusnahkan alam sekitar kerana dalam jangka panjang ia akan membunuh semua harapan pembangunan sebenar.

Pembangunan yang tidak berhati-hati dalam beberapa dekad yang lalu telah memusnahkan hutan, menghakis lapisan tanah atas yang berharga, sungai-sungai dicemari lumpur, menyebabkan berlakunya banjir, mencemarkan udara dan tanah serta meracuni bekalan air, dengan itu mengancam kesihatan manusia melalui sisa-sisa buangan beracun dan racun makhluk perosak.

Pemusnahan sumber-sumber akan mengakibatkan kemusnahan kepada ekonomi itu sendiri. Apa gunanya kita berjuang untuk pembahagian kek ekonomi yang sama rata jika kek itu sendiri menyusut dengan cepat?

Dengan itu untuk memastikan kejayaan dan kesan yang berpanjangan, Dasar Ekonomi Negara yang baru mestilah menguasai masalah akar umbi kemiskinan itu sendiri, mengurangkan pergantungan terhadap pasaran dunia, penekanan kepada keperluan asas, memperbaiki tahap sosial dan perundangan berbagai golongan yang miskin dan mengambil perhatian untuk tidak memusnahkan alam sekitar.

Hanya dengan cara itu masyarakat generasi akan datang dapat hidup dalam keadaan yang adil, saksama dan alam sekitar yang berkekalan. — *Februari 1989*



IV

**WANG, MORAL
AWAM DAN
RASUAH**

PA
PA
PA
PA
PA

RASUAH, PENIPUAN ... BERLAKU DENGAN BERLELUASA

BAGAIMANAKAH AGAKNYA keadaan dunia suatu hari nanti. Rasuah, penipuan, penyelewengan dan pemalsuan berlaku dengan berleluasa. Bentuk-bentuk jenayah ini nampaknya muncul dalam semua bidang seperti sektor perniagaan, bank malah hingga melibatkan arena politik.

Beberapa bulan kebelakangan ini telah memperlihatkan berbagai skandal yang berlaku silih berganti di mana melibatkan berjuta-juta malah berbilion-bilion ringgit. Mulanya, kita didehakan kepada skandal BMF yang melibatkan wang orang ramai sejumlah \$2,500 juta. Kini, muncul pula skandal Overseas Trust Bank di Hongkong yang berhubungan dengan rakyat Malaysia dan bank-bank Malaysia yang berkaitan.

Dalam kes penyelewengan di bank, orang ramai kerugian wang disebabkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang telah memberi atau membuat pinjaman kemudian menyalurkan wang berjuta-juta ringgit itu ke tempat yang lebih selamat. Kita yang ramai telah kerugian sedangkan mereka yang hanya segelintir menempah kejayaan.

Namun, bank bukanlah satu-satunya industri yang dicemari dengan wang kotor. Dalam industri pembinaan yang menelan berbilion-bilion ringgit, sudah sedia maklum bahawa pemaju-pemaju akan menggunakan berbagai cara bagi memastikan projek-projek mereka diluluskan atau untuk memenangi kontrak bagi projek mereka tidak kira besar atau kecil.

Pihak yang bertanggungjawab untuk meluluskan kontrak atau sesuatu rancangan boleh mendapat 'potongan' atau 'komisen' dalam beberapa peratus tertentu (katakan 3 atau 5 atau 10 peratus) dari jumlah kos projek. Dan ini sudah pasti melibatkan berjuta-juta ringgit...

Dalam industri perumahan, penyelewengan umumnya

berlaku secara terang-terangan terhadap pembeli-pembeli rumah. Fail-fail CAP dipenuhi dengan beribu-ribu aduan mengenai pemaju-pemaju perumahan yang tidak beretika, setengahnya mengambil wang tempahan terlalu tinggi dan 'wang sogokan' dan kemudiannya terus lesap bersama-sama wang yang dikumpul tanpa membina rumah-rumah yang dijanjikan.

Terdapat pula syarikat-syarikat besar antaranya yang ternama menukar saham-saham untuk harta mereka dengan nilai yang jauh lebih rendah dari paras semasa dalam Pasaran Saham. Saham-saham ini dibeli semula oleh pengarah-pengarah syarikat pada harga yang rendah dan kemudiannya menjual ke dalam pasaran dengan mengaut keuntungan besar.

Ini mungkin merupakan satu alasan mengapa Pasaran Saham pada masa sekarang begitu merosot. Golongan yang menanggung rugi sudah tentulah sebilangan kecil pemegang-pemegang saham kecil yang mendapati nilai saham mereka mengalami kejatuhan...

Kemudian kita lihat pula kepada pengeluar-pengeluar yang mengeluarkan barangan bermutu rendah menyebabkan barangan yang digunakan tidak dapat bertahan lama dan memaksa kita membeli barangan baru. Ataupun mereka membungkus makanan yang tidak cukup berat timbangan, dengan itu dapat meraut keuntungan berjuta-juta ringgit.

Mereka juga mungkin menjual barangan pada harga yang terlalu tinggi sedangkan mereka dilindungi dari barangan import yang harganya lebih murah melalui cukai-cukai import yang tinggi hasil pujukan mereka kepada kerajaan.

Hampir dalam setiap aspek hidup ini, terdapat unsur-unsur 'imbalan' di mana seseorang yang memberikan bantuan dalam sesuatu urusan akan mendapat 'potongan' dalam jumlah yang diperuntukkan.

Apabila seorang pengurus bank memberikan pinjaman kepada pelanggannya, ia mungkin akan diberi 3 atau 5 peratus dari nilai pinjaman sebagai 'insentif' atau dikira sebagai 'penghargaan'.

Apabila sebuah syarikat membeli bekalan alat-alat tulis

secara tetap dari sebuah kedai percetakan atau membeli mesin atau peralatan atau alat ganti, pengurus atau pegawai jualan akan memberi tawaran 'komisen', bersamaan dengan beberapa peratus dari nilai barangan pesanan. Wang 'imbalan' dicampurkan bersama ke dalam bil.

Mungkin sukar untuk mendapatkan bukti-bukti secara sah bagi aktiviti-aktiviti tidak beretika yang sedang berlaku ini, tetapi sudah diketahui umum bahawa *untuk memperoleh kedudukan yang teguh dalam dunia perniagaan, seseorang itu perlu mempergunakan taktik-taktik sogokan ini.*

Permainan ini nampaknya kini membabitkan sejumlah besar wang. Menurut isu terbaru dari *U.S. News and World Report*, penjenayah-penjenayah usahasama menipu syarikat-syarikat mereka atau orang ramai sekurang-kurangnya US\$200 bilion setahun di Amerika Syarikat. Sebagai perbandingan, hanya US\$11 bilion hilang akibat kecurian oleh perompak dan pencuri.

Kita tidak mempunyai anggaran perbandingan di Malaysia — tetapi kes BMF sahaja telah membuktikan bahawa jenayah usahasama mengaut lebih banyak wang dari rompakan biasa.

Adalah lebih mudah dan menguntungkan menipu orang ramai hanya dengan duduk di dalam pejabat berhawa dingin dari menggunakan pistol dan pisau dan merompak bank atau rumah. 'Penjenayah berkolar putih' mengambil berjuta-juta ringgit menerusi sogokan dan penipuan yang biasanya dapat diselindung dengan baik dan boleh memindahkan wangnya ke dalam akaun rahsia bank Swiss tanpa dapat dikesan atau dibawa ke mahkamah.

Tetapi bagi perompak-perompak biasa yang merompak \$10,000 ataupun \$200 atau barangkali hanya beberapa biji kelapa atau kemeja senang dikesan dan kemungkinan dipenjarakan.

Pihak polis dan mahkamah mudah menjatuhkan hukuman kepada perompak-perompak yang dikenali, namun mereka tidak berdaya untuk membuat tindakan yang sama ke atas penjenayah-penjenayah usahasama yang kegiatannya lebih besar

lagi. Bahagian Jenayah Perdagangan ternyata kekurangan kakitangan dan seringkali tidak mampu untuk bertindak, sebagaimana yang CAP alami apabila setiap kali mengendalikan kes-kes berhubung dengannya.

Kesan-kesan akibat rasuah, sogokan dan penipuan memberi ancaman kepada orang ramai. Jika seseorang itu berada dalam keadaan seumpama ini sama ada di sektor awam atau swasta yang mudah menerima suap atau sogokan, maka keputusan penting yang dibuatnya bukanlah berdasarkan kepada alasan-alasan objektif tetapi cenderung mengikut kepentingan seseorang atau syarikat yang menawarkan imbalan kepadanya.

Justeru itu, rancangan atau permohonan sesebuah syarikat itu mungkin diluluskan walaupun kemungkinan ia tidak memenuhi standard atau tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Projek-projek mungkin diserahkan kepada syarikat-syarikat walaupun mungkin mereka tidak berkemampuan jika dilihat di sudut kewangan atau sosial, atau jikapun syarikat-syarikat lain mungkin lebih baik lagi. Pinjaman bank mungkin diberikan kepada pelanggan-pelanggan yang mungkin tidak boleh membayar balik wang tersebut, justeru itu mengancam keselamatan tabungan penyimpan-penyimpan.

Dan kita juga mesti ingat bahawa syarikat-syarikat yang menawarkan imbalan dan rasuah tidak mudah menanggung beban sendiri. Mereka hanya akan menambah rasuah ke dalam bil yang ada. Ini bermakna keuntungan syarikat-syarikat tidak akan berkurangan walaupun adanya rasuah.

Tetapi orang ramai yang akan menanggung bebanan dengan cara terpaksa membayar cukai lebih tinggi bagi barangan atau dengan cara lebih banyak tabungan awam disalurkan untuk membina projek-projek yang menelan kos lebih tinggi. *Akhirnya para pengguna yang menanggung rugi...*

Bagaimanapun, umpanan wang ini tidak hanya tertumpu kepada dunia perniagaan sahaja tetapi merebak hingga ke arena politik. Dalam beberapa bulan kebelakangan, Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir

dengan tegas mengutuk penggunaan wang dalam usaha merebut kedudukan dalam parti-parti politik. Presiden MCA, Datuk Neo Yee Pan juga menentang penggunaan 'politik wang'.

'Politik Wang' merupakan trend yang amat berbahaya sepertimana yang diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin kita. Ia mengancam prinsip yang paling asas dalam sistem demokrasi kita. Jika amalan ini menjadi pegangan ia bermakna calon kaya yang mewah dengan wang ringgit akan mengalahkan calon miskin walaupun calon yang lebih miskin mungkin adalah pemimpin yang lebih baik.

Lantaran itu, kita dapati mereka yang kaya mengambilalih kedudukan pemimpin dalam parti-parti politik, mempunyai kuasa untuk memberi lesen dan projek mereka sendiri, merangka polisi-polisi yang memberi faedah kepada diri mereka sendiri. Ini sudah tentu mendatangkan kemudaran kerana keputusan yang dibuat tidak berdasarkan kepada kepentingan orang ramai tetapi untuk keuntungan peribadi.

Kita masih tidak terlalu lambat untuk menghapuskan ikatan 'pemiagaan imbalan' dan 'Politik Wang'.

Kita mempunyai pihak-pihak berkuasa untuk mengawal-nya: Badan Pencegah Rasuah, Bahagian Jenayah Perdagangan Polis, agensi-agensi penyeliaan seperti Pendaftar Syarikat, Kementerian Perumahan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan banyak lagi.

Tetapi agensi-agensi berkenaan pada masa kini lemah dan tidak mampu untuk memenuhi tanggungjawab membasmi rasuah dan penyelewengan.

Apa yang diperlukan ialah keinginan yang kuat dari pihak awam untuk menghentikan skandal-skandal ini dan apa yang dirasakan oleh orang ramai hendaklah disuarakan. Ini tentu akan membuahkkan azam yang lebih kuat dan kesanggupan kepada ahli politik untuk menyelesaikan masalah.

Masalah ini kini kian berkembang seperti kanser dan mungkin dengan senyap dan ganas akan menyusup masuk ke salur nadi kehidupan kita dan struktur-struktur masyarakat kita.

Semua warganegara yang berhati mulia dan semua ahli-

ahli politik yang benar-benar ikhlas, ahli-ahli perniagaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat ingin melihat penyakit ini dihapuskan. Oleh itu kita seharusnya melipatgandakan usaha kita untuk membasmikan masalah ini dan menyelesaikannya secepat mungkin. — *Julai 1985*



POLITIKUS TIDAK SEPATUTNYA CEPAT MENJADI KAYA

PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK yang berkuasa seringkali ingin mengaut keuntungan bagi diri mereka sendiri. Mereka mempunyai peluang-peluang yang terbuka luas untuk cepat menjadi kaya raya.

Apabila kuasa berada di tangan mereka, ini membolehkan pemimpin-pemimpin berkenaan mengawal polisi ekonomi dan kewangan.

Mereka membuat keputusan syarikat manakah yang akan diberikan kontrak; sama ada untuk meluluskan permohonan bagi mendapatkan lesen dan sebagainya.

Politikus-politikus ini akan berkuasa ke atas semua bentuk 'lobi perniagaan'; misalnya ahli-ahli perniagaan yang meminta kerajaan supaya tidak memperkenalkan peraturan keselamatan makanan atau alam sekitar yang ketat, industri-industri yang ingin mendapatkan tarif import yang tinggi supaya mereka dapat mengenakan harga yang tinggi terhadap barang-barang keluaran mereka, syarikat-syarikat yang inginkan pengecualian cukai dan sebagainya.

Jika seseorang pemimpin itu terlalu tamak, beliau boleh mengumpulkan sejumlah besar wang melalui perbuatan menerima rasuah, komisen dan wang suap. Ini sebagai balasan kepada beberapa pertolongan yang diberi, kontrak, lesen, projek, mendapatkan kelulusan dan sebagainya.

Berapakah yang dapat dikumpulkan oleh seseorang pemimpin? Terlalu besar jumlahnya. Sebagai contohnya, kita lihat sahaja bekas Presiden Filipina, Marcos yang dilaporkan memiliki harta bernilai antara US\$2 bilion hingga US\$10 bilion.

Projek-projek pembangunan yang bernilai berjuta-juta dolar perlu mendapat kelulusan dari beliau terlebih dahulu. Syarikat-syarikat yang telah berjaya mendapatkan kontrak akan menyogok beliau dengan sejumlah besar wang (rasuah) untuk mengukuhkan lagi perjanjian tersebut.

Sebuah syarikat Amerika Westinghouse telah membayar komisen bernilai US\$80 juta kepada Marcos bagi mendapatkan kontrak untuk membina loji tenaga nuklear. Banyak syarikat Jepun menyogokkan 'wang suap' kepada keluarga Marcos untuk memenangi kontrak-kontrak.

Syarikat-syarikat multinasional yang besar itu telah menegenepikan beberapa peraturan tertentu daripada nilai sesebuah kontrak sebagai 'bayaran perkhidmatan yang perlu dibayar kepada politikus-politikus dan birokrat untuk mendapatkan pertolongan mereka.

Itulah sebabnya mengapa Puan Marcos digelar dengan nama 'Mrs Ten Percent'. Sebahagian daripada rasuah yang diterima itu dibelanjakan untuk membeli-belah di New York, 3,000 pasang kasut dan hadiah yang bernilai berjuta-juta dolar yang diberikan kepada rakan-rakan beliau termasuk keluarga Reagan.

Marcos juga memberi beberapa kontrak kepada rakan perniagaan dan anggota-anggota keluarganya. Mereka ini telah diketahui sebagai sahabat karib Marcos. Mereka akan berjaya mendapatkan kontrak bukan kerana kemahiran atau kecekapan mereka dalam bidang perniagaan, tetapi hanya kerana mereka kenalan rapat Marcos.

Tetapi, Marcos bukanlah satu-satunya pesalah yang terdapat pada masa ini. Semua negara mempunyai ahli-ahli politik yang menerima rasuah. Shah Iran misalnya, juga telah memungut berbilion dollar semasa masih berkuasa.

Baru-baru ini, sebuah akhbar Australia mendakwa Presi-

den Suharto dari Indonesia, keluarga dan rakan-rakannya sekarang memiliki antara US\$2 hingga US\$3 bilion yang diperolehi dengan menggunakan pengaruh dan hubungan mereka.

Kerajaan Indonesia menafikan perkara ini dan mengharakan wartawan Australia daripada membuat liputan lawatan Presiden Reagan ke Bali. Tetapi desas-desus masih kedengaran di sana sini.

Malaysia juga telah berhadapan dengan desas-desus berhubung dengan rasuah dan penyelewengan dalam urusan kewangan. Desas-desus ini timbul daripada beberapa peristiwa: Skandal BMF yang menyebabkan negara kerugian \$2.5 bilion; kejatuhan syarikat Pan-Electric; tuduhan mahkamah di Singapura terhadap Encik Tan Koon Swan; keadaan saham yang sentiasa berubah-ubah di Pasaran Saham dan sebagainya.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bidang perniagaan dan politik seolah-olah menjadi terlalu bercampur aduk di antara satu sama lain.

Perdana Menteri sendiri dengan tegasnya mengutuk pertumbuhan 'politik wang' dan di masa-masa lalu telah menyuarakan keazamannya untuk membanteras rasuah.

'Politik wang' mempunyai berbagai bentuk. Dalam setengah-setengah kes, politikus-politikus menggunakan wang untuk 'membeli' kuasa. Dalam keadaan yang lain pula, ahli-ahli perniagaan menggunakan wang untuk mendapatkan kontrak atau membeli pertolongan.

Dalam beberapa kes yang lain, politikus yang berkuasa mungkin menggunakan kedudukan masing-masing untuk mendapatkan keuntungan yang tidak adil bagi perniagaan yang dimiliki oleh rakan-rakan atau diri mereka sendiri, sehingga kadang-kadang membelakangkan undang-undang untuk berbuat demikian.

Kemudian kita akan menyaksikan keadaan yang amat memalukan, iaitu perbuatan menerima rasuah atau wang suap dan penipuan.

Berikutan perbuatan menipu dan rasuah, para pengguna-nalah yang mengalami kerugian yang paling besar. Ahli-ahli

perniagaan menaikkan harga dalam usaha untuk menutupi kos memberi rasuah. Syarikat atau bank mungkin runtuh berpunca daripada penipuan yang berlaku. Sementara itu pelabur-pelabur kecil dan orang ramai akan kerugian wang masing-masing. Projek-projek yang dirancangkan mungkin mengalami pembinaan yang buruk dan para pemaju akan bebas begitu sahaja disebabkan pengaruh mereka.

Akhirnya orang ramai akan menderita dan pembangunan terbantut.

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab setiap sektor masyarakat — kerajaan, polis, Badan Pencegah Rasuah, ahli-ahli perniagaan, para pengguna dan setiap anggota masyarakat — untuk menentang semua perbuatan rasuah.

Untuk memulakannya, kita perlu ada masyarakat yang lebih terbuka. Politikus-politikus di dalam kerajaan perlu mengisytiharkan harta mereka dari masa ke semasa. Peraturan, kriteria dan alasan-alasan bagi pemberian kontrak-kontrak kepada syarikat-syarikat perlu didedahkan kepada orang ramai.

Proses dan sebab-sebab di mana tanah menjadi hakmilik kerajaan negeri juga perlu diumumkan kepada orang ramai. Politikus-politikus perlu menggenepikan semua perjanjian perniagaan mereka apabila mereka berkuasa.

Langkah-langkah ini mungkin tidak boleh mencegah rasuah tetap sekurang-kurangnya dapat menyukarkan perbuatan rasuah.

Memang benar, perbuatan rasuah wujud di setiap negara. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap warganegara di setiap negara untuk mencuba mencegah dan mengurangkan kadar dan paras rasuah di negara masing-masing. —

Jun 1986



KERAJAAN MESTI BERSIHKAN RASUAH DAN PENIPUAN

PILIHANRAYA SUDAHPUN berlalu, begitu pantas sekali dan kini rakyat Malaysia kembali berpijak di alam nyata, kembali kepada masalah-masalah harian dan kehidupan sebenarnya.

Hanya beberapa hari selepas keputusan pilihanraya diumumkan, kerajaan telah membuat kenyataan tentang pembekuan aktiviti-aktiviti 23 koperasi yang mengumpulkan simpanan dari orang ramai.

Bagi kebanyakan rakyat biasa yang telah menyimpan wang mereka di dalam koperasi-koperasi ini, berita yang didedahkan begitu menggemparkan.

CAP sendiri dalam masa seminggu atau dua minggu sebelum pilihanraya telahpun menerima beberapa aduan dari penyimpan-penyimpan yang tidak dapat mengeluarkan kembali wang mereka dari kebanyakan koperasi itu.

Kejadian yang berlaku sungguh dahsyat. Dahsyat kerana ia melibatkan berbilion-bilion ringgit wang simpanan beratus-ratus ribu keluarga di Malaysia di mana sebahagian besarnya mungkin sudahpun lesap.

Dahsyat juga kerana begitu ramai politikus terkemuka telah dilantik sebagai pengarah dan ahli-ahli jawatankuasa beberapa buah koperasi di antara 23 buah yang telah dibekukan.

Lebih dahsyat lagi kerana selama bertahun-tahun koperasi-koperasi ini telah dibenarkan berfungsi sebagai bank dan syarikat tanpa tertakluk kepada penyeliaan atau peraturan yang mengawasi bank-bank atau syarikat-syarikat.

Begitu dahsyat kerana ia telah memperlihatkan hubungan yang rapat di antara politik dan perniagaan di dalam negara ini di mana politikus yang berpengaruh besar boleh memperkembangkan kepentingan-kepentingan perniagaan mereka sendiri walaupun dengan mengorbankan hak orang awam.

Amat dahsyat kerana ia mendedahkan sekali lagi tentang rasuah di dalam sistem kewangan dan bagaimana tindakan ahli-ahli perniagaan yang tidak bertanggungjawab telah mengancam kedudukan kewangan beratus-ratus ribu penyimpan. Keutuhan keseluruhan sistem kewangan negara juga kini turut tergugat.

Skandal ini sungguh dahsyat dan memeranjatkan sekali dan hampir tidak boleh difikirkan, malah ia mungkin lebih buruk daripada isu BMF. Skandal ini mengancam keluarga-keluarga secara individu dan boleh mencetuskan masalah kewangan kepada ramai orang.

Dalam kes BMF, kerugian ditanggung oleh negara secara keseluruhannya dan bahagian yang rugi sama-sama dirasai secara kolektif di mana tidak dirasakan oleh sesebuah keluarga secara individu.

Sepertimana skandal BMF atau kelumpuhan Pan-El, persoalan-persoalan yang sama juga berputar di kepala kita: Bagaimanakah semuanya berlaku? Mengapakah kawalannya begitu lemah? Mengapakah koperasi-koperasi itu dibenarkan atau digalakkan beroperasi sebagai perbadanan dan syarikat kewangan besar sejak mula-mula lagi? Mengapakah pihak berkuasa terlalu lewat bertindak walaupun tanda-tanda tipu-helah di dalam koperasi-koperasi sudah lama berlaku?

Persoalan-persoalan ini memerlukan jawapan segera, walaupun kita masih menunggu keseluruhan kisah BMF didedahkan. Bagaimanapun, apa yang jelas sekarang ialah kedudukan sistem kewangan kita telah dicemari dengan penyelewengan-penyelewengan dan penipuan yang terang-terangan.

Ia telah menjadi tempat bagi ahli-ahli perniagaan untuk mempermainkan orang awam dengan mengumpul wang mereka dan menggunakannya dengan cara yang menguntungkan kocek mereka sendiri di mana akhirnya menggugat keutuhan institusi dan sistem kewangan.

Justeru itu selain daripada berdepan dengan krisis ekonomi yang berpunca daripada kejatuhan harga-harga komoditi, Malaysia kini turut menghadapi krisis kewangan. Ia merupakan

krisis yang melibatkan keyakinan orang ramai terhadap kejujuran institusi kewangan, krisis yang menyebabkan kerugian berbilion-bilion ringgit wang orang ramai di mana wang simpanan mereka telah disalurkan untuk pinjaman-pinjaman yang tidak mungkin diperolehi semula atau pelaburan yang tidak menguntungkan.

Kita tidak boleh selamanya begini. Skandal koperasi masih belum diketahui sepenuhnya dan kita harap skandal-skandal seumpama ini tidak akan berlaku lagi. Dengan kemenangan baru majoriti dua pertiga, kerajaan mestilah memperlihatkan tekad pemerintahan yang dapat menyelesaikan skandal ini, memperoleh kembali wang sebanyak mungkin dan menghukum pesalah yang bertanggungjawab tanpa mengira setinggi mana pangkat dan pengaruh mereka.

Pihak berkuasa tidak seharusnya berlengah-lengah lagi kerana kini rakyat di seluruh negara malahan isi dunia sedang memerhatikan sama ada kekuatan pemerintah masih ada untuk membersihkan segala penyelewengan dalam sistem kewangan kita.

Dengan berakhirnya pilihanraya, tugas utama kerajaan ialah untuk memastikan kedudukan ekonomi pulih semula setelah beberapa tahun berada dalam kemelesetan. Tugas ini tentunya tidak mudah memandangkan harga komoditi yang masih di paras rendah dan berlakunya pelarian modal dan dalam masa yang sama keyakinan terhadap semua bentuk perniagaan penting masih belum dipulihkan.

Sebelum sesuatu pemulihan berlaku, kerajaan mestilah mengembalikan kepercayaan awam terhadap sistem kewangan yang mengalami kegoncangan dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kita sepatutnya tidak menghadapi masalah yang melibatkan dasar kewangan negara kerana ia akan turut menjejaskan kedudukan ekonomi dan akhirnya menghalang pemulihan keseluruhannya.

Kita adalah pengguna-pengguna di pasaran kewangan. Kita membuat simpanan di bank-bank, syarikat-syarikat kewangan, pasaran saham dan koperasi-koperasi. Sepertimana kita

berkehendakkan barangan yang dibeli itu terjamin keselamatannya, kita juga inginkan tempat-tempat simpanan wang sentiasa dalam keutuhan.

Pada suatu ketika dulu, pengguna biasa mungkin tidak mempersoalkan tentang keselamatan institusi-institusi kewangan kita: institusi-institusi itu kelihatan besar dan kukuh dan sudah semestinya ia selamat, jika tidak sudah pasti kerajaan tidak akan membenarkan institusi-institusi ini berfungsi.

Kini setelah pendedahan skandal BMF, setelah terserlahnya kejadian manipulasi pasaran saham dan berlakunya skandal koperasi, kemampuan institusi-institusi kewangan mula diragui. Institusi-institusi ini berserta pihak-pihak berkuasa kewangan akan mengambil masa yang panjang dan sukar pula untuk memenangi keyakinan orang ramai semula bahawa institusi kewangan boleh dipercayai dengan sepenuhnya. Tindakan yang diambil secepat mungkin akan mendatangkan kebaikan kepada setiap orang.

Satu perkara yang ketara di dalam pilihanraya umum sama ada sewaktu berkempen atau selepas mengetahui keputusannya ialah masyarakat Malaysia masih dibelenggu dengan polarisasi kaum.

Calon-calon pilihanraya telah berkempen dengan penuh bersemangat dengan memperalatkan politik perkauman. 'Hak bangsa kita mesti dilindungi, hanya parti kita sahaja mampu melakukannya!' begitulah yang dilaungkan oleh calon-calon ini baik dari parti mana jua pun.

Perbezaan etnik dalam sebuah negara seperti Malaysia sudah pasti berlaku dan perbezaan ini mungkin tidak dapat dielakkan dari menjadi isu-isu politik (dari segi ekonomi, sosial dan status budaya).

Bagaimanapun, isu-isu etnik ini tidak seharusnya menjadi isu yang amat penting di dalam sistem politik kita. Masalah-masalah pengguna yang dihadapi oleh semua kaum mestilah dianggap sebagai isu yang lebih penting iaitu berupa tipu helah dan penipuan oleh ahli-ahli perniagaan, pengangguran dan kemiskinan, masalah kekurangan zat makanan dan rumah yang

berkurangan, keselamatan makanan, pencemaran alam sekitar, pemupusan sumber-sumber dan kebebasan bersuara dan berpersatuan.

Ini merupakan isu-isu yang dihadapi oleh semua penduduk Malaysia tidak kira kaum dan keturunan. Dengan menegenahkan dan cuba mencari penyelesaian bagi masalah-masalah ini akan memberikan kesan yang lebih efektif ke arah melahirkan masyarakat berbilang kaum yang harmoni. Tindakan ini lebih baik daripada berterusan dengan sikap melaungkan kepentingan kaum sebagai dasar untuk polisi-polisi dan politik.

Apabila wakil keturunan Melayu bangun menyuarakan hak-hak keturunan bukan Melayu yang miskin; apabila wakil Cina berjuang untuk kepentingan penduduk kampung keturunan Melayu dan pekerja-pekerja India; apabila keturunan India menyuarakan isu untuk kepentingan kumpulan masyarakat bukan keturunan India; apabila kumpulan-kumpulan etnik utama juga mempertimbangkan masalah yang dihadapi oleh penduduk asal yang minoriti (di Malaysia Timur) atau penduduk asal (di Semenanjung Malaysia) dan kumpulan-kumpulan minoriti lain dan apabila kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang memikirkan perkara-perkara untuk kepentingan negara secara keseluruhannya, dan memikirkan cara-cara untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin yang kian ketara dan bagaimana untuk melaksanakan polisi-polisi untuk menjadikan negara lebih berdikari, maka barulah kita boleh menghasilkan sebuah negara berbilang kaum yang harmoni dan mengalami kemajuan sejati.

Semoga hari yang dinantikan itu akan tiba secepat mungkin dan moga-moga kita sama-sama bekerja keras agar impian ini menjadi kenyataan. — *September 1986*



'KEPERLUAN' MENGGANTIKAN 'SIFAT TAMAK' BAGI MEMULIHKAN EKONOMI KITA

KRISIS EKONOMI yang melanda dunia dan Malaysia pada masa kini lebih banyak disebabkan oleh sifat tamak manusia. Ketamakan telah menyebabkan orang ramai berkehendak dan membeli lebih banyak barang daripada yang mereka perlukan — sifat tamak yang mendorong ahli-ahli perniagaan dan tokoh politik untuk mendapatkan wang dengan menipu orang lain.

Dalam bulan Januari, Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Haji Mohamed Azmi Kamaruddin telah memberi ucapan yang menarik perhatian, mengkritik tentang bertambahnya sifat tidak jujur, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Beliau berkata: 'Dalam kegembiraan untuk mencapai kejayaan ekonomi, ramai rakyat Malaysia nampaknya telah hilang pertimbangan dan penghargaan terhadap nilai. Mereka membeli lebih banyak pakaian daripada yang boleh dipakai; makan dan minum lebih banyak daripada yang diperlukan oleh tubuh mereka malah mereka membina lebih banyak bangunan daripada yang boleh mereka tinggal di dalamnya. Ringkasnya rakyat Malaysia sedang hidup di luar kemampuan mereka.

Beliau juga mengecam para jutawan, pengarah dan pengurus koperasi, pegawai-pegawai bank dan tokoh-tokoh politik yang memanipulasikan wang dan akaun untuk faedah mereka sendiri, mengamalkan rasuah dan jenayah pecah amanah.

Hakim yang bijaksana itu telah mengatakan dengan tepat tentang kesalahan yang timbul di kalangan masyarakat kita dan beliau berhak mendapat ucapan tahniah dari kita terhadap analisisnya yang terus terang.

Berbulan-bulan lamanya CAP dan *Utusan Pengguna* telah menonjolkan contoh demi contoh tentang penyelewengan dalam koperasi dan perniagaan, bermula daripada ketidakadilan dan

penipuan dalam urusan perumahan dan tanah hinggalah kepada skandal-skandal Pan-El, BMF dan koperasi.

Kami telah berulang kali menggesa pihak polis Bahagian Jenayah Perdagangan supaya meningkatkan mutu perkhidmatan dan merampas aset mereka yang bersalah dari segi jenayah perdagangan dan ekonomi.

Jika ini dilakukan, peraturan dan keyakinan boleh dihidupkan kembali terhadap bidang ekonomi dan ini akhirnya menyebabkan pemulihan.

Pandangan Tan Sri Haji Mohamed Azmi tentang keadaan rakyat Malaysia yang hidup di luar kemampuan juga adalah penting. Individu-individu meminjam wang untuk membeli rumah, kereta dan set-set video. Kini mereka mengalami kesukaran untuk membuat bayaran ansuran bulanan.

Banyak syarikat dan ramai jutawan meminjam dari bank-bank dan orang ramai untuk membeli saham, tanah dan bangunan. Apabila nilai harta ini jatuh dengan hebatnya, mereka mengalami kerugian besar dan kini menempuh kehidupan yang susah.

Sektor awam juga meminjam dengan banyak untuk memulakan projek-projek raksasa yang mahal, termasuk bangunan-bangunan tinggi, jambatan, lebuh raya dan loji-loji perindustrian. Sebahagian besar daripadanya kini tidak digunakan oleh kerana kekurangan permintaan.

Jadi negara telah kerugian atau membazirkan berbilion-bilion ringgit disebabkan oleh sifat tamak dan perancangan yang buruk. Zaman perkembangan ekonomi pesat (dengan terdapatnya wang dan pinjaman asing yang banyak) menjadikan orang ramai terlalu yakin, bersikap pemboros dan banyak membazir.

Kini, di zaman kemelesetan kita merasakan kesempitannya dan membayar hutang-hutang. Mungkin ia merupakan satu pengajaran yang baik untuk kita pelajari.

Untuk memulihkan ekonomi dengan berkesan, kita terpaksa membasmi jenayah koperasi dan kembali kepada asas dalam strategi pembangunan.

Kita seharusnya menumpukan kepada penghasilan keperluan asas manusia (terutamanya majoriti yang lebih miskin) seperti makanan, barangan pengguna yang mudah, perumahan kos rendah dan pengangkutan awam yang murah.

'Dunia mempunyai sumber yang cukup untuk keperluan setiap manusia tetapi bukan untuk keperluan setiap manusia yang tamak,' kata Tolstoy beberapa tahun yang lalu. Kita sepatutnya menukar pengendalian ekonomi dan masyarakat kita daripada amalan sifat tamak kepada prinsip yang memenuhi keperluan.

Hanya dengan cara ini masyarakat kita dapat sedar semula dan berjaya di tahun-tahun akan datang. — *Februari 1987*



HENTIKAN PENYELEWENGAN KEWANGAN INI!

HARI DEMI HARI sistem kewangan kita semakin jelas berada di dalam keadaan yang buruk.

Dalam beberapa bulan yang lalu sahaja kita telah melihat:

- Bank Negara mengambil alih Oriental Bank, yang mengalami kerugian sebanyak \$64 juta yang melenyapkan modal berbayarnya.

- Bank Negara sendiri menjadi mangsa penipuan yang melibatkan \$22.2 juta.

- Bank Pusat Kerjasama (CCB) diletakkan di bawah pemegang amanah raya apabila tabungannya lenyap. Kerugiannya berjumlah \$726 juta pada akhir 1987 dan ia mengalami kekurangan modal sebanyak \$652 juta.

- SEG Insurance Co didaftarkan semula kerana ia mengalami bankrap dengan kekurangan modal sebanyak \$16 juta dalam bulan Jun 1987.

Ini merupakan keadaan yang cukup mengejutkan tetapi ia

hanyalah contoh-contoh kedudukan kewangan syarikat yang teruk di Malaysia.

Banyak bank dan syarikat kewangan lain terpaksa diselamatkan oleh Bank Negara. Malahan syarikat-syarikat lain pun boleh termasuk dalam senarai ini. Syarikat-syarikat kewangan ini telah memungut \$16 bilion dalam bentuk pinjaman yang tidak menguntungkan (non-performing loan). Seperempat daripada pinjaman tidak dapat diperolehi kembali!

Jadi, setengah daripadanya akan mengalami kesukaran untuk membayar balik kepada para penyimpan wang simpanan yang diperolehi dengan susah. Kita tidak akan terkejut jika Bank Negara terpaksa menyelamatkan lebih banyak bank yang mengalami kesusahan di masa depan.

Kegagalan besar koperasi kini tidak asing lagi bagi kita dengan penggantungan 22 buah koperasi pengambil deposit dalam tahun 1986. Tetapi skandal CCB adalah paling teruk.

'Bank koperasi induk' ini yang sepatutnya membantu dan menyokong semua koperasi lain sebaliknya menjadi sebuah institusi kewangan yang paling teruk. Kerugiannya sebanyak \$726 juta merupakan lebih daripada \$600 juta lebih kerugian yang dialami oleh gabungan 22 koperasi yang lain itu.

Kejatuhan syarikat-syarikat koperasi belum berakhir. Banyak lagi kes sedang menanti giliran, melibatkan kerugian besar. Pada masa hadapan, lebih banyak skandal akan didehalkan dan mengejutkan lagi orang ramai.

Pengumuman terbaru dan mungkin paling membimbangkan ialah penutupan SEG Insurance tidak lama lagi. Setelah berbulan-bulan menyiasat kedudukan industri tersebut, ini merupakan tindakan tegas Bank Negara yang pertama kali diambil ke atas sebuah syarikat insurans.

Langkah untuk menutup SEG Insurance telah diramalkan oleh CAP hampir setahun lalu. Dalam *Utusan Pengguna* (April 1988), kami melaporkan para pemegang polisi telah tidak dibayar tuntutan mereka dan Supreme-QBE (nama asal SEG Insurance) telah berhenti daripada mengambil polisi baru dan menghadapi masalah kewangan yang serius.

Kami juga mendedahkan tentang banyak syarikat lain yang enggan membayar tuntutan atau menanggungkannya. Dalam tahun 1986, CAP mula mendedahkan skandal syarikat-syarikat insurans yang mengeluarkan jaminan kewangan bagi pihak syarikat-syarikat lain.

Sesetengah daripada syarikat-syarikat ini tidak mampu membayar semula pinjaman bank mereka, jadi syarikat-syarikat insurans bertanggungjawab untuk menjelaskannya. Memandangkan pinjaman tersebut seringkali amat besar, modal berbayar syarikat-syarikat insurans tersebut mungkin lenyap.

Berdasarkan fail aduan dan siasatan CAP dan daripada kenyataan pihak berkuasa, kami mengetahui banyak syarikat insurans kini berada dalam kesulitan yang serius. Adakah penutupan SEG hanya merupakan permulaannya? Adakah syarikat-syarikat lain akan menerima nasib yang sama?

Jika demikian, ia akan merupakan tamparan hebat kepada berjuta-juta pemegang polisi. Tidak seperti bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan berlesen, syarikat-syarikat insurans tidak dilindungi oleh Bank Negara atau kerajaan.

Jika sebuah syarikat insurans bankrap, kerajaan tidak bertanggungjawab menyalurkan bantuan untuk menyelamatkannya, atau memastikan tuntutan dipenuhi ataupun premium dibayar balik.

Oleh itu ada kemungkinan para pemegang polisi syarikat-syarikat insurans yang mengalami kesusahan akan kehilangan premium mereka. Lebih buruk lagi, jika anda kurang bernasib baik kerana ditimpa kemalangan atau kebakaran, tuntutan anda mungkin tidak dibayar.

Keadaan ini telahpun berlaku ke atas ramai pemegang polisi Supreme-QBE (sekarang dikenali sebagai SEG). Kaum keluarga dua pemegang polisi yang meninggal di dalam dua kemalangan gagal mendapatkan tuntutan sebanyak \$300,000 dan \$100,000.

Mangsa-mangsa sebuah syarikat insurans yang mengalami kesulitan mungkin kehilangan berjuta-juta ringgit. Bagaimana jika beberapa buah syarikat tidak mampu membayar? Kita

mungkin mengalami satu lagi skandal yang melibatkan bilion ringgit yang merugikan kita.

Apa yang paling menyedihkan, ramai ahli politik dan orang yang berkuasa (seperti para Menteri, bekas Menteri, presiden dan orang yang berpengaruh dalam parti politik) terlibat di dalam banyak skandal tersebut sama ada skandal bank atau koperasi atau insurans.

Ramai ahli perniagaan besar dan ketua-ketua industri yang dipercayai serta Tan Sri, Datuk dan pemimpin masyarakat juga turut terlibat.

Bagaimanakah orang ramai hendak mempercayai orang-orang seperti ini di masa hadapan? Bagaimanakah kita hendak menaruh sepenuh kepercayaan terhadap bank, syarikat kewangan, syarikat insurans, koperasi dan institusi kewangan lain di masa hadapan? Sebagaimana yang diketahui umum, seluruh sistem kewangan tersebut dibentuk atas kepercayaan dan keyakinan.

Sememangnya menjijikkan juga apabila pihak berkuasa yang diharapkan untuk melindungi orang ramai telah gagal menjalankan tugasnya untuk menyelia dan bertindak terhadap institusi kewangan yang melakukan penyelewengan.

Pendaftar Koperasi, Pendaftar Syarikat dan Jabatan Insurans telah gagal menjamin satu sistem kewangan dan korporat yang kukuh. Bank Negara kini telah mengumpulkan lebih banyak kuasa ke atas pelbagai cawangan sistem kewangan (telah mengambil alih banyak koperasi dan meletakkan industri insurans di bawah kawalannya).

Tetapi Bank Negara sendiri telah melakukan penyeliaan yang amat lemah ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Kini ia sendiri menjadi mangsa kegiatan orang dalamnya yang melibatkan \$22.2 juta, rompakan bank terbesar dalam sejarah bank.

Sama-samalah kita berharap agar Bank Negara kini telah mengetatkan kawalannya ke atas para pengarah, peminjam dan pesalah lain. Langkahnya untuk merampas pasport dan membekukan aset sesetengah peminjam besar CCB merupakan

langkah yang tepat.

Namun banyak lagi yang perlu dilakukan dan lebih sistematis jika kerajaan bersikap tegas dalam menghapuskan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Jawatankuasa kabinet tentang penyelewengan dan peranan Badan Pencegah Rasuah yang lebih aktif yang telah kita ketahui kebelakangan ini, boleh memainkan peranan sebagai penghapus masalah yang baik.

Tetapi kita terpaksa menanti untuk melihat sama ada benar-benar terdapat kuasa politik untuk menghentikan penyelewengan dari segi kewangan.

Perkara-perkara berikut perlu dilakukan jika rasuah hendak diatasi secara serius:

- Ahli-ahli politik dan parti-parti politik tidak seharusnya mempunyai pengaruh ke atas institusi-institusi kewangan. Bank-bank seharusnya tidak dibenarkan memberi pinjaman berdasarkan permintaan daripada mereka yang terlibat di dalam politik.

- Badan Pencegah Rasuah perlu menyiasat proses permohonan dan kelulusan pinjaman di semua institusi kewangan dan menyingkirkan para pegawai (walau bagaimana tinggi kedudukannya) yang menerima rasuah dan pertolongan lain.

- Keupayaan pihak polis dan Pejabat Peguam Negara perlu diperkembangkan untuk mengendalikan segala jenis jenayah komersial dan rasuah. Penyiasatan dan dakwaan mesti ditumpukan terutamanya ke atas 'ahli-ahli peniagaan besar' dan bukan hanya kepada pesalah yang lebih kecil kesalahannya.

- Undang-undang berhubung dengan jenayah ekonomi mesti disemak semula; supaya mereka yang bersalah kerana rasuah atau penipuan dikehendaki membayar semula setiap sen daripada kekayaan yang mereka perolehi secara haram. Ketidakmampuan untuk membayar semula perlu dilanjutkan lagi hukuman penjara.

Apa yang penting bukan sahaja membawa penjenayah individu ke pihak pengadilan tetapi operasi yang amat meyakinkan dan kestabilan sistem kewangan dan masa depan ekonomi kita. — *Mac 1989*



V

**POLITIK DAN
KEPIMPINAN**

PENGANUGERAHAN HARI JADI

SEDARKAH ANDA BAHAWA negara kita begitu kerap sekali mengadakan istiadat penganugerahan darjah kebesaran dan pingat-pingat kepada rakyatnya?

Saban kali apabila seorang Sultan atau Yang Di Pertua Negeri menyambut ulangtahun hari lahir mereka, ada saja penganugerahan diberikan kepada rakyat yang dirasakan telah memberi khidmat cemerlang kepada masyarakat.

Istiadat perayaan ulangtahun keputeraan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung sendiri merupakan satu istiadat penganugerahan kebangsaan.

Lantaran itu, beratus orang rakyat dianugerahkan pelbagai pingat kebesaran dan gelaran setiap tahun.

Pada dasarnya memanglah tidak menjadi kesalahan untuk memberi penganugerahan kepada mereka yang telah berjasa kepada masyarakat.

Apabila seseorang individu telah melakukan kebajikan untuk kepentingan semua, kita akan memberikan beliau penganugerahan sebagai mengenang dan menghargai jasa dan budi baik yang telah diberikan. Ini secara tidak langsung menyemaikan semangat agar yang lainnya akan turut menjejak langkah yang sama.

Malangnya, penganugerahan seperti ini kadangkala mendatangkan kesan-kesan negatif kepada rakyat kita.

Seseorang yang benar-benar luhur dalam khidmatnya kepada masyarakat jarangkali mengharapkan sesuatu atau mahukan 'anugerah' sebagai membuktikan bahawa beliau banyak berjasa.

Kini ada orang yang kepingin mendapat anugerah bukan kerana jasa baik yang telah mereka lakukan tetapi semata-mata untuk mengecap faedah-faedah yang diperolehi darinya.

Dengan mendapat gelaran 'Tan Sri' atau 'Datuk', peluang perniagaan mereka pasti dapat diperbesarkan, mendapat peluang kenaikan pangkat atau secara cepat-kilat kedudukan

mereka tiba-tiba melambung ke tempat yang lebih enak lagi.

Kita tidak menolak kebenaran bahawa sambungan gelaran pada nama seseorang atau pingat yang mengekori setiap tandatangan beliau memberikan satu 'kebanggaan' bahawa beliau seorang yang besar dan ternama.

Nyata sekali pangkat kenamaan ini terbukti penting agar dapat mengecapi berbagai manisan dan kesenangan di dalam hidup.

Pemegang gelaran ini pasti akan dapat menikmati berbagai keutamaan — peluang baik dalam perniagaan, perhubungan perniagaan, dan layanan yang pasti dan sentiasa memuaskan (kadang-kadang langsung tidak ada soal-jawab) dari pegawai-pegawai tidak kira sama ada dari pihak kastam, polis mahupun dari pegawai kerajaan.

Anugerah sempena ulangtahun kelahiran juga adakalanya berbau politik. Sebagai contohnya, beberapa anugerah gelaran telah diperturunkan kepada ahli parti politik atau lain-lain organisasi yang setia berkhidmat untuk seseorang kenamaan atau kepada mereka yang khidmatnya masih terus diperlukan.

Penganugerahan seperti ini mungkin satu fahaman feudal yang tidak diingini dan merupakan persambungan kepada sistem naungan. Ia akan membangkitkan sikap 'aku berkuasa sekarang' dan fahaman 'sokonglah aku, pasti jasamu dikenang.'

Dalam sistem demokrasi seperti yang kita amal sekarang, sudah semestinyalah semua orang dianggap sama rata. Rasanya sistem penganugerahan darjah dan pingat lebih berat ke arah membezakan antara lapisan masyarakat.

Sindrom seumpama ini jelas dapat disaksikan dalam apa-apa bentuk upacara rasmi atau jamuan malam yang dihadiri oleh golongan kenamaan.

Kebiasaannya, juruacara sudah pasti tidak dapat tidak dalam ucapannya akan mengalu-alukan kehadiran 'Yang Berhormat ... Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin ...' sebelum mengakhirinya dengan 'Tuan-Tuan dan Puan-Puan'.

Cara membezakan gelaran seperti ini sebenarnya adalah

utama ini. Kadangkala kita akan terfikir, berapa ramaikah ahli politik yang berpengetahuan tentang isu ini.

Pengguna berharap keadaan ini akan berubah. Kami juga berharap agar mereka yang terlibat dalam politik melakukan sesuatu, mencari masalah akar umbi, dan fikirkan tentang polisi yang boleh menyelesaikan masalah ini.

Bila bertanding dalam pilihanraya, ahli politik perlu membangkitkan masalah yang melibatkan orang ramai ini. Mereka perlu mengumumkan pendirian mereka bagaimana masalah ini akan diselesaikan sekiranya mereka terpilih.

Pengundi kemudiannya akan tahu apakah polisi yang beliau akan undi. Dan rakyat akan tahu apakah pendirian ahli politik kita. — *Mei 1984*



POLITIKUS PERLU HENTIKAN PERCAKAPAN TENTANG ISU PERKAUMAN

SUNGGUH MEMALUKAN apabila tokoh-tokoh politik kita bercakapan mengenai isu perkauman sedangkan pada masa yang sama masalah-masalah *sebenar* yang dihadapi oleh rakyat tidak dibincangkan dengan teliti.

'Perbalahan' di antara UMNO dan MCA menjadi tajuk besar berita dalam akhbar-akhbar selama beberapa minggu dalam bulan November lalu. Di Parlimen, seorang ahli Parlimen menggelar rakyat bukan Melayu sebagai 'pendatang'. MCA Selangor telah bertindak balas dengan mempersoalkan status Melayu sebagai 'Peribumi' sebenar di Malaysia.

Hanya setelah begitu banyak pertengkaran mulut dan berita-berita utama akhbar tentang tuduhan antara keduanya,

barulah isu itu diselesaikan. Dalam masa yang sama, isu yang ditimbulkan ini telah menyentuh perasaan pelbagai kaum di Malaysia.

Kejadian ini amat tidak patut berlaku dan lebih buruk lagi ia menggugat keharmonian antara kaum di mana setiap orang di antara kita warganegara Malaysia sepatutnya bekerja keras untuk mencapai matlamatnya. Segala usaha kita untuk mencapai keharmonian ini boleh dimusnahkan hanya dengan komen-komen dan kenyataan remeh oleh tokoh-tokoh politik yang tidak bertanggungjawab.

Sewaktu pertikaian MCA-UMNO sedang memuncak, seorang tokoh wartawan veteran telah memberikan komen yang bermakna kepada saya: 'Tokoh-tokoh politik yang terlibat dalam kancah perbalahan mulut ini berbuat demikian untuk menjadi cepat popular di kalangan parti mereka sendiri dan masyarakat mereka,' kata beliau.

'Salah seorang akan kelihatan sebagai jaguh dalam masyarakatnya sementara seorang lagi akan menerima gambaran sebagai pembela masyarakatnya. Kemungkinan keadaan itu akan menjadikan setiap orang di antara mereka lebih berpengaruh di dalam pilihanraya parti dan pandangan orang awam.

'Mereka beroleh keuntungan daripada perbalahan mulut yang menyentuh isu perkauman, tetapi semua masyarakat dalam negara kita dan keharmonian antara kaum menanggung kerugiannya.'

Komen yang diberikan itu memberikan gambaran kepada saya tentang satu analisis yang amat tepat terhadap apa yang sedang berlaku. Semangat perkauman yang diperalatkan oleh tokoh-tokoh politik sewaktu Pilihannya Umum dahulu kini ditiupkan kembali walaupun selepas tamat pilihanraya.

Ini melambangkan sikap yang amat tidak bertanggungjawab. Semua kita yang cintakan negara dan rakyat kita — rakyat dari semua keturunan dan tidak semata-mata rakyat keturunan sendiri — mesti berusaha sebaik mungkin untuk menghentikan sikap yang memandang masalah-masalah dari skop pandangan perkauman yang sempit. Kita mesti mengkritik tokoh-tokoh

politik yang memeralatkan perasaan perkauman dan bukannya menggalak atau memberi sokongan kepada mereka.

Jika kita tidak mengambil sikap sedemikian, maka kita semua golongan *rakyat* akan mengalami kerugian. Tokoh-tokoh politik mampu mengalihkan perhatian kita daripada isu-isu sebenar yang kita hadapi, seperti krisis ekonomi, skandal-skandal kewangan dan masalah-masalah kesihatan yang membelenggu masyarakat kita.

Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh rakyat berlaku kepada semua kumpulan masyarakat. Kini pengangguran semakin tinggi dan akan meningkat lagi. Pendapatan para petani, kaum nelayan dan pekerja-pekerja semuanya kian merosot.

Terdapat ramai pengkhianat yang mempunyai kuasa di dalam banyak syarikat dan institusi-institusi kewangan kita. Isu BMF masih lagi berlangsung di mahkamah London dan Hong Kong, kini kita berhadapan pula dengan skandal koperasi. Negara telah kehilangan sejumlah \$2.5 bilion menerusi BMF. Manakala 600,000 penyimpan di koperasi-koperasi kerugian lebih 600 juta, ramai di antara mereka telah kehilangan wang simpanan seumur hidup.

Bagi kedua-dua kes itu, kisah sepenuhnya masih belum diketahui. Hanya beberapa orang sahaja telah dituduh sebagai pengkhianat. Kebanyakan pengkhianat-pengkhianat itu telah meraup semua wang yang berjumlah berbilion-bilion ringgit itu.

Jika ekonomi kita masih muram pada tahun ini, kemungkinan ia akan memburukkan lagi keadaan ramai orang pada tahun depan. Ramai orang kini merasa bimbang dengan jaminan pekerjaan mereka. Dan hampir 200,000 golongan muda akan memasuki pasaran kerja buat pertama kalinya bermula dari bulan depan. Krisis yang berlaku sekarang menandakan titik tolak kedudukan ekonomi negara. Apakah yang perlu kita lakukan untuk mengatasi krisis ini?

Di Bukit Merah, apa yang diperlihatkan sekarang ialah kilang yang mengeluarkan sisa-sisa radioaktif mungkin secara haram melonggokkan sisa-sisa beracun di tempat-tempat awam

dan mungkin telah menjualnya dalam bentuk baja kepada para petani. Ramai pengeluar makanan menjual makanan yang diketahui berbahaya kepada kita, mengandungi pewarna beracun, bakteria dan logam berat. Ramai ibu bapa yang bimbang kemungkinan susu, jem dan buah-buahan yang diimport dari negara-negara Eropah mengandungi sisa-sisa radioaktif akibat dari letupan loji nuklear di Rusia.

Di kawasan-kawasan luar bandar, taraf hidup rakyat bertambah buruk akibat kejatuhan harga-harga komoditi. Masalah kekurangan zat makanan kian ketara, kekurangan tanah mendatangkan masalah, hutang-hutang semakin bertambah dan keadaan hidup masih buruk bagi sebahagian besar rakyat luar bandar.

Selain daripada itu, ramai masyarakat luar bandar menghadapi masalah-masalah yang runcing. Kaum petani seperti di estet Thean Teik Pulau Pinang telah diarah supaya meninggalkan tanah mereka untuk memberi laluan bagi projek perumahan. Nelayan-nelayan kecil amat bimbang kemungkinan bot-bot pukut tunda akan mencerobohi kawasan mereka memandangkan Akta Perikanan telah dipinda dan membolehkan mereka berbuat demikian. Peneroka-peneroka FELDA yang menanam semata-mata kelapa sawit mengalami kemerosotan pendapatan yang amat teruk. Penanam-penanam kelapa amat terancam kerana kejatuhan harga kelapa. Di estet-estet yang ramai orang India dan Melayu keadaan hidup mereka masih di tahap yang begitu teruk. Di kilang-kilang, kawasan perlombongan dan pembalakan, pekerja-pekerja dari semua keturunan telah diberhentikan kerja namun ramai tidak mendapat faedah-faedah rentikerja yang sewajarnya.

Ini merupakan gambaran buruk yang dihadapi oleh negara di saat kita melangkah masuk ke tahun 1987. Pemimpin-pemimpin politik dan tokoh-tokoh politik dari semua parti mesti memperjuangkan isu-isu ini yang melibatkan kehidupan dan pekerjaan rakyat.

Parlimen dan media mesti memberi perhatian dan mengetengahkan masalah-masalah rakyat yang seumpama ini.

Jangan menggunakan kaum dan memeralatkan isu perkau-
man untuk mendapat mandat sehingga menyebabkan orang
ramai melupai kebimbangan mereka yang sebenarnya.

Penduduk Malaysia mempunyai asas keharmonian ke-
manusiaan dan penyatuan yang berdasarkan kepada keperluan
untuk berjuang mengatasi krisis ekonomi, menentang
penyelewengan korporat dan berjuang untuk menghapuskan
rasuah dan ketidakadilan. Dengan itu kita dapat membina
sebuah masyarakat yang setiap ahlinya mengecapi keperluan
asas, kemanusiaan dan kerohanian.

Oleh itu marilah kita membuat satu azam sempena keda-
tangan tahun baru bahawa: **TAHUN 1987 TIADA LAGI PER-
CAKAPAN DAN TINDAKAN BERBAU PERKAUMAN.** Tokoh-
tokoh politik sepatutnya menjadi orang pertama berpegang
kepada azam ini! — *Disember 1986*




POLITIK HARUSLAH UNTUK RAKYAT

KEADAAN POLITIK di negara kita berterusan terjerumus ke
arah kancah perselisihan peribadi yang bertujuan untuk me-
menangi atau mengekalkan kuasa demi kepentingan sendiri —
bukannya untuk kepentingan masyarakat secara keseluruhannya.

Ini boleh membawa hilang kepercayaan orang awam
secara terus menerus terhadap politik dan ahli-ahli politik yang
merupakan satu tragedi, terutamanya pada tahun ini sewaktu
kita sedang merayakan ulangtahun Parlimen ke-25.

Dalam pertelingkahan antara parti-parti politik yang ber-
laku sekarang, pihak media mengetengahkan keadaannya se-
bagai pertempuran antara dua jaguh, untuk mengatasi antara
satu sama lain.



Dan orang awam yang terpaksa memerhatikan pertentangan peribadi antara 'orang kuat' ini dengan pertarungan diletakkan kepada siapa yang akan menang, tidak ubah seperti keadaan pertarungan tinju atau gusti.

Apakah yang diperjuangkan oleh golongan ini? Apakah isu-isu yang sedang dibahaskan? Apakah program-program atau polisi-polisi yang cuba dibawa ke tengah? Semua persoalan-persoalan penting ini telah lenyap dalam keghairahan perselisihan antara peribadi.

Dengan itu semua bahan-bahan politik yang penting — merupakan polisi-polisi yang melibatkan orang ramai, seperti makanan, perumahan dan pekerjaan, telah diabaikan. Tempatnya digantikan dengan bentuk politik yang berupa laungan-laungan, poster-poster dan sepanduk-sepanduk, dan kini menjadi kes-kes mahkamah bantahan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa.

Mungkin perselisihan antara peribadi merupakan suatu yang ghairah untuk dilihat dan diperkatakan. Tetapi akhirnya, bagaimana pula dengan kualiti kehidupan dan taraf hidup serta

tahap penyatuan rakyat biasa.

Kita sedang hidup dalam keadaan yang serba menyempitkan, dengan wujudnya berbagai-bagai masalah — ekonomi, hutang luar yang semakin bertambah, dan amalan pengurangan bilangan pekerja yang melibatkan beribu-ribu para pekerja. Masalah perumahan semakin meruncing, hanya segelintir yang mampu membeli rumah. Sepertiga dari kanak-kanak kita berkeadaan kekurangan zat makanan. Dan berbagai-bagai skandal lagi berlaku di dalam masyarakat — dari kekurangan pada berat timbangan makanan dan makanan-makanan yang bercampur amalan pedagang-pedagang kecil sehinggalah kepada amalan rasuah dan penyelewengan-penyelewengan secara besar-besaran di bank.

Sumber-sumber semulajadi kita kian mengalami kepupusan atau dicemari sehingga masyarakat kampung tidak dapat lagi menggunakan air sungai sementara ikan-ikan di dalamnya pula habis musnah. Di manakah kita boleh mencari tanah untuk bercucuk tanam sumber-sumber makanan kita untuk masa depan? Dari manakah boleh kita perolehi bekalan kayu apabila kesemua hutan yang ada telah ditebang?

Penggunaan sumber-sumber semulajadi, pengagihan pendapatan negara kita, perkongsian kekayaan, pembasmian kemiskinan, keperluan-keperluan asas yang perlu dipenuhi, pembasmian rasuah: seharusnya merupakan isu-isu penting yang perlu dibincangkan oleh orang awam dan ahli-ahli politik.

Hanya setelah isu-isu ini diatasi, barulah akan wujud keharmonian dan penyatuan di dalam negara. Kini tibalah masanya bagi ahli-ahli politik kita mengetengahkan isu-isu ini dengan sewajarnya dan membincangkannya secara terbuka dengan bersungguh-sungguh.

Mereka seharusnya memperjuangkan isu-isu ini yang melibatkan orang ramai daripada berjuang untuk kepentingan diri sendiri tanpa memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat biasa. — Mei 1985



KEPIMPINAN TULEN MELALUI TELADAN YANG BAIK

'KEPIMPINAN MELALUI TELADAN' merupakan pilihan slogan yang amat baik dalam usaha kerajaan untuk membaiki kedudukan masyarakat. Slogan ini seharusnya mendapat sokongan penuh dari orang awam.

Apa yang menyedihkan pula ialah terdapat segelintir kakitangan terkemuka dalam kerajaan kita dan golongan elit yang terang-terang tidak mematuhi nilai 'Kepimpinan Melalui Teladan'.

Dalam menjalankan beberapa kempen atau polisi seolah-olah dapat dilihat golongan ini mengamalkan sikap 'cakap tak serupa bikin', terutama dari segi pelaksanaannya — satu ukuran digunakan kepada rakyat biasa tetapi satu ukuran lain pula untuk 'orang-orang penting'.

Sebagai contoh, kakitangan kerajaan digesa datang dan pulang ke pejabat tepat pada waktunya. Ini merupakan satu langkah yang baik di mana pemimpin-pemimpin kita sering mengingatkan para pekerja baik di sektor awam mahupun swasta supaya '*berdisiplin*'.

Tetapi keadaan sebaliknya berlaku di Parlimen. Kita dapat sangat sedikit bilangan Ahli-ahli Parlimen yang hadir apabila Parlimen bersidang.

Malah, kadangkala disebabkan terlalu sedikit bilangan yang hadir menyebabkan persidangan terpaksa dihentikan buat sementara waktu kerana kekurangan korum.

Kita mempunyai Ahli Parlimen seramai 154 orang dan dalam satu persidangan bilangan yang paling sedikit perlu hadir ialah seramai 26. Namun dalam banyak keadaan, Speaker mendapati bilangan Ahli Parlimen tidak mencukupi bagi membolehkan persidangan diteruskan.

Dalam setengah kes pula, Menteri-menteri sendiri tidak hadir untuk menjawab persoalan yang dikemukakan tetapi

menghantar setiausaha-setiausaha untuk melakukan tugas tersebut.

Lebih nyata lagi, Ahli-ahli Parlimen ini dibayar elaun harian apabila setiap kali Parlimen bersidang, selain dari elaun-elaun bulanan mereka yang sudah cukup besar serta faedah-faedah sampingan lain.

Dalam perkataan lain, walaupun Ahli-ahli Parlimen kita dibayar untuk menghadiri persidangan, namun ramai antara mereka yang jarang menghadiri sesi yang dijalankan.

Jadi bagaimanakah rang undang-undang yang dicadangkan untuk dibincangkan dalam Parlimen, isu-isu dan polisi-polisi boleh dibincangkan dan dibahaskan dengan serius jika sikap 'tidak apa' diamalkan?

Jika pemimpin-pemimpin kita dan perwakilan-perwakilan bersikap sebegini, di manakah mereka memperolehi kuasa moral untuk memberitahu *rakyat* supaya berdisiplin?

Cuba kita lihat satu contoh lain: Kempen Kesederhanaan. Pekerja-pekerja sama ada di sektor awam atau swasta sering diingatkan tentang kemelesetan ekonomi, imbangan pembayaran yang mengalami defisit dan keperluan untuk 'berjimat-cermat'.

Negara tidak mampu *bersikap penuh kemewahan* dan kita tidak boleh berbelanja di luar kemampuan kita.

Namun, apakah kesan yang dapat kita lihat? Ketika golongan miskin bersungguh-sungguh 'mengikat perut' berikutan inflasi dan pengurangan pendapatan, ternyata golongan elit terus membelanjakan wang mereka dengan mewah.

Kian banyak BMW dan Volvo menjalar di jalan raya-jalan raya kita yang sudahpun sesak. Terdapat banyak pameran dan jualan barang-barang permata mewah. Semakin ramai golongan elit kita membeli rumah-rumah yang lengkap dengan kolam mandi, peralatan untuk mandi wap, gimnasium dan seumpamanya... Hotel-hotel dan restoran-restoran berterusan menerima tempahan untuk majlis makan sempena sambutan perkahwinan atau majlis harijadi yang menelan belanja antara \$20,000 hingga \$50,000.

*Kita mesti berfikir cara
Malaysia...
Kita mesti beli
barang buatan
Malaysia...*



Tentulah sukar bagi pekebun-pekebun kecil yang mengalami kejatuhan harga getah atau bagi pekerja-pekerja yang terlibat dalam pengurangan tenaga kerja di kilang-kilang dan lombong atau bagi kakitangan awam yang gaji mereka dibekukan untuk 'mengikat perut' apabila mereka melihat golongan elit masih terus berbelanja dengan mewah.

Kita juga diminta membeli 'Barangan buatan Malaysia'. Sekali lagi ia merupakan satu kempen yang baik di mana tujuannya untuk mengurangkan import barangan dan menggalakkan pergantungan ekonomi sendiri.

Kempen ini juga seharusnya lebih ditujukan kepada golongan elit kita.

Golongan miskin sudah tentu tidak mampu untuk membeli barangan import yang lebih mahal. Rumah papan mereka diperbuat daripada balak tempatan, peralatan rumah mereka (seperti penyapu lidi, periuk — belanga, dan perabot) semuanya buatan tempatan dan diet mereka terdiri daripada beras dan sayuran tempatan dan ikan tangkapan tempatan.

Sebaliknya golongan elit pula menggunakan kasut Bally yang berharga \$250, kemeja Pierre Cardin \$300, pewangi Chanel No. 5 \$100, jam tangan Rolex \$2,000, makan 'beef steaks' yang diimport \$40, minum brandi XO \$200, memandu kereta BMW \$80,000 dan menghias rumah dengan marmar Itali, permaidani dari Parsi dan lampu-lampu hiasan dari Venice dan pergi bercuti ke luar negeri yang memerlukan banyak perbelanjaan.

Barang-barang mewah ini sepatutnya disekat, andaikata kita benar-benar mahu mengamalkan Konsep Kesederhanaan dan Kempen Membeli Barangan Malaysia.

Oleh itu, apabila orang awam menyokong slogan dan kempen kerajaan ini, kita amat berharap ia akan dilaksanakan dalam cara yang benar-benar membawa erti.

Seharusnya ukuran dan prinsip yang sama diterapkan kepada setiap orang — sama ada di peringkat atasan atau bawahan dan juga kepada mereka dalam golongan pertengahan.

Sebagai permulaan, Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen hendaklah lebih serius mengendalikan soal Parlimen, sekurang-kurangnya menghadiri persidangan di samping membaiki mutu perbahasan.

Dan untuk menjadikan slogan kesederhanaan dan kempen 'Membeli Barangan Malaysia' benar-benar bermakna, kemewahan dalam perbelanjaan bagi golongan elit hendaklah disekat dengan menggunakan kaedah seperti cukai yang tinggi bagi barangan mewah.

Keistimewaan kepada Menteri-menteri dan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri seperti kereta-kereta mewah yang baru dalam masa beberapa tahun dan percutian ke luar negeri yang tidak berfaedah hendaklah dihentikan.

Dari sini, barulah kita boleh memperolehi kepimpinan tulen melalui teladan yang baik. — *Jun 1985*



KAKITANGAN AWAM PATUT BERKHIDMAT KEPADA ORANG RAMAI

KITA MERASA AMAT terkejut dan sedih apabila melihat beberapa orang kakitangan awam enggan menunaikan tanggungjawab masing-masing untuk berkhidmat kepada orang ramai.

Telah lama CAP membuat pendedahan tentang bagaimana pengguna ditipu apabila membeli barangan berdasarkan sewa beli. Kami tidak mendapat sebarang jawapan melalui surat-surat yang dikirimkan kepada Bahagian Kawalan Sewa Beli.

Utusan Pengguna dan beberapa akhbar lain mendedahkan bagaimana kedai-kedai dan syarikat kewangan mengenakan bayaran lebih kepada pengguna. Namun hingga kini penipuan masih berterusan. Jadi, sekarang kami terpaksa membuat kesimpulan bahawa bahagian Kawalan tidak wujud, ataupun ia hanya satu 'impian'.

Pada bulan Disember 1985 terdapat dua contoh menarik berkaitan dengan keengganan kakitangan awam untuk memberi khidmatnya.

Mula-mula ialah Encik Abdul Rahim Jalaluddin, Ketua Pengarah Pemeriksa Elektrik. CAP menunjukkan pasaran hari ini dibanjiri dengan barangan elektrik yang berbahaya (plug, wayar, soket, lampu dan sebagainya) yang telah menyebabkan 417 kematian akibat kejutan elektrik dalam jangkamasa 10 tahun lalu (*Utusan Pengguna* Dis 1985).

Maklum balas dari Encik Rahim mengenai perkara ini amat mengejutkan. 'Kami tidak dapat menghalang penjualan barangan seperti itu, atau merampasnya — itu akan melibatkan tindakan mahkamah terhadap kami,' katanya kepada pihak akhbar.

'Kita boleh mendakwa, tetapi kosnya mahal dan memakan masa yang panjang.'

Jadi kuasa Ketua Pengarah dikurangkan semata-mata hanya untuk menasihati pengguna supaya 'menjadi seorang yang pemilih apabila membeli barangan elektrik dan sentiasa membaca label'.

Ini sudah pastilah perkataan yang keluar dari mulut seorang yang enggan menjalankan kewajibannya. Di bawah Akta Pemeriksa Elektrik 1983 yang dikuatkuasakan pada bulan Januari 1984, sesiapa sahaja yang mengimport atau menjual sebarang peralatan yang tidak diluluskan boleh dikenakan denda maksimum sebanyak \$15,000 atau penjara maksimum selama lima tahun.

Apakah faedahnya mempunyai undang-undang atau badan seperti Pemeriksa Elektrik itu jika mereka enggan bertindak dan sebaliknya mengeluarkan berbagai alasan tanpa berbuat apa-apa? Berpunca dari sikap inilah menyebabkan pengguna terus terdedah kepada barangan elektrik yang boleh menyebabkan berlakunya kejutan elektrik dan kematian.

Jika CAP yang hanya memberi khidmat secara sukarela dapat mengesan barangan yang berbahaya itu, mengapa tidak Pemeriksa Elektrik yang mempunyai kakitangan yang lengkap berbuat demikian?

Berikutan kenyataan Encik Abdul Rahim yang tidak memberangsangkan itu CAP sekali lagi membuat tinjauan di pasaran pada pertengahan bulan Disember 1985. Kami dapati lampu meja hiasan yang mengeluarkan asap dan boleh menyebabkan seseorang itu tidak sedarkan diri atau mati masih terus dijual di pasaran.

Pada bulan Ogos 1985, apabila CAP mula-mula mendedahkan perkara ini, Encik Abdul Rahim mengumumkan bahawa beliau telah mengarahkan pegawai-pegawainya untuk menyiasat perkara ini dan bahawa banyak pasaraya dan kedai telah mengeluarkan barangan itu.

Bagaimanapun, kajian CAP baru-baru ini yang meliputi beberapa buah kedai di Pulau Pinang, Butterworth, Prai, Sungai Bakap dan Nibong Tebal mendapati lampu-lampu tersebut kembali dijual di pasaran. Jelaslah tidak ada sesiapaupun yang

merasa takut malah mungkin tidak mengetahui tentang kewujudan bahagian pemeriksa elektrik. Apa yang telah dilakukan oleh badan ini untuk melindungi pengguna?

Kedua, orang ramai telah memperkatakan tentang sikap Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Omar yang menyelar Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin kerana meminta Laporan Terakhir kes BMF disiarkan kepada umum.

Malahan beliau mengatakan bahawa beliau enggan mendengar apa-apa lagi dari Jawatankuasa Siasatan BMF. Orang ramai tertanya-tanya tentang pendirian beliau yang seharusnya mendakwa bagi pihak orang ramai sebaliknya beliau seolah-olah mendakwa hak-hak awam bagi mendapatkan maklumat di atas kehilangan wang \$2.5 bilion.

Malah Peguam Negara Hong Kong sendiri tidak menyuarakan bantahannya terhadap pendedahan laporan BMF kepada umum.

Masyarakat tidak memahami kenapa Peguam Negara begitu degil. Beberapa bulan lalu beliau telah membuat kenyataan yang menimbulkan kontroversi bahawa pesalah BMF tidak boleh didakwa di Malaysia sungguhpun mereka warganegara Malaysia kerana kesalahan itu dilakukan di Hong Kong.

Kenyataan ini hangat dibincangkan oleh pihak yang terlibat dalam bidang perundangan. Ramai yang merasa isu ini adalah menjadi milik mahkamah untuk memutuskannya dan bukan Peguam Negara sendiri.

Kami dengan hormat menggesa Peguam Negara agar mengambil pendirian yang lebih positif mengenai skandal BMF agar orang ramai boleh mempercayai bahawa beliau telah melakukan dengan sedaya upaya untuk menangkap mereka yang terlibat dalam kes BMF. Jika tidak, orang ramai sama ada benar atau tidak merasa beliau tidak begitu berminat untuk membawa yang bersalah ke muka pengadilan.

Namun kita masih bernasib baik kerana terdapat beberapa orang kakitangan awam yang bukan sahaja berkhidmat kepada masyarakat tetapi berbuat demikian melebihi tugas mereka.

Kami menghormati usaha-usaha dan pendirian tegas Ketua

Audit Negara (dan ahli jawatankuasa siasatannya) yang menegaskan bahawa Laporan BMF boleh dan perlu diumumkan kepada orang ramai tanpa menyingkirkan usaha untuk mendakwa mereka yang bersalah.

Sikap Ketua Audit Negara menunjukkan contoh baik seorang kakitangan awam yang berkhidmat untuk kepentingan masyarakat. Beliau dan jawatankuasanya telah melangkah ke hadapan dengan siasatan mereka mengenai skandal BMF sewaktu ia hangat diperbincangkan oleh lain-lain pihak.

Kami menyertai seruan yang dibuat oleh berbagai kumpulan dan masyarakat kepada kerajaan untuk menyiarkan laporan tersebut dengan secepat mungkin. — *Januari 1986*



PEMIMPIN MESTILAH BERKHIDMAT UNTUK MASYARAKAT DAN BUKANNYA MEMERINTAH MEREKA

AHLI-AHLI POLITIK begitu baik menjelang pilihanraya. Mereka akan menjanjikan peruntukan wang untuk membina sekolah-sekolah baru, mengambil berat kenapakah sesebuah kampung itu tidak mempunyai bekalan air paip, menunjukkan rasa simpati kerana titi kecil di kawasan itu begitu uzur dan perlu diganti.

Hakikat sebenarnya sesetengah ahli politik ini pada hari-hari biasa bersikap agresif dan sombong, selalu memarahi orang dan sering mengharapakan layanan istimewa kerana mereka bergelar 'V.I.P'.

Masih ingatkah satu kejadian di mana seorang Ahli Parli-
men telah menggunakan sepucuk pistol mengugut seorang
pekerja feri Pulau Pinang? Manakala seorang lagi Ahli Dewan
Undangan Negeri telah mengetuk cermin tingkap sebuah kereta

dalam perjalanan ke tempat letak kereta.

Tingkah-laku V.I.P. seumpama itu adalah tidak wajar untuk diundi. Bila musim pilihanraya nanti, kita dapati para calon ini akan bermesra dengan pengundi, bertimbang rasa terhadap orang-orang tua, mendukung bayi dan sebagainya.

Layanan itu memang baik jika ia tidak hanya berlaku sekali untuk empat atau lima tahun. Aduan yang sering diterima oleh CAP ketika menjalankan program di luar bandar ialah kebanyakan ahli politik sering melawat ke kampung-kampung ketika musim pilihanraya.

'Selepas pilihanraya, kami tidak lagi nampak muka mereka. Janji telah dilupakan. Jika kami cuba untuk berjumpa atau menulis kepada mereka, langsung tidak mendapat sebarang jawapan!'

Ini adalah antara sungutan yang sering diluahkan oleh rakyat biasa ... penduduk kampung, para pekerja estet, penghuni-penghuni rumah pangsa yang tinggi melangit tentang sikap wakil-wakil rakyat kita.

Selepas pilihanraya, kebanyakan mereka yang dilantik mula menunjukkan belang masing-masing. Ada yang lebih mementingkan karier mereka sendiri, memantapkan kontrak sendiri, untuk memajukan perniagaan — dengan menggunakan pengaruh mereka sebagai seorang ahli politik.

Manakala yang lain mungkin tidak begitu tamak atau tidak beretika, tetapi mereka telah menjadi malas. Mereka tidak menghiraukan pengundi mereka, tidak mempunyai masa untuk bertemu atau untuk menyelesaikan masalah harian mereka.

Ramai Ahli Parlimen mempunyai rekod kedatangan yang buruk di Parlimen. Selalu terjadi sesi Parlimen terpaksa ditangguhkan kerana tidak cukup korum!

Sehubungan dengan demam Pilihanraya yang sedang memuncak, kita merasakan masa sekarang amat sesuai untuk mengingatkan kita bahawa tanggungjawab pemimpin adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat, dan bukan untuk memerintah seperti yang dilakukan oleh golongan bangsawan di zaman dahulu.

Semakin tinggi jawatan seseorang itu, semakin besarlah tanggungjawabnya untuk menyelidiki masalah dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya. Semakin banyak kuasa seseorang itu, lebih besar lagi tanggungjawab untuk menyelami hidup rakyat dan berjuang untuk mereka.

Di dalam negara demokrasi seperti kita, para pemimpin dipilih oleh rakyat jadi merekalah yang berkuasa. Kuasa perwakilan, kerajaan dan perkhidmatan awam adalah diperolehi daripada rakyat.

Para pengundilah yang memberikan kuasa kepada perwakilan ini. Rakyat telah membayar cukai dan ini merupakan wang mereka yang diamanahkan kepada kerajaan untuk dibelanjakan.

Para pengguna akan diberi kepentingan yang lebih baik lagi jika para pemimpin dan wakil-wakil yang dipilih mempunyai minat terhadap mereka dan berjuang dengan sepenuh hati.

Kini, seperti masa yang lepas kita berharap mereka yang bakal jadi pemimpin akan berkhidmat kepada rakyat dan terus berkhidmat walaupun selepas pilihanraya.

Jangan hampakan orang kampung, penghuni rumah pangsa, dan orang ramai yang temanti-nanti untuk melihat wajah wakil rakyat mereka yang hanya muncul lima tahun sekali. — *Mei 1986*



APAKAH HAKIKAT SEBENAR PILIHANRAYA

APAKAH HAKIKAT sebenar pilihanraya?

Demam PILIHANRAYA sudah mula dirasai, hampir semua rakyat Malaysia seolah-olah telah menghidap penyakit ini.

Pada hakikatnya, akhbar-akhbar dan kedai-kedai kopi mulai heboh dengan segala bentuk perbualan, perbincangan,

khabar angin dan telahan berhubung dengan 'politik'.

Bagi ramai orang, 'politik' dapat ditafsirkan melalui beberapa kejadian yang berlaku baru-baru ini: peristiwa Memali, Laporan BMF, perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan krisis serta letupan yang berlaku di Sabah.

Semua perbincangan ini akan diikuti dengan tanda tanya: Bilakah pilihanraya umum akan diadakan? Siapakah yang akan menang? Berapa banyak kerusi yang akan dimenangi?

'Politik' amat menarik untuk dibincangkan. Tetapi seringkali isu-isu penting yang berkisar mengenai mata pencarian dan kehidupan seharian masyarakat dilupakan. Ini suatu hal yang menyedihkan kerana politik sepatutnya berkaitan dengan kebajikan orang ramai.

Politik tulen tidak seharusnya dilihat sebagai perlawanan di antara beberapa individu: Encik X menentang Encik Y atau pertarungan merebut kuasa: Parti A menentang Parti B. Ia seharusnya bererti penglibatan orang ramai dalam menentukan polisi yang berhubung dengan pekerjaan, pendapatan, keperluan asas dan masa hadapan anak cucu mereka.

Sebagai pengguna yang peka terhadap keadaan sekeliling, kita seharusnya memberi perhatian kepada masalah yang kita hadapi sehari-hari dan cuba memahami punca-puncunya dan turut serta dalam menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Negara sekarang sedang menghadapi masalah kemelesetan ekonomi yang teruk di mana beratus-ratus ribu orang mengalami pengangguran.

Negara kita tidak mampu membekalkan makanan yang secukupnya bagi menampung keperluan penduduk, tambahan sekarang tanaman yang ditanam (getah dan kelapa sawit) sangat rendah harganya. Ini menggugat pendapatan para petani miskin.

Pengangkutan awam amat berkurangan di bandar-bandar. Kemudahan kesihatan tidak memuaskan, ramai doktor kerajaan beralih kepada klinik swasta. Sementara itu, di kawasan luar bandar pula, keperluan asas seperti tandas-tandas yang sem-

purna, air, bekalan elektrik, jalan raya serta perkhidmatan telefon masih belum mencukupi.

Etika perniagaan masih buruk di kebanyakan kawasan. Para pengguna terus ditipu oleh kedai-kedai, pasaraya, peniaga, syarikat insurans, pajak gadai, pemaju perumahan dan sebagainya.

Penyelewengan dan penipuan berlaku dengan berleluasa: bukan sahaja dalam firma-firma kecil, malah dalam syarikat-syarikat besar, bank, koperatif dan pasaran saham.

Sumber-sumber negara tidak diagihkan dengan sempurna. Institusi-institusi kewangan memberi pinjaman pada syarikat-syarikat besar terutama untuk sektor pembinaan, dengan itu menaikkan nilai harta benda ke paras yang melambung tinggi. Sekarang pasaran pembinaan telah merosot maka nilai harganya mulai jatuh.

Sementara itu, firma-firma kecil, petani dan pengguna amnya mengalami kesukaran bagi mendapatkan kredit daripada bank-bank dan syarikat kewangan. Oleh itu mereka terpaksa beralih kepada pemberi pinjam wang tidak rasmi yang mengenakan kadar faedah yang mencekik darah.

Di masa lalu, sebahagian besar tabungan kerajaan juga dibelanjakan untuk projek-projek mewah dan menelan kos besar tetapi tidak banyak memanfaatkan masyarakat biasa. Projek-projek yang memberi faedah seperti loji memproses najis, jambatan untuk kampung, bekalan air dan kemudahan kesihatan juga diberi bantuan kewangan tetapi jumlahnya amat kecil jika dibandingkan dengan belanja yang dihabiskan bagi projek-projek yang menjadi kebanggaan.

Sementara itu, alam sekitar diberi tumpuan kedua: hutan-hutan kita mengalami proses penebangan yang hebat, sumber-sumber perikanan semakin pupus, sungai dipenuhi dengan kelodak, pembinaan yang keterlaluan mengakibatkan berlakunya banjir, dan bandar semakin lama menjadi kawasan yang tidak sesuai lagi untuk didiami kerana masalah kesesakan dan pencemaran udara dan bunyi yang kian meningkat.

Tidak dinafikan berlakunya pertumbuhan ekonomi. Tetapi

pembangunan yang sebenarnya, keperluan asas yang mencukupi, hubungan mesra antara sesama manusia, kepuasan dalam aspek rohani — semua perkara ini yang memberi erti kepada kehidupan semakin berkurangan.

Dari apa yang dapat saya perhatikan, semua ini adalah sebahagian daripada isu-isu penting yang benar-benar menentukan corak masyarakat dan nilai kehidupan seharian kita.

Ini sepatutnya menjadi bahan-bahan perbincangan, bukannya konflik yang timbul antara Encik X dengan Encik Y atau soal-soal politik yang remeh antara Parti A dengan Parti B.

Para pengguna perlu mengemukakan soalan dan isu-isu ini kepada bakal calon pilihanraya mereka dan mendapatkan jawapan darinya, supaya kita dapat mengetahui pendirian mereka. Sekiranya kita dapat memahami polisi yang dipegangnya, maka kita dapat menilai sama ada berfaedah atau tidak untuk mengundinya dalam pilihanraya kelak.

Pilihanraya seperti juga politik, sepatutnya berkaitan dengan polisi yang berhubung dengan orang ramai, bukan sekadar pertarungan di antara individu-individu atau parti-parti. — *April 1986*



PILIHANRAYA: APA AKAN BERLAKU SELEPASNYA

PADA MASA rencana ini dibaca, Pilihanraya Umum boleh jadi telahpun dilancarkan atau berkemungkinan telahpun tamat.

Negara telah menggunakan masa, wang dan tenaga yang banyak untuk pilihanraya ini. Dalam jangkamasa empat atau lima tahun, cuma sekali sahaja rakyat menggunakan hak demokrasi untuk mendengar calon-calon memberi penerangan dan memilih bakal-bakal pemimpin mereka.

Sekali pada setiap empat atau lima tahun parti pemerintah harus menyedari bahawa kekuasaan politiknya adalah datang

dari rakyat maka serentak dengan itu tibalah masanya untuk membuat penilaian: adakah kita sudah memuaskan hati pengundi-pengundi ataupun tidak?

Dan hanya sekali sahaja dalam masa beberapa tahun, parti-parti pembangkang akan menentang pihak pemerintah bagi memperolehi jumlah kerusi yang banyak dan serentak dengan itu membiarkan para pengundi mengambil keputusan sama ada memberi mereka peluang untuk menunjukkan keupayaan mereka.

Sebaik sahaja pilihanraya berakhir, kita akan memperolehi kerajaan baru. Apabila bahang pilihanraya menjadi dingin dan sepi maka kitapun sekali lagi berhadapan dengan realiti dan masalah-masalah yang sama.

Kebimbangan yang utama ialah tentang para politikus yang lebih mementingkan soal-soal politik sehinggakan mereka mempunyai masa yang sedikit ataupun tiada masa langsung untuk memberi perhatian kepada masalah-masalah negara dalam jangka masa panjang dan masalah-masalah yang lebih serius.

Bagaimanakah untuk mengelakkan persaingan-persaingan dari dalam parti? Bagaimanakah untuk mengumpulkan wakil-wakil pengundi bagi pilihanraya parti yang akan datang? Bagaimanakah pula hendak mempertahankan kritikan-kritikan politik dari parti-parti pembangkang dan membidas semula? Kemudian bertemu pelawat-pelawat, menghadiri majlis-majlis keramaian, menghadiri mesyuarat dan makan malam...

Kebimbangan yang melanda ahli-ahli politik ini telah menutup masalah-masalah sebenar yang dihadapi oleh negara. Setengah daripada masalah-masalah ini adalah terlalu serius dan penting sehingga memerlukan rombakan dasar yang menyeluruh. Ia memerlukan penelitian yang rapi dan dasar-dasar baru serta kesedaran politik yang mendalam.

Sebagai contohnya ambil masalah kemerosotan ekonomi. Kita tahu sebab utamanya kerana kita terlalu bergantung kepada ekonomi dunia. Kita terlalu bergantung kepada eksport barang-barang dagangan, pelaburan asing dan pinjaman luaran untuk meningkatkan taraf ekonomi negara.

Kita menebang hutan belantara, menggunakan minyak dengan berleluasa, menggunakan tanah untuk tanaman bagi kegunaan negara-negara luar. Kini hutan belantara kita hampir pupus, minyak kian berkurangan dan negara-negara luar tidak mahu lagi menggunakan lebih banyak getah atau minyak kelapa sawit keluaran kita.

Apakah yang perlu kita lakukan? Kita sedang berdepan dengan krisis ekonomi yang paling buruk. Namun jawapan yang sering dilafazkan oleh ahli-ahli politik dan ahli-ahli perniagaan ialah: 'kita harus menunggu sehingga kemerosotan ekonomi pulih semula'.

Persoalannya: Apakah akan terjadi jika kemerosotan ekonomi tidak pulih semula? Bagaimanakah pula jika keadaannya menjadi lebih teruk lagi? Sementara itu apakah dasar-dasar yang telah kita bentuk untuk menghadapi krisis ekonomi itu?

Ini merupakan persoalan-persoalan yang menakutkan di mana pemimpin-pemimpin kita berasa gentar atau enggan untuk memikirkannya. Persoalan-persoalan ini tidak difikirkan oleh pemimpin-pemimpin negara sedangkan ia menentukan masa depan negara dan anak-anak.

Mestikah kita terus merosakkan dan menghapuskan sumber-sumber alam untuk percubaan yang sia-sia bagi menyelamatkan krisis ekonomi negara? Hingga pada satu ketika nanti tidak ada lagi pokok-pokok di hutan, kita semakin kekurangan air yang bersih untuk diminum dan tanah yang tinggal untuk pertanian makin berkurangan disebabkan hakisan.

Mestikah kita dalam masa 10 atau 20 tahun akan datang mengimport semua kayu-kayan kita, minyak kita, makanan kita, sementara dalam masa yang sama kita bernafas dalam udara yang kotor dan beribu-ribu orang menganggur? Kemudian apakah kita akan menjadi semakin muflis disebabkan terlalu dibebankan dengan hutang-hutang luaran (sekarang sudah meningkat \$43 bilion)?

Sebenarnya kita memerlukan satu strategi pembangunan baru dan polisi-polisi baru untuk menyatupadukan pelbagai

golongan di dalam negara.

Strategi yang berdasarkan kepada kepercayaan dan keyakinan terhadap diri sendiri, penggunaan dan teknologi sumber-sumber tempatan mengamalkan polisi-polisi yang dapat merapatkan jurang antara kaya dan miskin dan membekalkan segala keperluan-keperluan asas rakyat sebab kita telah banyak menghapuskan pembaziran, pembaziran barang-barang pengeluaran, pembaziran projek-projek mewah, rasuah, perlindungan terhadap sesuatu aktiviti dan penyelewengan-penyelewengan.

Strategi baru itu hendaklah menggantikan dasar-dasar yang lemah dan corak sistem pembangunan ketinggalan zaman yang kita pegang sekarang ini. Perubahan-perubahan itu memerlukan banyak fikiran baru, dan keberanian dalam perancangan serta tindakannya.

Setelah selesainya pilihanraya umum para politikus dan parti-parti politik sama ada pihak pemerintah ataupun pihak pembangkang seharusnya giat berusaha menyelesaikan masalah-masalah negara bagi menjamin kestabilan hidup rakyat Malaysia. Bukan cuma setakat untuk jangkamasa empat atau lima tahun sebelum munculnya pilihanraya umum yang baru saja tapi adalah untuk satu jangkamasa yang panjang.

Pihak-pihak itu seharusnya bersedia untuk memikirkan sesuatu yang baru dan wajar dalam menuju ke arah menyusun semula masyarakat dan bukan lagi membabitkan diri dalam konflik-konflik politik dan soal-soal politik yang remeh-temeh.
— Ogos 1986



LUASKAN DEMOKRASI DI MALAYSIA

DEKAD 1990-AN sudah bermula dengan menampakkan be-

berapa perubahan yang berlaku.

Kebangkitan rakyat di Eropah Timur merupakan kemuncak semangat demokrasi yang begitu meluap-luap di seluruh dunia.

Terdahulu dari itu, kuasa rakyat Filipina telah berjaya menumbangkan kerajaan pimpinan Marcos. Begitu juga dengan pergerakan menegakkan demokrasi di kalangan rakyat China. Selain itu berlaku juga pemindahan kuasa daripada tangan pemimpin tentera kepada kerajaan awam di banyak negara Amerika Latin.

Tahun 90-an ini mungkin akan menjadi satu Dekad Rakyat yang lebih bermakna lagi. Memandangkan rakyat kini lebih menyedari akan hak-hak mereka tidak hairanlah jika mereka cenderung untuk memberikan buah fikiran dan melahirkan keinginan masing-masing ke dalam struktur kuasa.

Struktur yang dapat memenuhi tuntutan rakyat dan selanjutnya menukarkannya pula menjadi satu bentuk perkhidmatan untuk mempertingkatkan kehidupan penduduk dan mata pencarian mereka, boleh dianggap suatu struktur yang bertanggungjawab dan sihat.

Struktur-struktur beginilah yang mampu bertahan dan akan berkembang subur pada masa depan.

Rakyat Malaysia juga bertambah matang. Pada tahun ini kita akan merayakan ulangtahun kemerdekaan yang ke 33 — iaitu kemerdekaan selama satu pertiga dari seabad, sebuah negara yang berkembang mekar dengan belia-belia matang...

Rakyat biasa Malaysia lebih berpendidikan, mempunyai idea-idea baru yang bernas, inginkan lebih banyak ruang untuk melahirkan pandangan mereka, begitu bersemangat untuk turut serta dalam perancangan dan proses pembangunan, dan membentuk satu masyarakat kita sendiri.

Memang ada ruang untuk berbuat demikian tetapi tidak banyak bertambah malah begitu terbatas. Malahan dalam beberapa tahun kebelakangan, ruang itu telah diketatkan lagi. Beberapa pindaan undang-undang, termasuk Akta Hak Cetak dan Akta Rahsia Rasmi telah kian menyekat kebebasan bersuara

masyarakat.

Kami merasa aliran begini sudah ketinggalan zaman dengan arus demokrasi. Kita seharusnya membenarkan kebebasan akhbar yang lebih longgar, kritikan dan pendedahan yang lebih jujur serta liputan lebih meluas tentang pandangan kumpulan-kumpulan masyarakat atau rakyat biasa.

Berakhirnya darurat dan ancaman komunis pada bulan Disember lalu meluaskan lagi sempadan untuk menikmati kebebasan. Ancaman perjuangan bersenjata komunis sudah berakhir. Diharapkan fahaman komunis akan turut berkubur.

Marilah kita sama-sama berharap agar tahun-tahun 1990-an akan mewujudkan demokrasi yang berkembang mekar di Malaysia. Negara masih belum pulih sepenuhnya daripada peristiwa tahanan ISA pada tahun 1987, begitu juga dengan kejadian-kejadian yang berkisar di sekitar bidang perundangan.

Sebagai bantuan dalam proses pemulihan, pihak berkuasa boleh memberi sedikit kelonggaran dan membenarkan rakyat mempunyai lebih banyak ruang untuk menyuarakan pandangan dan turut mengambil bahagian dalam usaha membentuk masyarakat yang diingini memandangkan kita sudah hampir memasuki abad ke 21.

Pilihanraya: Elakkan Isu Perkauman

Tahun 1990 sudah hampir pasti akan menjadi Tahun Pilihanraya Umum dan rakyat sudah dapat merasakannya.

Tidak lama lagi akan berkibarlah bendera dan terpampanglah poster-poster yang mewakili parti-parti yang bertanding. Apa yang menyedihkan, hampir semua parti menggunakan sentimen perkauman dalam usaha memancing undi. Ketika pemilihan dalam parti sendiri, penyokong seorang calon memegang sepanduk yang berbunyi 'Jaguh Bangsa Saya'.

Selagi parti-parti asyik membangkitkan isu perkauman, isu-isu lain yang lebih penting kepada negara sukar mendapat tempat.

Sudah tiba masanya ahli-ahli politik negara mengenenepikan



isu-isu yang kurang penting tetapi sebaliknya menumpukan lebih perhatian terhadap isu-isu lebih besar yang menyentuh semua kumpulan etnik di negara ini.

Di sebalik berbangga dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat, masih terdapat kejadian kekurangan zat makanan yang tinggi, kekurangan kawasan perumahan, pengangkutan awam yang buruk dan kadar pengangguran yang tinggi.

Masalah-masalah keperluan asas ini menjadi lebih genting dengan kegiatan pembalakan hutan, pencemaran sungai dan laut, keracunan yang tinggi dalam makanan, hakisan tanah subur dan kejadian banjir yang kian kerap berlaku.

Perjuangan ke arah memenuhi keperluan asas dan menyelamatkan alam sekitar mungkin menjadi perkara utama dalam agenda dekad ini. Jika kita tidak berusaha menyelesaikan masalah ini dalam masa 10 tahun akan datang, kita menghadapi dekad berikutnya dalam suasana suram.

Ketika negara dan dunia sudah kehabisan sumber-sumber semulajadi, atau keadaan yang terlalu tercemar untuk digunakan semula, di manakah nanti kita hendak mencari tapak bagi

pembangunan pada masa depan?

Suasana berlumba-lumba pada masa kini untuk mendirikan lebih banyak industri, barangan yang kurang memberi kesan dari segi ekologi, lebih banyak fesyen terbaru, dan pertumbuhan yang tidak diteliti dengan sedalam-dalamnya, semuanya kelihatan kabur apabila dibandingkan dengan hakikat sumber-sumber yang kian lenyap atau ancaman akibat perubahan cuaca.

Mestikah kita terus menekan mesin kelajuan, dan bergerak lebih pantas hingga melebihi 100m sejam, apabila kita semakin hampir sampai ke penghujung sebatang jalan?

Saya berharap ahli politik kita akan memberi perhatian terhadap realiti ini dan mengubah corak pembangunan negara dengan segera. Pilihanraya akan datang diharap tidak terlalu menyentuh isu perkauman. Biarlah isu-isu sebenar mendapat tempat yang sewajarnya.

Jangan Terpedaya Dengan Pasaran Bebas

Komunisme telah jatuh. Pasaran bebas telah mencapai kemenangan. Semoga semua negara membenarkan pasaran bebas bergerak secara bebas dan membolehkan semua masalah dapat diselesaikan...

Inilah yang dilaung-laungkan oleh pihak media, kaum elit dan syarikat-syarikat besar negara Barat. Ia kelihatan seperti suatu hal yang mudah. Tetapi ia tidak semudah itu.

Negeri-negeri yang berpusat di Eropah Timur dan mengamalkan pimpinan diktator mungkin tidak dapat memenuhi hasrat rakyat mereka. Tetapi itu bukan bermakna pasaran bebas dapat menyelesaikan masalah manusia.

Malahan seorang pegawai jabatan negara Amerika telah menulis sebuah esei tentang 'berakhirnya sejarah'. Kini terdapat kemenangan fahaman liberal yang mutlak (bermakna demokrasi dan pasaran bebas) oleh itu sejarah sudah berakhir.

Pandangan seperti ini muncul hanya jika sejarah dilihat sebagai perjuangan fahaman antara Timur dan Barat di negara-

negara kaya. Bagaimana dengan Dunia Ketiga? Berjayakah pasaran bebas menyelesaikan masalah-masalah Dunia Ketiga?

Kita masih belum melupai bagaimana pembukaan pasaran bebas secara paksaan telah membawa kepada Perang Candu di China, penaklukan India dan Asia Tenggara oleh orang Eropah serta penaklukan Sepanyol ke atas Amerika Latin.

Sungguhpun Afrika masuk ke dalam pasaran bebas dunia selepas merdeka ia tidak terlepas dari belenggu kemiskinan. Kini benua itu diiktiraf sebagai 'sudah mati'. Taraf hidup di negara-negara Amerika Latin pula telah merosot di bawah tanggungjawab beban hutang.

Sebenarnya pasaran itu bukanlah benar-benar bebas. Ia dikawal oleh sekumpulan orang yang berkuasa dan kartel negara-negara kaya yang meletakkan harga yang tinggi bagi barangan industri mereka dan membeli komoditi Dunia Ketiga dengan harga yang murah. Kawalan monopoli dan monopsoni yang membolehkan negara kaya bertambah kaya.

Pasaran bebas juga tidak membantu dalam soal memelihara sumber-sumber dan persekitaran dunia. Sebenarnya, persaingan untuk pasaran membentuk keinginan-keinginan baru dan penghasilan lebih banyak barangan yang tidak memberi manfaat. Kini kita menghadapi krisis ekologi.

Penguasaan ke atas pasaran bebas juga menimbulkan sikap angkuh kehebatan budaya sesuatu bangsa yang membawa dunia Barat untuk menjajah bahagian dunia yang lain, yang kini menjadi panduan Amerika untuk mencerobohi Panama.

Prinsip moral dan undang-undang manakah yang membenarkan negara-negara besar mencerobohi negeri-negeri kecil, membunuh beribu-ribu penduduk (sejumlah 2,000 - 6,000 rakyat Panama mungkin telah terkorban, dari penduduk seramai 2 juta orang) dan menculik presiden mereka?

Noriega mungkin tidak ubah seperti binatang buas, begitu juga dengan Pol Pot. Bolehkah kita menyokong pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea? Tidak. Demikian jugalah halnya, apakah hak Amerika untuk bertindak ke atas Panama?

Nampaknya kekuasaan dan bukannya hak, masih me-

merintah dunia. Bagaimanapun pengetahuan pengguna berhubung dengan soal keselamatan makanan atau pemeliharaan alam sekitar juga merupakan satu kuasa.

Kita boleh menuntut supaya dilindungi daripada kesan-kesan buruk pasaran bebas yang tidak mempunyai penghalang. Kita boleh meminta agar diwujudkan lebih banyak undang-undang untuk memastikan keselamatan barangan, mengawal pencemaran, menjauhi bahan buangan beracun dan bahan kimia yang sudah diharamkan di tempat lain serta membanteras perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Kesedaran dan tindakan pengguna lebih diperlukan pada tahun-tahun 90-an untuk mengimbangi kekuasaan syarikat-syarikat besar.

Semoga anda memberi sumbangan lebih besar ke arah satu pergerakan pengguna yang lebih kuat pada tahun 1990-an.

— *Februari 1990*



VI**KEMERDEKAAN
DAN PERPADUAN
KEBANGSAAN**

PERPADUAN AKAN WUJUD APABILA KEPERLUAN RAKYAT DIPENUHI

PADA BULAN Julai lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam telah menyuarakan rasa bimbang beliau terhadap polarisasi perkauman yang berlaku di kalangan kanak-kanak sekolah di negara kita.

Sejak itu rencana-rencana di akhbar mendedahkan bagaimana pelajar-pelajar universiti lebih cenderung untuk bercampur sesama masyarakat sebangsa dengan mereka sahaja.

Terdapat juga laporan-laporan tentang kakitangan kerajaan yang merasa terasing disebabkan isu-isu etnik.

Sejak dulu lagi, kita menginginkan perpaduan kebangsaan — kita inginkan satu rupa bangsa Malaysia dan bukannya campuran berbagai masyarakat yang sering berbalah dan menyalahkan satu sama lain kerana nasib mereka yang kurang baik.

Saya percaya pergerakan pengguna sedang menyumbangkan ke arah perpaduan kebangsaan dalam suatu bentuk kaedah yang penting. Ini dilakukan dalam usaha memperjuangkan hak-hak pengguna seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbangkan ke arah perpaduan kebangsaan dan tidak kurang pula yang bergerak bertentangan dengannya. Saya percaya jika orang ramai mendapat kepuasan dan jika mereka dapat hidup dengan tenteram dan aman damai di kalangan sesama masyarakat dan persekitaran, nescaya perpaduan kebangsaan di antara kumpulan-kumpulan etnik boleh dicapai.

Tetapi jika orang ramai tidak mendapat kepuasan, jika keperluan-keperluan asas mereka tidak dipenuhi, jika mereka menghadapi konflik dengan rakan mereka sesama manusia, jika hidup mereka tidak berharmonis dengan keadaan perseki-

taran dan alam sekeliling, maka dengan itu adalah sukar untuk mencapai perpaduan kebangsaan yang kita harap-harapkan.

Sesungguhnya, apabila manusia tidak gembira dengan kehidupan mereka, mereka akan menyalahkan orang lain. Lantaran itu, di Malaysia, setiap masyarakat cenderung untuk menyalahi masyarakat-masyarakat lain di atas masalah yang mereka hadapi — biasanya ini adalah salah dan tidak adil.

Masalah isu perkauman ini langsung tidak dapat dibantu oleh sistem politik kita kerana kebanyakan parti-parti politik adalah berdasarkan kepada kedudukan perkauman dan memainkan isu-isu perkauman.

Kami di CAP percaya bahawa di Malaysia dan sesungguhnya di negara-negara mana pun, perpaduan dan kepuasan di kalangan rakyat hanya akan dicapai jika keperluan-keperluan asas mereka dipenuhi.

Hanya setelah orang ramai mendapat makanan yang mencukupi, mendapat pakaian dan perlindungan yang sewajarnya, apabila mereka mendapat bekalan air bersih dan elektrik, mempunyai sistem pengangkutan yang cekap, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan, barulah kehidupan mereka benar-benar bermakna.

Jika mata pencarian mereka terjamin, jika mereka mempunyai pekerjaan yang bersesuaian, jika kawasan sekitar mereka bersih, selamat dan tidak dicemari maka barulah mereka boleh menumpukan terhadap kehendak keperluan rohani mereka.

CAP ingin cuba sedaya upaya untuk membaiki keadaan dan kualiti kehidupan para pengguna. Tugas kami termasuk melindungi para pengguna dari eksploitasi di pasaran.

Isu-isu yang kami kendalikan termasuklah penyelewengan dalam iklan, penyelewengan pada label, gimik-gimik jualan, kenaikan harga dan kualiti barangan yang rendah.

CAP juga menentang pemusnahan ke atas alam sekitar kita dan penyalahgunaan sumber-sumber yang menyebabkan ketidakadilan sosial.

Malaysia banyak mengeluarkan barang-barang yang tidak memberi manfaat seperti rokok, motokar dan minuman-minu-

man botol. Namun keperluan asas bagi mereka yang miskin masih diabaikan.

Ini tidak dapat mencapai perpaduan kebangsaan. Kita tidak boleh mengharapkan golongan miskin berpuas hati apabila mereka melihat golongan lain berbelanja dengan mewah.

Bagi mencapai perpaduan kebangsaan, kita perlu mengeluarkan lebih banyak beras dari coca-cola, rumah-rumah kos rendah dari pangsapuri mewah.

Lebih banyak klinik dan doktor diperlukan untuk menyediakan khidmat kepada penduduk luar bandar dan kawasan setinggan dari membina hospital-hospital mewah untuk khidmat golongan berada. Kita perlu menyediakan perkhidmatan bas yang lebih baik daripada menggalakkan orang ramai membeli lebih banyak kenderaan.

Jika kesemua ini dapat kita laksanakan, kemungkinan polarisasi perkauman di antara rakyat dapat dikurangkan.

Masalah-masalah seperti eksploitasi pengguna, pemu-snahan alam sekitar, kemiskinan, ketidakseimbangan dan se-umpamanya dihadapi oleh semua masyarakat di Malaysia. Ia melibatkan orang Melayu, Cina, India, Serani, Negrito, Iban, Kadazan, Kenyah dan beberapa lagi kumpulan etnik yang terdapat di negara kita.

Malangnya, kita memikirkan masalah-masalah mereka ini dalam bentuk perkauman dan lantaran itu terdapat masalah-masalah perkauman dan ketegangan di dalam masyarakat kita.

Saya percaya pergerakan pengguna memainkan peranan yang penting dalam memelihara perpaduan negara dengan mengenenahkan isu-isu yang biasa dihadapi oleh semua masyarakat etnik dan semua individu di Malaysia.

Usaha bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi pengguna merupakan salah satu cara yang paling berkesan dalam membentuk perpaduan negara.

Sesungguhnya usaha untuk mewujudkan perpaduan negara adalah sesuatu yang amat diperlukan. Hanya apabila keperluan para pengguna dipenuhi barulah rakyat Malaysia dari berbagai kumpulan etnik boleh mendapat kepuasan dan

berdasarkan kepada kepuasan yang dinikmati ini akan membuahakan perpaduan negara. — *September 1984*



BIAR BERSUNGGUH-SUNGGUH MENENTANG NEO-KOLONIALISME

UCAPAN PERDANA MENTERI pada Hari Kemerdekaan tahun ini sungguh bermakna. Beliau memberi amaran kepada rakyat supaya tidak menganggap Kemerdekaan yang diperolehi tidak akan tergugat sebab terdapat ancaman 'Neo-kolonialisme' atau penjajahan dalam bentuk baru yang sedang berlaku di negara kita.

Jika keadaan ini berlaku, Kemerdekaan yang kita kecapi tidak akan membawa makna kerana kuasa-kuasa besar asing masih mengongkong kita.

Amaran Datuk Seri Dr Mahathir perlu diberikan perhatian serius sebab dalam beberapa hal Malaysia masih dalam cengkaman negara-negara kaya.

Dalam arena ekonomi, negara amat bergantung kepada syarikat-syarikat multinasional terutamanya dalam bidang pengeluaran dan minyak. Kita juga banyak berhutang dengan bank-bank Barat yang menjadikan hutang luaran kita berjumlah \$50 bilion.

Lebih separuh daripada barangan yang kita keluarkan dijual ke negara-negara kaya dan setengah daripada bahan-bahan belian kita adalah diimport. Kebanyakan barangan ini dibawa oleh kapal-kapal asing.

Syarikat-syarikat, bank-bank dan kapal-kapal dari negara-negara kaya mampu meraup berbilion-bilion ringgit dari Malaysia setiap tahun kerana cengkaman mereka ke atas ekonomi, perdagangan dan sistem perhubungan kita. Dalam tahun 1984,

syarikat-syarikat dan bank-bank luar memperoleh keuntungan dan faedah berjumlah \$4,806 juta, kapal-kapal asing serta syarikat-syarikat insurans pula membawa keluar sejumlah \$2,279 juta lagi dari Malaysia.

Bagaimanapun, kemungkinan ancaman 'neo-kolonialisme' lebih berbahaya jika kita lihat dari sudut sosial dan budaya. Sistem perumahan, pengangkutan dan penjagaan kesihatan kita 'diimport' dari barat.

Orang-orang Malaysia lebih gemar menetap di rumah-rumah batu ala barat walaupun rumah Melayu tradisi kita lebih sesuai dengan keadaan cuaca di sini. Ramai golongan elit kita hanya merasa selesa dengan pakaian yang lengkap dengan tali leher. Kita memasang alat-alat penghawa dingin untuk merasakan suasana sejuk seperti di negara-negara Eropah, kemudian memakai pakaian-pakaian tebal untuk menghindarkan sejuk, sedangkan suhu di luar sudah cukup panas...

Program-program TV, wayang-wayang gambar, majalah-majalah dan akhbar-akhbar kita dipenuhi dengan bintang-bintang filem dan penyanyi-penyanyi pop barat. Semua jenis barangan yang kita beli adalah buatan luar kerana menganggap barangan buatan Malaysia kurang bermutu.

Pemikiran penjajah yang mengagungkan orang kulit putih masih kuat bertapak dalam fikiran orang-orang Malaysia. Dan sekarang kita juga telah mengagungkan bangsa Jepun, setidak-tidaknya apabila melibatkan soal-soal pemiagaan.

Kita perlu merungkaikan ikatan ini yang telah mengikat kita sebagai bahan tawanan negara-negara kaya setelah 28 tahun Merdeka. Kita mesti membebaskan ekonomi kita, pemikiran kita dan jiwa kita dari kongkongan institusi-institusi dan budaya-budaya asing.

Hakikatnya, tugas ini adalah jauh lebih sukar daripada mendapat kemerdekaan politik. Pada zaman penjajah, pihak musuh dapat dilihat dengan jelas. Kita boleh bersatu untuk menghalau keluar penjajah-penjajah ini.

Tetapi 'neo-kolonialisme' tidak nampak di mata dan sukar dikesan. Pengaruhnya menyerap tanpa disedari oleh kebanyakan



orang, kita tidak tahu bagaimana ia merebak luas mempengaruhi dan mengawal kehidupan kita.

Lantaran itu ia boleh mengawal kita dengan lebih berkesan kerana kita tidak dapat menentang sesuatu yang kita sendiri tidak tahu akan kewujudannya. Ini tentulah merbahaya kerana kita seolah-olah menjadi hamba suruhan secara sukarela.

Jadi tugas pertama yang perlu dilakukan ialah dengan mendidik diri kita sendiri tentang sifat dan susunan 'neo-kolonialisme' kemudian mengambil langkah-langkah efektif untuk mengawalnya dan membebaskan diri kita dari pengaruh ekonomi dan budaya negara-negara kaya.

Kita ingin melihat nilai sebenar dalam slogan sempena Hari Kemerdekaan pada tahun ini, 'Nasionalisme Teras Perpaduan', dipelopori terlebih dahulu oleh kerajaan dalam penghayatannya.

Dr Mahathir sudah pun memberi amaran tentang ancaman 'neo-kolonialisme', kini menjadi tugas kerajaan dan orang ramai untuk menyahut seruan dan berjuang menentangnya. — *Oktober 1985*



JANGAN RAYAKAN PENJAJAHAN BRITAIN DI TANAH MELAYU

Francis Light tidak menemui Pulau Pinang — ia sebaliknya ditemui oleh nelayan Tanjong Tokong

HANYA DUA BULAN lalu, di perayaan Hari Merdeka, Perdana Menteri telah memberi amaran tentang timbulnya penjajahan bentuk baru neo-kolonialisme. Dan tema hari perayaan 'Nationalisme Teras Perpaduan' terentang di mana-mana.

Kini kita mendengar pula ura-ura kerajaan negeri Pulau Pinang hendak mengadakan sambutan besar-besaran sempena ulangtahun ke-200 'penemuan' Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1986.

Kerajaan negeri mahu merayakan 'harijadi ke-200' Pulau Pinang itu dengan acara yang hebat. Jawatankuasa perayaan telah dibentuk, lengkap dengan jawatankuasa kecil untuk mengendalikan pameran, sukan, aktiviti kebudayaan dan pesta makanan.

Di samping suasana buruk yang menimpa — dengan kemelesetan ekonomi yang kian meruncing dan kerajaan dikehendaki memperlihatkan contoh dalam amalan berjimat-cermat — perayaan pendaratan Francis Light di Pulau Pinang ini sesungguhnya adalah sesuatu yang amat mengecewakan.

Francis Light sesungguhnya tidak 'menemui' Pulau Pinang. Dan Pulau Pinang sebenarnya tidak berusia '200 tahun'. Lama sebelum Light mendarat, sudah terdapat masyarakat nelayan di Pulau Pinang.

Penduduk-penduduk di kampung Tanjong Tokong menceritakan, nenek-moyang mereka telah terjaga pada suatu pagi dan 'menemui' Light mendarat di pantai mereka.



Tanjong Tokong: Menurut penduduk di sinilah Light ditemui oleh nenek-moyang mereka.

Utusan Light sebenarnya bukanlah untuk membawa peradaban dan kebahagiaan bagi Pulau Pinang, tetapi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai mutiara demi kepentingan kolonial British. Sesungguhnya 'penaklukan' Pulau Pinang oleh Light menandakan saat-saat awal penjajahan kolonial British di Tanah Melayu.

Buku-buku sejarah lama yang ditulis oleh pentadbir-pentadbir British dan sejarawannya mengagung-agungkan kegemilangan pemerintahan British di Tanah Melayu. Bagaimana 'campurtangan' British di negeri-negeri Melayu untuk menyelesaikan masalah lanun dan pertikaian di kalangan rakyat. Bagaimana mereka membina jalan-jalan, landasan-landasan keretapi dan kemakmuran.

Tetapi apa yang berlaku sebenarnya, kedatangan British ialah untuk membuka wilayah-wilayah kita demi kepentingan mereka: untuk mengaut bijih timah dan galian, mengeksploit bumi yang subur dengan tanaman getah dan menyalurkan keuntungan yang mereka perolehi ke negara mereka yang bertambah kaya kerana hasil-mahsul dari tanah-tanah jajahan.

Menurut satu anggaran, sebelum Perang Dunia Kedua syarikat-syarikat British telah mengaut keuntungan sepertiga

daripada jumlah pendapatan Tanah Melayu. Beratus juta ringgit daripada hasil cukai candu, tembakau dan arak dikutip dari buruh-buruh kasar kita kemudian dihantar ke Britain sebagai sumbangan belanjawan ketenteraan negara tersebut.

British telah membentuk satu sistem ekonomi, perdagangan dan kewangan demi kepentingan Britain semata-mata sementara para pekerja ladang dari keturunan India, buruh-buruh kasar Cina di lombong-lombong bijih dan petani-petani Melayu hidup dalam kemiskinan di negara yang kaya dengan sumber alam semulajadi.

Dasar pecah-dan-perintah penjajah menjadikan ketigatiga kaum saling berprasangka antara satu dengan lain dan saling mencari kesalahan apabila timbul sesuatu masalah. Manakala pihak British pula terus mengaut hasil dan keuntungan daripada timah, getah, sistem bank dan perdagangan.

Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu dalam tahun 1941, British telah lari dari negara ini dengan bercawat ekor. Ini menyebabkan rakyat di negara ini meluputkan rasa hormat mereka kepada 'Tuan-tuan' dan 'Mem-mem'.

Selepas perang, perjuangan mendapatkan kemerdekaan semakin bergelora dan akhirnya kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Tetapi sehingga sekarang kita masih lagi berjuang untuk meluputkan warisan penjajahan dan pelbagai bentuk baru kawalan asing dalam bidang ekonomi, perdagangan, kewangan, kebudayaan, media dan pendidikan.

Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan yang tulen adalah panjang dan sukar serta tetap berterusan. Hari ini, kuasa-kuasa besar masih terus mencengkam negara-negara Dunia Ketiga, termasuk Malaysia.

Adakah kita ingin diyakinkan bahawa pihak berkuasa negeri tidak sensitif, malah mahu mencela sejarah dan perjuangan kita mencapai kemerdekaan dengan merayakan penaklukan British ke atas Pulau Pinang, yang merupakan laluan awal penjajahan British di seluruh Semenanjung Tanah Melayu?

Sudah tiba masanya kita mengikis mentaliti penjajah dan tidak lagi bersembunyi di belakang tabir orang-orang Barat dan

memulakan perjuangan kita yang tersendiri dengan identiti tersendiri juga.

Kita wajarlah menulis sejarah negeri dari perspektif kita sendiri. Francis Light *tidak menemui* Pulau Pinang. Kehidupan di Pulau Pinang tidak dimulakan oleh British dan tidak berakhir bersama mereka. Kita bukanlah berusia 200 tahun, tetapi mempunyai sejarah yang berakar beratus-ratus tahun sebelum itu.

Daripada merayakan penaklukan kolonial ke atas negara kita, pihak berkuasa negeri kita yang sibuk haruslah memikirkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang: krisis pekerjaan, kekurangan rumah, pencemaran, banjir dan sistem bas yang tidak teratur.

Daripada memuliakan penakluk kita, kita haruslah memuliakan wira dan wirawati kita sendiri: petani-petani biasa yang menebang-nebas hutan dan yang membangunkan tanah, para nelayan yang sejak beberapa generasi membawa pulang hasil tangkapan dan para pekerja yang bertungkus-lumus membina bandar.

Kebanyakan wira dan wirawati ini kini sedang menderita akibat 'modenisasi' yang melanda pulau ini. Penduduk Thean Teik yang nenek-moyang mereka menjadi peneroka dan pengusaha tanah yang paling produktif hingga ke hari ini kini sedang berdepan dengan masalah penempatan baru. Nelayan-nelayan pula hidup dalam suasana tersepit akibat ancaman bot-bot pukut tunda dan pencemaran.

Beribu-ribu orang pekerja industri kini sedang mengalami tindakan pemberhentian kerja oleh syarikat-syarikat multinasional. Dan yang lebih menyedihkan penduduk-penduduk Tanjong Tokong, dari generasi awal yang 'menemui' Francis Light di pantai telah dipaksa berpindah dari tanah asal mereka untuk memberikan jalan supaya kompleks membeli-belah dan pejabat-pejabat dibangunkan di situ.

Wahai bapa-bapa pembangunan Pulau Pinang, fikirkan sejenak tentang masalah dan penderitaan golongan miskin, masyarakat biasa Pulau Pinang dan lakukanlah sesuatu yang konkrit untuk membantu mereka. Lakukan ini sebagai resolusi

1986, yang mengisi tempoh 200 tahun sejak Francis Light menjejakkan kakinya di Pulau Pinang supaya kita dapat mengakhiri perjuangan dan mencapai kemerdekaan yang tulen.

Lakukan ini daripada menyambut penaklukan Pulau Pinang oleh penjajah. Lupakanlah perayaan itu. — *November 1985*



30 TAHUN MERDEKA — MASIH BANYAK PERLU DILAKUKAN

MALAYSIA MENCAPAI USIA 30 tahun pada 31 Ogos ini. Tiga dekad merupakan satu jangkamasa panjang dalam kehidupan seseorang insan. Namun bagi sesebuah negara ia hanya merupakan satu detik permulaan.


Sejak laungan Merdeka dibuat di Padang Kelab Selangor hinggalah ke tahun 1987, Malaysia telah membangun. Bagaimanapun, masih banyak perkara lagi yang perlu dilakukan untuk mencapai pembangunan.

Jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang baru merdeka, keadaan di Malaysia tidaklah terlalu teruk. Taraf kehidupan di sini agak tinggi. Kita tidak mengalami kebuluran sebagaimana yang berlaku di Ethiopia, Sudan, Bangladesh atau India.

Terdapat unsur-unsur demokrasi dalam politik. Memang betul, adanya kebebasan akhbar, kebebasan berpersatuan, kebebasan berkempen semasa pilihanraya, namun semuanya terbatas.

Kita tidak mempunyai pemerintahan bercorak ketenteraan, kekejaman atau rampasan kuasa (*coups detat*) seperti yang dialami oleh kebanyakan negara Dunia Ketiga.

Memang benar, terdapat Akta Keselamatan Dalam Negeri, penahanan tanpa perbicaraan malah menahan banduan selama bertahun-tahun di penjara sebelum kes mereka dibicarakan. Tetapi tidak terdapat kumpulan pembunuh (*death squads*)



Walaupun negara ini telah lama merdeka tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan.

yang mengancam pemimpin negara (seperti di kebanyakan negara Amerika Latin) atau kumpulan pengawal yang memuncung kepala (seperti di Filipina).

Bagaimanapun perhubungan antara kaum tidak begitu sempurna misalnya terdapat rusuhan di Pulau Pinang pada 1957 dan 1967 serta tragedi 13 Mei 1969. Namun masih terdapat kepercayaan dan kemesraan serta sikap bertolak ansur di kalangan kumpulan bangsa di Malaysia. Keadaan ini tidaklah seburuk di Sri Lanka atau di India hari ini.

Jadi, banyak yang harus kita bersyukur. Malah sebagai warganegara, kita mesti bekerja lebih keras lagi untuk mengawal apa yang telah kita capai dan memperbaikinya. Dengan itu Malaysia akan membangun dan berjaya dalam erti kata sebenarnya seperti mematangkan seseorang supaya berjaya dari segi kebendaan dan kerohanian.

30 tahun setelah merdeka, negara kita menghadapi banyak masalah dan dilema. Pilihan dan keputusan terpaksa dibuat dengan cepat dan tepat supaya kita menjadi matang sebagai sebuah bangsa dan tidak mengalami kelemahan dan putus asa.

Pertamanya, kejayaan di bidang ekonomi pada tahun 1960-an dan 1970-an telah bertukar kepada kemelesetan yang teruk. Malaysia telah menjadi sebuah negara yang terlalu bergantung kepada negara-negara luar terutamanya negara-negara kaya. Kita menjual terlalu banyak hasil kita ke pasaran dunia dan meminjam terlalu banyak wang dari luar negeri.

Sekarang harga barangan telah jatuh. Namun kita terpaksa membayar hutang berbilion ringgit kepada negara luar. Tokoh-tokoh politik, para perancang dan ahli-ahli perniagaan telah menghabiskan banyak wang ke atas projek-projek mewah. Simpanan kita begitu banyak dibazirkan. Sekarang kita terpaksa membayar balik pinjaman, jadi sedikit sahaja wang diperolehi untuk membeli barangan perlu.

Kedua, walaupun dalam setengah hal kerajaan telah bertindak lebih liberal (misalnya membebaskan ramai tahanan politik), terdapat juga pemusatan kuasa yang terlalu banyak baru-baru ini. Malaysia mempunyai bilangan kumpulan sosial yang bertambah (termasuk kumpulan pengguna dan alam sekitar). Peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) jarang dihargai oleh kuasa tersebut.

Ketiga, kita masih belum mencapai keharmonian kaum. Terdapat tanda-tanda peningkatan polarisasi kaum kerana parti-parti politik dan para pemimpin masih memperalatkan naluri perkauman untuk memperolehi kemasyhuran.

Di samping itu terdapat pertambahan dalam kes rasuah, jenayah pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa ekonomi. Beberapa tahun yang lalu, keadaan ini telah didedahkan sebagai barah yang merebak dengan cepatnya yang hanya boleh menjadi lebih merbahaya jika tidak dihentikan segera.

Terdapat juga perasaan 'terasing' terutamanya di kalangan golongan muda kerana penduduk kehilangan semakin banyak identiti kebudayaan. Ini disebabkan nilai-nilai kebendaan dan yang popular dari Barat meresap dengan lebih mendalam menerusi TV, video, radio dan majalah.

Dalam kehidupan di bandar yang penuh persaingan, persahabatan bertukar menjadi permusuhan, kerjasama digan-

tikan dengan persaingan, kebaikan menjadi kelemahan dan sikap agresif menjadi satu keperluan untuk mencapai kejayaan. Kita telah menjadi robot yang mengejar impian kebendaan dan kebahagiaan yang mudah serta nilai kehidupan sebenar semakin dilupakan.

Jadi, setelah 30 tahun merdeka, masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Bukan itu sahaja malah kita terpaksa mengambil langkah-langkah yang tegas untuk mengubah haluan.

Cuba kita fikirkan semula konsep 'pembangunan'. Ia tidak seharusnya bermakna lebih banyak kereta dan bangunan tinggi. Ia seharusnya menumpukan perhatian terhadap sumber-sumber untuk memenuhi keperluan asas penduduk: pengeluaran makanan dan penyediaan tanah untuk petani dengan lebih banyak, air yang bersih, penjagaan kesihatan lebih baik, rumah untuk semua dan pengangkutan awam yang lebih cekap.

Dalam proses pembangunan ini, kita perlu memberi peluang penyertaan yang lebih banyak kepada rakyat, kumpulan petani, kesatuan sekerja, kumpulan pengguna dan alam sekitar, pergerakan belia dan wanita. Biarkan pihak akhbar mempunyai lebih banyak peluang untuk mendedahkan rasuah, pembaziran wang dan penyakit sosial yang lain. Oleh kerana seseorang itu matang, lebih banyak kebebasan diberikan kepadanya. Begitu juga dengan sesebuah negara di mana penyertaan dari orang ramai dan kumpulan awam perlu digalakkan.

Dalam proses politik, seharusnya terdapat peralihan dari politik perkauman yang tidak penting. Sebaliknya tokoh-tokoh politik perlu menumpukan perhatian terhadap isu-isu sebenar yang lebih penting iaitu bagaimana menyediakan keperluan asas penduduk, bagaimana membentuk ekonomi yang lebih bercorak tersendiri (berdikari) dan tidak begitu bergantung kepada negara-negara kaya, bagaimana melindungi sumber-sumber dan alam sekitar kita dan bagaimana membasmi kemiskinan serta mempertahankan hak kemanusiaan semua rakyat.

Kesedaran tentang kesan buruk kebanyakan iklan, filem dan rancangan TV mengenai nilai, akhlak dan kebudayaan

harus wujud. Sudah tentu tidak sukar untuk mengawal pengiklanan dan meningkatkan mutu yang lebih baik serta membanyakkan filem dan rancangan TV yang lebih bercorak kemanusiaan.

Setelah 30 tahun merdeka, adalah menjadi tanggungjawab semua warganegara untuk mengemukakan satu bentuk kemerdekaan yang baru dan lebih bermakna. Antaranya ialah mendapatkan satu bentuk pembangunan ekonomi dan sosial alternatif serta lebih tulen; menghidupkan kembali dengan yakin aspek-aspek nilai, amalan dan teknologi tempatan kita yang terbaik; membebaskan struktur ekonomi-sosial dan kebudayaan kita dari belenggu penjajah serta penguasaan selepas penjajahan dan untuk mencapai keharmonian kaum yang sebenar dalam perjuangan untuk mendapatkan keadilan, kebebasan dan persamaan. Itulah perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan yang sempurna. — *September 1987*



VII

PEMBANGUNAN, ALAM SEKITAR DAN KELANGSUNGAN HIDUP

KALAU ESOK TIADA MINYAK...

DUNIA KINI SEDANG menghadapi krisis ekonomi dan tenaga. Ini tidak dapat dinafikan lagi tetapi masih tidak ada cara-cara untuk mengatasi masalah ini.

Sejarah Perang Dunia Kedua, pembangunan ekonomi yang tinggi yang dinikmati oleh negara-negara membangun adalah semata-mata berdasarkan pada sumber minyak iaitu sumber tenaga yang murah ketika itu.

Pada tahun 1973-74, negara-negara pengeluar minyak telah digabungkan di bawah satu organisasi iaitu OPEC dan telah berjaya menaikkan harga minyak. Keadaan ini menyebabkan kemerosotan ekonomi dunia dalam tahun 1974-75.

Hari ini harga minyak semakin melambung tinggi sampai dua kali ganda daripada harga yang dikenakan dalam tahun 1974.

Sekali lagi dunia akan mengalami saat-saat kemerosotan. Menurut pakar ekonomi, kemungkinan kemerosotan ini lebih teruk daripada yang telah lalu.

Walaupun banyak negara membangun menyalahkan OPEC kerana terjadinya krisis tenaga, tetapi pada hakikatnya kenaikan harga minyak ini menunjukkan wujudnya kekurangan minyak.

Menurut sumber-sumber yang dipercayai, sumber minyak dianggarkan hanya dapat menampung keperluan manusia selama 50 tahun saja lagi. Amatlah perlu bagi kita untuk menyimpan sumber tenaga ini dan kenaikan harga minyak ini kemungkinan dapat menjimatkan penggunaan minyak.

Perkara sebegini berlaku kerana negara membangun terlalu banyak menggunakan minyak untuk penyelarasan kerja pengilangan dan perjalanan jentera dan kenderaan.

Akibatnya ditanggung oleh negara-negara yang sedang membangun yang mana terpaksa menggunakan bekalan minyak yang sedikit itu untuk mengeluarkan bahan-bahan asas bagi keperluan rakyat mereka yang miskin.

Sejak dulu, negara sedang membangun seperti Malaysia



tidak begitu memerlukan tenaga minyak. Tetapi hari ini, corak kehidupan dan setiap projek amat bergantung pada minyak.

Kita perlukan minyak untuk mengendalikan jentera-jentera. Tanpa minyak, alat hawa dingin, lif, bekalan air paip, semuanya tidak dapat berfungsi.

Lapangan perindustrian dan pertanian semakin moden dan bergantung pada jentera-jentera. Sudah tentu kekurangan minyak ini akan menyebabkan ketidakseimbangan dalam ekonomi, kemerosotan dalam keluaran negara dan pengurangan dalam tenaga buruh.

Kemerosotan ekonomi bukan lagi satu kemungkinan, tapi sudah jadi satu kenyataan.

Sewaktu pengguna kenderaan di seluruh dunia berebut-rebut untuk mendapatkan minyak, ahli perancang kita dengan bangganya sibuk mengumumkan peruntukan berbilion ringgit bagi pembinaan lebuh raya dan jejambat.

Lapangan terbang dibesarkan dan landasan dilebarkan. Berjuta-juta ringgit dilaburkan untuk membangun perusahaan pelancongan. Setiap hari, bangunan mencakar langit pesat didirikan.

Semua ini hanyalah satu impian yang 'dibina' berdasarkan sumber-sumber minyak akan berkekalan, padahal sudah nyata bekalan minyak semakin berkurangan.

Siapakah yang akan mengguna lebuh raya yang dibina dan

tempat letak kereta yang bertingkat-tingkat itu apabila harga-harga minyak melambung tinggi? Dan cuma yang mampu pula boleh memiliki kereta sendiri.

Berapa ramaikah pelancong yang ingin berlibur di sini apabila tambang kapal terbang semakin tinggi?

Dan lagi, siapakah yang akan tinggal di hotel dan rumah pangsa yang bertingkat-tingkat serta bekerja di bangunan pejabat yang tinggi, apabila alat hawa dingin dan lif gagal berfungsi?

Petani-petani mana pula yang akan mampu membeli baja-baja tanaman dan traktor? Bagaimana pula kilang-kilang hendak berfungsi tanpa sumber-sumber minyak?

Ya, begitulah. Soalan-soalan ini memang rumit sekali. Persoalan ini bukan saja ditujukan untuk generasi akan datang, tetapi ia untuk masa kini — mencabar asas-asas kehidupan, kebudayaan dan corak kehidupan.

Anehnya ahli perancang masih tetap meneruskan kerja mereka seolah-olah tidak ada sebarang perubahan. Polisi mereka tetap sama. Usaha-usaha terhadap penggunaan jentera dalam lapangan pertanian, pembinaan jalan raya dan bangunan bertingkat-tingkat dan pelaburan dalam pelancongan amat ketara.

Sikap yang tidak memahami dan bertindak dalam saat-saat begini amatlah dikesalkan. Sudah tiba masanya kita mengubahsuaikan diri dan masyarakat kita dengan keadaan.

Sudah sampai waktunya kita meneliti dan menganalisis kembali keadaan dunia yang kian kehabisan minyak ini. —
Ogos 1979



APABILA RAKYAT BIASA TIDAK MAMPU KHIDMAT PEGUAM...

KEBANYAKAN KITA mengaitkan 'undang-undang' dengan banduan yang dihantar ke penjara kerana melakukan rompa-



Para peserta Semtnar Undang-undang anjuran CAP sedang membincangkan tentang kekurangan undang-undang di negara ini.

kan atau rogol, atau seseorang pemandu kenderaan terpaksa membayar denda kerana melebihi had laju atau apa-apa contoh yang seumpamanya.

Ramai orang tidak sedar bahawa sistem perundangan adalah lebih luas dari ini. Ia menetapkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang menentukan struktur-struktur masyarakat dan kehidupan kita — termasuk pengendalian perniagaan, kedudukan tanah dan hakmilik rumah atau sewaan. Malahan juga pertelingkahan antara individu-individu.

Sebuah sistem perundangan yang baik pada keseluruhannya mempunyai undang-undang yang melindungi golongan miskin dan sebahagian besar mereka yang tidak bernasib baik, di samping mempunyai kaedah-kaedah yang menggunakan undang-undang untuk menegakkan keadilan.

Malangnya, sistem perundangan di banyak negara sedang membangun termasuk Malaysia, masih kekurangan. Undang-undang kerapkalinya memberi manfaat kepada golongan elit di dalam masyarakat kita dengan mengabaikan mereka yang tidak bernasib baik.

Ini merupakan salah satu rumusan dari Seminar Asia mengenai Pembaruan dalam Pendidikan Undang-Undang untuk Pembangunan Alternatif, anjuran CAP di Pulau Pinang pada 15-17 Februari.

Di kebanyakan negara-negara Dunia Ketiga, sistem perundangan yang wujud pada masa kini merupakan warisan penjajah dan bertujuan untuk memenuhi kepentingan penjajah.

Sebelum zaman penjajah, cara asal yang kita gunakan untuk menyelesaikan perbalahan di antara individu-individu atau kumpulan-kumpulan ialah dengan cuba mendamaikan pihak-pihak yang berbalah itu. Pertengkaran sedapat mungkin akan diselesaikan oleh ketua kampung dengan melibatkan ahli-ahli masyarakat. Pihak-pihak yang berselisih akan menyelesaikan perbalahan mereka, kadang-kadang dengan cara makan malam bersama atau bertukar-tukar hadiah. Dan kehidupan berjalan seperti biasa.

Dalam sistem yang ada sekarang, pengantaranya bukan lagi merupakan ketua-ketua kampung yang disegani, tetapi peguam-peguam profesional terlatih yang mewakili 'pelanggan-pelanggan' mereka di hadapan hakim atau majistret.

Dalam keadaan perbalahan antara satu pihak berada dengan orang biasa (umpamanya tuan tanah menentang penyewa atau petani) rakyat biasa selalunya tidak mampu untuk membayar perkhidmatan-perkhidmatan seorang peguam. Lantaran itu, golongan berada kerap kali memenangi perbicaraan kerana orang biasa tidak dapat menghadirkan diri.

Jikapun seorang yang miskin mendapat perkhidmatan seorang peguam, namun pihak yang kaya mampu mendapatkan seorang peguam yang 'lebih baik' dan mempunyai lebih peluang untuk memenangi kes. Jadi sungguhpun pihak yang lebih lemah tidak bersalah, pihak yang lebih kuat akan memenangi kes itu. Dalam keadaan ini, kuasa dan kekuatan adalah pemenang dan keadilan di pihak yang kalah. Kita mempunyai undang-undang tetapi tidak ada keadilan.

Justeru itu, sistem perundangan kita hendaklah lebih memberi perhatian kepada masalah golongan yang kurang bernasib baik dan komuniti yang biasanya tidak mempunyai kemudahan untuk perkhidmatan guaman.

Mahkamah-mahkamah seharusnya mendengar aduan-aduan dan kes-kes rakyat biasa dan masyarakat yang mempu-

nyai berbagai-bagai masalah.

Para nelayan mengalami kejatuhan hasil tangkapan dan pendapatan akibat sungai-sungai punca tangkapan mereka dicemari oleh kilang. Petani-petani dan penyewa-penyewa diarah oleh tuan-tuan tanah meninggalkan tempat tinggal mereka.

Masalah orang ramai di mana rumahtangga mereka sudah tidak boleh berfungsi sebagai rumah disebabkan oleh pencemaran udara dan bunyi atau oleh pemendakan dan banjir yang disebabkan oleh industri-industri atau pengambilan tanah berhampiran rumah mereka. Para pengguna yang telah dijual dengan barangan rosak atau dikenakan bayaran berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Pada masa sekarang, sistem perundangan tidak mempunyai kaedah yang berkesan untuk menolong orang ramai menyelesaikan masalah-masalah ini, iaitu mereka yang tidak berwang untuk membayar khidmat guaman yang mahal.

Oleh itu, pengkajian semula pendidikan adalah diperlukan segera agar pelajar-pelajar di fakulti undang-undang boleh diajar realiti sebenar dalam masyarakat dan belajar menggunakan undang-undang dan sistem perundangan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik.

Para peguam, majistret-majistret dan hakim-hakim juga perlu mengkaji undang-undang dan peranan masing-masing bagi memastikan bagaimana sistem perundangan boleh digunakan dengan lebih baik lagi untuk membantu mengatasi masalah-masalah orang ramai.

Matlamat terakhir ialah untuk melahirkan satu generasi baru peguam-peguam yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan golongan yang tidak bernasib baik di dalam masyarakat, bukannya untuk meraut sebanyak mungkin wang dari masyarakat.

Jika hasrat ini tercapai, maka para peguam akan benar-benar menjadi pihak yang dapat melakukan perubahan dan pembangunan sejati dan undang-undang akhirnya akan seimbang dengan keadilan. — *Mac 1985*



BILA SI MISKIN MENJADI MANGSA 'PEMBANGUNAN'

KEMELESETAN EKONOMI telah menyedarkan orang ramai tentang apakah sebenarnya 'Pembangunan'. Begitu juga dengan 'Kemajuan'.

Sebelumnya, ia dianggap suatu yang sangat mudah. Untuk menjadi sebuah negara yang 'membangun' kita mesti mempunyai bangunan pencakar langit, lebuh raya yang besar, jambatan yang panjang, jejambat dan rumah batu. Kemudian barulah kita menjadi moden seperti New York atau London.

Untuk 'membangunkan' simbol pemodenan ini, rakyat dan masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut terpaksa dihalau. Jika mereka itu setinggan, ia lebih mudah kerana setinggan tidak mempunyai hak di bawah undang-undang. Jika mereka penyewa, sedikit pampasan boleh diuruskan dan bersama dengan ancaman tentulah akan menyebabkan mereka terpaksa keluar.

Untuk menambahkan lagi eksport (dan untuk syarikat-syarikat mengaut keuntungan), industri-industri besar dibina, dan berjuta ekar tanah hutan ditebang. Petani dan pekebun sayur terpaksa memberi jalan kepada pembinaan kilang-kilang. Terdapat beribu orang yang tinggal secara berkelompok berhampiran hutan terpaksa menghadapi hakisan tanah, pencemaran air dan kehilangan hutan, akibat kerja-kerja pembalakan.

Falsafah 'pembangunan' ini telah diperkenalkan kepada kita oleh negara-negara kaya, melalui sistem pendidikan (kebanyakan para perancang kita dilatih di luar negeri) dan agensi bantuan mereka. Banyak daripada projek yang ada terletak di bawah pengurusan syarikat mereka dan kebanyakan hasil barangan pula dieksport untuk kegunaan mereka sendiri.

Negara-negara seperti Malaysia telah membina berbagai-bagai infrastruktur yang moden ini. Kita boleh 'bermegah' dengan bangunan tertinggi, jambatan terpanjang dan industri

paling berat.

Tetapi bentuk pembangunan seperti ini kian dicabar di seluruh Dunia Ketiga oleh kumpulan dan orang ramai yang berpendapat ia lebih tertumpu kepada kebendaan tetapi mengabaikan kepentingan majoriti sebahagian besar rakyat.

Rakyat dan masyarakat yang hidup secara berkelompok terpaksa memberi jalan kepada pembangunan: mereka diusir serta hilang mata pencarian. Bolehkah ini digelar pembangunan sejati? Tidak, kerana pembangunan bermaksud menguntungkan rakyat dan bukan menjadikan mereka mangsa.

Kenyataan bahawa rakyat biasa terpaksa mengorbankan rumah, mata pencarian dan cara hidup mereka semata-mata sebagai 'pengorbanan demi pembangunan' merupakan suatu yang angkuh dan tidak bermoral. Jika rakyat (kebanyakannya miskin) perlu berkorban, jadi siapakah yang mendapat ganjaran dari pembangunan, kecuali pihak elit saja?

Kita juga bersikap angkuh jika menganggap aktiviti ekonomi penanam padi atau pekebun sayur sebagai sesuatu yang rendah nilainya berbanding dengan industri atau perdagangan; bahawa kononnya tanah pertanian merupakan satu pembaziran kerana sebaliknya ia dapat digunakan untuk bangunan pejabat atau rumah.

Keangkuhan yang sama juga ketara apabila beratus ribu penduduk asli yang tinggal di hutan dikatakan membazirkan sumber-sumber hutan kerana hutan itu boleh ditebang untuk dieksport dan boleh dibina empangan untuk membanjiri hutan dan membekalkan elektrik ke bandar-bandar.

Pemikiran jenis ini telah menukarkan kenyataan menjadi keadaan sebaliknya. Majoriti penduduk bergantung kepada sumber-sumber (tanah, hutan, air dan sebagainya) untuk terus hidup. Dengan sumber-sumber ini, mereka boleh bekerja dan mempunyai tempat tinggal. Apabila kita mengambil semua sumber ini dari mereka Atas Nama Pembangunan, mereka kehilangan sumber mata pencarian dan seringkali rumah mereka juga.

Utusan Pengguna pernah mendedahkan kesengsaraan

dua kumpulan masyarakat utama, penyewa, (terutama petani penyewa) dan penduduk asli Sarawak yang telah menjadi mangsa proses 'pembangunan' ini. Mereka dihalang dari menggunakan sumber-sumber mereka disebabkan desakan 'modernisasi' yang mahu merubah pertanian dan tanah penempatan masyarakat tradisional kepada kawasan perumahan, bangunan pejabat dan lebuh raya. Atau mahu mengaut keuntungan berbilion ringgit dengan menjual balak ke Jepun dan negara Barat.

Bagi rakyat miskin, 'pembangunan' ini merupakan satu mimpi yang menakutkan. Apabila kita memanggilnya 'kemajuan' ia menjadi kenyataan yang bercanggah dengan maksud asal.

Hakikatnya hak asasi manusia ini telah dilanggar. Beberapa tahun yang lalu, Agensi-agensi Hak Asasi Antarabangsa yang pertama telah mengiktiraf rakyat biasa, terutama yang miskin, mempunyai 'Hak asasi untuk pembangunan.'

Dalam tahun 1982, kumpulan kerja dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu mengisytiharkan bahawa, 'Hak untuk pembangunan adalah hak asasi manusia yang tidak boleh diketepikan. Ini termasuk 'memberi peluang yang sama adil kepada semua bagi mendapatkan sumber-sumber dan perkhidmatan asas' dan pengagihan sumber-sumber dengan sama rata serta keuntungan yang diperolehi hasil daripada 'pembangunan'.

Suruhanjaya Juri Antarabangsa juga telah mengisytiharkan bahawa: 'Setiap orang mempunyai hak untuk menyertai dan mendapat faedah daripada pembangunan dari segi kemajuan yang progresif dalam taraf dan kualiti kehidupan.'

Golongan yang tidak bernasib baik dan golongan miskin, yang merupakan golongan majoriti seharusnya mendapat keutamaan dalam faedah pembangunan. Oleh itu, untuk bekerja ke arah pembangunan yang tulen, polisi-polisi dan belanjawan kerajaan hendaklah lebih diperuntukkan kepada golongan miskin.

Kedudukan ini menghubungkan kita dengan konsep Keadilan. Keadilan sosial hendaklah didefinisikan dalam kon-

teks pembangunan yang tulen. Ia hanya akan wujud jika proses pembangunan memberi faedah kepada golongan majoriti rakyat yang tidak bernasib baik.

Jika sesuatu konflik timbul antara kepentingan masyarakat yang tidak bernasib baik dan golongan elit dengan minoriti, maka ia hendaklah diselesaikan sedapat mungkin dengan memihak kepada kepentingan mereka yang tidak bernasib baik.

Kaedah ini begitu mudah sekali tetapi merupakan kriteria asas yang perlu diambilkira apabila membuat keputusan tentang program-program pembangunan dan projek-projek khusus. Jika sesuatu projek pembangunan itu (sama ada oleh sektor awam atau swasta) tidak membawa banyak faedah kepada penduduk miskin dan mereka yang memerlukannya, ia hendaklah kurang diberi keutamaan.

Pada masa sekarang banyak projek lebih menekankan aspek 'pembangunan kebendaan' yang akhirnya membawa kepada 'kemunduran rakyat'. Projek-projek itu bertentangan dengan prinsip-prinsip pembangunan tulen dan keadilan sosial, dan tidak memberi peluang 'hak untuk pembangunan' bagi ramai rakyat miskin.

Kemelesetan yang berlaku kini memperlihatkan banyak projek yang telah mengalami kegagalan besar. Terdapat rumah-rumah dan ruang-ruang pejabat yang tidak terjual bernilai \$10 bilion dan industri-industri mewah dan projek-projek komersial telah menanggung kerugian yang besar. Sementara itu kegiatan pembalakan yang meluas telah menyebabkan kerosakan kepada keseluruhan ekologi hutan Malaysia yang berharga.

Projek-projek ini kebanyakannya dibina dengan mengorbankan kepentingan ekonomi rakyat sendiri. Tanah dan sumber-sumber lain yang rakyat gunakan telah diambilalih. Dalam keadaan kemelesetan seperti sekarang amat mustahil untuk mereka menjalani penghidupan yang sempurna.

Memandangkan keadaan ini, adalah perlu difikirkan semula secara serius konsep-konsep pembangunan dan strategi-strategi ekonomi, malah konsep undang-undang dan keadilan.

Ini semata-mata untuk memastikan rakyat yang tersepit di antara desakan-desakan pembangunan yang meruntuhkan dan kejatuhan pendapatan akibat kemelesetan serta kejatuhan harga komoditi, dapat terus menjalani penghidupan mereka.

Kita memerlukan pemimpin-pemimpin baik dalam kerajaan, sektor swasta, kumpulan-kumpulan awam mahupun pertubuhan-pertubuhan rakyat, yang dapat memberi keutamaan dan kepentingan kepada rakyat. Kita perlukan perhatian seumpama ini terjelma dalam bentuk program-program yang konkrit yang dapat melindungi kepentingan dan hak-hak rakyat.

Kita memerlukan perubahan dalam strategi pembangunan, perubahan dalam undang-undang dan lebih penting lagi perubahan dalam jiwa itu sendiri. — *Jun 1987*



HENTIKAN KERETAPI INI, KITA MUNGKIN BERLANGGAR!

DUNIA INI KIAN ketara bagaikan sebuah 'keretapi' — meluncur laju di landasan yang membawa kita kepada malapetaka. Tetapi pemandu keretapi begitu yakin yang ia membawa kita ke satu destinasi yang selamat sementara konduktornya pula riang memungut tiket. Sebagai penumpang, kita masih tidak menyedari akan bencana dahsyat yang bakal menimpa kita.

Ini mungkin kedengaran seperti ramalan tentang 'hari Kiamat' dan manusia biasanya tidak suka mendengar perkara-perkara yang buruk seumpama ini. Lebih baik menutup telinga daripada mendengar masalah-masalah dunia dan membawa haluan hidup masing-masing dengan tenteram. Lagipun masalah-masalah dunia terlalu besar untuk diselesaikan oleh seorang insan biasa, begitulah mungkin apa yang difikirkan oleh sesetengah orang.

Jadi, kenapakah tidak kita nikmati kebahagiaan hidup sepenuhnya dengan mengikut haluan diri masing-masing? Bu-

kankah kita hidup hanya sekali? Jika kita menghabiskan masa untuk memikirkan hal orang lain atau masalah dunia, tindakan kita mungkin tidak berkesan langsung. Sebaliknya, kita akan menjauhkan diri kita sendiri dari kehidupan yang bebas dan penuh keseronokan!

Tanggapan seumpama ini merupakan perkara biasa dan tidaklah begitu menghairankan, tetapi ia juga mengandungi keburukan. Salah satu yang utama ialah lambat-laun masalah 'dunia' ini akan memasuki rumah kita, mengancam keluarga serta kehidupan kita dan kita tidak akan dapat melepaskan diri darinya. Bukankah lebih baik memahami masalah-masalah ini dan berusaha mengatasinya sungguhpun jalan penyelesaiannya kelihatan buntu?

Kemungkinan masalah terbesar yang dihadapi kini berpunca daripada pengagihan sumber-sumber dunia yang tidak sama rata. Negara-negara kaya mengambil bahagian yang besar sementara negara miskin pula hanya mendapat bahagian yang amat kecil. Di dalam setiap negara Dunia Ketiga sendiri contohnya Malaysia, kekayaan dan pendapatan juga tidak dibahagikan dengan sama rata. Golongan atasan berjumlah 5% menerima pendapatan yang lebih dari masyarakat bawahan berjumlah 60% di negara ini. Ketidaksamarataan ini merupakan punca utama kenapa kemiskinan masih wujud di tengah-tengah kekayaan negara.

Ketidaksamarataan di seluruh dunia membawa kepada sistem sosial dan ekonomi yang lebih mengutamakan penghasilan barangan dan projek mewah melalui penggunaan teknologi mewah yang hanya mampu dimiliki oleh negara kaya. Golongan miskin tidak mampu membeli banyak barangan jadi sistem ekonomi tidak mengeluarkan barangan yang secukupnya untuk mereka.

Setiap negara mahukan pertumbuhan ekonomi yang pesat tanpa pihak kerajaan mengambilkira sama ada pertumbuhan ini akan menghasilkan lebih banyak barangan mewah atau sama ada ia benar-benar dapat memenuhi keperluan asas majoriti masyarakat.

Malangnya sumber-sumber asli dan bahan mentah amat terhad jumlahnya misalnya minyak, tembaga dan tanah yang subur. Sejak 50 tahun lalu, lebih banyak sumber yang berharga ini digunakan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Dalam beberapa dekad yang terdekat ini, dunia akan mengalami kepupusan banyak sumber contohnya minyak.

Sumber-sumber asli kian berkurangan sedangkan semakin ramai manusia yang dilahirkan ke dunia ini. Apabila sumber-sumber kian berkurangan, negara-negara kaya akan berusaha lebih giat untuk mendapatkan sumber-sumber dari Dunia Ketiga. Negara kaya akan lebih menindas golongan miskin kerana sumber-sumber mereka sendiri semakin pupus.

Pada masa yang sama, proses pertumbuhan juga turut memusnahkan sebahagian besar keindahan alam semulajadi. Syarikat-syarikat hanya mengutamakan keuntungan jangka pendek bukannya pembangunan yang sejati. Kerajaan-kerajaan hanya mengutamakan pertumbuhan dalam jangka pendek kerana mereka terpaksa berhadapan dengan para pengundi setiap lima tahun. Itulah sebabnya mereka inginkan pertumbuhan yang paling pesat. Sekiranya terdapat sebarang kesan sampingan yang buruk, ia akan ditanggung oleh pemimpin akan datang.

Jadi sistem itu sendiri dibentuk sebegitu rupa dengan memberi penekanan terhadap kepentingan jangka pendek dan jika ia buruk bagi pembangunan dalam jangka panjang, masalah itu diserahkan kepada generasi akan datang untuk menyelesaikannya. Malangnya 'jangka panjang' ini akan seiringan dengan 'jangka pendek'. Suatu hari kelak, 'masa depan' akan menjadi 'masa kini'.

Begitulah juga dengan generasi kita yang terpaksa menanggung masalah yang ditinggalkan oleh pemimpin terdahulu. Tidak ada jalan keluar lagi.

Lebih separuh daripada kawasan hutan tropika dunia telah ditebang dan bakinya akan turut dimusnahkan dalam tempoh beberapa dekad akan datang. Penebangan hutan ini akan mengakibatkan kepupusan sumber kayu, hidupan liar, tum-

buhan; kehilangan lapisan atas tanah; kehilangan pengumpulan air di takungan; dan perubahan cuaca yang boleh membahayakan. Ancaman kemarau di India dan Ethiopia merupakan akibat dari aktiviti penebangan hutan. Di masa hadapan, bencana kemarau yang lebih teruk lagi mungkin melanda kawasan-kawasan lain.

'Keajaiban-keajaiban' teknologi moden kini sudah mula menampakkan keburukannya. Revolusi hijau memperkenalkan biji benih dan racun makhluk perosak baru. Serangga-serangga kian lali terhadap racun sedemikian. Penggunaan terlalu banyak racun makhluk perosak akan menjadikan beras dan sayuran terlalu beracun untuk dimakan. Sebaliknya jika dikurangkan penggunaan racun makhluk perosak, semakin banyak pula tanaman yang mati akibat serangan serangga. Jadi, apakah jalan penyelesaiannya?

Empangan-empangan besar dibina tetapi ia akan berkelelak selepas dua atau tiga dekad. Sementara itu, berjuta-juta ekar kawasan hutan dan berjuta-juta penduduk luar bandar di situ terpaksa dipindahkan.

Sumber air bawah tanah juga kian berkurangan sementara air yang ada pada hari ini kian tercemar. Malah, krisis alam sekitar yang seterusnya dijangka akan melanda ialah kekurangan bekalan air di seluruh dunia.

Antibiotik yang disuntik ke dalam binatang ternakan dipindahkan kepada manusia melalui pengambilan dagingnya dan bakteria di dalam tubuh kita pula akan menjadi lali terhadap antibiotik.

Makanan yang kita makan dicemari bakteria, bahan logam berat, pewarna dan racun makhluk perosak. Air mengalami pencemaran nitrit yang boleh menyebabkan kanser. Ubatan beracun dijual secara bebas terutama di Dunia Ketiga. Industri-industri yang menghasilkan barangan berbahaya juga turut mengancam dunia misalnya menimbulkan masalah radiasi (Asian Rare Earth di Bukit Merah) atau asap beracun (Bhopal).

Alangkah sedihnya apabila mengetahui begitu banyak masalah yang menimpa dunia. Tetapi bukankah lebih baik

menyedari hal ini daripada memekakkan telinga dan membutakan mata?

Seperti yang ditegaskan di awal tadi, semua masalah ini turut melibatkan kita semua. Ini terbukti melalui peningkatan wabak kanser, taraf hidup yang kian menurun serta pertambahan dalam kes-kes hepatitis dan demam kepialu. Dan yang paling penting, kesulitan-kesulitan yang bakal dihadapi oleh anak cucu kita.

Saya rasa lebih baik menyedari apa yang berlaku di sekeliling kita sungguhpun hakikat sebenarnya amat mengecewakan. Ini disebabkan apabila kita sudah mula sedar, kita boleh membuat pilihan sama ada untuk bertindak atau mengatasinya ataupun mencadangkan penyelesaiannya. Ini semua demi menuju ke arah pembangunan dan sistem bentuk baru yang melindungi alam sekitar, yang membekalkan pengeluaran barangan asas untuk semua (dan bukannya barangan mewah untuk golongan kecil), dan yang membentuk masyarakat yang sihat dari segi rohani dan jasmani.

Memang sukar untuk mengubah sistem yang ada tetapi lebih buruk lagi jika kita sekadar menunggu dan kemudian tersepit dalam krisis tanpa membuat sesuatu. Bertambah buruk lagi jika anak cucu kita di masa depan menuduh kita membantu memusnahkan dunia kerana kita tidak mengetahui apa yang sedang berlaku; ataupun sungguhpun kita menyedarinya tetapi mudah berpuas hati atau bersikap pesimis untuk mengatasinya.

Jadi, jika kita benar-benar merupakan penumpang keretapi yang sedang menuju ke arah malapetaka, maka adalah menjadi tugas kita untuk memecahkan kaca tingkap dan menekan butang 'BERHENTI'. Tindakan ini mungkin akan menimbulkan sedikit kekecohan dan kemarahan pemandu keretapi itu. Tetapi lebih baik menghadapi semua ini daripada berdiam diri dan menunggu pelanggaran yang bakal berlaku. — *Oktober 1987*



SUDAH TIBA MASANYA MEMBELA NASIB KAUM ASLI SARAWAK

KUNJUNGAN 12 ORANG pemimpin dan wakil penduduk asli Sarawak ke Kuala Lumpur dalam bulan Jun lalu telah berjaya melahirkan kesedaran di kalangan orang ramai terhadap kesengsaraan mereka. Sudah bertahun-tahun lamanya mereka telah cuba menyedarkan pelbagai pihak berkuasa negeri tentang aktiviti-aktiviti pembalakan yang memusnahkan hutan, merosakkan ladang dan mencemarkan sungai-sungai mereka.

Para pegawai dan tokoh-tokoh politik tidak mepedulikan aduan-aduan tersebut. Jadi, mereka memutuskan untuk menghantar satu perutusan ke ibu negara. Mereka bertemu Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan menteri-menteri lain serta Ketua Polis Negara dan menarik perhatian serta simpati di kalangan orang ramai.

Mereka merupakan penduduk yang lemah dan malang, di mana tuntutan mereka terhadap hutan ditolak, ekonomi masyarakat dan cara kehidupan terancam dan budaya mereka dipandang hina.

Para penghuni asli hutan ini kini merupakan di antara pihak 'yang bernasib malang di bumi ini'. Namun rayuan mereka tidak terlalu dikasihani tetapi masih dikagumi kerana dari sisa-sisa hidup mereka, mereka menentang demi untuk menegakkan hak.

Pertama, melalui satu siri benteng manusia di sepanjang jalan-jalan pembalakan di 16 kawasan dan keduanya datang dari *bulu* atau pedalaman hutan untuk mengemukakan kes mereka di ibu negara.

Permintaan mereka adalah mudah tetapi bermakna: mereka mahukan kegiatan pembalakan dihentikan di kawasan mereka, pengiktirafan hak mereka terhadap hutan dan tanah nenek

moyang mereka yang telah digunakan dan sedang mereka gunakan, perbaikan kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah dan klinik kesihatan serta hak terhadap identiti kebudayaan mereka sendiri.

Semasa kunjungan mereka ke Kuala Lumpur, seseorang itu dapat merasakan kemarahan dan kepahitan yang telah mereka alami. Mereka marah dengan laporan akhbar yang menyebut Setiausaha Negeri Sarawak sebagai berkata 'Penan tidak mempunyai tuntutan di sisi undang-undang terhadap sebarang bahagian hutan tersebut'. Mereka merasa amat terhina apabila seorang tokoh politik terkemuka memberi ucapan yang menggelar kaum Penan sebagai 'binatang'.

Semasa forum umum di Kuala Lumpur, seorang ahli dari kalangan penonton juga menggelar para penceramah penduduk asli itu sebagai 'bodoh'. Ini telah membangkitkan kemarahan bukan sahaja di kalangan para penceramah berkenaan malah turut dirasai oleh penduduk asli Sarawak yang menjadi penonton dan kini tinggal di Kuala Lumpur. 'Betapa beraninya seseorang itu menggelar kami sebagai 'bodoh!' kata seorang wanita Bidayuh yang kini bekerja sebagai jururawat di Kuala Lumpur. 'Ia menunjukkan bagaimana orang ramai memandang rendah kepada kami dan budaya kami!'

Semasa wakil-wakil penduduk asli itu berada di Kuala Lumpur, seorang tokoh politik Sarawak juga mengkritik kaum Penan kerana memakai kain cawat dan ia akan memberi gambaran penduduk Sarawak adalah 'mundur'. Ngot, seorang kaum Penan dari Baram memberi jawapan yang menarik terhadap kenyataan ini di forum tersebut apabila beliau mengatakan: 'Orang menanyakan kami kenapa berpakaian kain cawat apabila kami datang ke bandar. Tetapi ini merupakan cara hidup kami dengan memakai kain cawat dan kami memilih untuk berbuat demikian. Kami tidak faham kenapa orang ramai menjadikan ini sebagai satu isu sedangkan kami sendiri tidak menanyakan kenapa anda memakai seperti ini di bandar.'

Kenyataan ini mengandungi sindiran yang tajam. Mengapakah penduduk bandar memakai kot dan bertali leher dalam

cuaca yang amat panas atau mengapakah kaum wanita mengikuti fesyen Barat yang lebih mendedahkan tetapi tidak menerima kata-kata seperti yang dilemparkan ke atas kaum Penan tentang kain cawat mereka?

Dengan bertemu dan berbicara dengan mereka, memberi peluang kepada penduduk Semenanjung Malaysia merasakan bagaimana bangganya penduduk ini dengan budaya asli mereka: cara berpakaian, tarian yang lemah gemalai, pengucapan mereka yang bersungguh-sungguh dan yang paling penting sikap mereka yang pendiam tetapi bersemangat waja.

Adakah penduduk seperti ini yang digelar 'tidak beradab' oleh seorang tokoh politik terkemuka? Peradaban diukur bukan dari segi pemilikan kebendaan atau teknologi, tetapi melalui perhubungan sesama manusia dan kebolehan individu serta kejujuran bersama.

Dari segi ini, penduduk asli boleh dikatakan lebih 'beradab' daripada ramai penduduk bandar yang dipaksa bertungkus-lumus dalam hidup untuk bersaing dengan jiran tetangga dalam membeli peralatan rumah yang terbaharu atau sentiasa mengikuti perkembangan fesyen yang terbaharu.

Ramai penulis dan penyelidik yang bertemu dengan kaum Penan di hutan telah menerangkan sifat-sifat mereka sebagai amat bijak, kuat dan pantas bergerak. Mereka memiliki sifat lemah lembut, pemurah, penyabar, mudah mesra dan tidak memikirkan kepentingan diri sahaja. Seorang peneroka hutan dan penyelidik yang terkenal, Hanbury Tenison, mendapati mereka 'paling asli dan menakjubkan sementara seorang ahli antropologi menggambarkan mereka sebagai manusia yang paling baik.'

Gambaran ini bukan sahaja sesuai untuk kaum Penan tetapi juga kumpulan penduduk asli yang lain. Segala keistimewaan yang mereka miliki ini bukanlah sengaja dibesarkan kerana sesiapa yang berkesempatan menemui wakil-wakil penduduk asli di Kuala Lumpur akan mendapati ia benar.

Peradaban mereka telah berkembang semenjak beratus-ratus tahun malah, mungkin beribu-ribu tahun lamanya. Ini

termasuklah ekologi mereka dan penggunaan sumber-sumber hutan bagi mendapatkan makanan, bahanapi, perlindungan dan alat-alat untuk kegunaan di rumah dan di tempat kerja.

Ia termasuk sistem tanah yang adil dan rasional dari segi sosial. Mengikut *adat* mereka, tanah tidak *dipunyai* oleh seseorang individu sebagai harta persendirian. Setiap orang *berhak* menggunakan tanah tersebut selagi ia dan keluarganya mengerjakannya.

Apabila keluarga tersebut tidak lagi menggunakan tanah itu, ia dikembalikan kepada masyarakat dan boleh digunakan oleh orang lain. Hanya orang yang mengerjakan tanah tersebut berhak ke atasnya. Dan hanya jika ia terus mengerjakannya ia mempunyai hak terhadap tanah itu. Oleh itu tiada siapa boleh mengumpulkan kawasan tanah yang luas dan berkuasa ke atas mereka yang tidak mempunyainya.

Nampaknya sistem tanah ini jauh lebih beradab daripada yang diamalkan di dunia perdagangan di mana pemilik-pemilik tanah yang besar boleh mengawal kawasan-kawasan tanah yang luas tanpa mengerjakannya dan sering dibiarkan menjadi tanah rang, tetapi tidak siapa pun dibenarkan bercucuk-tanam di atasnya.

Hutan penduduk asli ini, yang berusia 150 juta tahun, dibersihkan oleh pengusaha-pengusaha kayu balak dalam jangkamasa beberapa tahun yang singkat. Tanah-tanah mereka dirosakkan dan dengan proses ini kebudayaan dan peradaban mereka juga turut terancam.

Oleh itu penduduk asli itu berjuang untuk ekologi hutan mereka, mata pencarian ekonomi dan penghidupan mereka sebagai satu budaya dan peradaban.

Dengan mengemukakan perjuangan ini di Kuala Lumpur mereka juga telah mengajar kita tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan menjadi warganegara Malaysia, sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama, budaya dan peradaban yang berbeza.

Musuh-musuh mereka yang paling besar terdiri daripada syarikat-syarikat balak dan tokoh-tokoh politik, yang di antara



Wakil-wakil kaum asli Sarawak yang datang ke Kuala Lumpur untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kesengsaraan mereka.

mereka memiliki dan mengawal berjuta-juta hektar konsesi balak. Mereka begitu bersemangat dan menaruh minat yang besar untuk meneruskan pembinasaaan hutan bagi mengaut keuntungan yang tinggi dan dalam jangkamasa yang singkat.

Adakah negara juga berhasrat untuk membenarkan penghasilan kayu balak jangka pendek lebih diberi keutamaan daripada sistem hutan yang membantu kehidupan beratus-ratus ribu penduduk luar bandar yang bergantung padanya?

Adakah kita mahu menukarkan Sarawak menjadi sebuah kawasan tanah tandus yang kini terdapat hutan tertua dan paling berharga di dunia? Adakah kita mahu menjadikan penduduk asli ini sebagai golongan yang tidak bernasib baik di bumi ini, menjadi miskin di tanah mereka sendiri dan menggelarnya Bumi Kenyalang tetapi tiada lagi burung Kenyalang yang akan menyanyi?

Sudah tiba masanya untuk berhenti dari melepaskan masalah mereka dari satu tangan ke tangan yang lain (Ini tidak termasuk di bawah bidang kuasa kami), dari tokoh politik kepada perancang kepada tokoh politik, semuanya cuba untuk menghindari isu-isu yang sebenar.

Kesemua pihak yang berkenaan kini perlu berbincang bersama-sama dan mencari penyelesaian yang adil dan dalam jangka panjang terhadap kesengsaraan penduduk asli Sarawak.

Sebagaimana yang dikatakan oleh seorang peguam kanan di mesyuarat penduduk asli dengan Majlis Peguam di Kuala Lumpur: 'Kita bukan hanya bercakap tentang penghapusan hak tanah adat, kita juga sedang menghadapi prospek penghapusan penduduk sebagai satu entiti (perwujudan) kebudayaan dan peradaban mereka sendiri.'

Penduduk-penduduk asli itu mendakwa di setengah kawasan-kawasan mereka, ia mungkin hanya mengambil masa dua atau tiga tahun lagi bagi kegiatan pembalakan untuk membersihkan hutan tersebut secara menyeluruh.

Kini sedikit sahaja masa yang tinggal. Penduduk asli telah memainkan peranan mereka bagi mempertahankan hutan dan budaya mereka sendiri. Kita perlu memainkan peranan kita kini dengan segera. — *Julai 1987*



PENGHORMATAN KEPADA PERIBUMI SARAWAK

SAYA BARU SAHAJA kembali dari lawatan ke Sarawak untuk menyaksikan sendiri masalah-masalah yang timbul akibat pembalakan dan keadaan peribuminya.

Pengalaman tersebut amat menyentuh perasaan, melihat bagaimana sedikit sahaja kawasan hutan semulajadi masih terdapat di Baram dan bagaimana Sungai Baram yang indah, yang mengalir melalui kawasan hutan yang tertua di dunia itu kini bertukar menjadi warna teh susu, begitu tercemar dan dipenuhi kelodak hakisan tanah yang berpunca daripada kerja-kerja pembalakan.

Juga amat menyedihkan apabila dapat bertemu kembali dengan kaum peribumi yang berani berjuang hingga ke saat

akhir untuk menyelamatkan tanah dan hutan mereka serta mempertahankan warisan dan cara hidup mereka yang berharga.

Dalam perbincangan kami di pejabat Sahabat Alam Malaysia (SAM) di Marudi, kaum peribumi itu menyatakan bahawa mereka kini sudah biasa dengan cerita-cerita tentang kerosakan ladang-ladang, hakisan tanah, kepupusan binatang liar, pemusnahan pokok-pokok dan tanam-tanaman serta bekalan air yang beracun.

Kaum Dayak Sarawak sebenarnya adalah pencerita yang hebat. Apabila mereka bercakap, kaum Penan, Iban atau Kayan memberikan makna yang mendalam, disertai gerak tangan dan mata mengiringi suara mereka membawakan pelbagai cerita mengenai masa lalu dan masa kini, dengan berbagai bentuk perasaan seperti marah, benci, bingung, cekal malah jenaka.

Mereka sebenarnya tidak mengerti bagaimana sebuah negeri moden, dengan segala kekuasaan fizikal dan teknologinya secara mudah memasuki dan mengenyepikan semua hak tanah dan kehidupan yang mereka miliki dari satu abad ke abad yang lain, dari satu generasi ke generasi yang lain.

'Kamilah satu-satunya kaum yang telah tinggal di sini sejak nenek-moyang kami lagi,' kata Juwin Lehan, Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Penan. 'Kami tahu nama setiap pokok, setiap anak sungai, gunung dan binatang.

'Syarikat-syarikat balak ini cuma datang dalam masa lima atau tujuh tahun lalu. Mereka pendatang baru dan jadi penceroboh. Milik mereka tidak pernah ada di sini.

'Namun begitu, amat menghairankan apabila kami pula diminta *membuktikan* bahawa kami telah tinggal lama di sini. Inilah tanah kami dan kami berhak ke atasnya! O, tolonglah beritahu saya apakah ini tidak adil dan apakah yang tidak adil itu?'

Sesungguhnya ini merupakan alasan yang cukup kuat. Masyarakat ini telah diberitahu bahawa mereka tidak mempunyai geran, peta atau lesen yang boleh membuktikan tanah itu milik mereka.

Bagaimanapun undang-undang tanah Sarawak tidak mensyaratkan mereka memiliki sekeping kertas untuk menguatkan dakwaan memiliki tanah itu. Ia menyatakan bahawa seorang peribumi mempunyai hak-hak adat sekiranya seseorang itu secara tradisinya menggunakan tanah atau hutan sebelum 1958.

Kaum peribumi itu *tabu* mereka telah tinggal di sini dan telah menggunakan hutan di kawasan itu sejak berabad-abad lalu. Tetapi syarikat-syarikat balak telah diberikan lesen untuk membina jalan-jalan melalui tanah-tanah itu dan membalak di atas tanah adat. Mereka mempunyai peta yang diberikan oleh pihak berkuasa Perhutanan.

Ini merupakan satu komplot antara pihak berkuasa negeri, pemegang konsesi balak dan syarikat-syarikat kontraktor untuk mengambil kekayaan hutan sambil menahan hak para penghuni tempatan daripada menggunakan hutan tersebut. Penimbunan kekayaan daripada hasil balak oleh segelintir pihak juga telah membentuk jurang kemiskinan baru di kalangan penduduk peribumi yang malang ini.

Fakta ini adalah cukup jelas dan disetujui oleh semua orang apabila anda bercakap secara langsung dengan mereka. Tetapi cuma beberapa orang sahaja di Sarawak yang berani memperkatakan perkara ini di khalayak ramai.

Sumber-sumber rasmi telah melindungi perkara itu secara biadab. Mereka menyalahkan segala-galanya ke atas kaum peribumi: kaum peribumilah yang dituduh sebagai perosak hutan, menuntut gantirugi yang tinggi, pencemar sungai-sungai dan yang tidak mahu bergabung ke dalam 'arus pembangunan'.

Semua tuduhan tersebut adalah palsu. Para saintis telah membuktikan bahawa pertanian pindah adalah sesuai dengan ekologi dan hanya menggunakan sebahagian kecil kawasan hutan berbanding dengan kerosakan yang berpunca daripada kerja-kerja pembalakan. Kaum peribumi itu telah dipersoalkan tentang hak-hak asas mereka ke atas tanah seperti yang diiktiraf oleh undang-undang. Inilah isu utama yang dimainkan oleh pihak berkuasa untuk berdalih dan melindungi perkara sebenar.

Dan untuk pembangunan, saya mendengar setiap pencerita mahukan sekolah-sekolah dan klinik-klinik dan pertanian yang lebih produktif di kalangan masyarakat mereka. Dalam hal ini mereka telah berulang kali menulis surat memintanya, tetapi tidak mendapat perhatian.

Usaha-usaha pihak berkuasa melindungi perkara ini adalah menyedihkan. Pada akhir Februari, sekumpulan 'orang-orang atasan' diketuai oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Alias Ali dan beberapa orang pegawai atasan perhutanan telah melawat ke kawasan tersebut dan mengisytiharkan dakwaan ke atas syarikat-syarikat itu adalah 'tidak berasas'.

Menteri itu berkata pembalakan tidak merosakkan hutan dan beliau berpuashati dengan usaha Jabatan Perhutanan untuk mengekalkan hutan-hutan dan menyatakan kerajaan negeri telah membentuk pusat-pusat bagi menyediakan sekolah-sekolah dan klinik-klinik untuk kaum Penan dengan perbelanjaan \$1 juta setahun.

Semuanya ini adalah palsu. Kajian-kajian saintifik yang dijalankan antara lain oleh FAO, Jabatan Perhutanan Sarawak sendiri dan Tabung Hidupan Liar Dunia semuanya telah menyokong dakwaan peribumi tentang kerosakan hutan yang begitu hebat. Garis panduan yang baik bagaimana pembalakan itu sepatutnya dijalankan telah tidak dipatuhi. Dan janji-janji untuk menyediakan pusat kaum Penan telah tidak dilaksanakan dan tidak siapa yang tahu apakah yang terjadi kepada wang peruntukan berjumlah \$1 juta itu.

Datuk Alias juga berkata: 'Kaum Penan yang kami temui telah bercakap tentang kekurangan ikan dan binatang. Tetapi ini telah berlaku sejak beberapa tahun lalu. Sekiranya anda terus memancing di sungai, maka pada masa depan ikan-ikan tentu akan berkurangan.'

Bagaimana seorang menteri yang bertanggungjawab terhadap sumber alam boleh bercakap dalam keadaan yang melucukan memang sukar dipercayai. Kini semua orang tahu bahawa hakisan tanah daripada pembalakan itulah sebenarnya telah membunuh ikan-ikan di sungai.

Kaum peribumi itu telah menangkap ikan-ikan dari sungai yang sama sejak beratus tahun lalu tanpa menjejaskan pembiakkannya. Tapi pembalakan yang mengambil masa lima tahun sahaja telah memusnahkan binatang dan ikan. Malah Menteri Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong telah menyatakan kebimbangannya terhadap pencemaran sungai-sungai di Sarawak.

Tetapi sekumpulan pakar-pakar perhutanan 'Peringkat atasan' ini mahu menggunakan cara yang sama untuk 'menyalahkan mangsanya' bagi melindungi diri mereka daripada tuduhan gagal menjalankan tugas. Mereka telah gagal melindungi hutan-hutan kita, mereka telah membantu menceroboh hak-hak kaum peribumi, mereka juga telah membenarkan pencemaran berlaku dan pada akhirnya mereka menudingkan telunjuk kepada si mangsa dan menamakan mereka sebagai para pesalah!

Dalam lawatan saya, saya telah bercakap kepada beberapa ketua masyarakat dan semakin meyakini kedudukan sebenar dan kejujuran mereka. Oleh itu pihak berkenaan haruslah melakukan sesuatu untuk mereka.

Kebanyakan mereka yang saya temui telah mengalami penderitaan daripada bencana, pengepungan dan penjara. Bagaimana mereka kelihatannya masih belum kehilangan semangat.

'Saya tidak tahu mengapa mereka menangkap kami. Kami tidak mencuri dari sesiapa dan tidak menyakitkan sesiapa,' kata Kurau Kusin, seorang Penan dari Long Kidah. 'Pihak lain merosakkan hutan kami dan mengancam hidup kami. Tetapi mengapakah mereka tidak ditangkap?'

Kelahiran mereka telah mensabitkan ketentuan sejarah, bahawa itulah tanah dan hutan milik nenek-moyang mereka yang tidak boleh dipindahkan hak-haknya. Ini adalah ketentuan yang dipertahankan oleh mereka yang telah hampir hilang segala-galanya, termasuk kehilangan kebebasan dan kesihatan dan tidak memiliki apa-apa lagi untuk dikorbankan.

Sikap ini patut dihormati oleh individu yang mengetahuin-

ya, malah walaupun tidak diketahui oleh sesiapa bahawa masyarakat peribumi itu cukup berharga, bijak dan jujur sama seperti manusia lain di dunia yang bertamadun.

Saya juga bercakap-cakap dengan beberapa elit di bandar yang mengesahkan bahawa jaringan kepentingan yang mengikat orang-orang politik dengan hartawan-hartawan balak menjadi punca pembalakan yang berleluasa dan yang menyebabkan hak-hak peribumi ke atas tanah mereka disingkirkan ke tepi.

Cerita ini adalah menyedihkan dan mungkin amat mengecewakan, kecuali satu, yakni semangat dan suara mereka yang ada di sungai-sungai Sarawak yang masih mengetahui nilai hutan, budaya dan kemuliaan mereka dan harapan untuk terus berjuang mendapatkan hak demi masa depan anak-anak mereka.

Ahli-ahli politik, para akademik dan profesional yang begitu sibuk bercakap tentang kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan hak-hak masyarakat miskin pasti akan mendapat maklumat yang kaya dengan melihat sendiri apakah yang sedang berlaku di kawasan-kawasan hulu Sarawak.

Penghormatan kepada masyarakat peribumi ini yang telah memperlihatkan kepada kita betapa tidak bertamadunnya dunia kita dan mereka akan terus berdiri mempertahankan hak mereka untuk hidup, untuk mendapatkan pembangunan yang tulen dan kemuliaan mereka sebagai manusia yang tersendiri. —
April 1989



HENTIKAN PEMBALAKAN SEKARANG!

Demi kepentingan kita semua

KINI TIBALAH masanya bagi kerajaan untuk mengambil keputusan muktamad demi menyelamatkan baki hutan yang masih

wujud kerana lambat-laun hutan ini akan musnah semuanya.

Gesaan supaya operasi pembalakan dan eksport kayu-kayu balak diharamkan, semakin lantang kedengaran, bukan saja daripada masyarakat pedalaman yang terbabit tapi juga daripada industri pemerosesan kayu dan perabot.

Hutan kita semakin pupus dengan begitu cepat hinggakan kita sendiri, kehabisan kayu balak untuk kegunaan sendiri. Kilang-kilang papan dan pembuat perabot di negara kita, kini menghadapi masalah kekurangan kayu balak kerana kebanyakan hutan telah ditebang.

Menurut satu kajian FAO, menjelang 1995 bekalan kayu balak Sabah dijangka akan kehabisan dan dengan kadar pembalakan yang dilakukan secara berleluasa di Sarawak sekarang, hutan di sana juga tidak dapat bertahan lama selepas tahun tersebut.

Ketika Semenanjung Malaysia mengalami kekurangan kayu kayan, kayu balak Sabah dan Sarawak dieksport ke Jepun, Korea, Taiwan serta negara-negara lain, sedangkan kita hanya memperolehi pulangan pendapatan yang kecil untuk kayu yang berharga itu.

Ini disebabkan kayu balak yang belum diproses murah harganya, sedangkan kita boleh memperolehi tujuh kali ganda keuntungan jika kayu balak ini diproses dan dijual dalam bentuk perabot.

Mengikut sebuah rencana yang tersiar dalam akhbar *New Straits Times* (22/8/89), di samping mengeksport kayu balak bernilai \$7 bilion, Malaysia boleh memperolehi keuntungan lebih daripada \$20 bilion jika mengeksport pintu dan perabot yang diperbuat daripada kayu.

Kenapakah Malaysia Timur tidak mahu menjual kayu-kayu balaknya ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia? Menjawab pertanyaan itu, seorang pegawai dari Malaysia Timur berkata ini kerana pengusaha-pengusaha Jepun bersedia untuk membayar harga yang lebih.

Menurut laporan *Asian Wall Street Journal*, terdapat kartel perkapalan dan perdagangan Jepun yang mempunyai kerjasa-



Wanita dan kanak-kanak turut serta dalam benteng manusia yang dibuat untuk menghalang pembalakan.

ma dan hubungan politik dengan syarikat yang memonopoli perniagaan kayu balak Sabah. Keadaan yang sama mungkin berlaku di Sarawak.

Sebenarnya salah satu sebab utama yang memusnahkan hutan di Malaysia ialah kerana sikap mementingkan perniagaan seseorang yang mempunyai hubungan rapat dengan ahli-ahli politik.

Tanah dan hutan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Pihak ini adalah bertanggungjawab bukan saja dari segi hasil negerinya, tapi juga bertanggungjawab memberikan naungan dalam bentuk konsesi-konsesi yang dibahagi-bahagikan kepada para pengikut, saudara-mara dan tidak kurang kepada ahli-ahli politik.

Walaupun ini merupakan satu rahsia kerajaan, tapi ia adalah fakta yang tidak dapat diselindung lagi. Hutan yang terbentang luas di Sabah, kini telah ditebang oleh pengusaha-pengusaha di kalangan ahli-ahli politik yang berpengaruh.

Hutan Sarawak telah diberikan konsesi kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk memonopolinya, dan di negeri-negeri Semenanjung juga berlaku tindakan yang sama.

Ahli-ahli politik ini hanya mempunyai kuasa antara jangka

masa empat hingga lima tahun saja dan sesudah itu apa pun boleh berlaku. Jadi sebelum tempoh kuasa politiknya itu tamat, mereka tentu berusaha keras untuk memperolehi keuntungan besar dari kayu balak secepat mungkin. Siapa tahu, kemungkinan ahli-ahli politik yang datang selepas itu akan membekukan tuntutan-tuntutan berkenaan.

Dalam masa negara-negara seluruh dunia melahirkan ke-bimbangan terhadap kemusnahan kawasan hutan hujan, negara kita sebenarnya meningkatkan pembalakan daripada kira-kira 500,000 hektar dalam tahun 1980 ke 800,000 hektar dalam tahun 1987.

Setakat ini, kita merupakan negara kawasan hutan hujan yang menjadi pembekal kayu balak utama di dunia dengan mengeksport 66% daripada kayu balak tropika.

Untuk meredakan bantahan-bantahan daripada masyarakat pedalaman dan para pencinta alam, kerajaan telah menjalankan propagandanya. Mereka berkata, operasi pembalakan tidak menggugat ekologi, hanya beberapa batang pokok yang ditebang bagi setiap ekar, tanah dan air tidak diganggu, bekalan kayu balak akan berterusan dan penduduk aslilah yang bertanggungjawab ke atas kemusnahan hutan.

Semua ini adalah karut belaka. Dengan sendirinya, pegawai-pegawai perhutanan telah mengakui bahawa rancangan pengurusan mengindahkan hutan hanya wujud di atas kertas sahaja. Pada praktiknya tiada sebarang penguatkuasaan disebabkan kekurangan kemahuan politik, kekurangan pegawai perhutanan dan rasuah.

Kekurangan kemahuan politik disebabkan kecenderungan yang terus-menerus dan yang berleluasa di kalangan ahli politik dalam industri pembalakan. Dan orang yang sama yang menyebabkan kemusnahan hutan inilah juga yang menggalakkan pula supaya diadakan pengurusan untuk memperindahkan hutan, yang menafikan sesiapaupun tidak menderita akibat pembalakan dan yang menuduh 'para pencinta alam' menghasut penduduk terbabit supaya membantah.

Kini, seluruh dunia bimbangkan kepupusan hutan tropika

dan kesan-kesan sosial, ekologi dan iklim yang timbul. Dan di rantau kita, negara Thai telah mengharamkan sepenuhnya aktiviti pembalakan manakala Indonesia dan Filipina telah mengharamkan pengeksportan balak ke luar negeri. Kerajaan Filipina juga sedang mengambil langkah untuk mengharamkan aktiviti pembalakan di kawasan yang kurang hutan.

Kita belum belajar daripada pengalaman tersebut. Eksport balak dari beberapa jenis kayu gergaji telah dihadkan baru-baru ini tetapi merupakan satu langkah yang kecil untuk dibuat perbandingan.

Kini terdapat gesaan dari kalangan pegawai-pegawai perdagangan untuk tidak menggalakkan Sabah dan Sarawak mengeksport kayu-kayu balak mentahnya, dan sebaliknya menjual balak-balak tersebut ke Semenanjung atau supaya memproses balak dahulu sebelum dieksport.

Ini juga merupakan langkah yang disambut baik sekiranya dilaksanakan. Tetapi sekali lagi tidak banyak dapat dilakukan untuk menyelamatkan kawasan hutan atau untuk mengelakkan kerosakan ekologi. Pokok-pokok akan terus ditebang, mungkin pada kadar yang sama; dan kayu-kayan tersebut akan terus dieksport dalam bentuk yang berbeza (diproses sebagai ganti kayu mentah).

Sebagai salah sebuah negara utama di dunia yang memusnahkan hutan tropika, Malaysia telah mendapat nama buruk di peringkat antarabangsa. Ini cukup menyedihkan apatah lagi kerana ia suatu hakikat yang tidak boleh di sangkal.

Kerajaan Persekutuan yang kurang mengawal secara langsung ke atas hutan-hutan haruslah campur tangan dan meminta kerajaan-kerajaan negeri menghentikan pemusnahan hutan. Pemeliharaan hutan adalah penting bukan sahaja terhadap ekologi tetapi juga kepentingan jangka panjang ekonomi negara.

Sesuatu rancangan dapat dilakukan untuk membayar ganti rugi kehilangan hasil negeri; misalnya kerajaan persekutuan boleh meningkatkan bantuan tahunannya kepada negeri-negeri yang mengurangkan atau menghentikan aktiviti pembalakan.

Janganlah disebabkan ketamakan segelintir golongan

yang berpengaruh, rakyat Malaysia dan dunia kehilangan sumber hutan yang berharga, warisan yang apabila telah musnah tidak akan dapat diganti lagi, sebaliknya kemusnahannya akan menyebabkan perubahan iklim yang buruk, banjir yang meluas, kehilangan lapisan tanah subur, kemarau dan kekurangan air.

Kerajaan Persekutuan haruslah mengenakan pengharaman ke atas aktiviti pembalakan secara menyeluruh sebagaimana yang berlaku di Negara Thai pada bulan Januari itu. Seluruh rakyat Malaysia termasuk generasi masa depan akan bersyukur kerananya. — *Oktober 1989*



WUJUDKAN 'TAMADUN BARU' DEMI KESELAMATAN DUNIA

SEKALI LAGI Hari Alam Sekitar Sedunia akan dirayakan pada 5 Jun ini. Sempena hari tersebut, beberapa batang jalan raya akan ditutup kepada lalulintas, pokok-pokok bunga akan dihias buat seketika di beberapa tempat dan ucapan-ucapan akan dibuat mengenai kepentingan memelihara alam sekitar.

Semuanya kelihatan seperti satu usaha yang baik, malah baru-baru ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang boleh dipuji misalnya mewajibkan beberapa industri membuat penilaian tentang kesan-kesan projek mereka ke atas alam sekitar, mewujudkan peraturan mengenai bunyi bising yang dikeluarkan oleh kenderaan dan membentuk satu peraturan baru berhubung dengan kesihatan di tempat kerja.

Tetapi segala tindakan yang diambil itu masih belum mencukupi untuk menahan kemusnahan alam sekitar yang sedang melanda dunia. Seperti yang tertera di ruangan muka tengah *Utusan Pengguna* keluaran Jun 1988, ternyata sumber-sumber dunia kian berkurang, pencemaran kian buruk sementara tanah tanih dan makanan dicemari oleh bahan buangan bera-cun dan racun makhluk perosak.

Dunia sedang diancam bencana. Kegiatan pemusnahan hutan, pencemaran udara, peningkatan paras karbon dioksida dan penghapusan lapisan ozon telah mengakibatkan perubahan iklim berlaku. Kesan-kesan ke atas paras suhu dan air juga sedang menuju ke arah kemusnahan.

Sementara itu, kesihatan manusia terancam akibat pembuangan sisa beracun dari industri yang tidak dapat disalurkan ke kawasan penimbunan yang sempurna. Serangga-serangga pula mempunyai daya ketahanan yang lebih kuat terhadap racun makhluk perosak menyebabkan lebih banyak bahan kimia beracun digunakan. Jika tanaman makanan yang mengandungi racun ini tidak dibuang, tanpa disedari penggunaalah yang akan menderita jika terus memakannya.

Sistem industri yang lebih mementingkan keuntungan terus menguasai sumber-sumber dunia, menyebabkan generasi masa depan akan menghadapi kepupusan sumber-sumber penting. Sains moden yang dipenuhi pelbagai penemuan baru telah mewujudkan etika baru dan bahaya ekonomi dalam bentuk bioteknologi (dengan mengubah sistem genetik binatang mahupun membentuk sejenis binatang 'baru'), menyelaraskan biji benih pertanian dan bahan kimia beracun yang baru.

Di Dunia Ketiga, faktor-faktor persekitaran (misalnya penebangan hutan) telah menimbulkan pelbagai bencana seperti kebuluran di Afrika, banjir di Bangladesh dan musim kemarau di India.

Memandangkan wujudnya peralihan-peralihan besar dan membahayakan dalamimbangan manusia dan alam semulajadi, langkah-langkah sedemikian masih belum mencukupi. Keadaan ini tidak ubah seperti menyumbatkan benang kapas ke lubang dinding sebuah empangan sedangkan empangan itu sendiri akan runtuh pada bila-bila masa sahaja.

Jadi, apakah sebaik-baik langkah yang harus diambil untuk menyelamatkan keadaan tersebut? Perubahan dalam polisi alam sekitar hanya akan bermakna berterusannya sistem industri yang merosakkan tetapi hanya beberapa batasan ditetapkan ke atas punca pencemaran tersebut. Dengan itu, bencana alam

akan terus berlaku.

Sebenarnya kita memerlukan satu perubahan di dalam falsafah dan sistem pembangunan itu sendiri. Sistem ini menjadi akar umbi kepada masalah yang sedang dihadapi dengan prinsip-prinsip yang membawa kemusnahan seperti 'Semua benda yang dicapai dalam dunia moden adalah hebat'; 'yang besar adalah yang terbaik'; dan 'apa sahaja usaha yang mendatangkan banyak keuntungan perlu digalakkan.'

Kini semakin banyak bukti dapat dilihat bahawa projek-projek besar sering membawa bencana. Loji-loji nuklear mula mengalami proses penutupan di seluruh Amerika Syarikat dan Eropah. Empangan-empangan besar mula dilihat mempunyai banyak kesan buruk; Empangan Aswan di Mesir yang 'didakwa hebat' itu telah ditutup; sementara rancangan bagi pembinaan Empangan Nam Choan yang besar di Thailand telah dihentikan. Bhopal menjadi satu contoh bagaimana industri-industri besar dan moden boleh mengakibatkan kematian dan kesengsaraan yang menyedihkan.

Dengan pelaksanaan dasar ekonomi yang lebih memihak kepada mengaut keuntungan melalui pengeksportan sumber-sumber sebenarnya merupakan satu pandangan yang singkat dan terkeluar daripada perspektif jangka panjang. Memang benar kita berjaya memungut berbilion dolar hasil kegiatan penebangan hutan dan mengeksport minyak. Tetapi dalam tempoh beberapa tahun akan datang, sumber-sumber itu akan kehabisan, ekologi yang diganggu gugat itu akan mencetuskan bencana ekonomi, dan pendapatan eksport yang lumayan pada masa kini akan bertukar menjadi beban import yang besar.

Tetapi bermula dari 5 Jun ini, pelaksanaan yang ingin dilihat adalah seperti berikut:

- Satu polisi yang rasional ke arah penggunaan dan pengagihan sumber-sumber asli. Sumber-sumber seperti hutan, tanah, air dan tenaga perlu *dipelihara*, bukannya *dieksploit*. Segala hasil yang diperolehi harus dikongsi sama rata oleh semua agar keperluan asas setiap rakyat dipenuhi — bukannya sumber-sumber digunakan untuk menghasilkan barangan me-

wah yang dinikmati oleh golongan minoriti sahaja.

- Kaedah-kaedah yang kukuh dari segi ekologi bagi pengeluaran, pengangkutan, perumahan dan penghidupan perlu menggantikan sistem-sistem yang membazir dan merbahaya yang wujud pada masa kini. Ini bermakna mempertahankan dan menggalakkan teknologi-teknologi tempatan yang berkos rendah (misalnya penangkapan ikan secara tradisional mengatasi penangkapan dengan pukat tunda; basikal mengatasi motokar; biji benih keras asli dalam tanaman makanan mengatasi biji benih kacukan yang dihasilkan di makmal; kaedah berkebun secara organik mengatasi pertanian yang berasaskan bahan kimia; industri-industri berskel kecil mengatasi kilang-kilang bersaiz besar yang dikawal oleh syarikat multinasional).

- Gaya hidup serba sederhana yang membolehkan setiap orang menikmati taraf hidup yang sewajarnya dan bukannya hanya mampu dinikmati oleh sesetengah anggota masyarakat sahaja. Aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan seperti kerja kreatif, buruh manusia yang produktif, menikmati alam semulajadi dan pencarian ilmu pengetahuan akan menggantikan tempat sikap berlumba-lumba untuk memiliki barangan yang berkembang mengikut zaman.

- Perubahan dalam nilai-nilai untuk membolehkan semua perkara di atas menjadi kenyataan. Nilai-nilai persaudaraan, saling mengambil berat dan kedalaman pengetahuan kerohanian dan naluri kemanusiaan akan menjadi asas ekonomi dan kehidupan sosial. Dengan itu tidak perlu lagi membazirkan sumber-sumber (seperti yang berlaku sekarang) di mana wujudnya perlumbaan dalam nilai-nilai mengaut keuntungan serta keinginan untuk memiliki segala kemewahan benda untuk status.

Apa yang ingin dilihat berlaku mungkin tidak ubah seperti keadaan di Utopia dan dianggap tidak realistik. Berulangkali telah ditegaskan bahawa 'roda-roda pemodenan terus berputar tanpa seorang pun dapat menghentikannya.' Ini mungkin suatu yang benar kerana individu dan kumpulan-kumpulan pencinta alam sekitar mungkin terlalu lemah untuk menahan proses

pemusnahan yang dibawa oleh dunia moden.

Tetapi putaran 'roda-roda' ini tidak akan berterusan selamanya. Jika ia tidak dihentikan oleh Manusia, maka ia akan dihentikan oleh alam semulajadi. Sumber-sumber akan pupus, pencemaran tidak dapat dikawal lagi, iklim akan berubah dan lebih banyak bencana yang menyerupai Bhopal dan Chernobyl akan meletus.

Jika gerakan ekologi tidak dapat menghentikan Roda-roda Pemodenan itu, satu pemecahan dalam sistem itu sendiri akan menghentikan putaran roda-roda tersebut. Sistem industri moden membawa kemusnahan sendiri melalui muatan berlebihan, kelemahan dalam bahan logam dan kesan-kesan sampingan yang beracun. Akibatnya mungkin tidak dapat dibayangkan lagi dan berjuta-juta orang manusia akan lenyap, mungkin melibatkan penduduk Dunia Ketiga.

Untuk mengelakkan bencana ini, kita perlu mengubah konsep yang diamalkan selama ini bukan sahaja yang melibatkan alam sekitar dan pembangunan, tetapi Tamadun itu sendiri. Konsep yang wujud sekarang iaitu 'bertamadun' bererti kehidupan mewah moden dalam masyarakat yang mementingkan wang dan kebendaan sudah tidak boleh digunakan lagi, berbahaya dan tidak berperikemanusiaan. Ia memusnahkan alam serta jiwa Kemanusiaan.

Satu tamadun baru perlu diwujudkan di mana manusia menghormati alam semulajadi, mengambil berat antara sesama sendiri, bertanggungjawab dalam memelihara kelangsungan hidup binatang, tumbuhan dan tanah, mencari erti kehidupan melalui kerja yang kreatif, menjalin ikatan kemanusiaan yang kukuh dan perkembangan kerohanian.

Demikianlah yang sepatutnya menjadi pandangan kita untuk Hari Alam Sekitar Sedunia. Jika lebih ramai yang menyertai perjuangan menyelamatkan dunia dan kelangsungan hidup manusia, maka harapan masih ada (biar sekecil mana sekali pun) untuk pandangan ini menjadi satu kenyataan.

Pandangan ini perlu disedari sepenuhnya untuk mengelakkan kemusnahan ekologi, kejatuhan ekonomi dan keruntuhan

sosial. — *Jun 1988*



*Dengan berbagai krisis alam sekitar
sedunia*

ADAKAH KITA MEMPUNYAI MASA DEPAN?

BERBALIK KEPADA tahun 1972 semasa Persidangan Alam Sekitar di Stockholm, sebuah harapan baru telah muncul agar kerajaan menerima akan kepentingan pemeliharaan sumber-sumber semulajadi dan alam sekitar yang bersih dan sihat. Hari ini setelah 15 tahun berlalu, situasi dunia menjadi bertambah buruk.

Setiap tahun, lima juta hektar hutan hujan tropika dimusnahkan akibat pembalakan yang mengutamakan perniagaan. Negara-negara yang kaya dengan kayu seperti Thailand dan Nigeria sekarang terpaksa mengimport untuk memenuhi permintaan tempatan. Banyak lagi negara termasuk Malaysia akan menghadapi nasib yang sama akibat kadar pemusnahan hutan seperti sekarang.

Dengan kehilangan hutan sebagai penutup bumi, berjuta tan tanah pertanian dibawa pergi setiap tahun, menyebabkan berlakunya banjir dan ketidaksuburan tanah. Tanah-tanah pertanian semakin menghilang akibat banjir kilat. Keadaan iklim dunia juga turut terjejas.

Pada masa yang sama, hidupan liar juga dibunuh secara sistematik oleh perdagangan hidupan liar dan pemusnahan hutan. Sistem yang menyokong kehidupan juga turut musnah dan binatang seperti burung dan serangga menghadapi pemusnahan. Tanpa kawalan dan perimbangan biologi semulajadi, serangga dan penyakit akan memusnahkan kawasan tanaman. Serangga dan lain-lain makhluk yang mempunyai peranan

positif dalam pertanian juga akan menjadi kurang.

Air merupakan satu lagi sumber kehidupan utama yang kian berkurangan. Air bawah tanah sekarang ini digunakan tanpa kawalan. Amalan pertanian ekologi tradisional telah diambilalih oleh teknologi moden yang menggunakan banyak air, tetapi seringkali dibazirkan. Pencemaran tanah serta air oleh bahan beracun dan lain-lain bahan pencemaran juga telah membawa kemusnahan kepada sumber air yang tidak boleh dibaharui. Tanpa air kehidupan manusia akan menjadi bertambah singkat.

Gurun-gurun juga berkembang dengan cepat. Setiaptahun, 60,000 kilometer persegi dari tanah menjadi gurun. Di Sudan, gurun terbentuk sepanjang 100 kilometer dalam satu dekad. Di Ethiopia pula, 2,000 tan tanah per kilometer persegi kian lenyap. Di separa Sahara, pokok-pokok menjadi kecil dan susut sebanyak empat juta hektar setiap tahun. Kemarau melanda 60% daripada kawasan Sudan-Sahel dalam tahun 1970an dan 1980an.

Kemusnahan sumber-sumber dunia yang cepat mengakibatkan kesan sosial yang serius. Peningkatan kemiskinan dan pengangguran berlaku apabila stok sumber untuk pembangunan ekonomi semakin berkurangan. Berjuta-juta manusia terutamanya di negara Dunia Ketiga masih belum mendapat keperluan asas yang secukupnya untuk hidup.

Keadaan buruk ini juga muncul apabila kita menimbangkan kesan negatif sains dan teknologi. Bhopal, Chernobyl, Thalidomide, Minamata, hujan asid, keracunan dalam rangkaian makanan akibat racun makhluk perosak, pencemaran makanan dan air ... merupakan bencana-bencana yang terus meningkat.

Setiap tahun pengumpulan bahan buangan beracun sentiasa berterusan. Sejak tahun 1950 industri-industri di Amerika Syarikat telah mengeluarkan enam bilion tan bahan buangan beracun dan ia meningkat sebanyak 250 juta tan setahun.

Sungai beracun, tanah beracun dan udara beracun. Paras pencemaran telah merubahimbangan persekitaran semulajadi. Sekarang ia mungkin akan mengancam sistem dalam biokimia

kita sendiri. Teknologi telah menjajah pertanian, pembuatan makanan, pembungkusan, farmasi, pengeluaran tenaga dan di setiap sektor segala bahan telah bertukar menjadi sebatian bahan kimia, keluaran dan proses yang menjadi racun kepada manusia. Manusia sedang menghadapi apa yang James Bellini sifatkan sebagai *Teknologi tinggi yang membawa kepada kebinasaan*.

Tanda-tandanya sudah muncul. Satu kajian di Kenya menunjukkan 40% daripada sayuran yang diperiksa mengandungi sisa-sisa racun makhluk perosak melebihi paras yang ditetapkan. Makanan binatang ternakan yang dibuat dari biji kapas didapati tercemar dengan racun aldrin dan dieldrin yang tinggi. Sayur-sayuran yang dijual di Sri Lanka mempunyai sisa-sisa racun makhluk perosak yang tinggi. Di Malaysia, pada bulan Mac lalu, lebih dari 10 jenis sayuran yang ditanam di Cameron Highlands didapati tercemar.

Sebelum kemunculan bahan kimia beracun, serangga dan lain-lain hidupan liar mengawal makhluk perosak. Bagaimanapun, 'perang bahan kimia' dalam pertanian telah menimbulkan lebih banyak masalah dalam jangka panjang. Serangga perosak membaiki kedudukannya menyebabkan para petani dipaksa untuk menggunakan bahan kimia yang lebih berkesan.

Pusingan racun makhluk perosak ini dapat membunuh sehinggalah serangga perosak ini mempunyai daya ketahanan terhadap racun itu. Hari ini terdapat lebih dari 500 spesies serangga perosak ini tahan kepada racun makhluk perosak. Lebih 10 hingga 15 tahan kepada apa saja jenis racun.

Tempat kediaman manusia juga telah berubah menjadi bertambah buruk. Berjuta orang dihalau keluar dari tanah-tanah mereka setelah berkembangnya industri dan proses perbandaran. Pusat bandar menjadi semakin sesak. Di kebanyakan bandar perkhidmatan asas seperti bekalan air dan tenaga, perumahan, pengangkutan dan pekerjaan telah gagal. Penghuni bandar yang ramai ini melahirkan manusia yang kurang sempurna hidupnya di kebanyakan negara.

Benar, berbagai-bagai usaha telah dibuat, baik di pering-

kat kebangsaan mahupun antarabangsa untuk mengatasi masalah ini. Undang-undang dan perjanjian dibuat di kalangan berbagai negara.

Tetapi ini merupakan satu langkah yang pendek untuk mengatasi krisis dunia. Bantuan kewangan jangka pendek dan kepentingan politik telah merabuni kerajaan dan para elit dalam menghadapi masalah manusia.

Dari segi undang-undang, saya tidak terlalu mengharap kerana golongan yang mempunyai kepentingan perniagaan diberi hak dalam proses membuat undang-undang. Peraturan mengenai alam sekitar kurang diberi perhatian dan lambat dilaksanakan.

Sungguhpun keadaan seperti yang saya gariskan kelihatan begitu mendukacitakan, namun terdapat pergerakan pencinta alam sekitar yang kian berkembang di Dunia Ketiga dan negara-negara kaya.

Rata-rata orang ramai mulai menyedari hakikat bahawa timbulnya krisis sumber dan alam sekitar. Pergerakan Chipko untuk melindungi hutan di India, usaha-usaha untuk menyelamatkan hutan Amazon di Amerika Latin, perjuangan penduduk Bukit Merah menentang pembuangan bahan sisa radioaktif di Malaysia, kesemuanya merupakan bantahan yang kian bertambah terhadap kemusnahan alam sekitar yang selanjutnya.

Oleh itu amatlah penting untuk memperkembangkan lagi pendidikan alam sekitar melalui sekolah dan universiti serta melalui media massa.

Penggubal dasar dan tokoh-tokoh politik perlu menyedari bahawa dalam jangka panjang alam sekitar itu lebih penting daripada keuntungan jangka pendek atau kepentingan politik.

Adalah diharapkan suara-suara dari pergerakan pencinta alam sekitar akan menjadi sumber kesedaran bagi memelihara alam sekitar di setiap pemikiran manusia di seluruh dunia.

Maka dari situ, kita masih lagi berpeluang untuk memenangi perjuangan menyelamatkan dunia dan alam sekitarnya.

Ruangan bulan ini adalah petikan dari ucapan Encik S.M. Mohd Idris di Persidangan Sahabat Alam Malaysia

mengenai, 'Krisis Pembangunan dan Alam Sekitar Sedunia: Adakah manusia mempunyai masa depan?' — Mei 1987



SELAMATKAN BUMI KITA

Satu-satunya bumi yang kita ada

BARU-BARU INI saya amat terkejut apabila membaca bagaimana pokok buluh Malaysia yang cantik dimusnahkan untuk membuat 10 juta pasang penyepit makanan guna-buang sebulan.

Kebanyakannya akan berakhir di Jepun di mana 20 bilion pasang penyepit makanan itu dibuang setiap tahun. Hong Kong menggunakan 450,000 pasang sementara Korea Selatan dan Taiwan menggunakan 300,000 pasang setiap hari.

Pembuat penyepit makanan di Seremban, Encik Robert Lau berkata, Malaysia dengan mudah boleh menjadi pengeksport terbesar penyepit makanan guna-buang: 'Barangan ini tidak boleh digunakan semula, jadi permintaannya selalu ada,' (*The Star*, 11.4.89).

Betapa hebatnya! Pokok buluh yang menarik dengan pelbagai kegunaannya terutama bagi penduduk di kawasan luar bandar dimusnahkan demi kepentingan sebuah syarikat dan dibuang selepas penyepit makanan itu digunakan sekali saja.

Sudah tentu ia merupakan sesuatu yang wajar bagi ahli perniagaan yang mementingkan keuntungan untuk menggalakkan penggunaan barang guna-buang kerana 'permintaannya sentiasa ada'. Mereka boleh menjual barang yang sama pada setiap hari dan bukan hanya sekali dua bagi satu generasi.

Tetapi apa yang rasional dari sudut pandangan ahli perniagaan yang mementingkan keuntungan adalah tidak rasional dari perspektif ekologi dan sosial. Pihak syarikat mahu memaksimumkan keuntungan jangka pendek, jadi pokok buluh

kita akan lenyap dalam beberapa tahun lagi. Kehilangan itu akan dideritai oleh rakyat Malaysia keseluruhannya terutama generasi akan datang.

Dunia sekarang mula menyedari krisis alam sekitar yang melanda tetapi sudah agak lewat kerana kebanyakan kerosakan sudahpun dilakukan dan sebahagian besar darinya tidak boleh diperbaiki.

Terdapat banyak tajuk berita yang mengejutkan kita tentang Kesan Rumah Kaca dan pemusnahan lapisan ozon, bagaimana iklim dunia akan menjadi lebih panas, kerosakan melalui banjir dan kemarau yang memusnahkan rumah dan tanaman.

Manusia mula menyedari bahawa pemusnahan hutan hujan menyebabkan kematian spesies tumbuhan dan binatang, hakisan tanah, pemusnahan sumber air dan perubahan cuaca. Demikian juga kesan dari penubuhan industri besar-besaran yang mengakibatkan pembuangan sisa-sisa beracun dan bahan pencemaran yang mengancam kesihatan dan taraf hidup.

Di Malaysia sudah terdapat kes-kes yang telah menyedarkan orang ramai kepada hakikat bahawa krisis ekologi sudah berlaku di depan mata kita sendiri, sebagai contoh: Kuala Juru (pencemaran sungai), Sarawak (kesan dari pembalakan), Estet Thean Teik (kehilangan tanah pertanian), Endau Rompin (Pembalakan di kawasan cadangan untuk Taman Negara), Melaka (kebocoran gas), Perak (kematian akibat keracunan makanan), dan Terengganu (kepuhupan penyu belimbing).

Dalam setiap kes dan beribu kes lain yang tidak dilaporkan terdapat pertarungan yang sama antara Perdagangan dan Keuntungan melawan Ekologi dan Kepentingan Ramai.

Perdagangan berkata: 'Gunakan lebih banyak buluh! Tebang lebih banyak lagi pokok! Semburkan lebih banyak racun makhluk perosak ke atas sayuran dan buahan! Buangkan sisa-sisa buangan kilang ke dalam air! Kurangkan kos dan tingkatkan keuntungan!'

Ekologi membalas: 'Keadaan itu amat merbahaya. Bila pokok musnah, sungai-sungai dicemari, minyak kehabisan dan

cuaca berubah, asas untuk pembangunan masa depan dan kehidupan itu sendiri akan dimusnahkan!

Kepentingan perniagaan tidak pernah mempedulikan prinsip ekologi atau sosial, atau untuk kepentingan ekonomi dalam jangka panjang atau untuk kelangsungan hidup manusia itu sendiri. Bukannya konflik dengan keuntungan jangka pendek. 'Ia adalah akaun tahunan syarikat yang perlu diambilkira.'

Sebaliknya ekologi mengambil berat tentang penerusan kehidupan, Manusia dan Bumi itu sendiri. Ia berkata kita seharusnya menggunakan sumber semulajadi dengan berhati-hatian memelihara seberapa banyak yang mungkin untuk kegunaan jangka panjang. Ia mengatakan kita seharusnya mengelak dari mencemari dan meracuni air, udara dan tanah.

Mesejnya cukup mudah. Kebahagiaan dan keperluan manusia sudah cukup untuk memenuhi keperluan kebendaan kita dan kemudiannya mengembangkan dalam diri kita nilai estetik, mental dan kerohanian.

Kita adalah sebahagian dari bumi ini, ambillah darinya apa yang kita perlukan saja dan pulangkan kepadanya atau isikan semula dengan apa yang kita dapat berikan. 'Dengan setiap pokok yang kita potong dengan berhati-hati untuk keperluan asas, gantikannya dengan dua pokok untuk menghidupkan kembali bumi ini'.

Malangnya pihak yang mempunyai kepentingan perdagangan kini menguasainya, jadi sudah tentu bumi yang kalah.

Untuk memastikan kelangsungan hidup kita dan juga bumi ini, kita perlu menyatukan ekologi dan prinsipnya dalam sistem politik, ekonomi dan sosial. Jadi dengan itu perancangan pembangunan dan aktiviti komersial dijalankan dalam konteks prinsip ekologi.

Bolehkah ini dilakukan dan masih sempatkah kita, menyelamatkan bumi? Kita hendaklah cuba meyakinkan setiap orang terutama para penggubal dasar. Kita tidak mempunyai pilihan yang lain..... — Mei 1989



UNTUK BUMI YANG TERCINTA...

Renungan Hari Bumi 1990

SAMBUTAN HARI BUMI pada 22 April lalu telah mewujudkan suatu perasaan simpati terhadap alam sekitar.

Sesungguhnya, isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar telah mendekati semakin ramai manusia. CFC dan pemupusan lapisan ozon, hutan hujan tropika, 'Kesan Rumah Kaca' telah dilaporkan di akhbar-akhbar dan acapkali dijadikan topik perbincangan.

Kini, setelah berjuang selama beberapa tahun, kumpulan-kumpulan dan pergerakan alam sekitar telah menerima lebih banyak aduan mengenai alam sekitar, begitu juga pertanyaan untuk mendapatkan maklumat. Kerajaan-kerajaan juga membincangkan mengenai isu 'hijau' ini, malah perbadanan-perbadanan gergasi telah memperkatakan hubungan baik mereka dengan alam sekitar.

Dari dulu hingga sekarang, CAP dan SAM telah mengetengahkan berbagai-bagai aspek mengenai krisis ekologi di Malaysia (serta seluruh dunia).

Sesungguhnya, sebelum mana-mana pihak mengiktiraf alam sekitar sebagai satu isu, pada tahun 1970, CAP telah mengadakan forum alam sekitar yang pertama.

Kadang-kadang maklumat-maklumat yang kami sampaikan itu terasa sukar untuk menembusi fikiran masyarakat dan penggubal dasar. Ramai dari mereka (tidak terkecuali mereka yang berkuasa) mengatakan bahawa isu-isu yang kami bawa ini terlalu radikal atau mengarut sahaja.

Malah kini setelah kerajaan-kerajaan menunjukkan perhatian mereka terhadap alam sekitar, saya rasa kerja-kerja yang kami lakukan selama ini telah membuktikan kebenarannya.

Jadikanlah Hari Bumi ini untuk menguatkan lagi perjuangan kita dan juga tanggungjawab kepada dunia ini. Alam semulaja-

di, dengan segala kepelbagaian hidupnya hanya dapat memberikan bantuan kepada manusia jika kita memeliharanya.

Gambaran dunia kini menggerunkan. Sumber semulajadi dunia, sama ada hutan, hidupan liar, bahan-bahan galian, ikan-ikan, air atau tanah yang subur telah dieksploitasikan pada kadar yang memeranjatkan. Perindustrian juga telah mencemarkkan udara dan air, terutamanya di negara-negara maju.

Tetapi, negara-negara di Dunia Ketiga telah bergerak pantas ke arah perindustrian yang membawa pencemaran. Hasil-hasil dan bahan buangan yang berbahaya telah dipindahkan ke negara-negara sedang membangun. Dengan ini, kesedaran mengenai kepentingan memelihara alam sekitar serta peraturan yang diperketatkan di negara-negara maju telah mengakibatkan pemindahan masalah ke negara-negara Dunia Ketiga.

Sumber-sumber kita dieksport ke negara-negara maju. Kepupusan akan membawa kepada kehilangan hak masyarakat dan negara akhirnya.

Bagi CAP dan SAM, Hari Bumi ialah hari memperbaharui tekad dan perjuangan kami. Kami akan terus menumpukan perjuangan menentang kepupusan hutan, khususnya di Sarawak, di mana beribu-ribu orang asli berjuang mempertahankan kehidupan dan tanah mereka. Lebih banyak tenaga diperlukan dalam menghadapi krisis ekologi yang kian bertambah.

Yang menyedihkan, di sebalik penerangan yang meluas mengenai ekologi alam, projek-projek yang mendatangkan bencana kepada alam sekitar terus dilaksanakan.

Empangan-empangan yang besar dibina, kawasan lembap yang luas digunakan untuk penambakan, hutan-hutan tropika asli ditebang dengan lahapnya, terusan-terusan dan kawasan pengaliran air dicemari.

Malahan, baru-baru ini Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa kesemua sungai dan pantai utama di Malaysia telah dicemari dengan teruk.

Sementara itu, sempena Tahun Melawat Malaysia, Pulau Langkawi telah dirosakkan oleh 'projek-projek pembangunan', yang peliknya Langkawi ialah tempat perisytiharan alam sekitar



oleh Ketua Negara-Negara Commonwealth yang mengiktiraf krisis ekologi dunia dan telah bersetuju untuk mengambil tindakan positif...

Para pencinta alam seluruh dunia telah meminta presiden-presiden, perdana menteri-perdana menteri, general-general juga warga dunia supaya memberikan perhatian terhadap pemusnahan ekologi dunia yang kian meruncing dan melakukan apa saja yang termampu untuk menyelamatkan bumi tempat kita menggantungkan penghidupan.

Marilah kita melibatkan diri kita sebagai penghuni dunia ini, yang menjadikan setiap hari sebagai Hari Bumi.

10 Tindakan Segera Untuk Selamatkan Alam Sekitar

Tindakan segera dan pantas diperlukan untuk menyelamatkan dunia dari bencana ekologi ini. Sebagai rakyat, kita harus menyuarakan masalah ini supaya pihak kerajaan tidak akan melalaikan tanggungjawab untuk mengelakkan pemusnahan alam.

Saya merasakan 10 tindakan segera diperlukan untuk menyelamatkan alam sekitar di Malaysia:

1. Hentikan pemusnahan hutan asli yang indah ini. Haramkan semua aktiviti pembalakan (seperti di Thailand). Hak-hak orang asli di Sabah dan Sarawak perlu diiktiraf dan dihormati.
2. Hentikanlah aktiviti meracuni sungai, laut dan sumber air bawah tanah. Peraturan-peraturan yang ketat (dan penguatkuasaan yang tegas) diperlukan untuk mengurangkan pencemaran air oleh industri-industri dan loji bahan buangan.
3. Hentikan penggunaan racun makhluk perosak dan baja kimia dalam kerja tani kita. Sebagai ganti galakkanlah penggunaan pertanian organik. Kini banyak bahan makanan tidak selamat untuk dimakan, dan para petani dan pekerja ladang mengalami masalah keracunan makanan.
4. Mengenalpasti dan membersihkan kawasan-kawasan buangan sisa beracun yang berdekatan dengan kawasan penempatan. Hentikan operasi kilang-kilang (seperti Asian Rare Earth di Bukit Merah) yang menghasilkan sisa beracun yang merupakan bahan buangan yang tidak selamat. Hadkan penggunaan bahan beracun dalam industri.
5. Perkenalkan satu Akta Keselamatan Pekerjaan yang baik untuk melindungi keselamatan dan kesihatan para pekerja dan pengeluar hasil pertanian.
6. Wujudkan peraturan pencemaran alam yang ketat untuk mengurangkan asap beracun dari kenderaan dan kilang: untuk menjadikan dunia bebas dari pencemaran petrol.
7. Fikirkan semula dasar tenaga kita. Marilah kita jimatkan penggunaan sumber tenaga dalam pengeluaran, di rumah juga di bangunan pejabat. Janganlah membina empangan-empangan yang besar (seperti Bakun) dan janganlah memikirkan penggunaan kuasa nuklear.
8. Hentikan pemusnahan di bandar-bandar, kawasan setinggan, saluran yang kotor, pembuangan sampah, bunyi bising dan asap. Baiki pengangkutan awam dan berikan sumber-sumber kepada manusia untuk membina masyarakat dan rumah mereka.

9. Rekabentuk semula sistem pengeluaran, pembinaan rumah dan bangunan untuk merubahkan corak pembuangan bahan-bahan yang tak berguna (contoh plastik, cawan, tisu-tisu, penyepit kayu dan lampin guna-buang) kepada sesuatu keluaran yang tahan lama dan berguna.

10. Sebagai pengguna, marilah kita hidup secara sederhana. Tumpukan hidup dan masa lapang kita dengan persahabatan dan menikmati alam semulajadi sebagai ganti kepada kehidupan yang materialistik. Dengan itu hidup kita akan lebih bahagia dengan mengurangkan penumpuan kepada kebendaan sambil menyelamatkan sumber-sumber alam untuk generasi depan dan untuk dunia seluruhnya. — *Jun 1990*



ISU ALAM SEKITAR DIPERALATKAN

TIBA-TIBA SAJA alam sekitar menjadi isu dunia, bukan saja di kalangan ahli sains tetapi juga di kalangan pemimpin politik. Setelah perang dingin antara Timur dan Barat mula lenyap, krisis ekologi mungkin akan menguasai hal ehwal antarabangsa dalam dekad 1990-an.

Sehingga beberapa tahun yang lalu, mereka yang berjuang terhadap isu ekologi dianggap orang yang aneh dan gila. Hari ini ia tidak lagi dianggap sedemikian. Perdana Menteri dan Presiden bersaing antara satu sama lain untuk menunjukkan bagaimana kesedaran mereka terhadap konsep 'Hijau'.

Tetapi dalam pergerakan ekologi Dunia Ketiga apa yang ditakuti ialah kata-kata ekologi akan digunakan oleh struktur kuasa untuk mengaburi dan mengelirukan. Polisi yang dibentuk oleh kepentingan korporat atau bagi pihak mereka dirancang dengan istilah ekologi yang menarik seperti 'pembangunan kekal' dan 'rancangan tindakan hutan'.

Istilah 'kekal' dari sudut pandangan ekologi bermakna mengekalkan kesempurnaan ekologi. Ia bermakna hubungan harmoni antara manusia dan alam semulajadi yakni harmoni dalam bentuk hubungan antara manusia individu dan sumber asli.

Istilah 'kekal' dari sudut pandangan elit bukan ekologi bermakna 'bagaimana untuk terus mengekalkan bekalan bahan mentah apabila sumber bahan mentah yang sedia ada itu kehabisan'.

Dari sudut pandangan ekologi dunia, penyusunan semula yang cepat perlu ada dalam sistem pengeluaran dan perindustrian, perubahan dalam gaya hidup moden, perubahan dalam konsep dan amalan kehidupan itu sendiri dalam usaha untuk mengelak bencana ekologi.

Tetapi walaupun elit bukan ekologi sekarang ini mula menyedari bahawa sesuatu yang salah telah berlaku terhadap alam sekitar, mereka masih mahu mengekalkan penguasaan ekonomi sekarang dan sistem budaya dan dilindungi apabila diperlukan dengan jentera politik dan tentera.

Jadi bagi golongan elit ini konsep 'Hijau' ialah cuma meneruskan kehidupan dengan apa yang mereka anggap kesan sampingan akibat pertumbuhan ekonomi. Mereka percaya dengan memperbaiki undang-undang pencemaran atau melalui penemuan teknologi alam sekitar, masalah alam sekitar boleh diselesaikan dan kehidupan dapat diteruskan seperti biasa.

Dalam perkataan lain, pembangunan kekal bagi mereka bermakna mengekalkan sistem pertumbuhan ekonomi sekarang dengan gangguan minimum terhadap apa yang sedia ada. Bertentangan dengan kenyataan dan pendukung pergerakan ekologi di mana-mana, mereka sekarang ini cuba untuk mengurus dan mengawal krisis ini tanpa mengenenpikan punca-punca utamanya, dan pada masa yang sama mengekalkan sistem sekarang.

Sistem penguasaan dalam pengeluaran, penggunaan dan budaya di Barat dan dunia perindustrian yang ada sekarang

sebenarnya tidak kekal jika dunia perlu terus wujud dan terutamanya jika penduduk Dunia Ketiga perlu meneruskan hidup mereka dan untuk terus hidup dengan kemuliaan sebagai manusia.

Kita tidak boleh lagi berkata krisis alam sekitar boleh diselesaikan melalui pendekatan teknologi. Struktur yang tidak seimbang dan bukan ekologi sekarang menjadi tidak sesuai dengan kelangsungan hidup manusia.

Sesetengah orang mungkin bertanya, bukankah ini merupakan pandangan yang tidak realistik dan keterlaluan tentang ekologi? Bagaimana hubungan di antara alam sekitar, pembangunan dan kemiskinan? Tidakkah ekologi isu mewah bagi Dunia Ketiga? Bukankah lebih baik Dunia Ketiga menumpukan perhatian terlebih dahulu kepada perkembangan pesat dan menyelesaikan masalah kemiskinan kemudian baru bimbangkan alam sekitar?

Aliran pemikiran ini sering diucapkan oleh pemimpin di kedua-dua negara maju dan mundur. Tetapi sekarang terdapat bukti dan pengalaman yang mencukupi untuk menentang pemikiran seumpama ini. Malahan pemusnahan alam sekitar terus berlaku bahkan dengan lebih cepat di Dunia Ketiga, dan pemusnahan ekologi ini muncul sebagai punca utama kemiskinan itu sendiri. Tambahan, bertentangan dengan cara pemikiran elit, golongan miskin bukanlah yang bertanggungjawab bagi pemusnahan alam sekitar; mereka merupakan mangsanya.

Apabila hutan ditebang oleh syarikat balak yang disokong oleh ahli politik, berjuta penduduk asli dan luar bandar kehilangan sumber hutan mereka serta tanah dan air mereka tercemar. Apabila bot pukat tunda mengambil semua hidupan laut, berjuta nelayan tradisional kehilangan tangkapan dan mata pencarian mereka.

Apabila pihak industri membuang sisa-sisa beracun ke dalam sungai atau di tempat terbuka, tanah ladang menjadi musnah, bekalan air bagi golongan miskin tercemar dan kanak-kanak miskin menghidap leukemia, kanser dan penyakit lain.

Apabila projek besar dibangunkan atas nama 'pembangu-



nan' dan 'menolong golongan miskin', beribu penduduk miskin dipindahkan dari rumah dan sumber kehidupan mereka. Misalnya, empangan-empangan besar di Brazil dan empangan Narmada di India sekarang ini mengancam beratus-ribu penduduk asli dan luar bandar.

Pemusnahan alam sekitar adalah satu isu penting di Dunia Ketiga, sama seperti di Utara. Lebih-lebih lagi sejak sumber masalah alam sekitar Dunia Ketiga sebenarnya terletak di Utara, di mana projek yang membawa kemusnahan dilahirkan. Kebanyakan sumber asli dunia digunakan dalam penggunaan yang mewah dan sistem industri bermula dan kemudian dikembangkan ke seluruh dunia.

Oleh itu isu ekologi mestilah dilihat dalam konteks pembahagian sumber, pendapatan dan kekayaan yang tidak adil di seluruh dunia dan di antara setiap negara. Jadi selagi masih terdapat pembahagian yang tidak adil, elit dunia akan terus menggunakannya dan memusnahkan sumber dunia dan dengan itu memburukkan lagi kedudukan golongan miskin.

Institusi besar seperti syarikat, kerajaan dan organisasi pelbagai pihak sering menjadi mekanisme bagi proses pembangunan yang memusnahkan. Mereka menggunakan teknologi moden untuk memanipulasi alam semulajadi bukan hanya secara luaran (misalnya melalui pembersihan hutan dan pencemaran air) tetapi juga dalam elemen asas melalui manipulasi genetik dan bioteknologi.

Tumbuhan, binatang dan manusia terjejas dalam pelbagai cara. Bukan saja dalam bentuk kemusnahan kepelbagaian biologi melalui hakisan genetik tetapi keadaan semulajadi tubuh manusia juga berubah. Melalui pengambilan pelbagai bahan beracun termasuk radiasi terdapat peningkatan yang besar dalam kejadian kanser, kecacatan sewaktu lahir, keracunan kimia dan kemunculan penyakit baru yang aneh seperti penyakit Minamata (disebabkan oleh keracunan raksa) dan penyakit SMON atau Stevens-Johnson Syndrome disebabkan oleh keracunan ubat keluaran farmasi.

Sekarang konsep 'Hijau' telah menjadi satu perkara yang menarik, para pencinta alam sekitar perlulah berhati-hati supaya tidak dipesongkan atau dikelirukan oleh barangan, projek, teknologi atau institusi yang mungkin mendakwa mereka memahami konsep hijau tetapi sebenarnya menggunakannya sebagai pelindung untuk terus mengeksploitasi alam semulajadi dan manusia sendiri. — *Ogos 1990*



VIII

**TEKNOLOGI
DIPERTIMBANG
SEMULA**

TEKNOLOGI MODEN KUNCI PEMBANGUNAN?

APAKAH SAINS dan teknologi menjadi kunci proses pembangunan di negara-negara Dunia Ketiga? Atau adakah manusia menggunakannya untuk memusnahkan dunia dan dirinya sendiri?

Buat beberapa ketika, penduduk di seluruh dunia menaruh kepercayaan dalam keajaiban teknologi. Negara-negara kaya merasakan dengan adanya kuasa teknologi, mereka dapat menakluki alam semulajadi.

Malangnya alam semulajadi kita telah ditakluki sehinggakan hutan-hutan menjadi PADANG JARAK PADANG TERKUKUR, udara kita tercemar, sungai dan laut kian kotor dan terdapat cukup bom-bom nuklear untuk memusnahkan dunia.

Lewat bulan Ogos, Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Sains dan Teknologi untuk Pembangunan (UNCSTD) telah diadakan di Vienna. Tujuannya ialah untuk membincangkan cara-cara bagaimana negara-negara sedang membangun dapat menggunakan sains dan teknologi untuk memesatkan lagi proses pembangunan.

Pada waktu yang sama, satu kumpulan bukan kerajaan menganjurkan persidangan yang bertentangan, juga di Vienna. Ia dikenali sebagai FORUM ALTERNATIVE. Kumpulan ini menganggap teknologi moden yang diperbincangkan di UNCSTD tidak sesuai untuk negara-negara sedang membangun.

Persoalannya ialah Dunia Ketiga tidak memerlukan teknologi yang sofistikated dari negara maju untuk mengatasi masalah kemiskinan. Pembangunan dapat diteruskan tanpa membina bangunan raksasa atau mengadakan persidangan-persidangan yang besar.

Memberi teknologi seperti tenaga nuklear kepada Dunia Ketiga adalah tidak perlu, kata kumpulan tersebut, kerana negara-negara miskin mempunyai cukup matahari, angin, sum-

ber-sumber tenaga bagi menampung keperluan mereka.

'Apa yang benar-benar diperlukan ialah perubahan dalam cara hidup dan corak pekerjaan. Masyarakat pengguna dengan pembaziran penggunaan tenaga dan sumber-sumber semulajadi, merupakan MODEL TERAKHIR yang harus diambil oleh negara-negara miskin untuk tujuan pembangunan.'

Kumpulan ini juga telah menganjurkan satu 'Eco-Village' yang mempamerkan teknologi-teknologi alternatif dengan menggunakan tenaga yang kurang. Ia dikatakan lebih secocok untuk negara-negara sedang membangun.

Sekalungan bunga untuk kumpulan tersebut kerana nasihat yang kena pada masanya. Negara-negara sedang membangun seharusnya tidak dikaburi dengan mitos-mitos teknologi moden.

Dunia ini mempunyai sumber-sumber yang amat terhad seperti logam, tenaga, biologika tetapi sumber-sumber ini kian pupus. Paling menyedihkan, ia digunakan untuk pengeluaran barangan mewah atau kurang memanfaatkan golongan bawahan.

Teknologi moden menggunakan tanah, hutan, air, minyak, logam untuk menghasilkan senjata, hotel-hotel besar, kereta-kereta mewah, berus gigi elektrik yang tidak ada kena-mengena dengan orang biasa **SEDANGKAN KEPERLUAN ASAS KEBANYAKAN PENDUDUK MISKIN MASIH BELUM DIPENUHI.**

Lagipun, 'serangan' teknologi moden ini boleh memusnahkan teknologi tradisional dan mengancam kehidupan para petani dan nelayan.

Di India, pengenalan traktor dan mesin menuai di bawah 'Revolusi Hijau' telah menyebabkan berjuta-juta peladang kehilangan tanah.

Di Malaysia sendiri, perkembangan bot-bot tunda secara besar-besaran semenjak sepuluh tahun yang lalu telah mengurangkan tempat-tempat menangkap ikan. Ini pula akan menyebabkan hasil tangkapan laut berkurangan.

Skim-skim pembaharuan bandar telah membuat penduduk-penduduk bandar hilang tempat kediaman mereka. Kompleks

membeli-belah dan pejabat-pejabat telah mengambilalih rumah-rumah tradisional dan perniagaan kecil.

Satu lagi perkara ialah walaupun negara-negara membangun kaya dengan sumber-sumber asli, (Malaysia umpamanya ialah negara utama mengeluarkan bijih timah, getah, kelapa sawit dan pengeluar utama kayu balak, lada, nanas), tetapi kebanyakan sumber ini disalurkan kepada negara-negara maju.

Akibatnya banyak tanah digunakan untuk tanaman eksport dan terlalu banyak teknologi ditumpukan kepada pengeluaran makanan sehingga negara-negara Dunia Ketiga tidak dapat menghasilkan makanan, pakaian dan barang-barang keperluan pengguna yang secukupnya.

Satu contoh ialah pemindahan protein dari Dunia Ketiga yang dalam kelaparan kepada negara-negara maju yang berlebihan makanan. Teknologi moden dalam bentuk bot-bot pukat tunda sedang mengaut berjuta-juta tan ikan yang dieksport ke Barat dan Jepun untuk DIJADIKAN MAKANAN HAIWAN di sana.

Jadi setelah ikan-ikan dari negara-negara membangun diberikan untuk binatang-binatang di negara maju, berapa banyakkah ikan yang tinggal untuk pengguna-pengguna miskin di negara Dunia Ketiga yang bergantung kepada ikan sebagai sumber protein?

Di Dunia Ketiga sendiri, teknologi moden yang sofistikated hanya mampu diperolehi oleh golongan minoriti kerana ia sangat mahal. Mencurahkan wang dan tenaga bagi memperkembangkan teknologi moden hanya memberi faedah untuk segolongan kecil elit saja.

Dalam konteks krisis tenaga, teknologi moden tidak lagi menjadi satu kemestian. Sejak 50 tahun yang lalu perkembangan teknologi adalah berdasarkan bekalan sumber petroleum yang murah.

Apalah gunanya traktor dan jentera-jentera yang mahal kalau tidak ada minyak untuk menggerakkannya? Siapa pula yang sanggup menaiki bangunan 18 tingkat bila lif-lif tidak dapat bergerak lagi? Apa akan terjadi kepada lebuhraya-lebuhraya

raya dan berjuta-juta kereta bila kita kekeringan petrol?

Jelas sekali teknologi moden yang bergantung kepada minyak akan lenyap satu hari nanti. Kita pula akan mengharap-kan pendekatan alternatif kepada pengangkutan, pertanian, industri, perancangan bandar yang amat penting dalam kehidupan kita.

Krisis tenaga sememangnya membunuh mitos mengenai keistimewaan teknologi yang lebih sesuai — tidak menggunakan petroleum atau hanya menggunakan sedikit petroleum.

Teknologi ini menggunakan sumber-sumber tempatan dan menghasilkan barangan asas yang dapat memenuhi kehendak rakyat biasa.

Kapal layar, kerbau, cara-cara menangkap ikan secara tradisional, basikal dan beca — semua ini mesti diselamatkan, digunakan semula dan tidak dijadikan barang antik di muzium.

Masyarakat kita telah didera untuk mempercayai keistimewaan teknologi moden sehinggakan ramai orang akan mentertawakan ide-ide yang dinyatakan tadi.

Tetapi, dalam sedikit masa, krisis tenaga dan kemelesetan ekonomi akan meyakinkan kita bahawa teknologi moden bukanlah satu jalan keluar untuk pembangunan. Sesungguhnya masa depan kita bergantung kepada teknologi rendah dan corak kehidupan yang bersahaja. — *September 1979*



MENCARI SEMULA CARA² LAMA

UNIVERSITI Bangsa-Bangsa Bersatu sedang menjalankan satu projek serantau mengenai 'Perkongsian Teknologi Tradisi' di mana jasa bakti teknologi tradisi diutamakan.

Di Malaysia, Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Institut Masyarakat merupakan dua buah pertubuhan yang mengambil

bahagian di dalam projek tersebut.

Pada 17-21 Mac 1980, para peserta dari enam buah negara di Asia telah bertemu di Pulau Pinang untuk menghadiri satu bengkel anjuran Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berikut ialah petikan ucapan pembukaan saya di Perjumpaan tersebut.

'Kami berasa bangga dengan kedatangan tuan-tuan ke Pulau Pinang untuk menyertai satu perjumpaan bagi projek Perkongsian Teknologi Tradisi di bawah naungan Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu.

Lebih kurang selama dua tahun, Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Institut Masyarakat telah sama-sama mengambil bahagian dalam projek Perkongsian Teknologi Tradisi, dan dengan berbuat demikian kami telah mempelajari banyak perkara penting berhubung dengan dasar-dasar teknologi dan proses pembangunan.

Dalam dunia moden hari ini, kebanyakan negara di bawah sistem politik dan sosial yang berlainan telah tergođa dengan fahaman modenisasi dan teknologi moden. Seolah-olah teknologi modenlah saja merupakan jalan keluar kepada masalah-masalah kemiskinan, perbezaan taraf dan pengangguran yang sering menimpa negara-negara sedang membangun.

Oleh kerana teknologi moden ini mahal, ia boleh dikatakan hanya memberi manfaat kepada segelintir golongan ahli-ahli pemiagaan yang kaya sahaja, sementara majoriti golongan petani-petani miskin hanya menikmati sedikit kesenangan dari mesin-mesin yang sofistikated dan sedikit dari hasil pengeluarannya saja.

Disebabkan kekuatannya, teknologi moden mempunyai kemampuan untuk menjadi terlampau produktif dan sebaliknya juga, ia boleh memberi kebinasaan yang amat dahsyat.

Industri perikanan merupakan satu contoh yang telah membuktikan bagaimana kekuatan teknologi moden boleh digunakan untuk tujuan-tujuan pembinasaan. Kita tidak dapat menafikan yang teknologi perikanan moden lebih produktif daripada corak tangkapan tradisi bagi jangka pendek. Akan



Membuat bakul secara tradisional memang patut digalakkan.

tetapi penyelewengan dalam penggunaan teknologi moden ini mengakibatkan ikan menjadi semakin kurang, atau mungkin ikan di laut akan pupus suatu masa nanti.

Oleh kerana kekuatan fizikal serta persaingan perdagangan, teknologi moden juga telah membinasakan banyak teknologi tradisi yang mengkagumkan, yang telah diamalkan, dipelihara dan diubahsuai sejak berabad-abad dan beberapa generasi. Kaedah perikanan berasaskan masyarakat, bersesuaian dengan alam semulajadi serta ekonomi telah digantikan dengan cara-cara perikanan moden yang ganas.

Kebiasaan menyusukan anak dengan susu ibu telah digantikan dengan penyusuan botol, akibat dari usaha-usaha yang agresif oleh syarikat-syarikat susu gergasi dalam meningkatkan jualan mereka. Amalan ini mempertaruhkan kesihatan dan nyawa berjuta-juta bayi di negara Dunia Ketiga.

Bentuk-bentuk rumah tradisi yang sangat sesuai dengan cuaca, ekosistem dan keindahan alam negara-negara Asia telah diabaikan dan dicampak ke tepi kerana kita lebih menggemari rumah-rumah batu yang mahal dan tidak sesuai dengan iklim

serta dibina secara rapat-rapat di dalam apa yang dikatakan kawasan perumahan, yang tandus dengan tumbuhan asli.

Seni masak-memasak yang dulunya terkenal di Asia kian lenyap kerana keluarga-keluarga yang sibuk kini mengubah selera mereka kepada mi segera, 'hamburger' dan lain-lain 'makanan segera' dari Amerika. Justeru itu, resipi tradisi kita telah diketepikan dan diganti dengan makanan yang tidak berkhasiat ataupun yang kurang berzat.

Pendedahan budaya pengguna barat yang bertubi-tubi juga memainkan peranan besar dalam memusnahkan cara hidup dan teknologi kita. Tarian-tarian masyarakat, pentas-pentas hiburan, muzik dan lagu-lagu asli telah dikuasai oleh lagu-lagu pop, muzik rock dan tarian berentak disko. Dalam proses mempengaruhi para belia kita, kemegahan bangsa dan identiti orang Asia hilang di tengah-tengah kemersikan dan kilauan dunia perdagangan kebudayaan barat yang 'moden'.

Perkembangan-perkembangan tragik yang saya cuba gariskan ini adalah perkara biasa serta menjadi pusat pemerhatian kita dalam inti program Perkongsian Teknologi Tradisi. Kita telah belajar melalui pengalaman-pengalaman pahit iaitu kemiskinan tidak dapat diselesaikan oleh teknologi moden saja.

Sesungguhnya teknologi moden yang tidak sesuai dengan keadaan negara kita telah membebankan lagi masalah kemiskinan, perbezaan taraf dan pengangguran kerana penghasilan tradisi yang dianggap berupaya menampung kehidupan dan sistem kebudayaan telah berkecai melalui pengenalan teknologi moden ini.

Memang sedih bila difikirkan kerana pengalaman-pengalaman tragik ini, kita terpaksa mencari semula semua teknologi tradisi yang pernah kita miliki. Sepatutnya, ia bukanlah satu proses mencari semula tetapi adalah proses menghargai semula teknologi lama dan terus menghargainya tanpa henti.

Apa yang menyedihkan lagi ialah apabila terdapat hanya beberapa orang saja yang benar-benar berminat untuk memikirkan kembali tentang nilai-nilai perkembangan dan mencari semula identiti asli kita dengan menghidupkan kembali teknologi tradisi

dan cara hidup bermasyarakat.

Bagi kita yang terlibat dengan Program Perkongsian Teknologi Tradisi di Malaysia, memang kita amat mengambil berat mengenai teknologi yang sesuai, kebudayaan dan cara hidup yang akan membawa kepada satu perkembangan yang berupaya memuaskan keperluan asas orang ramai, yang mana ia sesuai dengan alam sekeliling dan dapat memberi peluang kepada setiap individu untuk menikmati kemuliaan serta kehormatan sebagai manusia dan untuk memenuhi potensi-potensi kemanusiaan.

Kita juga sedar yang kita tidak sepatutnya mengagungkan semua perkara tradisi, dan menghikayatkan yang lepas kerana bukan semua yang berunsurkan tradisi sesuai untuk perkembangan kemanusiaan, dan terdapat juga bentuk-bentuk penindasan di masa yang silam.

Sepatutnya, kita mestilah menarik dan cuba menyerapkan pengalaman lama serta teknologi tradisi yang sesuai untuk membentuk satu perkembangan yang bercorak kemanusiaan.

Usaha-usaha ini menjadi lebih genting lagi hari ini kerana dunia menghadapi bencana masalah alam sekitar dan kemusnahan seluruh punca-punca fizikal akibat penyalahgunaan dan penggunaan teknologi moden yang melampaui batas.

Krisis minyak, kepupusan hutan-hutan tropika, pencemaran air, udara dan tanah serta krisis ekonomi semasa, semuanya membuktikan bahawa ekonomi yang disokong oleh teknologi moden kerap membawa kepada kemelesetan dunia.

Jelas apa yang kita perlukan sekarang ialah satu perkembangan yang membolehkan kita semua hidup sederhana tetapi tidak membiarkan kita mengejar barangan mewah dan barangan yang hanya mampu dimiliki oleh segelintir masyarakat. Satu pembangunan yang memahami ketegangan disebabkan oleh keperluan untuk mengekalkan sumber yang tak boleh dibaharui dan ekosistem semulajadi yang kompleks dan saling-berkaitan. Satu pembangunan yang meletakkan manusia dan hubungan insan sebagai pusat pemerhatian kita dan bukannya bersaing untuk memiliki kebendaan.

Kita tidak boleh mendakwa yang teknologi tradisi merupakan jalan keluar bagi mengatasi masalah dunia. Tetapi apa yang kita boleh katakan ialah mencari dan menghidupkan semula bentuk-bentuk teknologi tradisi yang sesuai. Ini merupakan satu petanda awal bagi mereka yang berminat dalam perubahan sosial ke arah satu perkembangan yang berlandaskan kemanusiaan. — Mei 1980



KERETA ADALAH GERGASI

*Kita sepatutnya menggalakkan
penggunaan basikal dan pengangkutan
awam*

PADA AWAL tahun ini, kerajaan mengumumkan pemberian sebahagian dari Lebuhraya Utara-Selatan yang bernilai \$3.4 bilion kepada sebuah syarikat untuk membinanya. Bahagian-bahagian lain lebuhraya itu sudahpun dibina. Keseluruhan lebuhraya tersebut akan menelan belanja \$8 bilion.

Ini menjadikannya projek pembangunan yang paling mahal pernah dibuat di Malaysia. Ramai orang mengadu kepada saya bahawa lebuhraya itu merupakan projek mewah kerana kita sedang menghadapi kemelesetan yang serius. Ramai pemimpin kerajaan menyuruh *rakyat* supaya memotong perbelanjaan, membekukan pendapatan mereka malah mengurangkan makan nasi.

Apakah perlu untuk mereka membina lebuhraya yang begitu besar? Apakah ia akan berakhir seperti Jambatan Pulau Pinang: Mahal (\$1.4 bilion), elok mata memandang tetapi menyakitkan hati rakyat, kerana kegunaannya terbatas?

Para ahli ekonomi percaya kemelesetan akan berkekalan selama beberapa tahun berdasarkan keadaan ekonomi dunia yang buruk. Penjualan kereta jatuh dengan cepat sekali dan

pengangkutan barangan oleh lori-lori juga menunjukkan penurunan akibat perniagaan yang merosot. Dengan itu tidaklah perlu sangat dibina lebuh raya baru, bila aliran lalulintas tidak akan meningkat dengan banyak di masa akan datang.

Ini sudah tentulah merupakan masa yang tidak sesuai untuk membelanjakan wang pembayar-pembayar cukai ke atas lebuh raya itu. Sebaliknya inilah masanya bagi penggubal dasar dan pengguna memikirkan sama ada kita perlu mengeneipkan tabungan awam dan persendirian bagi menggalakkan kegunaan kereta persendirian.

Barangkali berbanding dengan barangan moden yang lain, kereta menggunakan banyak sumber kita. Pertama sekali besi yang banyak, lain-lain logam, getah dan bahan-bahan lain digunakan dalam membuat kereta. Kebanyakan daripada bahan ini akan lenyap tidak lama lagi.

Kereta juga menggunakan petroleum yang banyak, lagi satu bahan yang cepat pupus. Tenaga yang digunakan untuk menjalankan kereta sepatutnya digunakan untuk kegunaan lain yang lebih berfaedah.

Untuk memberi laluan kepada kereta-kereta, banyak tanah terpaksa diperuntukkan bagi membina jalan, lebuh raya dan tempat letak kereta.

Tanah juga terpaksa digunakan untuk menanam getah bagi membuat tayar. Jumlah tanah yang besar ini selalunya diambil dari para petani yang mengusahakan tanaman makanan bagi membina jalan raya. Sebahagian besar dari bandar digunakan untuk membenarkan kereta melalui dan mengelilingi sekitarnya. Adalah dianggarkan 40% daripada ruang tanah di kawasan perumahan dijadikan jalan dan ruang untuk meletak kereta.

Malah sebagai pengangkutan, dari sudut pandangan sosial, kereta tidak mempunyai keupayaan sepenuhnya. Seorang lelaki atau wanita memandu kereta ke tempat kerja, kemudian meletak kereta selama lapan jam di situ dan kemudian memandunya pulang. Dalam masa tertentu sahaja kereta digunakan oleh keluarga untuk keluar, tetapi banyak masa kereta itu

dihabiskan begitu saja berbeza dengan kenderaan yang digunakan sebagai pengangkutan awam seperti bas dan teksi.

Kereta juga mempunyai kesan sampingan yang serius. Kemalangan yang melibatkan kenderaan ini meragut nyawa berjuta-juta manusia di seluruh dunia, lebih tinggi dari peperangan. Di Malaysia, kemalangan merupakan sebab utama kematian dan kecederaan: di Semenanjung sahaja terdapat 2,118 kematian dan 19,406 kecederaan dalam 75,300 kemalangan jalan raya pada tahun 1985. Di Amerika Syarikat 50,000 mati dan lebih 700,000 cedera setiap tahun dalam kemalangan.

Kereta juga merupakan punca utama kepada pencemaran udara, pembuangan logam, karbon monoksida dan lain-lain bahan beracun. Ini akan mengancam kesihatan manusia dan akan meningkatkan paras kandungan karbon monoksida dalam udara yang boleh mewujudkan bencana dalam iklim dunia.

Banyak sumber perubatan dan kewangan terpaksa dibelanjakan untuk mengatasi kesan sampingan hasil dari penggunaan kereta, menambahkan lagi kos keseluruhan kereta kepada masyarakat.

Kereta juga banyak menggunakan pendapatan kerajaan dan juga keluarga. Lebuhraya Utara-Selatan dan Jambatan Pulau Pinang merupakan contoh terbaik projek yang bernilai berbilion ringgit tetapi hanya untuk kemudahan segelintir pengguna kenderaan. Tetapi wang yang berjumlah berbilion ringgit juga digunakan untuk membina jejambat, jalan baru, melebarkan jalan di bandar-bandar yang mana memakan belanjawan kerajaan yang banyak. Dalam belanjawan 1987, sebagai contoh, pengangkutan (terutamanya pembinaan jalan) akan menggunakan 20% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (\$1.2 bilion daripada \$6 bilion).

Kereta juga merupakan alat perbezaan sosial. Hanya 18% dari penghuni rumah di Malaysia mempunyai kereta dalam tahun 1980 berdasarkan bancian dan di kawasan luar bandar hanya satu dari sepuluh keluarga mempunyai kereta.

Banyak pendapatan kerajaan dan sumber-sumber negara terpaksa dibelanjakan ke atas kereta: jalan dan lebuhraya



Empat buah kereta dengan seorang pemandu di dalamnya menggunakan ruang jalan yang sama dengan sebuah bas yang membawa 40 orang penumpang.

terpaksa dibina, peruntukan ruang meletak kereta, perbelanjaan hospital untuk mangsa kemalangan dan lain-lain lagi. Wang orang ramai dibelanjakan sebagai subsidi kepada pemilik-pemilik kereta yang merupakan golongan elit dalam masyarakat kita.

Sebagai contoh, hasil kutipan tol yang didapati dari kenderaan yang melalui Jambatan Pulau Pinang tahun lalu hanya \$18 juta. Kos bayaran pinjaman untuk membina Jambatan Pulau Pinang lebih dari \$100 juta, ia dibayar oleh kerajaan melalui cukai-cukai.

Kutipan tol itu tidak sampai pun satu perlima daripada kos pembayaran balik pinjaman untuk membina jambatan itu. Walaupun setiap pemandu membayar tol \$7, tetapi kos sebenar perjalanannya melalui jambatan itu adalah sekitar \$40. Pembayar cukai di Malaysia telah mensubsidikan setiap pemandu \$33 setiap kali ia melalui jambatan itu.

Apabila keluarga yang kaya memiliki kereta, orang ramai (kebanyakan dari mereka orang-orang miskin) memberikan subsidi kepada orang-orang kaya apabila jalan-jalan, lebu

raya-lebuh raya, jambatan-jambatan, tempat-tempat letak kereta dan lain-lain kemudahan untuk kereta dibina.

Akhir sekali kereta juga menelan belanja yang besar kepada purata keluarga yang memilikinya. Ia memakan belanja sekitar \$600-\$700 sebulan untuk menguruskan sebuah kereta berdasarkan kepada anggaran yang dibuat oleh CAP. Ramai keluarga membuat pinjaman untuk membeli kereta, kemudian mendapati mereka terpaksa memotong lain-lain keperluan (seperti makanan atau pendidikan anak-anak) kerana hendak membayar ansuran bulanan.

Apabila pinjaman telah dibayar, kereta menjadi bertambah tua, dengan itu lebih banyak wang terpaksa digunakan untuk tujuan membaiki dan juga untuk keperluan alat-ganti. Dengan kemelesetan dan pembuangan kerja atau pembekuan gaji adalah sukar bagi kebanyakan keluarga melangsaikan pembayaran untuk kereta mereka.

Tidak dapat dinafikan kepada mereka yang mampu memilikinya dan menggunakannya ia adalah suatu yang selesa. Anda boleh pergi ke mana yang anda suka, dan jika anda mahu anda boleh juga membawa bersama penumpang.

Dari sudut pandangan sosial, kereta persendirian adalah gergasi yang merampas banyak sumber dan merupakan gejala utama yang mengakibatkan pencemaran serta kematian dan kecederaan.

Pilihan kepada kereta persendirian adalah untuk membaiki dan mengembangkan pengangkutan awam. Jika Malaysia mempunyai sistem pengangkutan, teksi, bas, keretapi dan air yang cekap, maka keperluan untuk memiliki kereta sendiri adalah kecil. Para pengguna kenderaan juga memberitahu saya bahawa mereka tidak akan menggunakan kereta sendiri jika pengangkutan awam cekap dan teratur.

Sungguh mengecewakan kita, sistem pengangkutan awam tetap buruk dan diabaikan baik di bandar-bandar mahupun kawasan luar bandar. Terlalu banyak daya penarik dan tumpuan serta wang yang dicurahkan untuk memberikan kemudahan kepada pengguna kenderaan persendirian, tetapi sedikit sahaja

diberikan kepada majoriti pengguna yang terpaksa bergantung kepada pengangkutan awam. Ramai penumpang terpaksa menunggu lebih setengah jam atau satu jam untuk mendapatkan bas.

Di samping pengangkutan awam, kita juga sepatutnya menggalakkan penggunaan lebih banyak basikal yang merupakan satu dari cara pengangkutan yang cekap. Ramai penduduk Malaysia menggunakan basikal untuk ke tempat kerja, mengunjungi kawan atau sebagai satu senaman dan memenuhi masa lapang. Malah sekarang para pelajar sekolah pun tidak lagi berbasikal. Keadaan jalan bertambah sesak dengan kereta, menyebabkan ramai orang tidak begitu berani lagi untuk berbasikal atau untuk membenarkan anak-anak mereka berbuat demikian.

Lorong untuk basikal hendaklah dibina di bandar-bandar untuk memberi laluan kepadanya serta menghargainya. Pengangkutan awam dalam bentuk beca roda tiga hendaklah dikaji semula dan hendaklah digalakkan penggunaannya. Dari pandangan para pengguna, basikal dan beca roda tiga ini hanya mengganggu tetapi sebenarnya pemandu keretalah yang benar-benar mengganggu serta mementingkan diri sendiri ketika di jalan raya. Sebuah kereta dengan seorang pemandu mengambil ruang yang banyak di atas jalan raya berbanding dengan beca roda tiga, basikal atau pengguna bas.

Pihak berkuasa dan juga pengguna perlu sedar dan memikirkan untuk memberikan keutamaan kepada pengangkutan. Kita sepatutnya tidak mengutamakan atau menggalakkan penggunaan kereta persendirian dan sebolehnya menggalakkan penggunaan basikal dan pengangkutan awam. Ini akan mengurangkan pembaziran sumber, pencemaran dan kematian di jalan raya. Ia akan menggalakkan kepentingan majoriti pengguna kita.

Sebagai permulaan, adalah baik jika pihak Lembaga Lebuhraya dan pihak atasan menimbang semula pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Mereka boleh menghentikan pelaksanaan projek itu sehingga kemelesetan ekonomi berakhir sebelum

memulakannya semula. — *April 1987*



CIPTAAN KE ARAH PEMBAZIRAN, PENCEMARAN, PEMBUNUHAN

KITA MENGGUNAKAN barangan setiap hari. Barangan ini pula mempengaruhi kehidupan kita tetapi hanya segelintir orang sahaja yang memikirkan tentang apakah yang terlibat dalam membuat barangan ini — rekabentuknya.

Memandangkan pengeluaran barangan secara besar-besaran untuk kegunaan jutaan penduduk di seluruh dunia, rekabentuk barangan lebih tertumpu kepada keuntungan, pengaruh, status dan penampilan. Sebaliknya keselamatan barangan yang dihasilkan, tidak diambil kira.

Pembuatan kereta-kereta yang tidak selamat telah membunuh atau mencacatkan lebih sejuta penduduk dunia setiap tahun melalui bahan kimia atau proses-proses yang meracuni atau mencederakan kita, dan dengan menghasilkan barangan mewah dan hebat yang akhirnya menjadi sampah yang mence-mari tanah-tanah kita. Nyatalah bidang merekacipta pada hari ini sudah menjadi satu aktiviti yang berbahaya.

Menurut seorang pereka industri dunia yang terkenal, Victor Papanek, 'Terdapat profesion-profesyon yang lebih berbahaya daripada rekacipta industri, tetapi cuma segelintir darinya sahaja. Kemungkinan hanya satu profesion sahaja yang lebih banyak menipu. Corak pengiklanan, dalam usaha memujuk orang ramai supaya membeli barangan yang mereka tidak perlukan atau di luar kemampuan, dan dalam usaha menarik perhatian orang-orang lain yang tidak mempedulikannya, mungkin merupakan satu-satunya bidang yang paling banyak menipu pada hari ini. Sementara itu rekacipta industri dengan

pelbagai gimik yang sengaja diada-adakan oleh pengiklan, merupakan saingannya yang terdekat.

Belum pernah terjadi seorang manusia mencipta sikat rambut elektrik atau permaidani yang dibuat daripada bulu binatang untuk bilik air secara serius dan kemudian menggariskan pelan-pelan secara terperinci untuk membuat dan menjual barangan ini bagi kegunaan berjuta penduduk.'

Komen-komen ini memang perlu direnungkan.

Berikut saya senaraikan dengan ringkas masalah-masalah yang saya rasa menyelubungi sektor merekacipta pada hari ini.

Lelaki kuasai dunia ciptaan

Rekacipta pada hari ini menjadi satu aktiviti yang dikuasai oleh kaum lelaki. Kebanyakan pencipta barangan adalah lelaki dan rekaan terbaru dihasilkan semata-mata untuk memenuhi keinginan mereka.

Sebagai contoh, lihatlah perkembangan dunia fesyen pakaian hari ini. Kebanyakan pereka pakaian yang terkemuka di dunia adalah lelaki dan fesyen-fesyen pakaian terbaru yang dicipta bukanlah untuk wanita, sebaliknya untuk dinikmati oleh golongan lelaki.

Pakaian direka hingga menonjolkan bentuk tubuh wanita semata-mata untuk menggoda lelaki. Lihatlah pada kasut-kasut bertumit tinggi yang menjadi kegemaran wanita. Kasut-kasut sebegini direka sedemikian rupa untuk mengubah kedudukan tubuh wanita.

Dengan mengubah pusat gravitinya, dan memaksa seseorang wanita itu berada di atas jari-jari kakinya, bahagian punggung dan dada wanita itu akan lebih menonjol dari kebiasaannya.

Keadaan ini merubah bentuk tubuh wanita itu yang kelihatan lebih ghairah di mata lelaki. Tetapi berapa ramaikah di antara kita (terutamanya wanita) yang menyedari akan keburukan jangka panjang akibat pemakaian kasut bertumit tinggi?

Bagi mereka yang tidak mempercayainya, cubalah berdiri

di atas jari-jari kaki dan rasailah apa yang berlaku pada tubuh anda.

Contoh-contoh lain penguasaan lelaki dalam dunia rekacipta selain dunia fesyen ialah eksploitasi terhadap wanita di dalam media. Kaum wanita dieksploit dari segi seks atau peranan yang diberikan tidak membawa cabaran kepada lelaki, dalam masyarakat yang dikuasai oleh lelaki.

Rekaan tidak selamat dan membazir

Banyak ciptaan hari ini dihasilkan bukan untuk bertahan dalam jangka panjang sebaliknya cuba dihapuskan secepat mungkin ataupun segera dianggap ketinggalan zaman.

Sesuatu yang dianggap sudah ketinggalan zaman menjadi alat bagi ahli-ahli perniagaan mengaut keuntungan daripada pembeli. Penggubal-penggubal dasar sendiri nampaknya tidak kisah tentang hal ini memandangkan lebih banyak barang usang, lebih banyak pula perubahan dan penggunaan. Lebih banyak penggunaan pula bermakna kian pesat pertumbuhan ekonomi.

Tetapi dalam analisis terakhir, pengguna dan alam sekitar lah yang menanggung akibatnya. Pengguna terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan barangan, sumber alam lebih cepat pupus dan alam sekitar mengalami lebih banyak pencemaran.

Matlamat 'barangan yang ketinggalan zaman' boleh dicapai dengan mengubah stail sesuatu barangan itu. Ia memperalatkan rasa tidak selamat dan pentingkan status di kalangan pengguna yang sentiasa ingin mengikut perkembangan zaman.

Beberapa perubahan kecil dibuat pada kenderaan sekurang-kurangnya setahun sekali. Dengan perubahan yang terus dibuat ini, menimbulkan hasil kerja dan kawalan mutu yang rendah.

Rakyat Amerika secara purata menukar kenderaan mereka setiap tiga tahun sekali, demikian juga dengan ramai rakyat negara ini.

Kita gagal menilai barangan yang disingkir. Apabila barangan dicipta untuk disingkirkan kelak, kita jarang menimbangkan tentang faktor-faktor keselamatan.

Misalnya pada tahun 1969, General Motors terpaksa menerima kembali sebuah dari tujuh buah kereta dan trak untuk dibaiki.

Di Amerika, beberapa peralatan rumah yang tidak selamat menyebabkan sejumlah 250,000 kecederaan atau kematian setiap tahun sementara 700,000 kanak-kanak terbunuh atau tercedera setelah bermain dengan barang mainan yang tidak selamat.

Selain pengabaian soal keselamatan, sindrom rekaan yang membawa kepada pembaziran ini juga menyebabkan pencemaran dengan hebat. Melalui proses pembungkusan moden, banyak bahan buangan ditimbun, malah mungkin menjadi salah satu pengeluar terbesar hari ini. Proses pembungkusan biasanya lebih mahal dari barangan itu sendiri. Perhatikan barangan kosmetik dan tin-tin aluminium untuk minuman ringan. Proses pembungkusan kian melenyapkan sumber hutan dan mencemarkan alam sekitar.

Segala bahan buangan kita kian menimbun setiap hari. Bahan buangan kenderaan, plastik dan tin-tin aluminium yang tidak dapat diurai, mengotori kawasan tanah kita.

Merekacipta bagi keperluan sebenar

Kita perlu melihat betapa buruknya barangan yang dicipta untuk kita pada hari ini. Di peringkat bandar-bandar, kita melihat barangan itu dicipta untuk kenderaan, bukan untuk penduduk. Kereta membentuk bandar-bandar kita dengan menggunakan kira-kira 40% dari keluasan tanah. Bangunan-bangunan didirikan untuk tempat meletak kereta sedangkan berjuta rakyat tidak berumah atau hidup serba kekurangan.

Kita memiliki rumah Melayu bercorak tradisional yang nyaman dan selesa serta bersesuaian dengan persekitaran. Tetapi kita gantikan rumah-rumah ini dengan bangunan batu

yang tidak selesa didiami. Kemudian kita memasang alat hawa dingin yang menyebabkan keadaan terlalu sejuk. Untuk mengatasinya, kita memakai pula baju panas.

Kita selalu mencipta teknologi baru untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada ciptaan yang buruk.

Manusia mencipta alat mainan yang berbahaya untuk kanak-kanak. Kita memasang kepala pili berbentuk bulat yang sukar dipusing bila tangan bersabun. Kita juga menggunakan perkakas elektrik yang boleh menyebabkan kita mengalami kejutan elektrik. Dan kita mereka mangkuk tandas untuk duduk sedangkan untuk keselesaan sebenar ketika membuang air besar ialah dengan duduk mencangkung, begitulah seterusnya.

Rekaan-rekaan terbaru bukan sahaja tidak selamat, tidak cekap atau membazir malah hanya tertumpu kepada kepentingan orang kaya sahaja. Rekacipta, jika diarahkan pada matlamat yang betul boleh digunakan untuk memenuhi keperluan sebenar manusia di seluruh dunia. Keperluan yang dimaksudkan termasuklah:

- Rekabentuk bagi majoriti penduduk termasuklah golongan miskin, wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua, bukan setakat 'orang dewasa kelas menengah'.

- Menggunakan semula barangan terbuang.

- Merekabentuk untuk keperluan golongan cacat termasuk kemudahan awam, kawasan laluan khusus dan kemudahan rekreasi.

- Mencipta barangan dan sistem yang tidak menggugat ekologi.

- Membentuk keperluan asas penduduk miskin dan bukannya keperluan golongan kaya sahaja.

Saya akhiri rencana ini dengan memetik kata-kata Victor Papanek sekali lagi: 'Selagi rekacipta tertumpu kepada ciptaan "permainan untuk orang dewasa" yang remeh temeh, senjata-senjata dan kegilaan terhadap mesin taip, alat pembakar roti, telefon dan komputer, ia telah kehilangan alasan bagi kewujudannya.' — *Julai 1989*



AKIBAT TANGKI GAS BERACUN BOCOR

ISNIN, 3 DISEMBER, 1984 merupakan satu titik hitam dalam sejarah apabila tangki gas beracun di kilang racun serangga Union Carbide di Bhopal, India telah mengalami kebocoran.

Malah ia merupakan hari yang paling malang dalam sejarah tragedi-tragedi perindustrian yang pernah terjadi.

Lebih daripada 2,500 penduduk yang tinggal di bandar Bhopal telah terkorban akibat gas beracun tersebut — kebanyakan mereka sendiri tidak mengetahui mengapa mereka menanggung kesengsaraan sedemikian.

Kira-kira 100,000 orang lagi yang masih hidup akan mengalami kecacatan kekal seperti buta, kemandulan, kerosakan otak dan dihinggapai penyakit buah pinggang dan hepar atau hati.

Dimensi atau ukuran tragedi tersebut tidak dapat dibayangkan, dengan kadarnya yang amat menakutkan.

Kesedihan yang menyelubungi keluarga-keluarga mangsa tragedi hendaklah dipandang serius agar tragedi-tragedi seperti ini tidak akan berulang lagi.

Kebocoran gas tersebut bukan semata-mata kesan dari satu kemalangan. Ia adalah sebahagian daripada jenayah besar yang dilakukan oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang lebih mengutamakan keuntungan mereka daripada keselamatan dan nyawa orang ramai.

Memang diketahui bahawa syarikat-syarikat di Amerika Syarikat dan negara-negara kaya yang lain telah membina loji-loji mereka yang berbahaya di negara-negara Dunia Ketiga.

Tambahan pula, piawaian-piawaian keselamatan dan kesihatan ketika bekerja di kilang-kilang Dunia Ketiga dikendalikan pada peringkat yang rendah jika dibandingkan dengan kilang-kilang di negara mereka sendiri.

Ini adalah kerana terdapat undang-undang keselamatan

dan kesihatan ketika bekerja yang ketat di negara-negara perindustrian. Di negara-negara Dunia Ketiga, undang-undang adalah tidak lengkap atau tidak wujud langsung.

Dengan itu, syarikat-syarikat antarabangsa telah mengambil kesempatan ini untuk membelakangkan tanggungjawab kepiawaian.

Sikap syarikat yang tidak menitikberatkan langkah-langkah keselamatan menyebabkan berlakunya tragedi yang mengakibatkan 2,500 kematian di Bhopal.

● Apa yang berlaku di Bhopal merupakan satu jenayah korporat yang besar. Syarikat tersebut telah membunuh dan mencacatkan beribu-ribu lelaki, wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa akibat dari kelalaiannya.

Walaupun begitu banyak yang bersimpati dengan mangsa-mangsa tersebut, hanya sedikit sahaja yang dilakukan oleh masyarakat dunia untuk mengutuk jenayah ini.

Apabila beberapa orang askar Amerika atau British telah diserang dalam sesuatu keadaan peperangan, kerajaan-kerajaan dan agensi-agensi antarabangsa dengan cepatnya akan mengutuk perbuatan tersebut.

Dalam kes Bhopal ini, beribu-ribu nyawa terkorban atau menjadi cacat. Namun begitu, Bangsa-Bangsa Bersatu terus mendiamkan diri dan tidak terdapat walaupun satu kutukan mengenai kegiatan-kegiatan syarikat multinasional dari kerajaan-kerajaan di dunia.

Adakah nyawa-nyawa di negara-negara Dunia Ketiga dianggap begitu murah sekali?

Walau begitu banyak airmata dan belas kasihan yang dicurahkan, ia tidak mungkin dapat memaafkan jenayah yang dilakukan di Bhopal.

Tetapi tragedi di Bhopal sekarang ini mesti membangkitkan kesedaran dan perasaan orang ramai di mana-mana, supaya langkah-langkah segera diambil untuk menghalang dari berlakunya tragedi-tragedi seperti ini di masa akan datang.

Kerajaan-kerajaan di Dunia Ketiga tidak boleh lagi berpuas hati dan memandang ringan mengenai aspek-aspek keselama-



Dua daripada 100,000 mangsa tragedi Bhopal menjadi buta.

tan syarikat-syarikat antarabangsa yang menjalankan kegiatan di negara-negara mereka.

Mereka mesti memperkenalkan atau memperbaiki peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan ketika bekerja yang sama tarafnya dengan piawaian-piawaian di negara-negara perindustrian.

Alasan yang mengatakan bahawa 'kita tidak mampu berbuat demikian kerana kita mahu menarik lebih ramai pelabur' tidak lagi boleh diterima, setelah apa yang berlaku di Bhopal.

Kerajaan-kerajaan di Amerika Syarikat dan negara-negara perindustrian yang lain juga mesti meluluskan undang-undang bahawa syarikat-syarikat yang beribu pejabat di negara-negara mereka tidak harus membelakangkan piawaian berkenaan dengan keselamatan dalam pengelolaan kilang-kilang mereka di Dunia Ketiga.

Piawaian keselamatan yang sama yang dipatuhi di negara-negara mereka sendiri harus juga dikendalikan dan dikekalkan di kilang-kilang mereka di negara-negara sedang membangun.

Kita akan menemui tragedi yang sama seperti yang terjadi di Bhopal, melainkan langkah-langkah tersebut dijalankan. Dan penduduk-penduduk Dunia Ketiga, termasuk rakyat Ma-

laysia sendiri, akan terus menjadi mangsa kepada sikap pelabur-pelabur negara perindustrian yang hanya ingin mengaut keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan keselamatan penduduk tempatan. — *Januari 1985*



LETUPAN ROKET — MEMPERSOALKAN TEKNOLOGI MODEN

PELANCARAN ROKET angkasa lepas Amerika Syarikat yang berlepas pada 29 Januari lalu, pada mulanya berjalan licin bersama-sama tujuh orang angkasawan di dalamnya (termasuk seorang guru wanita). Selepas 74 saat, kapal itu, *The Challenger* meletup dengan kepulan api yang amat besar di hadapan mata saudara-mara angkasawan-angkasawan berkenaan dan berjuta-juta penonton yang menyaksikan pelancarannya menerusi kaca TV.

Penonton-penonton yang kaget sukar menerima kenyataan untuk seketika. Fikiran seolah-olah enggan menerima kenyataan apa yang telah disaksikan oleh mata.

Pada hari ini dunia masih dalam kebingungan. Para saintis pula masih berdebat tentang punca yang menyebabkan letupan.

Kegemparan yang menyelubungi dunia bukan semata-mata berkisar tentang kematian tujuh orang angkasawan atau disebabkan oleh rakaman peristiwa seluruhnya menerusi kamera-kamera TV. Lagipun, satu kemalangan jalan raya sahaja boleh meragut tujuh nyawa atau lebih dan berlaku pula pada setiap hari.

Apa yang menggemparkan ialah perjalanan kapal angkasa yang dijangkakan seperti biasa telah ditimpa bencana yang sungguh mengerikan. Kita semua merasa terkejut apabila ter-

paksa menerima kenyataan yang bercanggah dengan hakikat bahawa *teknologi tinggi tidak mengancam keselamatan*. Kita terkejut apabila peristiwa ngeri berlaku dalam suasana yang dikatakan kemajuan dari segi sains dan teknologi.

Dan apabila teknologi moden menemui kegagalan, kesan-kesan yang ditinggalkan boleh menjadi begitu buruk sekali.

Bayangkan apa yang akan berlaku jika loji tenaga nuklear mengalami kebocoran atau meletup? Reaktor di Three Mile Island hampir-hampir meletup beberapa tahun yang lalu. Jika kemungkinan ini berlaku beratus-ratus ribu nyawa pasti terkorban.

Sewaktu kegemparan di Three Mile Island, dilaporkan terdapat beratus-ratus kebocoran dan hampir-hampir mencestuskan malapetaka di loji-loji nuklear serata dunia.

Laporan ini mempunyai persamaan dengan laporan tentang kemalangan *The Challenger* yang dikatakan mengalami beberapa kebocoran pada roket angkasa itu.

Kita di negara-negara sedang membangun sudah begitu biasa dengan bencana-bencana yang melibatkan perindustrian. Di Bhopal, 3,000 nyawa terkorban dan beratus-ratus ribu lagi cedera akibat kebocoran gas Union Carbide. Ancaman-ancaman terhadap kesihatan dan ekologi akibat teknologi moden amat mengerikan—berjuta-juta orang terbunuh dan mengalami kecacatan akibat kemalangan-kemalangan perindustrian, menyedut gas-gas merbahaya, menggunakan racun-racun merbahaya dan makan makanan beracun.

Tetapi bencana yang menimpa *The Challenger* dan Three Mile Island mengingatkan kita bahawa walaupun negara-negara maju yang mempunyai pakar-pakar saintifik terkemuka dan memiliki peralatan berkualiti paling tinggi dan keselamatan yang kukuh, namun ia tidak dapat menghalang dari berlakunya kesilapan, kegagalan dan tragedi yang berhubung dengan teknologi tinggi.

Hakikat ini memungkinan tercetusnya peperangan nuklear yang mungkin bermula dari kesilapan sebuah komputer atau kerosakan mana-mana alat di Amerika Syarikat atau Rusia.

Kejadian gempar yang berpunca dari kesilapan sudahpun berlaku beberapa kali. Kapal terbang-kapal terbang pejuang telah dilancarkan untuk menangkis serangan nuklear akibat kesilapan maklumat yang diterima oleh komputer yang melaporkan roket-roket nuklear sedang mara ke arah Amerika.

Kita semua telah sedia maklum tentang beberapa langkah penghapusan roket-roket nuklear yang didapati hampir menemui kegagalan di mana langkah-langkah penghapusannya hanya dapat dilakukan pada saat-saat terakhir. Tidak ragu-ragu lagi kemungkinan kelak kita dapat menyaksikan kemalangan yang berhubungan dengan sebuah roket nuklear ataupun sebutir bom. Kegagalan *The Challenger* telah menggambarkan sesuatu yang boleh diterima oleh fikiran.

Ia telah menimbulkan pelbagai isu untuk difikirkan. Pertama, kita tidak boleh lagi menaruh kepercayaan menyeluruh kepada teknologi moden. Tidak ada sistem yang boleh memberi jaminan tidak berlakunya kemalangan-kemalangan dan bencana-bencana. Kedudukan teknologi yang lebih tinggi akan membawa bencana yang lebih besar.

Keduanya, teknologi moden banyak yang tidak bersesuaian dengan kebanyakan penduduk di dunia.

Kunjungan-kunjungan ke angkasa lepas merupakan bahagian yang menarik dalam perlumbaan kuasa-kuasa besar sama sepertimana penubuhan angkatan bersenjata yang merupakan sebahagian konflik di antara negara-negara.

Hasil-hasil keluaran teknologi tinggi yang berkisar dari peralatan rumah hingga kepada jentera-jentera perindustrian dan kapal terbang-kapal terbang yang bergerak pantas dari bunyi merupakan bentuk-bentuk amalan mewah golongan jutawan dunia.

Namun, berjuta-juta penduduk di Dunia Ketiga masih diancam kematian, pelbagai jenis penyakit dan kesukaran yang dihadapi bertahun-tahun lamanya, menyebabkan mereka hidup dalam kemiskinan, menderita kekurangan makanan, bekalan air, kemudahan-kemudahan asas kesihatan dan tidak cukup tanah.

Mereka tidak memerlukan roket-roket angkasa lepas, tenaga nuklear atau berus gigi elektrik. Tetapi yang menjadi keperluan mereka hanyalah sumber-sumber asas seperti tanah dan air, kayu dan logam dan teknologi yang bersesuaian yang dengannya mereka dapat menanam tanaman makanan dan menghasilkan barangan sederhana yang dapat memenuhi keperluan-keperluan hidup.

Malangnya, apa yang dikatakan teknologi moden telah merampas sebahagian besar daripada tabungan pelaburan dunia dan sumber-sumbernya serta menghalakannya ke arah penghasilan barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang semata-mata berbentuk mewah, merbahaya atau sama sekali tidak bersesuaian dengan kehendak-kehendak manusia.

Kita memerlukan revolusi saintifik baru yang dapat mengorientasikan semula sains dan ahli-ahli sains, pelaburan dan tabungan pelaburan jauh daripada teknologi tinggi dan barangan yang mementingkan rupa bentuk ke arah penghasilan teknologi-teknologi yang dapat mengeluarkan barangan asas dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak-kehendak asas manusia yang berjumlah 80 peratus dari penduduk dunia. — *Mac 1986*



BENCANA TEKNOLOGI TINGGI

Keganasan Sains Teknologi Moden

REVOLUSI INDUSTRI telah wujud sejak 200 tahun yang lalu. Bagaimanapun dalam tempoh yang singkat ini, kita telah melalui pelbagai perubahan dari segi material dan sistem-sistem nilai.

Kita telah lihat kemewahan dan kekayaan berlimpah-limpah, yang telah mempengaruhi persekitaran dan juga keselamatan dari mana-mana tempoh sejarah kita.

Kita telah sampai ke bulan. Kita telah memisahkan atom dan memaparkan kuasa yang sebenar dan sekuat kelahiran sesuatu ciptaan. Kita telah menguraikan rahsia gen dengan kejuruteraan genetik. Kita telah terpengaruh dan terdidik dengan warisan kehidupan yang direncanakan sendiri.

Memang benar, sepanjang tempoh ini, zaman industri telah melalui revolusi saintifik dan teknologi. Tetapi ini semua telah dicapai dengan perbelanjaan besar yang melibatkan dunia ini sendiri dan kita terus wujud sebagai spesies manusia bersama-sama dengan lain-lain spesies hidupan.

Dalam usaha kita mengejar material, kita telah merampas dan mencabuli hasil-hasil bumi sehingga ke tahap yang mengancam kehidupan kita sendiri.

Kita telah menghakis satu pertiga daripada tanah subur dan memupuskan 20% daripada spesies tumbuh-tumbuhan dan binatang. Kita telah menggondolkan sumber-sumber hutan, menjadikannya padang pasir. Kita telah menyebabkan bumi yang beracun dengan bahan buangan kimia, hujan asid dan pencemaran air laut, sungai, tasik dan air bawah tanah.

Keadaan ini telah ditambah lagi dengan syarikat-syarikat multinasional, kompleks industri ketenteraan, kerajaan dan saintis merupakan keganasan terhadap kehidupan di atas nama sains dan teknologi bagi mendapatkan kuasa dan keuntungan yang belum pernah berlaku dalam tamadun manusia.

Dalam tahun 1984, lebih daripada 2,000 orang mati dalam tragedi gas bocor Union Carbide di Bhopal. Tetapi dalam tragedi sebenarnya, ini merupakan permulaan kepada suku juta masyarakat India yang akan menderita kecederaan, penyakit dan menyebabkan kematian dalam seumur hidup mereka.

Dalam tahun 1976, satu letupan di kilang Hoffman La Roche di Seveso, Itali telah mencemarkan beratus-ratus ekar tanah dengan bahan kimia yang dikenali sebagai Dioxin. Bahan kimia itu juga telah membunuh binatang serta mengancam kesihatan 30 juta penghuni, wanita hamil dan anak-anak mereka.

Dioxin juga merupakan sejenis bahan kimia yang paling

beracun. Ia juga terkandung dalam racun makhluk perosak seperti 2,4,5-T, sejenis penghapus lalang yang digunakan di seluruh dunia. Di Malaysia kaum wanita yang bekerja di estet menggunakan racun ini dengan tangan untuk menghapuskan lalang di ladang getah mereka.

Semasa Perang Vietnam, pihak Amerika Syarikat menyebarkan 2,4,5-T yang dikenali sebagai 'defoliant Agent Orange' di kawasan hutan Vietnam Selatan. Berjuta-juta ekar tanah telah tercemar menjadi kontang untuk sekian lamanya. Bahan kimia itu juga menyebabkan wujudnya generasi ibu bapa yang melahirkan anak-anak cacat.

Penyalahgunaan racun makhluk perosak dalam pertanian telah membawa kepada pencemaran kepada seluruh kehidupan.

Pertanian menggunakan lebih daripada dua bilion kilogram racun makhluk perosak pada setiap tahun. Ini adalah bersamaan dengan satu paun untuk seorang lelaki, wanita dan kanak-kanak di dunia ini.

Racun makhluk perosak telah masuk ke dalam rantai makanan dan seterusnya ke dalam badan kita. Bahan kimia ini boleh menyebabkan kanser, kecacatan di kalangan janin-janin, kecederaan yang teruk malah boleh membawa maut. Menurut WHO terdapat lebih kurang 400,000 kes keracunan racun makhluk perosak di negara Dunia Ketiga pada setiap tahun dengan 10,000 kes kematian.

Selain daripada pencemaran persekitaran, bahan-bahan kimia juga telah mengancam badan kita. Kepekatan PCB, sejenis bahan kimia yang terdapat dalam lampu kalimantang telah ditemui dalam contoh air mani. Contoh susu manusia yang dikumpul di kebanyakan negara Eropah juga didapati mengandungi paras pencemaran racun makhluk perosak yang tinggi.

Banyak daripada bahan kimia yang digunakan dalam industri makanan moden adalah merbahaya kepada kesihatan, misalnya bahan perasa. Kini terdapat lebih daripada 3,500 bahan penambah digunakan yang 90% daripadanya tidak mempunyai zat makanan. Dan lebih membahayakan lagi bahan-

bahan ini boleh menyebabkan kanser, merosakkan sel-sel pembiakan dan mencacatkan janin-janin yang belum dilahirkan.

Revolusi di dalam teknologi makanan telah sekali lagi dirosakkan dengan radiasi makanan. Teknik ini boleh membunuh serangga, melambatkan proses masak, mencegah sayur-sayuran daripada menjadi layu serta mencegah mikroorganisma yang boleh merosakkan makanan. Tetapi sumber biasa radiasi, ke atas makanan ialah kobalt 60 dan sesium 137; merupakan bahan beracun hasil daripada bahan buangan pembuatan senjata nuklear dan tenaga nuklear.

Badan kita juga terancam dengan industri farmasi serta profesion perubatan. Zaman kita bukan sahaja zaman yang penuh dengan kemajuan tetapi juga merupakan zaman 'ubat-ubatan yang menakjubkan'.

Sejak dalam Perang Dunia Kedua, beribu-ribu ubat-ubatan tiruan telah dikeluarkan. Banyak daripadanya seperti antibiotik telah menimbulkan pelbagai masalah kesihatan.

Pertumbuhan pesat industri ubat-ubatan telah menjadikan doktor sebagai penjaga ubat dan alat untuk memberi ubat-ubatan, membekalkan ubat-ubatan yang kebanyakannya berbahaya.

Kebanyakan syarikat ubat multinasional adalah seperti penjenayah kerana memasarkan barangan yang berbahaya. Mereka terlibat dalam menjalankan ujian ke atas manusia dan memberi data-data serta penerangan yang palsu.

Cuba perhatikan tindakan Ciba Geigy, sebuah syarikat multinasional ubat-ubatan yang keempat besarnya di Dunia. Sehingga tahun lalu Ciba Geigy telah menggalakkan penggunaan ubat penahansakit yang telah menyebabkan 1,182 kematian di seluruh dunia. Dunia hanya menyedari bahayanya setelah maklumat tentang keracunannya telah bocor dari ibu pejabat syarikat ini di Basle, Switzerland.

Ciba Geigy juga telah didapati memberi data palsu mengenai keselamatan 46 antibiotik dan lain-lain ubat oleh pihak berkuasa kesihatan Jepun dalam tahun 1985. Terdahulu dari itu dalam tahun 1970an, beribu-ribu masyarakat Jepun menjadi

kudung, buta dan mati akibat ubat anti cirit Clioquinol yang dipasarkan oleh Ciba Geigy.

Di negara-negara Dunia Ketiga, para pemimpin dan para intelektual adalah sehaluan dan mempunyai pegangan yang sama bahawa sains dan teknologi moden Barat boleh mengatasi semua masalah yang dihadapi. Ini hanya membawa kepada penghambaan dan kemiskinan yang selanjutnya.

Bermula dari zaman penjajahan, pandangan saintifik moden Barat telah semakin ditekankan kepada masyarakat Dunia Ketiga supaya menerimanya, memusnahkan sistem ilmu pengetahuan sains dan teknologi yang berharga di dalam proses itu. Selepas zaman penjajahan, para penduduk Dunia Ketiga terus terpukau untuk menerima pandangan saintifik ini tanpa sebarang persoalan.

Ini menyebabkan bertambahnya, para intelektual dan para saintis melupai sistem ilmu mereka sendiri dan warisan sains mereka. Malahan kita telah mempercayai bahawa sebelum ini kita tidak mempunyai sejarah, kebudayaan dan tamadun.

Kita telah mempunyai semangat untuk menuju ke arah perindustrian dan begitu mengharapkan untuk mencapainya dalam satu generasi sedangkan mereka mencapainya setelah 10 generasi. Untuk mencapai keadaan itu kita telah mengorbankan sejumlah besar peruntukan. Bhopal bukanlah tragedi pertama dan akhir yang disebabkan oleh sains.

Sementara itu para pekerja kita masih menjadi mangsa pembunuhan dan kecederaan oleh teknologi-teknologi berbahaya di tempat kerja dan kaum wanita pula terdedah kepada teknologi perubatan yang tidak berperikemanusiaan. Sifat eksploitasi dan berpuak-puak telah menjadi sebahagian daripada sains dan teknologi Barat.

Dalam Revolusi Hijau, ia telah mengeksploit dan menekan para petani yang tidak mempunyai tanah. Ini menyebabkan kita terpaksa bergantung kepada belas kasihan syarikat-syarikat multinasional, bagi mendapatkan biji benih yang mengeluarkan hasil yang banyak, racun makhluk perosak, baja serta mesin dan tenaga manusia.

Jadi apakah yang perlu dilakukan? Bagaimanakah kita dapat membantu untuk mengubah mitos bahawa sains dan teknologi moden telah mempengaruhi masyarakat kita dan membawa kita ke arah kemajuan dan jalan yang selamat? Bagaimanakah hendak kita dedahkan penderitaan masyarakat kita yang disebabkan oleh sains dan teknologi?

Bagaimana pula untuk kita mengenal kembali teknologi sains tradisional kita? Mengapa kita perlu melihat kelemahan kita sendiri dan mewujudkan keamanan, mencari kecintaan serta menjalin perhubungan yang harmoni sesama kita dan dengan alam semulajadi?

Walaupun ini merupakan persoalan yang sukar untuk dijawab tetapi ia adalah penting untuk ditonjolkan. Kesedaran terhadap sains dan teknologi di Dunia Ketiga adalah diperlukan, tidak seperti yang dikorbankan untuk Piramid, Tembok Besar dan Taj Mahal. Tetapi sesuatu yang paling dihargai dalam kehidupan, manusia menikmati kebebasan serta hidup dalam aman dengan alam dan makhluk-makhluk lain. — *Januari 1987*



IX

BUDAYA DAN CARA HIDUP

FESYEN BARAT DALAM BUDAYA KITA

SATU ALIRAN yang membimbangkan ialah perkembangan pengaruh fesyen barat dan budaya yang negatif sifatnya terhadap rakyat di negara-negara Dunia Ketiga, termasuk Malaysia.

Di London telah lahir 'budaya punk' dan di Malaysia, kita dapati ramai anak muda yang telah mewarnakan rambut mereka dengan warna ungu dan kuning keemasan.

Di Amerika Syarikat timbul kegilaan terhadap penyanyi pop, Michael Jackson dan Prince dan di negara-negara di seluruh dunia kita dapati lagu-lagu nyanyian dan gerak-geri penyanyi itu ditiru orang.

Sesetengah filem Amerika memaparkan bagaimana orang menari dengan menggunakan kepala, bahagian belakang dan bahu — dan di tepi-tepi jalan di Kuala Lumpur dan Singapura kita dapati anak-anak muda menarikan 'Breakdance'. Dilaporkan bahawa seorang pemuda dari Malaysia mati akibat kecederaan semasa menarikan tarian itu.

Satu manifestasi yang lebih serius akibat kemasukan budaya barat itu ialah tabiat mengambil dadah. Menurut satu anggaran terdapat antara 400,000 hingga 500,000 penagih dadah di Malaysia — ini jauh lebih ramai dari jumlah penagih yang terdapat di England atau Holland atau di mana-mana negara barat, kecuali mungkin di Amerika Syarikat.

Mengapakah anak-anak muda begitu mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur fesyen dan budaya barat yang moden? Pertama, ialah disebabkan kebebasan media massa yang hampir menyeluruh bagi menonjolkan budaya barat tersebut.

Akhbar-akhbar kita telah dipenuhi dengan gambar-gambar, berita-berita dan gossip terbaru bintang-bintang filem barat yang popular. Halaman demi halaman dipenuhi dengan aksi 'superhero dan heroin' komik-komik Amerika.

Radio dan televisyen kita pula telah memberikan liputan



yang menyeluruh mengenai lagu-lagu dan kumpulan muzik pop barat — termasuk lagu-lagu lucu yang secara terang-terangan mengagungkan seks, keganasan dan pelacuran.

Gerai-gerai kaki lima di negara kita dibanjiri oleh pelbagai majalah pop, tempatan dan luar negeri dengan mendewakan para penyanyi pop dan bintang filem. Malah, akhbar-akhbar yang dulunya 'konservatif' kini telah memuatkan semuka penuh gambar berwarna 'bintang-bintang' filem dan penyanyi tempatan serta luar negeri.

Tidak menghairankan apabila anak-anak muda kita memiliki potret-potret para penyanyi dan bintang filem yang diletakkan di dinding-dinding bilik mereka.

Kedua, ialah ekoran dari satu corak budaya yang digalakkan melalui media yang mengakibatkan ramai anak muda telah ketandusan arah. Mereka dapati adalah tidak berfaedah untuk mengikut kebiasaan hidup yang membosankan, mencari wang dan perlumbaan mendapatkan kekayaan di tengah masyarakat.

Unsur-unsur perpaduan dan hidup bermasyarakat secara tradisional telah bertukar corak kepada cara bekerja dan gaya hidup yang individualistik. Di bandar-bandar, mereka yang kesunyian telah menggabungkan diri untuk membina identiti dengan budaya pop barat.

Dengan begitu saya percaya golongan remaja tidak seharusnya dipersalahkan apabila budaya pop Barat berkembang

biak di sini, kerana ini hanya merupakan manifestasi akibat keruntuhan seluruh nilai-nilai kemanusiaan dalam masyarakat dan kesan daripada polisi 'membuka pintu' dengan membenarkan kemasukan unsur-unsur dari Barat seperti filem-filem, rekod-rekod, kaset-kaset, program-program TV dan bahan-bahan penerbitan.

Golongan dewasa yang sering mencemuh golongan remaja kerana terikut-ikut dengan budaya barat seharusnya meneliti diri mereka sendiri. Ramai juga antara golongan dewasa yang menjadi mangsa kepada kebudayaan barat.

Bentuk hiburan utama golongan dewasa di Malaysia ialah menonton TV dan program-program video yang diimport dari Barat. Kisah-kisah 'terbaru' yang dipaparkan dalam siri *Dallas* dan *Dynasty* menjadi topik perbincangan dan program seperti '*Lifestyle of the Rich and Famous*' menjadi panduan ke arah corak hidup yang melambangkan kemegahan dan kemewahan.

Golongan elit Malaysia sama ada lelaki atau wanita memilih pakaian mengikut fesyen dari Barat; menghiasai rumah-rumah mereka dengan perabot yang diimport, begitu juga dengan lantai dan cat; dan membeli permainan yang paling terbaru dari barat untuk anak-anak mereka.

Kita tidak bermaksud untuk mengatakan apa saja dari Barat semuanya buruk dan semua unsur-unsur tradisi adalah baik. Tetapi kita seolah-olah mengimport kesemua unsur-unsur buruk dari sistem Barat dan membelakangkan nilai-nilai yang baik dari kebudayaan tradisi dan nilai-nilai kita sendiri.

Negara-negara Dunia Ketiga seperti Malaysia seharusnya cuba memupuk dan mengembangkan nilai-nilai yang mempunyai kebaikan dari corak hidup dan amalan tradisi kita.

Nilai-nilai tersebut ialah seperti 'bergotong-royong'. Corak hidup seperti beramah mesra dengan rakan-rakan dan sahabat-handai (kini digantikan dengan TV dan video), amalan seperti permainan tradisi di kalangan kanak-kanak umpamanya bermain di halaman rumah, berenang atau mandi-manda di sungai di samping bermain gasing dan layang-layang.

Kita seharusnya kembali kepada nilai-nilai tradisi dan tidak

terpengaruh dengan aliran kebudayaan pop dan fesyen Barat.
— Ogos 1985



KEGHAIRAHAN PIALA DUNIA

SELURUH DUNIA termasuk juga Malaysia kini kelihatan begitu 'gila' dengan bolasepak. Piala Dunia merupakan acara sukan yang terbesar pada tahun ini telah memenuhi kaca TV, suratkhabar dan menjadi perbualan di kedai-kedai kopi.

Pengaruh Piala Dunia ini begitu kukuh dalam pemikiran orang ramai kerana ada siaran langsung yang disiarkan melalui televisyen. Berjuta-juta ringgit wang hasil penajaan telah dicurahkan oleh syarikat-syarikat besar yang menggunakan sukan untuk menggalakkan barangan mereka.

Telah dianggarkan bahawa satu bilion penonton televisyen (hampir 25 peratus daripada penduduk dunia) akan menyaksikan perlawanan akhir. Memandangkan para peminat bolasepak menonton lebih daripada satu perlawanan, maka seramai 12 bilion akan menonton perlawanan-perlawanan tersebut melalui TV.

Memandangkan penonton yang ramai, syarikat-syarikat multinasional telah membayar lebih kurang US\$10 juta (M\$26 juta) untuk menjadi penaja rasmi dan meletakkan logo syarikat mereka di dinding stadium di mana dengan mudah boleh dirakamkan oleh kamera TV.

Di antara syarikat-syarikat yang terlibat untuk menggalakkan barangan mereka ialah Coca Cola, Gillette, syarikat tembakau R.J. Reynolds, Seiko, Fuji, JVC dan Philips. Melalui Piala Dunia dan TV, mereka berharap agar nama syarikat mereka disiarkan kepada penonton-penonton di Dunia Ketiga.

Oleh itu Piala Dunia telah menjadi satu perniagaan besar. Majalah *Business Week* telah menamakannya: 'Permainan yang terbesar di dunia: Impian Pemasar.' Ia juga telah menelan

banyak sumber, wang dan tenaga manusia untuk menyelenggara dan menyiarkannya, dan para pengguna yang terpaksa membayarnya.

Keghairahan Piala Dunia juga bertindak seperti dadah yang menyebabkan manusia melupakan segala masalah peribadi dan dunia. Berapa juta pendudukkah yang akan tunggu sepanjang malam, terpaku di depan kaca TV hingga pukul lima pagi?

Berapa jamkah yang telah dihabiskan oleh orang ramai berbual mengenai pasukan dan pemain yang hebat seolah-olah hanya inilah sahaja perkara penting yang hendak dibincangkan di dunia ini? Dan berapa banyakkah wang telah bertukar tangan untuk bertaruh pada pasukan yang dijangka akan menang?

Ketika Piala Dunia sedang rancak di Mexico, beratus-ratus orang kulit hitam di Afrika akan mati kerana melawan dasar apartheid di Afrika Selatan. Berapa ramaikah kanak-kanak di seluruh dunia yang mati kerana kekurangan makanan?

Bukanlah saya bertujuan untuk mengeji kerana mengutarakan masalah ini. Pada pendapat saya, sukan dan rekreasi adalah satu aspek yang penting dalam kehidupan kita. Saya juga tidak berniat untuk menentang minat orang terhadap sesuatu kecekapan seperti yang dimiliki oleh seseorang pemain bolasepak atau sesebuah pasukan.

Tetapi adalah tidak wajar untuk menukarkan sukan sebagai satu rekreasi kepada bentuk yang mempengaruhi orang ramai secara komersial. Ia tidak harus menjadi dadah yang melemahkan pemikiran dan dengan harga yang tinggi dari segi menggunakan sumber-sumber.

Pada keseluruhannya ia tidak harus dijadikan sebagai mekanisme untuk mengukuhkan kedudukan elit di dalam masyarakat kita. Televisyen tidak seharusnya menukar orang ramai daripada bergerak cergas di dalam sukan dan rekreasi menjadikan mereka hanya sebagai pemerhati.

Lagipun bintang-bintang sukan (sama ada pemain bolasepak atau pemain tenis) tidak seharusnya dijadikan sebagai bintang pujaan yang disanjung dan sering diperkatakan. Mereka mempunyai kebolehan tersendiri tetapi bukanlah orang

yang terlalu hebat.

Oleh kerana negara-negara kaya mempunyai wang dan sumber-sumber untuk sukan profesional menyebabkan hanya merekalah yang menjadi juara di dalam acara bolasepak, olahraga, tenis, renang dan lain-lain permainan kecuali badminton.

Mereka merupakan bintang-bintang dalam sukan Olimpik, Piala Dunia, Wimbledon dan lain-lain yang terkenal di seluruh dunia. Secara disedari atau tidak perkara ini telah menggalakkan anggapan bahawa penduduk di negara-negara kaya lebih hebat daripada kita di Dunia Ketiga.

Sukan seharusnya berorientasikan kesihatan dan rekreasi rakyat. Pihak berkuasa yang berkenaan perlulah menyalurkan tenaga bagi menggalakkan kegiatan-kegiatan yang sihat untuk majoriti masyarakat.

Perbanyakkan padang-padang permainan, taman-taman rekreasi, gelanggang badminton, lebihkan program dan pendidikan sukan-sukan yang sihat sama ada jogging, mendaki bukit, renang, badminton atau bolasepak.

Sukan seharusnya menggalakkan kesihatan dan keseronokan bagi orang ramai dan bukannya untuk kepentingan Coca-cola, Marlboro dan Anchor Beer, yang mana semua ini memudaratkan kesihatan. — *Julai 1986*



MENYORAK BINTANG-BINTANG SUKAN DI TV, SEDANGKAN BEBANAN KEMELESETAN KIAN BERAT

BERITA-BERITA terus disiarkan mengenai nasib penduduk Dunia Ketiga yang semakin bertambah buruk seperti kemiskinan yang semakin meningkat, bilangan penganggur yang terlalu ramai,

kekurangan bekalan air yang bersih serta berjuta-juta orang kanak-kanak yang kebuluran.

Sementara itu, sistem ekonomi dunia yang dikuasai oleh negara-negara kaya terus menambah penderitaan mereka. Tahun lalu, kejatuhan dalam harga komoditi bererti negara-negara miskin telah memindahkan US\$100 bilion ke negara-negara kaya.

Disebabkan hutang luaran yang terlalu banyak, Dunia Ketiga juga kehilangan lebih banyak wang kepada bank-bank besar. Negara-negara yang berhutang seperti Mexico, Brazil, Filipina termasuk Malaysia sekarang berada dalam kesulitan.

Kita tidak lagi mempunyai wang bagi mendapatkan taraf kehidupan yang lebih baik memandangkan semua tabungan disalur keluar melalui perdagangan, hutang luaran dan keuntungan dihantar ke negara-negara kaya.

Penduduk Dunia Ketiga menanggung lebih banyak beban akibat kemelesetan yang berlaku. Di masa yang sama, sumber-sumber kita yang berharga seperti kawasan hutan, bahan galian dan minyak terus dihantar ke negara kaya bagi kegunaan mereka. Dengan keadaan kemelesetan semasa dan pemupusan sumber-sumber di masa hadapan, masa depan negara-negara ini kelihatan amat suram.

Tetapi sungguhpun masa depan kelihatan amat suram sistem yang menjadi punca tragedi ini masih mampu memesongkan perhatian orang ramai daripada masalah sebenar kepada dunia kepura-puraan.

Ia melakukannya melalui media massa — TV, majalah-majalah pop, berita-berita di dada akhbar mengenai bintang-bintang filem, komik dan filem-filem.

Hero dan heroin dicipta dan kehidupan peribadi mereka (kahwin, cerai dan sebagainya) diberi tumpuan malah kehidupan watak-watak yang direka dalam siri-siri televisyen seperti *Dynasty* dan *Dallas* juga turut menjadi bahan cerita.

Sekarang kita mendapati bidang sukan juga digalakkan seperti bahan komersial. Sukan sudah tidak lagi menjadi pertandingan mudah yang menyihatkan di kalangan pasukan



atau orang perseorangan yang cekap untuk menggalakkan orang ramai supaya turut serta dalam latihan-latihan senaman yang menyihatkan.

Sukan telah menjadi satu acara media di mana agensi-agensi yang menaja sukan-sukan tersebut mencipta 'superhero' dan 'super heroin' yang menarik perhatian orang ramai untuk menyaksikan pertandingan yang disertai oleh bintang-bintang tersebut, terutamanya melalui TV.

Beberapa bulan yang lalu kita telah diserang demam pertandingan bolasepak 'Piala Dunia' dan sekarang Sukan Asia pula. Anehnya, syarikat-syarikat tembakau yang menggalakkan pengambilan rokok yang boleh membawa maut sebaliknya berpura-pura menggalakkan kesihatan yang baik dengan menaja liputan sukan tersebut di TV.

Berapa banyakkah wang, masa dan tenaga yang dihabiskan bagi acara-acara sukan yang hebat itu dengan mengadakan liputan media mengenainya? Sumber-sumber ini lebih diperlukan untuk menyediakan keperluan-keperluan asas penduduk Negara Dunia Ketiga yang miskin.

Apa yang lebih menghairankan lagi, pendapatan penduduk miskin yang sedikit itu pun telah diselewengkan oleh beberapa syarikat. Mereka menggunakan sebahagian besar pendapatan mereka yang kecil itu untuk membeli rokok, bir atau todi dan peti-peti TV dibayar secara ansuran. Berapakah wang yang masih tinggal untuk membeli makanan, membiayai pelajaran anak-anak, rawatan kesihatan atau memperbaiki rumah?

Pengagihan pendapatan dunia dan negara telah diselewengkan supaya yang kaya mendapat jumlah yang banyak sedangkan mereka yang miskin hanya memperolehi sedikit sahaja. Namun, jumlah yang sekecil ini pun diselewengkan daripada mereka melalui tabiat pemakanan dan penggunaan yang didorong oleh iklan dan media.

Oleh itu, pendidikan pengguna perlu memainkan peranan penting supaya kita menyedari semula untuk mengelakkan pujukan daripada syarikat-syarikat yang mengiklan dan media massa bagi mendapatkan keperluan utama hidup yang sebenarnya.

Sebaik sahaja kita menyedari apa yang perlu diutamakan, maka kita akan menjadi lebih rasional ketika berbelanja. Keluarga boleh merancang belanjawan mereka dengan lebih teliti — dengan keutamaan diberi kepada makanan, pelajaran, kesihatan dan rekreasi yang sihat.

Namun apa yang lebih penting ialah kerajaan sendiri perlu memberi keutamaan yang betul. Pastikan setiap orang mempunyai bekalan makanan yang cukup, tempat tinggal dan rawatan kesihatan dan bukannya membina bangunan-bangunan pencakar langit, kilang-kilang besar, lebuh raya-lebuh raya baru serta kompleks sukan yang mewah.

Ini semua merupakan simbol yang mengelirukan orang ramai bahawa negara sedang membangun sedangkan di lorong-lorong belakang dan di kampung-kampung kehidupan masyarakat di situ semakin jauh terbenam di dalam kancah kemelesetan.

— Oktober 1986



SUKAN OLIMPIK DI SEOUL — TERSELIT KISAH SEDIH RAKYATNYA

SUKAN OLIMPIK telah berjaya menarik perhatian orang ramai sejak beberapa minggu lalu. Mungkin kejayaan ini berpunca daripada persembahan yang cemerlang, glamour dan liputan yang dibuat oleh pihak media secara besar-besaran.

Mungkin kemeriahan sukan ini menjadi satu sumber hiburan yang mudah bagi melupakan pelbagai masalah yang menyelubungi dunia. Adegan-adegan perenang terjun ke kolam dan berenang dengan sedaya upaya ataupun pelari-pelari yang cuba mencatatkan masa terpantas dalam larian masing-masing, adalah lebih menyenangkan dan menarik daripada mengikuti berita mengenai kebuluran, kemarau dan banjir.

Saya tidak berniat untuk 'mematikan keseronokan' yang sedang dinikmati tetapi Olimpik yang sedang berlangsung itu adalah masa yang baik untuk merenungkan beberapa perkara.

Pertama, kesihatan rakyat jelata adalah lebih penting daripada pencapaian cemerlang segelintir olahragawan dalam acara-acara sukan. Bukankah aneh apabila masyarakat dunia menyanjung ahli-ahli sukan, lelaki dan wanita (kebanyakannya dari negara-negara kaya dan berkuasa) sedangkan di masa yang sama keadaan kesihatan dan keperluan makanan berbilion penduduk Dunia Ketiga masih genting.

Kedua, sukan-sukan antarabangsa itu masih merupakan suatu projek mewah. Ia bukan sahaja memesongkan perhatian masyarakat sedunia daripada masalah-masalah yang menekan malah melencongkan tabungan dan sumber-sumber lain yang berharga.

Negara-negara Dunia Ketiga sudah pasti tidak dapat menandingi kuasa-kuasa besar dalam sukan Olimpik — kerana tidak mempunyai sumber-sumber yang mencukupi. Namun

jika kita berusaha dengan sedaya upaya, kita terpaksa menyalurkan sumber kewangan yang diperuntukkan bagi keperluan asas kepada sukan-sukan elit.

Bukankah lebih penting untuk mengeneipkan tanah bagi padang-padang besar, kolam renang, permainan dalam dewan bagi orang awam untuk menikmati rekreasi? Kebanyakan bandar di Malaysia tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seumpama ini.

Apa yang lebih menyedihkan, persediaan yang dibuat bagi sesuatu acara bertaraf antarabangsa seringkali menyebabkan golongan miskin diusir dari penempatan mereka. Keadaan ini hanya menambahkan rasa terkejut dan penderitaan yang mereka alami.

Di sebalik kemeriahan Olimpik dan kejayaannya di bidang industri, terselit kisah sedih yang dideritai oleh penduduk-penduduk miskin di bandar Seoul.

Berjuta-juta penyewa miskin dan penghuni-penghuni rumah haram telah diusir dengan kejam dari tanah dan rumah mereka semata-mata untuk memberi ruang kepada kemudahan yang akan digunakan semasa berlangsungnya Olimpik, atau untuk memberi kawasan bagi pembinaan pangsapuri-pangsapuri pencakar langit dan kompleks-kompleks pejabat. Keuntungan berbilion-bilion ringgit yang diperolehi daripada projek 'Pembangunan semula' secara komersial berikutan pengusiran itu telah disalurkan oleh kerajaan untuk perbelanjaan bagi persiapan Olimpik.

Sewaktu Persidangan Habitat di Berlin pada tahun 1987, Korea Selatan telah disenaraikan bersama-sama dengan Afrika Selatan sebagai dua buah negara di dunia yang mengusir secara paksa penduduk-penduduk miskin di bandar dengan cara paling kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Di bawah 'Program Pembangunan Semula', seramai 3 1/2 juta penduduk di 230 kawasan miskin di Seoul akan diusir secara paksa. Jumlah penduduk di bandar itu pada masa sekarang dianggarkan sekitar 10 juta orang.

Sehubungan dengan Olimpik 1988, pengusiran keluar

penduduk-penduduk ini dibuat atas alasan untuk mencantikkan bandar. Mereka dikeluarkan dari kawasan-kawasan yang dianggap boleh menyakitkan pemandangan kerana kawasan-kawasan itu boleh kelihatan dari tempat berlangsungnya Olimpik — perkampungan Olimpik, hotel-hotel pelancong dan jalan-jalan utama.

Pada tahun 1988, ramai penduduk telah diusir keluar kerana kedudukan mereka yang berhampiran dengan laluan obor Olimpik. Ia melibatkan bandar-bandar di kawasan selatan Pusan hingga ke Inchon dan kemudiannya ke Seoul.

Di kawasan Sang Kyei-Dong, para penduduk tidak dibenarkan membawa suatu apa pun termasuk perabot dan harta benda mereka ke kawasan tempat tinggal yang telah mereka beli secara sah, semata-mata kerana obor Olimpik akan melintasi kawasan itu pada 17 September.

Para penduduk di sini terpaksa menggali lubang dan tinggal di bawah tanah sepanjang musim sejuk semenjak Januari hingga penghujung April 1988 kerana pasukan pemusnah akan memusnahkan apa sahaja yang dibina di atas tanah di situ. Apabila hujan turun pada penghujung bulan April, mereka berpindah ke bahagian atas tanah dan tinggal di khemah-khemah plastik.

Penduduk-penduduk di Sang Kyei-Dong sanggup untuk keluar dari kawasan itu dan telah meminta pinjaman kepada kerajaan sebanyak US\$200,000 bagi membolehkan keseluruhan kumpulan itu membeli tanah di kawasan baru dan menetap di situ. Bagaimanapun permintaan mereka telah ditolak oleh pihak CIA Korea (walaupun syarikat pembinaan telah bersetuju), sebaliknya sejumlah US\$800,000 telah dibelanjakan untuk memukul, mengusir penduduk dan memusnahkan rumah mereka dengan paksaan.

Banyak lagi kawasan lain telah dimusnahkan untuk memberi ruang kepada beberapa kemudahan yang dibina untuk kegunaan Olimpik. Projek yang melibatkan kewangan terbesar merupakan pembinaan perkampungan untuk para ahli sukan dan pihak akhbar dan sebuah tempat yang diberi nama Bandar

Keluarga Olimpik.

Bagi majoriti penduduk di mana 60% terdiri daripada penyewa-penyewa yang miskin, mereka tidak mempunyai banyak pilihan melainkan keluar dari kawasan itu apabila ia disyitiharkan sebagai 'Kawasan pembangunan semula'. Bagi mereka yang tidak dapat berpindah terpaksa menunggu di situ untuk membantah pencerobohan yang akan dijalankan bagi projek 'pembangunan semula'.

Untuk mengatasi masalah ini, penjahat-penjahat diupah untuk memukul para penyewa dalam rusuhan yang dihadiri oleh pihak polis. Pegawai-pegawai atasan polis turut memerhatikan perbalahan penduduk-penduduk yang menentang tindakan pengusiran itu.

Setakat ini tiga orang penduduk telah meninggal dunia (seorang lelaki tua dan dua orang kanak-kanak lelaki, keduanya berusia 9 tahun) apabila dinding dan bumbung runtuh di atas mereka; beberapa orang membunuh diri kerana marah, kecewa, membantah dan putus asa; sekurang-kurangnya lima orang penduduk lain meninggal dunia atas alasan yang bersangkutan dengan pencerobohan itu.

Beratus-ratus penduduk telah dipukul dengan kejam, menyebabkan mereka patah jari, lengan atau kaki, mengalami kecederaan tulang belakang, patah gigi, luka dan lebam serta kerosakan otak yang memerlukan pembedahan.

Kejadian-kejadian yang menyayat hati itu adalah sama pentingnya dengan acara-acara sukan bagi Olimpik yang dilangsungkan itu. Tetapi hakikat ini tersembunyi daripada mata dunia di sebalik kegemilangan Olimpik.

Ini samalah dengan banyak projek yang dilaksanakan atas nama pembangunan atau kebanggaan negara. Terdapat imej dan simbol kejayaan tetapi ini seringkali diikuti oleh penderitaan sebahagian besar rakyat.

Kejayaan baik dalam pencapaian sukan mahupun dalam bidang-bidang lain tidak seharusnya diukur melalui pungutan pingat emas atau kadar pertumbuhan ekonomi.

Sebenarnya ia diukur melalui kesihatan rakyat jelata, hak-

hak terhadap keperluan asas yang dinikmati, kemampuan untuk menimba ilmu pengetahuan, memelihara maruah dan menanamkan semangat sebagai manusia sejati. — *Oktober 1988*



PEMBAZIRAN PERLU DIELAKKAN UNTUK BERTARUNG DENGAN KEMELESETAN

PUNCA UTAMA bagi keadaan kemelesetan ekonomi semasa ialah kita telah membina dan membeli banyak benda yang tidak begitu diperlukan dan sekarang kita tidak mampu untuk terus membayarnya. Ini merupakan satu pembaziran sumber-sumber. Pembaziran inilah, yang sekarang menjatuhkan ekonomi dan membawa kesan-kesan buruk terhadap sosial dan budaya. Pembaziran inilah yang perlu dihapuskan jika kita ingin mengatasi masalah kemelesetan dan menjadi masyarakat yang lebih bijaksana.

Di peringkat kebangsaan, pembaziran ketara dalam bentuk bangunan-bangunan pencakar langit, lebuh raya dan jambatan yang dibina. Semua ini mungkin indah dilihat (mahupun ada di antara rakyat menganggapnya sebagai 'hutan konkrit' dan 'pandangan bandar yang menyakitkan mata'). Pembinaannya melibatkan berbilion ringgit di mana sebahagian besar daripada jumlah ini adalah berdasarkan pinjaman asing.

Sekarang kita dapati banyak binaan yang mewah ini tidak digunakan sepenuhnya. Pada bulan Februari telah didedahkan bahawa terdapat bangunan-bangunan dan rumah-rumah bernilai \$10 bilion tidak digunakan di negara ini. Banyak bangunan pejabat di Kuala Lumpur separuh kosong atau tidak didiami sepenuhnya. Hotel-hotel yang mewah mempunyai kadar tem-

pahan yang semakin rendah. Banyak rumah, flat dan kondominium tidak terjual dan tidak disewa; setengahnya separuh siap dan terbengkalai sementara yang lainnya sungguhpun sudah disiapkan tetapi tidak didiami.

Ini merupakan pembaziran sumber-sumber kerana wang yang digunakan untuk membina bangunan-bangunan itu sebaliknya boleh digunakan dengan lebih bermanfaat. Tambah buruk lagi, oleh kerana pinjaman dibuat untuk membiayai pembinaannya, pemilik terpaksa membayar faedah bagi memegang harta yang sekarang tidak digunakan. Faedah bagi pinjaman bernilai \$10 bilion mungkin dalam lingkungan \$130 juta setahun. Bagaimana dengan pembayaran semula prinsipnya? Apabila dicampurkan kepada faedah yang dikenakan maka beban untuk membayar semula hutang bagi pemaju dan agensi kerajaan yang memiliki bangunan-bangunan itu terlalu besar.

Kita menghadapi masalah yang sama dalam sektor industri. Terlalu banyak kilang simen yang dibina dan sekarang dipaksa mengurangkan pengeluaran untuk mengelakkan lebihan bekalan. Begitu juga sekarang terdapat banyak kilang kereta. Memandangkan kereta semakin kurang dibeli, banyak kilang telah memberhentikan pekerja mereka.

Banyak industri tidak beroperasi menggunakan kepayaan sebenar. Mesin-mesin yang terlalu mahal harganya dibiarkan tanpa digunakan. Ini juga merupakan satu pembaziran kerana benda-benda yang dibayar tidak digunakan sepenuhnya. Syarikat-syarikat berkenaan juga mungkin menghadapi kesulitan untuk membayar semula pinjaman mereka.

Di peringkat individu juga berlaku banyak pembaziran. 'Budaya pengguna' yang dicipta oleh ahli-ahli perniagaan untuk melariskan barangan mereka telah membentuk citarasa dan pendekatan kepada kehidupan bagi ramai orang: keinginan membeli dan memiliki rumah sendiri, kereta, alat perakam video dan sebagainya sungguhpun pada hakikatnya mereka sering tidak mampu untuk memilikinya. Banyak keluarga kemudian terjebak dalam hutang melalui gadaian harta benda, mengeluarkan wang simpanan dengan banyaknya atau melalui

sewa beli dan menghadapi kesulitan untuk mencukupkan wang bagi membayar bayaran ansuran setiap bulan.

Di samping itu mereka juga merasa perlu untuk mengikuti perkembangan fesyen, sentiasa kelihatan menarik dan bergaya serta menikmati hiburan mewah (seperti makan-makan di hotel mewah atau bercuti ke luar negeri). Bagi setengah orang pula, mengikuti perkembangan fesyen merupakan satu kemestian malah kadang-kadang menjadi satu penyakit. Contoh yang paling ketara ialah 3,000 pasang kasut dan beratus-ratus helai pakaian yang dimiliki oleh bekas wanita pertama Filipina, Puan Imelda Marcos akhirnya menjadi tontonan ramai.

Sebahagian besar daripada baju atau kasut-kasut 'cantik' yang dibeli adalah amat mahal dan berharga jadi ia jarang digunakan. Ia disimpan di dalam almari dan beberapa tahun kemudian ia tidak berguna lagi lalu dibuang begitu sahaja. Ini juga tidak digunakan sepenuhnya dan merupakan pembaziran sumber-sumber.

Pembaziran, kemewahan dan kedudukan berdasarkan nilai-nilai kebendaan: ketiga-tiganya adalah seiringan. 'Budaya pengguna' memujuk masyarakat supaya mempercayai bahawa memiliki benda-benda yang cantik dan indah adalah kunci kepada kejayaan dan kebahagiaan. Jadi kedudukan dan 'harta diri' kita adalah terikat kepada membeli barangan mewah yang tidak begitu diperlukan malah kadang-kadang tidak mampu dibeli.

Oleh itu wang dari titik peluh yang dicari dengan segala kepayahan dihabiskan untuk membeli barangan yang mahal. Memandangkan ini juga tidak mencukupi, pinjaman dibuat dari bank. Barang-barang yang dibeli yang menyebabkan kita terpaksa berhutang tidak digunakan sepenuhnya. Jadi sebahagian besar sumber-sumber dihabiskan di penghujung hari dan di masa yang sama kita menghadapi kesulitan kerana tidak dapat membayar hutang.

Perkara ini adalah satu kenyataan, baik di peringkat negara (dengan projek-projek mewah yang menjadi kemegahan dan dibiayai oleh pinjaman luar) mahupun di peringkat individu (di

mana corak hidup mewah dikekalkan melalui overdraf).

Apa yang paling malang ialah begitu banyak sumber-sumber dunia disalurkan kepada 'pembaziran' ini yang dilakukan oleh kerajaan, golongan kaya dan pertengahan. Ini menghalang masyarakat dunia yang lain daripada mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan untuk hidup dengan lebih selesa.

Bolehkah kita mengubah keadaan yang menyedihkan ini? Ya, kita boleh melakukannya jika mula-mula kita pecahkan budaya pengguna yang menjadikan manusia hamba kepada barangan dan fesyen. Ahli-ahli politik dan perancang perlu membebaskan diri daripada tanggapan bahawa bangunan pencakar langit yang moden, lebuh-lebuh raya, jambatan yang panjang atau industri besar yang menghasilkan barangan mewah merupakan kunci kepada 'pembangunan' negara.

Di peringkat individu, kita juga harus merenungkan sikap berpakaian mengikut musim dan kemewahan benda kononnya adalah jalan yang menuju kebahagiaan. Kita boleh mengubah matlamat hidup daripada memiliki kebendaan ke arah mewujudkan perhubungan yang lebih erat dan bererti di antara sesama manusia, hidup berharmoni dengan alam semulajadi dan perkembangan kerohanian.

Kita kemudian akan menyedari bahawa kita sebenarnya tidak memerlukan projek atau barangan mewah. Kita boleh hidup gembira, sebagai sebuah negara, sebuah masyarakat, sebuah keluarga, dengan beberapa benda yang sederhana, dikongsi sama rata di kalangan semua ahli dan mencari erti kehidupan melalui perkembangan kemanusiaan dan kerohanian.

Hanya selepas itu barulah kita berpeluang untuk mengurang dan meminimumkan pembaziran. Hanya sesudah itu barulah kita berpeluang (sekarang peluang menjadi semakin tipis) untuk memelihara sumber-sumber dunia dengan secukupnya supaya kehidupan boleh diteruskan di dunia ini.

Untuk menjadikannya satu kenyataan, kita memerlukan satu matlamat, pandangan serta corak hidup yang baru dan

mengorientasikan semula sistem sosial dan ekonomi; jauh dari kemewahan dan kedudukan yang dikaitkan dengan kebendaan; ke arah pengeluaran barangan asas untuk memenuhi keperluan asas dan budaya yang lebih bersifat 'kemanusiaan'.

Mungkin agak terlewat bagi generasi yang lebih tua melakukan orientasi semula itu. Oleh itu kita menggantungkan harapan kepada mereka yang muda terutama yang masih di bangku sekolah, kolej dan universiti. Untuk memandang kepada dunia dan kehidupan melalui kaca mata yang baru dan menuju kepada kepercayaan yang baru, yang lebih bermakna dan idealistik. Golongan mudalah menjadi tumpuan harapan dalam membentuk satu masyarakat baru yang tidak membazirkan sumber-sumber tetapi menggunakannya dengan sebaik mungkin untuk memenuhi keperluan setiap orang dan masyarakat secara keseluruhannya. — *Mac 1987*



JANGAN TERPERANGKAP DALAM 'HUTANG'

'JANGAN MEMINJAM dan jangan beri pinjam' merupakan nasihat yang selalu diberi oleh orang bijak pandai. Banyak tragedi keluarga dan negara dapat dielakkan jika perkara ini diberi perhatian.

Terperangkap dalam hutang dan tidak dapat keluar dari cengkamannya merupakan bencana yang amat besar dalam hidup seseorang itu. Ramai orang kehilangan harta benda, reputasi, ketenangan fikiran dan kehidupan keluarga yang bahagia akibat berhutang.

Rakyat Malaysia terlalu banyak meminjam. Pada akhir tahun 1987, individu dan syarikat persendirian berhutang \$82.8 bilion kepada bank dan institusi kewangan. Kebanyakannya adalah pinjaman perniagaan tetapi \$12.4 bilion merupakan

pinjaman perumahan , \$2.8 bilion untuk melabur di dalam saham dan beberapa bilion lagi untuk membeli kereta (Laporan Tahunan Bank Negara 1987).


Kerajaan juga meminjam dengan banyaknya. Hutang kerajaan persekutuan di akhir tahun 1987 berjumlah \$80.3 bilion (\$54 bilion hutang dalam negeri dan \$26 bilion hutang luar). Lebih buruk lagi, hutang luar agensi awam ialah \$15.3 bilion. Jika kita mengambilkira kerajaan negeri dan agensi kerajaan negeri maka jumlah hutang sektor awam berjumlah hampir \$100 bilion!

Jumlah ini hanya mengambilkira hutang-hutang 'rasmi' dalam ekonomi. Hakikat sebenarnya, berjuta-juta rakyat Malaysia juga berhutang dengan peminjam wang, kedai pajak gadai, tuan tanah, kedai-kedai, jerung-jerung pemberi-pinjam wang dan kawan-kawan.

Terdapat banyak sebab kenapa ramai orang terjerumus ke dalam Perangkap Hutang. Setengah daripadanya tidak dapat mengelak daripada berhutang, mereka ini terlalu miskin, tidak bekerja dan kadangkala pendapatan mereka yang rendah semakin jatuh terutama bila pekebun kecil mendapati harga getah jatuh atau pekerja dibuang kerja. Mereka ini terpaksa meminjam dari siapa saja yang kadangkala dengan kadar faedah yang terlalu tinggi dan kemungkinan akan kehilangan harta yang digadai (seperti barang-barang kemas atau tanah) bila mereka tidak dapat membayar balik pinjaman itu.

Setengah orang pula terperangkap dengan hutang kerana mereka merasakan perlu untuk mengikuti budaya yang menjadi pegangan turun temurun walaupun mereka tidak mampu. Mereka membelanjakan simpanan hidup mereka dan meminjam sejumlah besar wang untuk memeriahkan perkahwinan anak-anak mereka atau untuk dibelanjakan pada hari-hari perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan juga Deepavali.

Perbelanjaan yang terlalu banyak untuk perayaan-perayaan seperti itu sebenarnya tidak perlu sama sekali. Anda tidak harus cuba menarik perhatian saudara mara dan sahabat handai dengan cara begini. Seorang rakan Cina saya yang membaca



tentang kempen anti alkohol oleh CAP berjaya memujuk keluarganya supaya menyediakan teh Cina bagi menggantikan brandi di satu jamuan perkahwinan. Para tetamu menerimanya dengan hati yang terbuka dan tuan rumah juga dapat menjimatkan banyak perbelanjaan.

Satu lagi masalah yang timbul ialah orang ramai merasakan mereka perlu memiliki barangan dan peralatan untuk menikmati 'Kehidupan moden' walaupun mereka belum mampu berbuat demikian. Demi memenuhi keinginan itu, mereka membeli alat perabot yang mahal, mesin basuh, alat perakam video, rumah mewah dan kereta yang kesemuanya dibeli dengan berhutang dan kemudiannya mendapati pendapatan bulanan mereka tidak mencukupi untuk membayar semua ansuran itu.

Ramai yang tidak mampu untuk meneruskan bayaran ansuran itu akhirnya akan kehilangan barangan mereka — daripada seorang anak muda kampung yang kehilangan motosikalnya sehinggalah kepada golongan profesional di bandar yang kehilangan rumah baru mereka melalui pengambilan harta yang digadaikan setelah tidak dapat membayarnya dalam tempoh masa tertentu.

Kita tidak boleh menyalahkan sepenuhnya orang-orang yang berbelanja lebih kerana syarikat-syarikat dan bank-bank mencipta satu budaya 'Beli Sekarang atau Anda Akan Ketinggalan!' Iklan-iklan dan pasaraya juga turut mempengaruhi orang ramai untuk membeli manakala bank-bank dan syarikat kewangan menyediakan pelbagai kemudahan seperti skim sewa beli, kad kredit dan sistem bayaran ansuran.

Orang ramai dipujuk dengan gambaran bahawa mereka boleh membeli barangan yang diperkenalkan itu tetapi amat sedikit yang menyedari tentang kadar faedah bagi pembelian secara ansuran yang amat tinggi (lebih tinggi daripada apa yang mereka duga, sebagaimana CAP telah kemukakan beberapa kali).

Tabiat buruk seseorang itu juga boleh mengheretnya ke dalam perangkap hutang. Penagih-penagih alkohol, najis dadah, perokok atau kaki judi sering mendapati pendapatan yang mereka perolehi tidak mencukupi untuk membiayai tabiat buruk mereka sedangkan tabiat ini sukar dibuang. Dengan itu mereka terpaksa terus meminjam hanya untuk memenuhi kehendak mereka untuk meminum arak, merokok ataupun berjudi.

Berjudi amat bahaya kerana ia memusnahkan kedudukan kewangan sesebuah keluarga sebab dalam satu malam saja seseorang itu boleh hilang segala-galanya. Terdapat ramai kaki judi yang terpaksa menjual kereta atau rumah selepas berjudi di Genting Highlands, lumba kuda atau mesin slot.

Terperangkap dalam hutang menimbulkan banyak masalah sosial. Seseorang yang berhutang dengan mudah akan jatuh sakit; beliau akan menghadapi tekanan jiwa yang hebat, desakan, gangguan fikiran dan selalu ketakutan serta bimbang bagaimana untuk lari dari sipiutangnya, apakah alasan yang akan diberikan kali ini kerana belum dapat membayar dan berharap tidak akan didatangi oleh orang-orang yang tidak sabar lagi untuk mendapatkan wangnya.

Sebahagian dari tekanan yang dihadapi ialah perasaan bimbang akan kehilangan reputasi jika orang ramai mengetahui

ia tidak dapat membayar pinjamannya. Tetapi bagi orang-orang yang benar-benar miskin masalah mereka lebih teruk lagi kerana terpaksa menjelaskan hutang sementara mencari sipiutang lain bagi membolehkan mereka membeli makanan dan membayar bil-bil yang perlu untuk minggu berikutnya.

Perangkap hutang juga membawa kepada kehancuran dalam hubungan keluarga dan kadangkala menyebabkan perceraian suami isteri. Suami yang mempunyai tabiat seperti kaki botol dan kaki judi juga akan membazirkan wang simpanan keluarganya. Pembaziran ini mengakibatkan simpanan untuk masa depan terpaksa diketepikan hanya untuk membayar hutang lama.

Impian awal membuat simpanan untuk membeli rumah, bercuti ataupun membiayai pelajaran anak-anak akan lenyap. Malah kadangkala akibat terlalu banyak beban untuk membayar bayaran ansuran atau bil alkohol dan rokok, keluarga berkenaan tidak mampu untuk membeli barang keperluan asas seperti makanan dan biaya pembelajaran anak-anak.

Oleh itu, para pengguna seharusnya cuba mengelak daripada berhutang. Kita seharusnya merancang perbelanjaan keluarga dengan sebaiknya agar pendapatan bulanan dapat diperuntukkan ke arah perkara-perkara yang lebih mustahak seperti makanan, sewa dan pendidikan anak-anak. Lebihan daripada perbelanjaan mestilah disimpan dan bila mencukupi bolehlah digunakan untuk membeli apa yang kita mampu.

Cara ini lebih baik daripada membeli sesuatu barang dengan segera secara sewa beli. Melalui pembelian secara tunai, sesuatu barangan itu sudah menjadi milik kita tanpa perlu merasa bimbang untuk membayar ansuran setiap bulan.

Para pengguna juga tidak harus terperangkap dengan budaya 'Mengikut apa yang jiran buat.' Kita tidak perlu membeli sesuatu barangan kerana orang lain juga mempunyainya, atau kerana iklan televisyen yang mengatakan kita harus memilikinya. Kita tidak harus mengukur kehidupan kita berdasarkan kebendaan semata-mata, barulah kita akan bebas dari hutang dan menjadi orang yang lebih bahagia hidupnya.

Kita juga tidak seharusnya menjadi hamba kepada judi, alkohol dan najis dadah kerana tabiat buruk ini sudah tentu akan membawa kepada kemusnahan keluarga dan juga hutang.

Sementara kita cuba mencari jalan untuk menghindar dari perangkap hutang kita juga mestilah mengadakan pembaharuan sosial. Sebagai permulaan, nilai-nilai kebendaan yang digalakkan oleh syarikat-syarikat melalui pengiklanan mestilah dihapuskan. Melalui media massa dan sekolah, orang ramai mestilah dididik tentang mengapa kita perlu berbelanja mengikut kemampuan.

Bagi golongan miskin yang benar-benar memerlukan wang, kerajaan mestilah memperkenalkan skim hutang yang murah dengan panduan yang betul supaya mereka tidak jatuh ke dalam perangkap jerung-jerung pemberi pinjam wang dan pada masa yang sama mereka dapat menambahkan pendapatan untuk keluar dari beban hutang.

Akhir sekali, sektor swasta dan kerajaan tidak perlu meminjam dengan banyak dan menggunakan pinjaman itu untuk projek-projek yang tidak produktif. Hutang negara dan hutang persendirian pada masa sekarang adalah di peringkat yang amat tinggi.

Utusan Pengguna akan terus memberikan tumpuan kepada masalah mereka yang telah terperangkap dengan hutang. Sertailah kami memerangi hutang! — *Julai 1988*



LINDUNGI ANAK² DARI KEGANASAN TV

PENGUMUMAN MENTERI PENERANGAN bahawa langkah akan diambil untuk menyekat adegan ganas di televisyen sudah lama berlalu. Pada hakikatnya ramai ibu bapa yang menyuarakan perhatian mereka kepada CAP mengenai semakin banyak filem ganas yang dibenarkan tayangannya di TV dalam beber-

apa tahun kebelakangan ini.

Seperti yang dijelaskan dalam satu kajian sosiologi oleh seorang pensyarah USM, persaingan antara RTM dan TV3 telah meningkatkan dengan cepat program-program yang mengandungi keganasan seperti filem-filem Kung-Fu dan Hollywood (misalnya **Rambo**, **Big Boss** dan **Nightmare on Elm Street**). Filem begini jarang sekali ditayangkan pada masa lalu. Adalah amat memalukan apabila pihak berkuasa membiarkan rancangan yang mempunyai unsur keganasan ditayangkan di kaca TV.

Sudah tentu terdapat segolongan penonton yang memperkecilkan cadangan mengurangkan keganasan di TV. Mereka berhujah bahawa ini melibatkan 'penapisan' dan campurtangan yang menghalang kebebasan orang ramai untuk memilih apa yang ingin mereka lihat.

Bagaimanapun masalah utama dalam hal ini ialah waktu siaran amat terhad; beberapa orang di RTM dan TV3 kini membuat keputusan filem apa dan program apa yang perlu ditayang. Bukannya "orang ramai" yang membuat pilihan, tetapi pegawai yang memilih apa yang perlu dilihat oleh orang ramai dan mereka telah mendapat satu kuasa yang luarbiasa. Sudah tentu orang ramai yang mengambil berat masalah ini boleh dan mesti menyuarakan pendapat mereka supaya menjadi satu input dalam proses membuat keputusan.

Apakah kriteria yang digunakan dalam pemilihan ini? Sudah semestinya keutamaan yang diberikan di dalam senarai ini ialah nilai-nilai yang baik, menggalakkan kebenaran atau rasa kemanusiaan, pendidikan dan kesenian di samping menghibur.

Mereka tidak seharusnya menggalakkan sikap yang buruk; dadah, tanpa tolak ansur dalam beragama, perkauman, seks dan keganasan di kalangan penonton. Hampir kesemua kita bersetuju untuk tidak membenarkan program seperti itu yang menggalakkan hampir kebanyakan nilai yang tidak sihat walaupun terdapat peningkatan bilangan penonton yang menyokong program keganasan.

Program dan filem yang mengagungkan atau bergantung

kepada keganasan biasanya dibuat untuk menarik penonton juga untuk memaksimumkan kepentingan komersial pengeluarannya.

Filem-filem ini sering meningkatkan unsur-unsur yang tidak sihat dan naluri yang kasar dalam diri kita, walaupun ia dapat menarik kita dengan sensasi dan terpesona.


Jika sesuatu program dan filem dipilih untuk tayangan (walaupun mempunyai kesan sosial yang negatif), pilihan itu mungkin digerakkan oleh kepentingan komersial syarikat yang menaja filem itu di TV atau kerana TV ingin memaksimumkan pendapatan daripada pengiklanan.

Terdapat penyelidikan dan bukti yang banyak menunjukkan pendedahan yang berterusan kepada hiburan ganas boleh menjadi punca terbentuk kelakuan ganas dan mencestuskan suasana ketakutan yang tidak menentu.

Kanak-kanak merupakan golongan yang paling banyak terdedah kepada televisyen dan mudah dipengaruhi oleh keganasan yang ditonjolkan. Menurut kajian CAP pada 1982, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun menonton TV selama 1,200 jam setahun berbanding dengan 1,040 jam setahun yang dihabiskan oleh mereka di bilik darjah. Pada umur yang mudah terpengaruh, kanak-kanak lebih cenderung untuk meniru apa yang mereka tonton di TV.

Di Malaysia terdapat bukti empat orang kanak-kanak yang meninggal dan beberapa orang lagi cedera akibat meniru gelagat hero di TV dengan melompat dari bukit atau dari tingkap pangsapuri (lihat buku terbitan CAP "Kesan keganasan TV ke atas kanak-kanak").

Sebahagian besar program TV yang ganas datangnya dari Barat. Menurut International Coalition Against Violent Entertainment (ICAIVE), Amerika Syarikat merupakan sumber utama hiburan ganas di seluruh dunia dengan mengeluarkan 75% dari semua hiburan ganas. Banyak program yang dikenalpasti oleh ICAIVE sebagai ganas dan amat tidak sesuai untuk penonton muda, ditayangkan di kaca TV dan juga panggung wayang. Filem seram dan fiksyen sains yang ganas juga meningkat



Hindarkan anak-anak dari keganasan TV.

hampir 600% semenjak 1970.

Menurut ICAVE kesan hiburan ganas akan menyebabkan berlaku perubahan sikap dan kelakuan orang biasa secara tidak disedari sedikit demi sedikit.

Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat (FBI) mengaitkan cerita pembunuhan dan perogolan kepada bencana utama pembunuhan dalam beberapa dekad yang lalu yang sekarang ini membunuh 4,000 rakyat Amerika terutamanya wanita setiap tahun.

Menurut Pengarah ICAVE yang juga ahli psikiatri di Sekolah Perubatan Universiti Illinois, peringkat keganasan hebat dalam hiburan komersial dari Amerika Syarikat dan negara lain mempunyai kesan yang memusnahkan dunia kita.

Kajian selama 22 tahun yang dijalankan oleh dua orang penyelidik dari Universiti Illinois di Chicago yang mengikuti 400 kanak-kanak melalui kehidupan dewasa mendapati mereka yang menonton lebih banyak keganasan di TV melakukan kesalahan jenayah 150% lebih kerap setelah dewasa berbanding dengan kanak-kanak lain.

Kajian yang dilakukan oleh CAP mendedahkan penemuan yang mengejutkan.

● Kira-kira 13 program yang amat popular di kalangan kanak-kanak didapati mengandungi 736 aksi ganas dalam tempoh hanya 8½ jam waktu tontonan. Keganasan itu termasuklah 66 pembunuhan, 91 kecederaan, 94 tembakan, 106 menunjukkan senjata, 147 keganasan melalui lisan, 92 menunjukkan kekuatan fizikal dan 140 bentuk keganasan lain seperti letupan bom dan kejar-mengejar menggunakan kereta.

● Separuh daripada ibu bapa yang ditemuramah dalam tinjauan berkata, mereka tidak mengawal jenis program yang ditonton oleh anak-anak mereka dan dua pertiga menggunakan TV sebagai 'pengasuh' anak-anak mereka yang masih kecil.

● 68% dari ibu bapa melaporkan bahawa anak-anak mereka meniru gelagat hero di TV dan 65% berkata anak-anak mereka meminta senapang mainan dan permainan perang untuk bermain.

● Apabila ditanya apakah yang akan dilakukan oleh mereka terhadap seorang penjahat, 12 dari 50 orang kanak-kanak berkata mereka akan 'menembak mati'; yang lain berkata, mereka akan 'memasukkan ke dalam peti', 'memukulnya', 'menempeleng', 'menikamnya dengan pisau', 'gantung atau masukkan dalam penjara'.

Walaupun amat kerap program keganasan adalah dari Barat, tidak bermakna program dari Timur lebih baik. Banyak juga program ganas Tamil dan Cina yang ditayangkan di TV setiap hari.

Ceritanya mengemukakan aksi Kung-fu, memukul orang hingga mati, kongsi gelap mengatasi kuasa polis dan membunuh ahli perniagaan untuk mendapatkan kuasa sebagai contohnya dalam cerita seperti **STB Files**, **The Bund** dan **Here Comes The Hero**. Adegan keganasan seperti pergaduhan berkumpulan dan penyeksaan dan berakhir dengan darah yang mengalir dan kematian ditunjukkan dengan jelas.

Kemuncak penayangan cerita ganas ini ialah pada Tahun Baru Cina dengan filem-filem Bruce Lee.

Siri filem-filem Cina yang disiarkan antara pukul 6 hingga 7 petang setiap hari adalah bertepatan dengan waktu kanak-

kanak menonton. Jadi anak-anak kita setiap hari didedahkan dengan keganasan sepanjang waktu rehat bersama dengan keluarga. Oleh kerana orang dewasa tidak dapat menonton kedua-dua rangkaian, ramai daripada mereka merakamkan rangkaian yang satu lagi untuk ditonton pada waktu yang lain.

Slot program yang disiarkan pada pukul 7.30 malam amat popular di kalangan orang muda juga menunjukkan program keganasan seperti **T and T** dan **Sledgehammer**.

Kita tidak akan membenarkan anak-anak kita untuk menyaksikan rompakan atau pembunuhan di jalan-jalan, tetapi kita membenarkan Rambo mengajar anak-anak kita bagaimana membunuh orang dengan M16.

Cadangan Menteri Penerangan adalah betul bahawa tanda-tanda keganasan telah merebak daripada bentuk cerita ke jalan-jalan.

Semakin ramai anak muda yang akan melakukan jenayah keganasan. Rompakan bukan saja dengan merompak orang tetapi seringkali diikuti dengan pembunuhan dan perogolan.

Menurut Polis Bukit Aman jenis jenayah yang sering dilakukan oleh belia antara 14 - 18 tahun ialah mencuri, pecah rumah, rompakan, dadah, menyerang orang, samun, pembunuhan, rogol, ugutan, ancaman jenayah, membawa senjata, rusuhan dan berjudi yang merupakan antara adegan yang didapati dari filem Rambo atau drama jenayah di TV.

Adalah tidak mengejutkan bagi kita kenapa belia-belia kita menggunakan keganasan untuk mendapatkan apa yang mereka mahu. Mereka sudah diajar oleh Rambo, Conan dan Mr T.

Salah satu tindakan yang dicadangkan oleh pihak polis bagi mengawal jenayah di kalangan belia ialah media massa perlu berhati-hati dan tidak menyiarkan program yang boleh mempengaruhi belia secara negatif.

Dari masa ke semasa pihak berkuasa menggesa belia kita supaya bersikap lebih mengambil berat dan bertanggungjawab, menghormati undang-undang dan arahan dan tidak terlalu mengejar kebendaan. Nasihat ini tidak akan berkesan jika setiap hari mereka dilatih untuk melakukan sesuatu yang bertentan-

gan di dalam bilik rehat mereka.

Tidak ada manusia rasional yang membenarkan anak-anak mereka menyaksikan pembunuhan di jalan atau orang yang ditembak, tetapi ibu bapa membenarkan anak-anak mereka menonton keganasan setiap hari apabila mereka menonton TV.

Sudah tentu kita bukan meminta supaya filem atau program TV dikeluarkan kerana mempunyai adegan ganas, kerana kadang-kadang pembunuhan atau tembakan merupakan unsur utama dalam perkembangan cerita, tetapi program atau filem seperti itu tidak perlu dipilih apabila terdapat lebih banyak alternatif.

Televisyen merupakan media hiburan dan pendidikan untuk semua. Oleh itu apa yang muncul di kaca TV menuntut tanggungjawab yang besar. — *Mac 1990*

X

**NILAI-NILAI
UNTUK DUNIA
YANG LEBIH BAIK**

ANTARA KEJAYAAN DAN KEROSAKAN DIRI ANAK²

PADA HARI PERTAMA persekolahan, saya melihat ibu bapa menghantar anak masing-masing yang berusia enam tahun, berpakaian kemas memasuki alam persekolahan. Saya tertanya-tanya, berapa ramaikah daripada ibu bapa ini melepaskan sepenuh tanggungjawab kepada pihak sekolah untuk membentuk pemikiran dan nilai-nilai anak-anak mereka? Saya bimbang ramai yang melakukannya sama ada kerana kurang yakin terhadap kebolehan mereka untuk membimbing kehidupan anak-anak atau kerana mereka terlalu sibuk dan tidak dapat meluangkan masa untuk anak-anak mereka.

Sekolah boleh mengajar kemahiran akademik dan membuka pintu pengetahuan. Namun ia tidak boleh diharapkan mengambil seorang kanak-kanak pada usia enam tahun dan mengembalikannya kepada ibu bapanya ketika usia 16 tahun sebagai seorang manusia yang berkeyakinan, sempurna, mempunyai nilai-nilai yang baik serta bertanggungjawab terhadap orang lain. Itu masih menjadi tanggungjawab ibu bapa. Sekiranya anak yang berusia 15 tahun menjadi seorang anak yang mengecewakan atau mengejutkan, ibu bapa tidak boleh menyalahkan sistem pendidikan kerana kegagalannya menjalankan tugas yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa sendiri.

Membesarkan seseorang anak sehingga dewasa memerlukan satu pelaburan masa, perhatian dan pemikiran yang besar. Setiap kanak-kanak berbeza dan tidak ada formula yang serupa boleh digunakan untuk setiap kanak-kanak. Ibu bapa perlu berfikir dan berbincang di antara satu sama lain — bagaimana sebaik-baiknya untuk melahirkan kekuatan kemampuan setiap kanak-kanak dan mengawal kelemahannya. Ini merupakan suatu perkara yang sukar, memakan masa dan memerlukan kesabaran, bergantung kepada hubungan yang berterusan di antara seseorang kanak-kanak dengan kedua ibu

bapanya dan tidak berlaku dalam sekelip mata.

Pencapaian ini tidak boleh dilakukan oleh ibu bapa yang hanya bersungut tentang kad laporan yang buruk atau mengambil cuti sehari dalam setahun untuk berbangga sebagai seorang bapa di pertunjukan yang diadakan di sekolah. Ia tidak boleh dilakukan oleh seorang ibu yang menyangka tugasnya hanya menyediakan makanan, pakaian bersih dan memberi sepenuh kemanjaan tetapi mengabaikan tanggungjawabnya dalam memberi bimbingan disiplin dan moral.

Bagi sesetengah ibu bapa terutamanya dari kelas menengah, mereka terlalu memanjakan anak mereka. Anak mereka diberikan layanan dan hadiah berlebihan, kemarahan anak disambut dengan senyuman dan memberi kemaafan di atas kegagalan anak mereka. Kemudiannya mereka tertanya-tanya pula kenapa anak mereka berkelakuan jahat apabila meningkat remaja.

Jadi kenapa pula kanak-kanak sedemikian tidak harus mengharapkan bantuan itu berterusan selama-lamanya? Mereka telah dibesarkan untuk mempercayai bahawa dunia boleh menyediakan sesuatu tanpa usaha dengan meletakkan diri mereka di tengah-tengahnya.

Memandangkan betapa ramai ibu bapa mengharapkan anak mereka mendapat tempat pertama di dalam kelas, mendapat 8A dan kemudiannya menjadi doktor, adalah menghairankan kerana masyarakat kita tidak terdiri daripada mereka yang betul-betul bijak.

Ibu bapa yang baik menaruh harapan yang tinggi terhadap anak mereka dengan menggalakkan mereka berusaha bersungguh-sungguh dan mencapai kemampuan sepenuhnya. Tetapi terdapat perbezaan antara ibu bapa itu dan ibu bapa yang menuntut, mengkritik dan memarahi anak-anak hingga merosakkan keyakinan diri anak mereka dan merasa seperti seorang yang telah gagal.

Kebanggaan ibu bapa dan persaingan sering mengiringi ibu bapa yang mendesak anak mereka supaya mencapai kejayaan cemerlang di dalam peperiksaan. Desakan ini boleh menjejaskan

kan peribadi kanak-kanak itu. Ibu bapa sedemikian boleh mengenenepikan keperluan dan kemampuan sebenar kanak-kanak dan mengganggu perkembangannya.

Saya tertanya-tanya berapa ramaikah ahli kimia kita yang kurang cekap kerana ibu bapa (dibantu oleh pihak sekolah) memaksa seorang kanak-kanak memasuki aliran sains sedangkan minatnya yang sebenar tertanam di aliran sastera? Berapa ramaikah golongan dewasa kini merasa bosan berada di sebuah firma undang-undang atau perakaunan yang besar kerana ibu bapa mereka mendesak mengambil sesuatu 'profesion' sedangkan mereka mungkin mencapai kehidupan yang lebih bahagia jika berurusan dengan orang ramai, mencipta muzik atau menghasilkan dokumentari?

'Jika awak lulus UPSR ayah akan belikan sebuah basikal.' 'Jika awak lulus SPM ibu akan bawa awak ke London.' Kita semua telah mendengar ibu bapa menawarkan rasuah-rasuah ini. Apakah nilai yang diajar kepada kanak-kanak melalui rasuah bentuk ini? Kanak-kanak yang diberikan janji begini hanya belajar untuk mendapatkan ganjaran kebendaan tersebut.

Kita boleh bercakap tentang nilai-nilai moral dan etika yang baik tetapi kita juga sering mengajar nilai-nilai kebendaan. Jadi kita melahirkan doktor-doktor muda yang matanya tertumpu pada kereta BMW bukan kepada pesakit miskin di depannya. Atau siswazah yang menceburi profesion guaman dengan satu matlamat — menggunakan undang-undang untuk membuat duit, bukan untuk melindungi orang yang tidak bersalah.

Kita sebenarnya tidak untuk memberi rasuah kepada kanak-kanak. Bagi seseorang kanak-kanak yang rapat dengan ibu bapanya, keizinan mereka adalah hadiah terbesar yang boleh mereka berikan. Jika mereka telah membenarkan anak mereka bebas membentuk minat dan kemampuannya sendiri, ia akan mempelajari tentang kepuasan pencapaian untuk dirinya sendiri. Dia tidak perlu diberikan rasuah supaya bekerja keras.

Seseorang kanak-kanak yang telah mempelajari perkara ini sebelum membuat keputusan terhadap sesuatu kerjaya, akan memilih pekerjaan yang menggembirakan dan memuaskan

**Jika kanak-kanak hidup dengan galakan,
mereka mempelajari keyakinan.**



hatinya, bukan sekadar kerjaya yang memberikan pendapatan besar. Apabila ia berada di bidang kerjaya tersebut, ia akan menumpukan perhatian tentang bagaimana untuk memperluaskan pemahamannya dan menggunakan kemahirannya untuk menyumbangkan sesuatu kepada dunia. Mereka cenderung meninggalkan cara hidup seorang pengejar wang, mengene-pikan keselesaan memandu kereta mewah sebaliknya menuju ke arah kehidupan yang memuaskan serta berjaya. — *Januari 1990*



BELIA — HARAPAN NEGARA

ALAM REMAJA semestinya merupakan satu pengalaman paling indah pernah dialami oleh seseorang.

Di waktu inilah ide-ide baru yang segar diterima, dan pengalaman pahit-manis dirasakan.

Di masa muda inilah kebanyakan anak muda belum lagi dicemar untuk berkompromi dan terpengaruh dengan godaan yang ditawarkan oleh 'sistem' yang ada.

Anak-anak muda selalunya penuh dengan semangat 'idealisme'. Bila mereka memerhatikan sesuatu yang bagi mereka adalah salah, mereka akan mempersoalkan 'Mengapa?' Bila sesuatu yang tidak adil berlaku mereka lantas ingin tahu 'Apa' yang boleh kita lakukan untuk menyelesaikannya.

Di waktu muda inilah jiwa mereka penuh bertenaga dan semangat berkobar-kobar selari dengan idealisme.

Malang sekali, anak-anak muda kita tidak mempunyai ruang untuk menyalurkan seluruh tenaga dan idealisme masing-masing.

Di sinilah kelab-kelab belia dapat memainkan peranan yang penting.

Kebanyakan dari kelab-kelab ini lebih memberi perhatian terhadap hal-hal rekreasi, sukan dan soal perhubungan sosial sahaja.

Ini semestinya merupakan langkah pertama yang baik, memandangkan ia menyediakan peluang untuk anak muda bertemu muka antara satu sama lain.

Sebahagian dari kelab-kelab ini turut menjalankan aktiviti-aktiviti berorientasikan kebajikan. Contohnya dengan menyediakan kelas bimbingan kepada kanak-kanak, menolong orang-orang tua atau mereka yang sakit.

Ini merupakan langkah kedua yang tidak kurang baiknya kerana ia melatih anak muda mengambil berat tentang orang lain.

Namun begitu adalah lebih penting untuk kita mengorak satu lagi langkah ke hadapan. Persatuan-persatuan belia seharusnya melibatkan secara lebih mendalam lagi dalam menganalisis dan bertindak terhadap masalah-masalah berat yang melibatkan masyarakat.

Isu-isu seperti kemiskinan, ketidakadilan sosial, kesihatan,

perumahan, perlulah menjadi pokok perbincangan untuk tindakan para belia.

Persatuan belia juga perlu menjalankan kajian sosial di kawasan-kawasan yang terlibat dengan pencemaran, ke atas mereka yang terjejas dengan masalah inflasi. Mereka boleh melibatkan diri dalam kempen anti-merokok, penyalahgunaan dadah atau untuk menggalakkan penyusuan ibu.

Mereka juga boleh membantu penduduk kampung yang miskin untuk membaiki keadaan kemudahan asas seperti mendapatkan kemudahan jalan yang lebih baik atau perkhidmatan bas yang lebih sempurna. Mereka juga boleh membantu mendidik pekerja-pekerja kilang tentang keselamatan perindustrian.

Satu perkara yang harus diperhatikan ialah kebanyakan pertubuhan belia ini ditubuhkan atas garis-garis berbentuk kelompok kaum.

Ini bukanlah satu cara yang baik untuk pertubuhan belia bergerak, memandangkan ia tidak akan mampu menggalakkan perpaduan kebangsaan.

Pertubuhan-pertubuhan belia juga diharap tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah parti politik seperti yang berlaku dewasa ini. Ini akan membuatkan mereka menyokong satu pihak atau lain yang terbabit dalam persengketaan parti politik.

Apa yang diperlukan oleh Malaysia adalah satu pertubuhan belia yang sedar dan boleh berdikari dalam memperjuangkan isu-isu sosial, berbentuk ciri-ciri perpaduan kaum dan bebas dari sebarang pengaruh parti politik.

Pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seharusnya menjadi petunjuk dalam perkara ini.

Isu pembangunan pertubuhan belia ini adalah penting bagi masa hadapan negara kita. Bagaimana caranya anak muda kita dibentuk akan menentukan corak masyarakat Malaysia di masa akan datang. — *Jun 1984*



HULURKAN KHIDMAT UNTUK MASYARAKAT

APAKAH KEHIDUPAN KITA terlalu dipengaruhi oleh kebudayaan dan nilai-nilai dalam masyarakat?

Memandangkan bagaimana budaya pengguna mengongkong tabiat orang ramai, saya kira ia memang mempengaruhi kita.

Pengiklanan dan taktik-taktik jualan mengutarakan satu mesej yang jelas kepada para pengguna: Beli lebih banyak barang, milikilah alat-alat terbaru dan termoden, dan saudara akan berasa bahagia.

Martabat atau status, yang mana masyarakat mengukur kejayaan seseorang, dikaitkan dengan berapa banyak harta yang dimiliki atau berapa bergayanya seseorang itu.

Tidak syak lagi, orang ramai akan berlumba-lumba antara satu sama lain untuk melihat siapa yang lebih cantik, baju siapa yang lebih menarik, siapa yang memiliki tali leher yang mahal, kereta siapa yang lebih hebat, siapa yang mampu membeli alat video dan rumah siapa yang lebih besar.

Dan untuk membeli barang-barang ini, kita mesti berlumba-lumba untuk markah peperiksaan, gred universiti yang tertinggi, kerja yang elok, kenaikan pangkat serta gaji yang lumayan. Kalau gaji tinggi, lebih banyak barangan yang dapat dibeli.

Orang ramai pun mengabdikan diri, bertungkus lumus siang dan malam untuk mencapai tangga yang lebih tinggi, membuat kerja lebih masa, berlaku buruk terhadap kawan sepejabat semata-mata untuk mendapat gaji lebih atau keuntungan yang banyak. Untuk apa semua ini? Untuk membeli permaidani yang indah, kereta yang kedua atau ketiga untuk keluarga, peti sejuk baru, TV warna dan sebagainya.

Keinginan untuk memiliki barang-barang ini dan 'gila duit' telah menguasai para elit negara kita, yang mana ia boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lebih berfaedah.

Umpamanya peguam dan akauntan menggunakan akal bistari mereka untuk mengelak atau mengurangkan cukai. Kebolehan intelektual mereka lebih menguntungkan jika digunakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan bantuan guaman dan melindungi mereka dari penindasan pihak pengeluar atau pencemaran alam sekitar.

Ramai doktor yang berkelayakan, yang mana khidmat mereka amat diperlukan, mengenakan bayaran tinggi untuk perkhidmatan mereka. Ini sudah semestinya menghindar golongan miskin daripada mendapat rawatan yang memuaskan.

'Tak ada jalan lain, saya bukan malaikat, saya juga mahu mengecapi hidup mewah,' kata doktor-doktor ini. Tapi apa yang nyata ialah golongan miskin tidak mampu membayarnya dan seterusnya tidak mendapat rawatan perubatan yang baik.

Dan banyak perbadanan yang besar menghabiskan jumlah wang yang besar untuk penyelidikan dan kejuruteraan — bukan untuk mencipta barangan yang tahan lama, tetapi untuk menciptanya supaya ia cepat rosak. Kemudian para pengguna terpaksa membeli barang yang baru dan perniagaan perbadanan besar ini akan meningkat.

Alangkah baiknya masyarakat kita jika tenaga penggerak digembelingkan ke arah memperbaiki hidup rakan-rakan yang lain daripada berlumba-lumba untuk mendapatkan wang, status dan barangan.

Ketika itu, peguam kita akan membantu yang miskin dalam masalah guaman, doktor pula akan memulihkan yang miskin dan sakit (daripada mengubati yang kaya dan tidak kerap sakit), jurutera akan mencipta barangan bermutu tinggi dan murah pula, serta pihak pengeluar akan memberi khidmat dan bukan menindas para pengguna.

Kita akan mempunyai masyarakat yang bercita-cita untuk membantu orang lain dan melibatkan diri dalam projek-projek masyarakat dan hal-ehwal penduduk daripada menjadi individu yang mementingkan diri sendiri dan selalu bersikap seperti api dalam sekam.

Kita akan mempunyai masyarakat yang menilai ahlinya

bukan dengan jumlah wang di dalam bank tetapi melalui khidmat dan jasa baik mereka terhadap masyarakat, dan sikap rasa tanggungjawab serta berperikemanusiaan terhadap kemanusiaan dengan anggota masyarakat yang lain.

Untuk mewujudkan satu masyarakat berperikemanusiaan, kita memerlukan orang yang benar-benar mengutamakan khidmat untuk masyarakat dari kepentingan diri sendiri.

Kita amat berharap kepada generasi muda, terutama sekali mereka yang masih di bangku sekolah, supaya mereka menyahut seruan masyarakat. Mereka masih muda dan boleh diasuh untuk menahan segala godaan dalam masyarakat pengguna yang sentiasa hidup berlumba-lumba.

Sekiranya setiap individu berganding bahu, barulah kumpulan-kumpulan yang bersemangat rakyat seperti pergerakan pengguna, dapat maju untuk mewujudkan satu dunia yang lebih selesa. — *April 1980*



INSAN BERMORAL TINGGI PENTINGKAN KEADILAN SOSIAL, BUKAN KEPENTINGAN SENDIRI

APABILA ORANG BERBICARA tentang 'moral' mereka bermaksud sikap individu dalam hal-hal peribadi mereka.

Untuk menjadi seorang yang benar-benar bermoral, seseorang itu diharapkan patuh dengan ajaran agama. Untuk menjadi seorang yang baik, seseorang mestilah cuba menunjukkan sikap terpuji kepada saudara-mara dan rakan-rakan, dan tidak mengatakan sesuatu yang buruk mengenai mereka.

Seseorang itu harus menghindarkan diri dari godaan rasuah

(sebagai contohnya mengelak perbuatan menumbuk rusuk) atau menghindarkan kepuasan fizikal (meminum arak dan mengikut hawa nafsu).

Ramai orang yang menganggap diri mereka suci atau bermoral cuba untuk patuh kepada prinsip-prinsip ini. Menerusinya, mereka berharap untuk mencapai tahap kebersihan jiwa agar memperolehi kedudukan yang baik di akhirat kelak.

Moral yang terpuji merupakan prinsip yang amat penting dalam hidup. Setiap individu harus berjuang untuk hidup dengan berlandaskan garis-garis perhubungan dan sikap yang baik terhadap orang lain.

Tetapi apabila bercakap tentang moral, perbincangannya tidak harus terhenti pada sudut sikap individu sahaja.

Tetapi yang sama pentingnya, malahan lebih penting lagi ialah persoalan mengenai *moral secara kolektif*. Sikap ini mesti wujud di peringkat sosial, sekiranya sebuah masyarakat itu ingin digelar sebuah masyarakat yang baik dan progresif.

Untuk mencapai hasrat ini, manusia yang mengambil berat tentang masyarakat mesti berjuang untuk keadilan sosial.

Masyarakat hendaklah memastikan yang kesemua ahlinya memperolehi kehidupan yang mulia. Ini bermakna mutu kehidupan yang memuaskan, makanan yang mencukupi, rumah yang sesuai untuk perlindungan mereka. Kesemua ini merupakan keperluan asasi manusia yang menjadi hak setiap individu.

Moral secara kolektif tidak boleh dikatakan wujud sekiranya masih terdapat kehidupan yang melarat sedangkan kegiatan-kegiatan mewah yang membazir berterusan.

Di kebanyakan kampung-kampung kita, lebih 40% kanak-kanak mengalami kekurangan zat makanan. Dalam pada itu, ramai di kalangan golongan atasan dan pertengahan yang mengalami masalah kegemukan dan lebihan berat badan. Banyak makanan dibazirkan dalam majlis-majlis makan tengah hari dan jamuan-jamuan besar yang menelan kos beribu-ribu ringgit.

Kita sering membaca tentang penderitaan yang dihadapi

oleh keluarga-keluarga setingan setelah jentolak merobohkan rumah mereka. Tetapi di pihak lain pula, terdapat golongan yang memiliki beberapa buah rumah besar masih terus 'mengumpul' rumah-rumah ini sebagai hobi dan sebagai 'pelaburan'.

Di kawasan-kawasan miskin, penduduknya tinggal dalam keadaan yang sungguh menyedihkan — rumah-rumah yang hampir roboh, bumbung-bumbung bocor, tandas yang dipenuhi najis, tiada bekalan air paip dan keadaan bilik yang bersedak.

Tetapi bagi golongan kaya, siling rumah dihiasi dengan lampu-lampu perhiasan yang menarik, lantai ditutupi dengan marmar Itali, makan malam di hotel-hotel mewah, bercuti ke luar negeri dan mempunyai akaun rahsia di bank Swiss.

Apabila perbezaan yang begitu ketara antara kemiskinan dan kemewahan wujud, kita tidak mungkin dapat berpuas hati dengan kebersihan jiwa kita atau moral peribadi kita yang hebat.

Seseorang yang benar-benar bermoral, tidak hanya berjuang untuk kepentingan peribadi. Ia juga ingin melibatkan diri dalam perjuangan untuk mencapai moral secara kolektif.

Seseorang yang hanya memberi perhatian untuk kepentingan dirinya sendiri dengan menutup mata terhadap masalah-masalah sosial di sekitarnya, tidak boleh dianggap sebagai seorang yang bermoral sejati.

Di pihak lain pula, seseorang yang sering bercakap mengenai isu-isu sosial mestilah juga mempunyai moral yang baik di dalam hidupnya. Jika tidak, apa yang dikatakannya mengenai keadilan sosial, pembasmian kemiskinan dan sebagainya itu akan hanya tinggal sebagai omong-omong kosong.

Sebagai contohnya, seorang ahli politik yang menentang rasuah dalam setiap ucapannya tetapi dengan sendirinya menerima sogokan pasti tidak akan mendapat kepercayaan.

Dan pemimpin-pemimpin yang mengatakan kemiskinan mesti dibanteras tetapi tidak melaksanakan polisi-polisi anti-kemiskinan, juga tidak akan dihormati atau dipercayai dalam jangka masa panjang.

Justeru itu, moral mempunyai dua aspek — peribadi dan

sosial.

Jika kita benar-benar mengambil berat terhadap orang lain, kita akan berjuang untuk berbaik dengan orang lain menerusi sikap peribadi kita, dan berjuang untuk mengubah masyarakat agar setiap individu akan mendapat keadilan sosial.

Dengan itu kemiskinan, berbagai kekurangan yang amat penting dan ketidakadilan dapat dibanteras.

Moral peribadi dan secara kolektif mesti bergerak seiringan. Saya percaya kita tidak akan berjaya jika kita hanya memiliki satu darinya. Kita perlukan kedua-duanya sekali. — *Julai 1984*



DI MANAKAH NIKMAT HIDUP SEKARANG INI?

DALAM DUNIA MODEN yang berlumba-lumba ini, apakah manusia telah melupai nikmat-nikmat yang memberikan pengertian hidup yang sebenar?

Sebelum masyarakat kita mengenal televisyen, mereka menghabiskan masa seharian berbual-bual, ketawa dan menceritakan pengalaman masing-masing antara satu dengan lain.

Begitu juga dengan kanak-kanak yang menghabiskan masa bermain dengan rakan-rakan pada siang harinya dan ibu bapa pula akan menumpukan masa yang banyak untuk bercakap-cakap dan bermain dengan mereka pada malamnya.

Tetapi hari ini, kanak-kanak dan para ibu bapa seperti terpisah antara satu dengan lain akibat televisyen. Mereka menghabiskan masa menyaksikan cerita kekuatan Hulk yang terbaru, skandal Dallas dan peristiwa tembak menembak dalam filem-filem koboi dan jenayah.

Seorang profesor psikologi di Universiti Malaya baru-baru ini menyatakan bahawa para ibu bapa hari ini kurang men-

umpukan masa mereka bersama dengan anak-anak. Hakikat ini adalah nyata. Sesetengah ibu bapa lebih suka menghabiskan masa dengan berjudi atau menghadiri majlis-majlis makan malam dan sebagainya daripada bermain-main dengan anak-anak dan mendidik mereka.

Malaysia mempunyai banyak yang kaya dengan keindahan semulajadi. Tetapi hari ini manusia lebih suka menonton wayang, ke coffee house dan bagi orang-orang muda pula lebih gemar ke disko daripada menikmati keindahan semulajadi, mendaki bukit, bersiar-siar di pantai atau melihat kecantikan bunga-bunga yang berkembang.

Untuk mendapatkan sebuah kereta besar, pakaian-pakaian dari fesyen yang terbaru, kaca mata kristal dan permaidani-permaidani yang mahal, manusia terpaksa mengabdikan diri dalam pejabat dan kilang-kilang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih.

Salah satu motif dalam kehidupan yang memaksa manusia berkeliaran mencari wang dan kenaikan pangkat (walaupun dengan maksud menikam kawan dari belakang) ialah mendapatkan harta benda yang mewah dan hiburan yang mahal.

Sikap ini bermula dari kanak-kanak yang ada sekarang. Mereka diminta membaca terlalu banyak buku dan nota-nota, menghabiskan masa berjam-jam di kelas-kelas tambahan dan terpaksa lulus dalam banyak peperiksaan, sehingga ramai antara mereka yang tidak tahu kepedihan dan kemanisan hidup dalam dunia kanak-kanak.

Apakah kita sedang menyediakan mereka untuk menjadi insan yang mampu menyerap ke dalam otak masalah ilmu hisab yang paling abstrak dan mengenenepikan soal-soal kehidupan yang nyata, nilai kemanusiaan, perasaan, roh dan lain-lain perkara yang melibatkan masyarakat?

Hanya jika masyarakat kita meletakkan nilai-nilai yang lebih kepada perkara-perkara yang paling baik dalam hidup iaitu kebebasan persahabatan, hubungan perasaan antara seorang dengan seorang yang lain, menikmati keindahan semulajadi, menilai buku bacaan yang baik dan sastera...

Maka dengan cara itu sajalah kita tidak akan menjadi terlalu terpengaruh dengan benda-benda mewah yang selama ini menjadi motif penghidupan sebilangan besar manusia — bangunan besar, video-kaset, kereta, berus gigi elektrik dan sebagainya.

Dengan itu dapatlah kita memelihara sumber-sumber dunia untuk digunakan bagi memuaskan kehendak ramai, bukannya memenuhi selera segelintir golongan atasan sahaja. — *November 1980*



ISIKAN MASA LAPANG DENGAN KERJA² BERFAEDAH!

SEMUA MANUSIA CUBA mencari sesuatu kepuasan dalam hidup agar lebih menikmati kegembiraan dan menjadikan diri lebih sempurna sebagai seorang insan.

Malangnya ramai di antara kita yang merasa hidup ini amat membosankan ketika waktu bekerja. Bagi mereka yang bekerja membanting tulang untuk mencari nafkah atau bekerja dengan mengeluarkan banyak tenaga, akan merasakan pekerjaan yang mereka lakukan kian memisahkan mereka dari dunia luar.

Itulah sebabnya mengapa ramai orang ternanti-nanti waktu untuk pulang sebaik saja habis kerja atau bila menjelang hujung minggu ataupun cuti am yang lain. Hanya pada hari-hari tersebut sahaja kita dapat menghabiskan masa dengan keluarga, rakan taulan dan orang-orang yang kita sayangi, sama ada untuk melakukan aktiviti-aktiviti kegemaran kita atau untuk menikmati lain-lain hal.

Oleh kerana pekerjaan yang dilakukan setiap hari tidak mendatangkan kepuasan, maka cara kita menghabiskan masa lapang menjadi suatu yang penting. Ia menentukan sama ada kehidupan kita menjadi lebih bermakna dan kreatif ataupun

sebaliknya menjadi kian sempit dan tidak bererti.

Di masa lalu, kebanyakan orang akan menghabiskan masa lapang dengan anak-anak sama ada pergi berkelah atau mengunjungi saudara-mara. Dengan itu terdapatlah tajuk-tajuk perbualan yang berbagai sesama saudara malah kadangkala isu yang diperkatakan bertukar menjadi satu perbincangan yang hangat.

Sesetengah orang pula akan mengecap keseronokan dengan kegemaran masing-masing; misalnya bersiar-siar di kawasan desa, mendaki bukit, mengail ikan ataupun berenang di sungai. Tidak kurang ada juga yang mempunyai kegemaran mengumpul setem, mempelajari dan mencuba resipi-resipi baru, membaca buku-buku yang menarik mahupun menjahit pakaian baru dengan fesyen yang direka sendiri.

Dengan mempunyai kegemaran-kegemaran sebegini, masa lapang yang dihabiskan itu mendekatkan lagi manusia kepada alam sekitar, membentuk ikatan yang sihat antara sesebuah keluarga dan dengan masyarakat, memperdalamkan pengetahuan tentang erti kemanusiaan dan dunia, serta menonjolkan kreativiti dan perasaan seseorang manusia.

Ada juga manusia yang suka menghabiskan masa lapang mereka di masjid-masjid dan surau-sarau dengan beramal ibadat untuk mendapat ketenangan jiwa dan menghabiskan sisa-sisa hidup mereka dengan amalan yang mulia ini.

Tetapi kini, masa lapang kita nampaknya lebih banyak dihabiskan untuk aktiviti-aktiviti baru yang kurang berfaedah. Ramai yang lebih suka menonton TV atau video di sebelah malam; ibu bapa kian jarang berbicara dengan anak-anak; kanak-kanak pula tidak lagi bermain sesama sendiri—semuanya menghadap kaca TV untuk mencari kepuasan diri.

Baik di bandar mahupun di kampung seluruh Malaysia, ramai yang sudah kurang mengunjungi rumah saudara-mara atau sahabat handai semata-mata untuk duduk di rumah sambil menonton rancangan TV yang disukai. Ramai yang lebih berminat tentang apa yang akan berlaku dalam siri TV kesukaan mereka daripada mengambil berat tentang keadaan saudara



mereka atau menjalin hubungan yang lebih erat dengan jiran tetangga.

Anak-anak muda sekarang juga lebih banyak menghabiskan masa menonton sesuatu acara sukan yang disiarkan di kaca TV daripada bermain bersama rakan-rakan sebaya. Anak-anak kecil pula yang sepatutnya bermain layang-layang, gasing, sorok-sorok atau mandi di sungai kini lebih banyak menonton rancangan-rancangan kartun di TV seperti *Thunderbirds* atau *Mask*.

Jika mereka tidak menonton TV atau video, ramai yang akan menghabiskan masa dengan menikmati 'keseronokan buat seketika'. Masyarakat sekarang lebih bersifat komersial akibat pengaruh buruk iklan yang mempengaruhi mereka (terutama golongan muda) menikmati keseronokan buat beberapa ketika, sensasi jangka pendek yang baru dan berlagak mengikut peredaran masa.

Anak-anak muda membuang masa selama berjam-jam pada waktu malam dan hujung minggu dengan merayau-rayau di kompleks membeli-belah seperti Dayabumi dan Komtar ataupun ke disko di mana fikiran dan tubuh akan mengecap kepuasan apabila mendengar bunyi muzik yang memekakkan telinga dan dikelilingi oleh lampu berwarna-warni yang menambahkan keseronokan dan meriangkan suasana.

Ada juga golongan yang suka menghabiskan masa di sebelah malam dengan mengunjungi pusat permainan Snooker dan kelab-kelab sosial di mana berjudi di mesin slot membawa keuntungan sebenar kepada tuan punya kelab tersebut. Sekali lagi, pengusaha berusaha menarik minat pelanggan untuk bergembira buat seketika tetapi peluang untuk menang amat tipis. Angan-angan pelanggan untuk menjadi kaya diperalatkan oleh pengusaha melalui judi lumba kuda, pembelian dan penjualan saham di pasaran saham, judi empat nombor ekor dan tiket Toto.

Aneh bukan, di masa kita cuba untuk mendapatkan kesesuaian dan berusaha menjimatkan masa dalam banyak cara dengan turut mengorbankan keadaan kesihatan diri, kita telah menggunakan masa yang dijamin itu untuk melakukan perkara-perkara yang tidak benar-benar menggembirakan.

Misalnya seni memasak masakan tempatan yang kreatif telah digantikan dengan makanan segera yang mudah dibeli sungguhpun kadangkala tidak berkhasiat. Kita cuba 'menjimatkan masa' dengan meminum kordial atau sirap oren tiruan (yang mempunyai pewarna beracun) daripada membuat sendiri jus asli daripada buahan segar. Ibu bapa memakaikan bayi mereka dengan lampin guna-buang yang boleh mengancam kesihatan bayi mereka dengan alasan untuk menjimatkan masa dan tidak perlu lagi terlalu kerap menukar lampin atau mencucinya...

Amalan menghabiskan masa lapang dengan cara yang tidak sihat ini perlu diubah. Media massa dan sistem pendidikan kita perlu membentuk bagaimana hendak mengisi masa lapang dengan cara yang lebih bermakna, bagaimana mengeratkan persahabatan, menambahkan pengetahuan, melakukan aktiviti-aktiviti luar rumah yang bermanfaat dan menggalakkan seni yang kreatif.

Rasa cinta terhadap pengetahuan baru dan tabiat membaca perlu disemai melalui sistem pendidikan yang lebih kreatif; dari sini para pelajar diajar bersikap terbuka dan kritikal serta mendapat tunjuk ajar tentang cara-cara menonjolkan kebenaran.

Dengan cara begini, apabila mereka meninggalkan bangku sekolah, keinginan untuk mencari ilmu pengetahuan dan minat untuk membaca buku-buku akan terus mengiringi mereka sepanjang hidup.

Sekolah juga perlu memainkan peranan dalam menggalakkan kanak-kanak mengembangkan bakat mereka ke arah seni yang kreatif seperti mencintai seni muzik, nyanyian, drama, puisi, lukisan dan tarian. Peluang untuk meneruskan aktiviti-aktiviti ini selepas tamat sekolah perlu dibentuk melalui kelab-kelab yang dianjurkan di peringkat masyarakat.

Para perancang bandar dan luar bandar kita perlu memperuntukkan lebih banyak kawasan tanah dan sumber untuk mewujudkan taman, pantai, kolam renang, taman permainan dan pusat rekreasi agar semua orang berpeluang menikmati aktiviti fizikal yang sihat.

Pihak berkuasa juga perlu memajukan jalan atau lorong di kawasan bukit dan di desa serta menyediakan peta yang mudah untuk membolehkan segenap lapisan masyarakat mendaki bukit atau bersiar-siar sambil menikmati pemandangan indah di sekitar negara.

Media di negara kita juga perlu mengalami sedikit sebanyak perubahan agar filem-filem yang menonjolkan keganasan digantikan dengan rancangan-rancangan yang boleh menyemai rasa sayang sesama manusia serta nilai-nilai kemanusiaan yang sejati.

Galakan terhadap tabiat buruk seperti berjudi, menagih arak, merokok dan merayau-rayau di bandar dan kompleks membeli-belah perlu ditegah. Sebaliknya pelbagai minat yang boleh menambahkan pengetahuan atau menjadikan masyarakat lebih berdikari (misalnya menjahit pakaian sendiri, bertukang, berkebun dan sebagainya) perlu digalakkan melalui kewujudan kelas-kelas untuk pelajar dan orang dewasa.

Apabila kita kembali kepada seni-seni lama umpamanya menjalankan perbualan mesra dengan keluarga dan rakan; menjalankan aktiviti luar rumah yang sihat seperti berenang dan mendaki bukit; membaca buku-buku yang bermanfaat, bersu-

kan, menyanyi atau menari; menanam sendiri sayuran atau buahan di halaman rumah; menikmati hidangan bersama keluarga dengan masakan yang dimasak sendiri, maka barulah masa lapang kita telah diisi dengan sebaiknya.

Dengan cara begini, anda akan merasai perbezaan antara masa lapang yang tidak membawa sebarang erti dengan masa lapang yang penuh menggembirakan. Inilah kehidupan sejati yang dicari-cari oleh manusia! — *Ogos 1988*



MENOLEH KEMBALI KE MASA SILAM

KEPUPUSAN YANG BEGITU cepat kepelbagaian budaya tempatan kita yang kaya, teknologi, kemahiran dan pengetahuan amatlah membahayakan tetapi masih tidak disedari oleh majoriti rakyat Malaysia. Kita menjalani hidup seolah-olah tanpa mempunyai warisan, kekayaan dan kebanggaan terhadap sistem dan kepelbagaian budaya asli kita.

Dalam usaha kita untuk mengejar pemodenan dengan begitu cepat dan juga akibat penjajahan, kita kehilangan bahagian utama dan paling penting dari identiti, keyakinan, kemuliaan dan cara penyelesaian masalah kita.

Hampir dalam semua bidang, pengaruh luar (terutama dari Barat) telah menyumbang kepada pengenalan amalan yang asing dan menguasai cara hidup kita.

Sebagai contoh struktur undang-undang dan politik didedahkan kepada bentuk organisasi tradisional yang tertakluk kepada kepentingan luar.

Organisasi ekonomi dan sosial dari kehidupan kita di bandar dan di luar bandar disalurkan untuk memenuhi keperluan faktor luaran.

Bersama dengan sistem pendidikan yang digerakkan ke

arah memenuhi keperluan struktur ini, proses ini mempunyai kesan yang besar dalam merubah sistem nilai dan corak pemikiran. Ia telah menghalang rakyat Malaysia mengawal hidup mereka dalam keadaan yang lebih bermakna.

Sistem undang-undang yang diimport telah mengeneipkan undang-undang adat dan menggugat hubungan sesama manusia, ekonomi dan sosial dengan serius.

Hubungan ekonomi antara komuniti dan dengan dunia luar pada umumnya berdasarkan motif keuntungan dan dengan itu telah merosakkan kesatuan dan perhubungan sosial.

Pendidikan juga dipinjam secara meluas dari model asing, oleh itu membantu penghasilan semula model ini dalam cara yang berbeza sama sekali dengan pendidikan tradisional.

Pemodenan berdasarkan teknologi dan sains Barat telah menenggelamkan warisan teknologi dan sains tempatan yang kaya, sebagai contoh dalam bidang perumahan, perubatan dan farmakologi, seni dan pertukangan serta pertanian.

Tuntutan terhadap pendekatan ini tidak dipedulikan dan memusnahkan penggunaan pengetahuan sensitif dan maklumat lanjut dari manusia mengenai alam sekitar yang didiami oleh mereka.

Serangan institusi Barat, ideologi dan amalannya telah menyebabkan kelumpuhan yang serius pada pemikiran rakyat Malaysia yang kemudiannya melihat ke Barat untuk mencari penyelesaian tetapi tidak melihat kepada akar umbi kita sendiri bagi menyelesaikan masalah semasa.

Akibatnya pengetahuan, budaya dan institusi tradisional kita disingkirkan begitu sahaja dan dianggap ketinggalan zaman malah dikatakan primitif tanpa sebarang pertimbangan, dokumentasi serta kajian yang serius terhadap tradisi kita sendiri.

Ini menimbulkan masalah kehilangan tradisi kita yang kaya dan pelbagai itu serta kehilangan keyakinan dalam diri kita sendiri.

Oleh itu kita perlu mengembalikan keyakinan diri dan kebanggaan terhadap sistem tradisi kita yang kian lenyap ini.

Pertandingan pameran antara sekolah adalah bertujuan

untuk mencungkil dan menempatkan kembali serta memberikan pengiktirafan kepada warisan asli kita.

Satu keperluan yang amat besar bagi belia-belia kita untuk menghargai dan bangga dengan kekayaan dan nilai sistem dan pengetahuan warisan kita.

Sebenarnya tradisi asli ini merupakan benih harapan bagi model pembangunan alternatif.

Menyedari akan keadaan ini, CAP membuat beberapa usaha supaya kerajaan memberikan perhatian yang serius untuk menempatkan kembali, mengkaji dan mengumpulkan warisan kita sebelum ia lenyap sama sekali atas nama pembangunan.

Pada 1981, kami menganjurkan seminar yang bertemakan 'Teknologi, Budaya dan Gaya Hidup yang sesuai dalam Pembangunan'.

Kami juga dengan aktif menggalakkan pembinaan rumah Melayu kerana ia paling sesuai dalam memenuhi keperluan perumahan rakyat Malaysia dan juga menggesa supaya kaedah perikanan tradisional digunakan dalam usaha menyelamatkan sumber ikan kita.

Kami juga menggesa Menteri Pendidikan supaya memasukkan subjek pengajian asli dalam kurikulum pendidikan.

Kami mengharapkan agar warisan kita dapat dikekalkan sebelum kita kehilangannya dan menjadi manusia 'moden-Barat' tanpa sebarang keyakinan terhadap warisan kita sendiri.

Artikel ini adalah berdasarkan ucapan Presiden CAP di majlis perasmian Pameran Warisan Malaysia antara sekolah-sekolah pada 26 Mei 1990 di Pulau Pinang. — *Julai 1990*